

MALAYSIA

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

1971-1975

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA, 1971-1975

PUSTAKA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK
TARIKH PENERIMAAN
PTR : 18/11/82
MALAYSIA

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA 1971-1975

DI-CETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1971

Access No: 114/82
Class. No:

KATA PENDAHULUAN

Kita sedang memasoki satu zaman pembangunan yang baharu, penoh dengan keazaman bagi menghadapi chabaran[2] masa ini dan mewujudkan sa-buah negara Malaysia yang tegoh dan bersatu padu dalam keadaan yang sentiasa maju dan mewah. Satu chara pembangunan baharu yang mencherminkan keazaman ini dan dasar[2] dan ranchangan[2] yang meliputi-nya, ada-lah terkandong dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

Ranchangan ini ada-lah hasil dari satu kajian yang mendalam di-buat dalam dua tahun yang lalu, berdasarkan kapada alasan[2] pokok dan keutamaan[2] pembangunan. Matlamat[2], keutamaan[2] dan strateji[2] Ranchangan tersebut ada-lah di-bentok selaras dengan tujuan besar untok memupok perpaduan negara. Apa yang kita dapati sekarang ia-lah satu ranchangan yang tegas dan meninjau ka-hadapan untok mengendali soal[2] ekonomi dan masharakat yang di-hadapi oleh negara—satu Ranchangan yang berdasarkan kapada beberapa ketegohan dan kejayaan usaha pembangunan Malaysia, yang di-gubal untok membetulkan kemundoran yang di-dapati dan sama sekali sedia menampong perubahan keperluan[2] dan keadaan[2].

Ranchangan ini ia-lah satu panduan berasaskan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan. Ia-nya mengandongi dua matlamat untok membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun sa-mula masharakat Malaysia dengan tujuan mengurangkan dan lama kelamaan menghapuskan sama sekali persamaan kaum dengan fungsi[2] ekonomi. Untok menchapai matlamat ini, Ranchangan tersebut mengandongi beberapa strateji baharu, keutamaan[2] dan ranchangan[2]. Khusus-nya, Kerajaan akan mengambil peranan yang bertambah aktif dan dengan sechara langsong dalam bidang perusahaan dan perdagangan, supaya memberi sumbangan yang berma'ana bagi menjayakan matlamat[2] ekonomi dan masharakat.

Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah satu ranchangan pembangunan yang terbesar dan yang penoh dengan keazaman pernah di-jalankan di-negeri ini. Dari segi kerja[2] yang harus di-lakukan dan juga tenaga manusia dan puncha[2] kewangan yang mustahak di-adakan, ia-nya memastikan usaha[2] yang lebeh besar daripada dahulu. Dalam usaha[2] ini, ada beberapa peranan penting yang mesti di-jalankan oleh badan[2] awam, pehak swasta dan juga oleh tiap[2] orang perseorangan dari semua gulongan dan peringkat.

Bagi pehak Kerajaan, ia akan memainkan peranan yang penting untok menentukan bahawa usaha² yang perlu akan di-ujudkan. Ia-nya dengan bersunggoh² dan sedaya upaya akan memupokkan perpaduan negara dan membangunkan sa-buah masharakat Malaysia yang adil dan progresif di-dalam keadaan ekonomi yang berkembangan supaya tidak sa-orang pun akan mengalami apa² kerugian atau merasaï bahawa hak asasi, keistimewaan², pendapatan, pekerjaan dan peluang²-nya di-ambil dari milek-nya. Pehak swasta juga di-minta memikul tanggong-jawab mereka buat memenohi tujuan² negara ini.

Segala ra'ayat dari semua kaum dan gulongan² masharakat hendak-lah menganggapkan Ranchangan Malaysia Kedua ini sebagai satu peluang yang besar untok bersama² menyertaï dalam proses perubahan masharakat dan pembentokan satu negara. Ini-lah masa-nya yang sangat penting bagi tiap² ra'ayat, samaada mereka itu ahli politik, kakitangan Kerajaan, petani, majikan, pekerja, ahli kesatuan buroh atau pun wartawan, bekerjasama dengan lebeh lagi dari masa² yang lalu untok menentukan kesejahteraan dan kemajuan masharakat dan negara seluroh-nya. Kerajaan berazam supaya Ranchangan ini berjaya dan pada akhir kata, ia-nya akan berjaya hanya dengan ada-nya sokongan dan sambutan yang kuat dan patoh dari ra'ayat jelata.

Untok menchapai matlamat perpaduan negara keselurohan-nya, Malaysia berkehendakkan bukan hanya setakat kadar perkembangan ekonomi yang tinggi. Dalam usaha menumpukan tenaga bagi menchapai pembangunan ekonomi yang chepat, kita terpaksa sama sekali menentukan ada-nya keadaan masharakat yang adil, pembahagian pendapatan yang saksama dan peluang² bekerja yang bertambah.

Kerajaan sedar akan masaalah² rumit yang di-hadapi untok menchapai matlamat² ini. Ada-lah di-sedari bahawa masaalah² tersebut tidak akan dapat di-selesaikan dengan sepenoh-nya dalam masa satu Ranchangan lima tahun sahaja. Ranchangan Malaysia Kedua hanya merupakan satu peringkat penting dalam ranchangan yang panjang untok menchapai penukaran rangka masharakat dari segi pengeluaran dan pembahagian yang akan membawa kapada pembahagian pendapatan dan harta yang lebeh saksama, pembangunan daerah yang sa-imbang, peluang² bekerja yang bertambah dan keadaan ekonomi yang stabil. Ranchangan ini juga bertujuan untok mewujudkan satu masharakat Melayu dan bumiputra² yang lain dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang maju dan dinamis, dan dengan itu menaja satu gulongan ra'ayat Malaysia yang baharu, hidup dan bekerja dengan bersatu padu untok berkhidmat kapada negara dengan tidak berbelah bahagi.

Ranchangan ini mesti di-jayakan kerana ini amat-lah penting kapada usaha mengekalkan sa-buah negara yang progresif, aman dan bersatu padu. Ini-lah satu chabaran yang kita mesti hadapi, satu peluang yang kita mesti rasaï, dan satu tanggong-jawab yang kita mesti pikul bersama. Ia-nya memerlukan dari kita semua satu usaha yang penoh keazaman, semangat yang jujor, berdisiplin, pengorbanan dan berdikari untok menjayakan matlamat tersebut. Ada-lah tanggong-jawab kita semua supaya memahami tujuan[2], dasar[2] dan ranchangan[2] dalam Ranchangan ini supaya kita dapat bersama[2] menjalankan peranan masing[2] dari segi perlaksanaan dan menentukan kejayaan Ranchangan ini.

Semasa membentangkan Ranchangan ini kapada Parlimen untok mendapat persetujuan dan penerimaan ra'ayat dan negara, saya suka menguchapkan penghargaan yang tinggi atas segala kerja[2] yang baik yang telah di-jalankan oleh semua pehak dalam masa menggubal Ranchangan ini. Khusus-nya, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli[2] Juma'ah Menteri saya, Pengerusi dan ahli[2] Jawatankuasa Peranchang Pembangunan Negara dan pegawai[2] di-peringkat Persekutuan dan Negeri serta pegawai[2] badan[2] berkanun. Wakil[2] dari parti politik dan profesional yang bertugas di-dalam Majlis Perundingan Negara serta pehak swasta, termasok juga penasehat[2] dan Rombongan Ekonomi Bank Dunia, yang telah memberi pandangan[2] yang membena dan chadangan[2] dan juga bantuan[2] yang sangat di-hargaï dalam penyediaan Ranchangan ini.

(TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN),
Perdana Menteri, Malaysia

KUALA LUMPUR,
25hb Jun, 1971.

KANDONGAN

	Cheraian	*Muka*
KATA PENDAHULUAN		v
Bahagian Pertama: TUJUAN² DAN STRATEJI		
BAB I.—STRATEJI PEMBANGUNAN BAHARU		
I.—PENDAHULUAN	1-7 ..	1-3
II.—PERPADUAN NEGARA DAN DASAR EKONOMI BAHARU ..	8-12 ..	3-4
III.—KANDONGAN DASAR EKONOMI BAHARU	13-20 ..	4-7
IV.—PEMODENAN DAN PERKEMBANGAN	21-24 ..	7-8
V.—PERANAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA	25-34 ..	8-10
VI.—TINJAUAN JANGKA PANJANG	35 ..	10
BAB II.—KEMAJUAN² MASA LEPAS		
I.—PENDAHULUAN	36 ..	11
II.—PEMBANGUNAN DALAM TAHUN² ENAM-PULOHAN ..	37-63 ..	11-19
III.—MASAALAH² YANG BELUM DI-ATASI	64-71 ..	19-21
IV.—KENAIKAN KELUARAN DAN PENDAPATAN, 1966–70 ..	72-75 ..	21-22
V.—PUNCHA² PERKEMBANGAN	76-106 ..	22-36
VI.—PEMBIAYAAN PERKEMBANGAN EKONOMI	107-113 ..	36-40
BAB III.—PERIMBANGAN EKONOMI		
I.—PENDAHULUAN	114 ..	41
II.—KEADAAN SEKARANG	115-132 ..	41-47
III.—TUJUAN MENGIMBANGKAN EKONOMI	133-139 ..	47-49
IV.—STRATEJI UNTOK MENCHAPAI EKONOMI YANG SA-IMBANG	140-156 ..	49-56
BAB IV.—RANGKA RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA		
I.—PENDAHULUAN	157-158 ..	57
II.—MATLAMAT GUNATENAGA	159-163 ..	57-59
III.—MATLAMAT PERKEMBANGAN	164-166 ..	59-60
IV.—RAMALAN² EKSPOT	167-172 ..	60-64

	Cheraian	*Muka*
V.—MATLAMAT² PELABORAN	173-178 ..	64-67
VI.—ALIRAN² DALAM SEKTOR² UTAMA	179-183 ..	67-68
VII.—TAMBAHAN PENGGUNAAN DAN TABONGAN	184-187 ..	68-70
VIII.—PROSPEK² IMBANGAN PEMBAYARAN	188-194 ..	70-74
BAB V.—RANCHANGAN SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN-NYA		
I.—PENDAHULUAN	195-198 ..	75-76
II.—JUMLAH RANCHANGAN PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM	199-200 ..	76
III.—RANCHANGAN² SEKTOR	201-215 ..	76-85
IV.—MASAALAH PEMBIAYAAN	216-221 ..	85-86
V.—MEMBIAYAI RANCHANGAN² SEKTOR AWAM	222-243 ..	86-92
BAB VI.—PERANAN SEKTOR SWASTA		
I.—PENDAHULUAN	244-246 ..	93
II.—KEGIATAN SEKTOR SWASTA DALAM TAHUN² ENAM-PULOHAN	247-249 ..	94-97
III.—PELABORAN SWASTA DALAM RANCHANGAN MALAY-SIA KEDUA	250-261 ..	97-101
IV.—MEMBIAYAI PELABORAN SWASTA	262-272 ..	101-104
V.—DASAR² PELABORAN SWASTA	273-275 ..	104-106
BAB VII.—PEKERJAAN DAN KEMAJUAN TENAGA RA'AYAT		
I.—PENDAHULUAN	276-277 ..	107
II.—KEADAAN TENAGA RA'AYAT SEKARANG	278-294 ..	107-113
III.—TUJUAN² TENAGA RA'AYAT DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	295-297 ..	113-114
IV.—STRATEJI GUNATENAGA	298-314 ..	114-121
V.—MATLAMAT GUNATENAGA	315-318 ..	121-123
VI.—PROSPEK JANGKA PANJANG	319-322 ..	123-124
BAB VIII.—PENTADBIRAN BAGI PERANCHA-NGAN DAN PERLAKSANAAN		
I.—PENDAHULUAN	323-325 ..	125-126
II.—ORGANISASI PERANCHANGAN	326-336 ..	126-129
III.—KEUPAYAAN MELAKSANAKAN RANCHANGAN ..	337-344 ..	129-131
IV.—PEHAK SWASTA, RA'AYAT DAN PEMBANGUNAN ..	345-351 ..	131-133

Bahagian Kedua: RANCHANGAN PEMBANGUNAN SEKTOR²

	Cheraian		*Muka*
BAB IX.—PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN			
I.—PENDAHULUAN	352	..	134
II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70	353-396	..	134-147
III.—TUJUAN² DAN MATLAMAT² SEKTOR PERTANIAN ..	397-401	..	148-149
IV.—RANCHANGAN²	402-452	..	149-162
V.—PERUNTOKAN BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN ..	453-454	..	162-164
BAB X.—PERUSAHAAN PEMBUATAN			
I.—PENDAHULUAN	455	..	165
II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN	456-468	..	165-170
III.—TUJUAN² DAN MATLAMAT² DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	469-481	..	170-174
IV.—DASAR² DAN LANGKAH² BAGI MENCHAPAI TUJUAN² RANCHANGAN	482-495	..	174-178
V.—PEMBENTOKAN MASHARAKAT MELAYU DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN	496-508	..	178-182
BAB XI.—PERDAGANGAN, PELANCHONGAN, PERLOMBONGAN DAN PEMBENAAN			
I.—PENDAHULUAN	509-511	..	183
II.—PERDAGANGAN	512-518	..	184-186
III.—PELANCHONGAN	519-532	..	187-190
IV.—PERLOMBONGAN	533-551	..	190-195
V.—PEMBENAAN	552-563	..	196-199
VI.—PERUNTOKAN SEKTOR AWAM UNTOK KEMAJUAN PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN	564-565	..	199-203
BAB XII.—PENGANGKUTAN DAN PERHUBONGAN			
I.—PENDAHULUAN	566	..	204
II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70	567-590	..	204-213
III.—RANCHANGAN² PEMBANGUNAN DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	591-633	..	213-229
IV.—PERANCHANGAN DAN PENYELARASAN PENGANGKUTAN	634-636	..	229-230
V.—DASAR² PENGANGKUTAN YANG UTAMA	637-641	..	230-231
VI.—PEMBIAYAAN RANCHANGAN² PENGANGKUTAN DAN PERHUBONGAN	642	..	231-232

	Cheraian	*Muka*
BAB XIII.—KEMUDAHAN² KUASA LETRIK DAN BEKALAN AYER		
I.—PENDAHULUAN	643-644 ..	233
II.—KUASA LETRIK: KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70	645-654 ..	234-237
III.—RANCHANGAN² KUASA LETRIK DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	655-669 ..	237-240
IV.—PEMBIAYAAN RANCHANGAN KUASA LETRIK	670-672 ..	240-241
V.—SUSUNAN TARIF	673-676 ..	242-243
VI.—BEKALAN AYER: KAJIAN SA-MULA, 1966-70	677-685 ..	243-246
VII.—RANCHANGAN² BEKALAN AYER DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	686-694 ..	246-248
VIII.—PEMBIAYAAN RANCHANGAN PEMBEKALAN AYER ..	695-698 ..	248-249
BAB XIV.—PELAJARAN DAN LATEHAN		
I.—PENDAHULUAN	699-702 ..	250
II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70	703-731 ..	251-259
III.—RANCHANGAN² DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	732-774 ..	260-271
BAB XV.—KESIHATAN DAN PERANCHANG KELUARGA		
I.—PENDAHULUAN	775-777 ..	272-273
II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70	778-793 ..	273-277
III.—RANCHANGAN² PERUBATAN DAN KESIHATAN DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	794-813 ..	278-283
IV.—PERANCHANG KELUARGA	814-818 ..	283-284
V.—PERANCHANGAN DAN PENYELIDEKAN	819 ..	284
VI.—PERUNTOKAN BAGI KESIHATAN DAN PERANCHANG KELUARGA	820 ..	284-285
BAB XVI.—PERKHIDMATAN² KEBAJIKAN DAN MASHARAKAT		
I.—PENDAHULUAN	812-824 ..	286-287
II.—PERUMAHAN	825-832 ..	287-289
III.—KEMAJUAN BANDAR	833-835 ..	289-290
IV.—RANCHANGAN² SALORAN NAJIS	836 ..	290
V.—KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN	837-839 ..	291
VI.—PROJEK² PARIT DI-KAWASAN BANDAR	840 ..	291
VII.—PERKHIDMATAN² BOMBA	841 ..	292
VIII.—PERKHIDMATAN KEBAJIKAN MASHARAKAT	843 ..	292
IX.—ORANG ASLI	844 ..	292
X.—PERKHIDMATAN² MASHARAKAT YANG LAIN	845-847 ..	293
BAB XVII.—PENTADBIRAN 'AM		
I.—PENDAHULUAN	848-850 ..	294
II.—RANCHANGAN² JABATAN DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA	851-866 ..	294-298

SENARAI JADUAL

			Muka
2-1	..	Perkembangan Keluaran Dan Pendapatan, 1965-70	22
2-2	..	Kejayaan Ekspot, 1965-70	26-29
2-3	..	Aliran Pelaboran, 1965-70	30
2-4	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Yang Di-Satukan, 1966-70	32-33
2-5	..	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Asal Perusahaan, Malaysia Barat: 1965-70	35
2-6	..	Perbelanjaan Dan Tabongan, 1965-70..	37
2-7	..	Imbangan Pembayaran, 1965-70	39
2-8	..	Tabongan, Pelaboran Dan Imbangan Puncha Kewangan ..	39
2-9	..	Kewangan Sektor Awam Yang Di-Satukan, 1965-70 ..	40
3-1	..	Hak Milek Saham Modal Sharikat² Berhad, Malaysia Barat, 1969	46
4-1	..	Pendudok Dan Tenaga Buroh, 1970-75	58
4-2	..	Keluaran Negara Kasar, 1970-75	60
4-3	..	Ekspot², 1970-75	62-63
4-4	..	Hubongan Perbelanjaan Pembangunan Dengan Pembentokan Modal, 1971-75	66
4-5	..	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Sektor, Malaysia Barat, 1970-75	69
4-6	..	Perbelanjaan Negara Kasar, 1970-75	71
4-7	..	Tabongan Dan Pelaboran, 1970-75	71
4-8	..	Imbangan Pembayaran, 1970-75	74
5-1	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam, 1966-75	77-80
5-2	..	Anggaran Perbelanjaan Dan Pembiayaan yang Di-Satukan Bagi Sektor Awam, 1966-75	92
6-1	..	Pelaboran Swasta, Malaysia Barat, 1960-70	95
6-2	..	Pelaboran Swasta, Malaysia Timor Dan Malaysia, 1960-70 ..	97
6-3	..	Matlamat Pelaboran Swasta, Malaysia Barat, 1971-75 ..	99
6-4	..	Matlamat² Pelaboran Swasta Mengikut Sektor, Malaysia Barat, 1971-75	100
6-5	..	Pelaboran Swasta, Malaysia Barat, 1966-75	101
6-6	..	Matlamat Pelaboran Swasta, 1971-75	101

			Muka
6-7	..	Membiayaï Pelaboran Swasta, 1971-75	104
7-1	..	Pekerjaan Mengikut Sektor, Malaysia Barat, 1965-70 ..	110
7-2	..	Tenaga Buroh, Pekerjaan Dan Penganggoran, 1965-75 ..	115
7-3	..	Bentok Pelajaran Anggota² Baharu Tenaga Buroh, Malaysia Barat, 1971-75	117
7-4	..	Anggaran Keperluan Dan Keluaran Tenaga Ra'ayat Yang Terlateh Dalam Pertanian, Malaysia Barat, 1971-75.. ..	118
7-5	..	Anggaran Keperluan Dan Keluaran Guru² Terlateh Untok Sekolah² Menengah, Malaysia Barat, 1971-75	120
7-6	..	Anggaran Kenaikan Pekerjaan, Malaysia Barat, 1970-75 ..	122
9-1	..	Perkembangan Pengeluaran Pertanian, 1965-75	136
9-2	..	Pengeluaran Dan Kemajuan Tanah Untok Pertanian, mengikut Jenis Ranchangan, 1961-70	140-141
9-3	..	Kawasan Pertanian Dan Yang Boleh Di-Majukan, 1969 ..	147
9-4	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Bagi Pembangunan Pertanian, 1966-75	163-164
10-1	..	Pengeluaran Perusahaan Pembuatan, Pekerjaan Dan Ekspot, Malaysia Barat, 1960-70	166
10-2	..	Keluaran, Pekerjaan Dan Ekspot Perusahaan Pembuatan, Malaysia Barat, 1970-75	172
11-1	..	Pengeluaran Dan Jumlah Pekerjaan Di-Bidang Perdagangan, Malaysia Barat, 1960-70	185
11-2	..	Pengeluaran Dan Jumlah Pekerjaan Dalam Perdagangan, Malaysia Barat, 1970-75	186
11-3	..	Pengeluaran Dan Pekerjaan Dalam Perlombongan, 1960-70	193
11-4	..	Pelaboran, Pengeluaran Dan Pekerjaan Di-Sektor Pembenaan, 1960-70	197
11-5	..	Pelaboran, Pengeluaran Dan Pekerjaan Di-Sektor Pembenaan, 1971-75	198
11-6	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Untok Perdagangan, Perusahaan Dan Pelanchongan, 1966-75	202-203
12-1	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Bagi Pengangkutan Dan Perhubongan, 1966-70	205-206
12-2	..	Pendaftaran Kenderaan, Malaysia Barat, 1965-70	209
12-3	..	Jumlah Penumpang Di-Lapangan² Terbang Malaysia Barat, 1965-70	210
12-4	..	Perbelanjaan Pembangunan Jalan Raya, Malaysia Barat, 1971-75	215
12-5	..	Peruntokan Pembangunan Keretapi, Malaysia Barat, 1971-75	218

			Muka
12-6	..	Peruntokan Pembangunan Penerbangan Awam, Malaysia Barat, 1971-75	219
12-7	..	Peruntokan Pembangunan Pelabohan Dan Perkhidmatan Laut, Malaysia Barat, 1971-75	221
12-8	..	Peruntokan Pembangunan Perkhidmatan Talikom, Malaysia Barat, 1971-75	222
12-9	..	Peruntokan Bagi Perkhidmatan Pos, Penyiaran Dan Perkhidmatan Kajichuacha, Malaysia Barat, 1971-75 ..	223
12-10	..	Peruntokan Pembangunan Jalan Raya, Malaysia Timor, 1971-75	225
12-11	..	Peruntokan Pembangunan Penerbangan Awam, Malaysia Timor, 1971-75	226
12-12	..	Peruntokan Pembangunan Pelabohan Dan Perkhidmatan Laut, Malaysia Timor, 1971-75	228
12-13	..	Peruntokan Pembangunan Bagi Perhubongan, Malaysia Timor, 1971-75	229
12-14	..	Peruntokan Bagi Pengangkutan Dan Perhubongan, 1971-75..	232
13-1	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Bagi Bekalan Letrik, 1966-70	234-235
13-2	..	Peruntokan Bagi Pembangunan Kuasa Letrik, 1971-75 ..	241
13-3	..	Perbelanjaan Pembangunan Awam Bagi Bekalan Ayer, 1966-70	243
13-4	..	Peruntokan Bagi Bekalan Ayer, 1971-75	249
14-1	..	Perkembangan Dalam Sistem Pelajaran, Malaysia Barat, 1965-70	251-252
14-2	..	Perbelanjaan Pembangunan Bagi Pelajaran Dan Latehan, 1966-70	259
14-3	..	Peruntokan Bagi Pelajaran Dan Latehan, 1971-75 ..	271
15-1	..	Perbelanjaan Pembangunan Untok Perubatan Dan Kesihatan, 1966-70	273
15-2	..	Nisbah Bilangan Doktor, Jururawat Dan Katil Kapada Bilangan Pendudok, 1970	277
15-3	..	Peruntokan Bagi Kesihatan Dan Peranchang Keluarga, 1971-75	285
16-1	..	Kemajuan Ranchangan Perumahan Awam, Malaysia Barat, 1956-70	288
16-2	..	Peruntokan Bagi Perkhidmatan² Kebajikan Dan Masharakat, 1971-75	293
17-1	..	Peruntokan Bagi Pentadbiran Am, Pertahanan Dan Keselamatan Dalam Negeri, 1971-75	298

BAB I

Strateji Pembangunan Baharu

I.—PENDAHULUAN

1. Perpaduan negara ada-lah matlamat yang penting sekali bagi negeri ini. Masa ini negara berada di-peringkat pembangunan ekonomi dan sosial yang mustahak bagi menitekberatkan penyatuan sosial, pembahagian pendapatan yang lebeh sa-imbang dan peluang[2] untok perpaduan dan kemajuan negara. Langkah[2] menuju kapada perpaduan negara ada-lah teras Dasar Ekonomi Baharu. Ranchangan Malaysia Kedua yang berasaskan Dasar ini di-bentok bagi memudahkan terchapai-nya matlamat negara ini. Ia menandakan satu babak baharu dalam pembangunan ekonomi dan sosial di-Malaysia dan merupakan satu peringkat yang penting dalam siri ranchangan[2] pembangunan yang di-bentok untok membasmi kemiskinan di-kalangan pendudok[2] Malaysia tanpa mengira kaum. Ranchangan ini juga bertujuan menyusun sa-mula masharakat Malaysia supaya membaiki keadaan yang tidak sa-imbang di-segi ekonomi antara kaum, dalam keadaan ekonomi yang berkembang, menuju ka-arah pembentokan satu masharakat yang dinamis dan adil.

2. Ranchangan ini mempunyaï dua langkah pembangunan yang terkandong dalam Dasar Ekonomi Baharu. Langkah pertama di-tujukan bagi mengurang dan seterus-nya membasmi kemiskinan, dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang[2] pekerjaan kapada semua ra'ayat Malaysia tanpa mengira kaum. Langkah kedua ia-lah untok memperchepatkan proses penyusunan sa-mula masharakat Malaysia bagi membaiki keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang supaya dapat mengurang dan seterus-nya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi[2] ekonomi. Proses ini melibatkan pembaharuan penghidupan luar bandar, perkembangan kegiatan[2] di-bandar yang chepat dan sa-imbang dan mewujudkan satu masharakat perniagaan dan perusahaan di-kalangan orang[2] Melayu dan kaum[2] bumiputra yang lain dalam semua jenis dan peringkat pekerjaan, supaya mereka boleh menyertaï dengan sa-penoh-nya dalam semua segi ekonomi.

3. Dasar Ekonomi Baharu ini berasaskan kapada ekonomi yang berkembang dengan pesat dan yang dapat membanyakkan peluang² untok ra'ayat Malaysia serta puncha² keluaran pembangunan. Oleh itu dalam perlaksanaan Dasar ini, Kerajaan menjamin bahawa tidak akan ujud sa-suatu kumpulan yang akan mengalami kerugian atau berasa kehilangan hak² asasi-nya.

4. Setakat ini pembangunan di-Malaysia telah berkembang dengan pesat. Kemajuan yang pesat telah di-chapai dalam semua lapangan ekonomi dengan semua wilayah memberi sumbangan kapada perkembangan keluaran negara. Perkembangan keluaran dan daya pengeluaran telah meninggikan taraf hidup pada umum-nya dan mengadakan pekerjaan yang lebeh banyak untok tenaga buroh yang sedang bertambah. Ekonomi negara telah dapat melancharkan satu ranchangan besar untok pembangunan luar bandar, perkembangan perkhidmatan kesihatan, perumahan, pelajaran serta perkhidmatan² lain dan meluaskan serta mengelokkan sistem pengangkutan, kemudahan² awam dan lain² kemudahan infrastraktur yang di-perlukan untok pembangunan. Kemajuan yang di-chapai dalam pengeluaran yang sedang berkembang dan perbagaian pengeluaran ekonomi telah memboleh-kan ekonomi negara menghadapi masaalah kejatohan harga barang² ekspot-nya yang utama dan memenohi keperluan keselamatan yang penting tanpa mengenepikan keperluan² pembangunan yang mustahak.

5. Walau pun kejayaan² ini ada-lah besar, maseh banyak lagi yang harus di-jalankan. Terutama sekali, kemiskinan dan penganggoran serta jurang perbezaan ekonomi maseh terus merupakan masaalah² yang rumit. Sejak bulan Mei tahun 1969, Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang mendalam mengenaï dasar² dan keutamaan² negara. Ada-lah di-dapati bahawa kemajuan² chemerlang telah dapat di-chapai dalam semua lapangan pembangunan ekonomi dan sosial. Juga di-dapati bahawa perkembangan dan kemajuan sistem pelajaran, kemajuan pembandaran dan kegiatan² ekonomi yang meluas telah menghasilkan timbul-nya fikiran² baharu, renggang-nya ikatan² lama, persoalan mengenaï nilai² tradisi dan usaha menchari puncha² pengertian dan persefahaman yang baharu, terutama sekali di-kalangan masharakat belia. Selanjut-nya, Kerajaan telah mendapati bahawa pembangunan² ini sebalek-nya telah menimbulkan masharakat yang berubah² pendirian-nya dari segi sosial dan politik, tetapi sanggup menerima konsep² dan dasar² sosial dan ekonomi yang baharu.

6. Ranchangan Malaysia Kedua merupakan satu strateji baharu yang memerlukan keutamaan² negara di-susun sa-mula dan usaha² di-pergiatkan untok menyelesaikan masaalah² ekonomi dan sosial yang di-hadapi. Dasar² ekonomi dan pembangunan akan di-timbangkan mengikut hubongan-nya

dengan pembangunan sosial umum-nya dan keperluan utama untok perpaduan negara khusus-nya. Strateji ini berdasarkan kesedaran penoh tentang ada-nya masaalah² dan keperluan² bagi sa-buah ekonomi yang berkembang dalam satu masharakat yang berbilang kaum. Ia mengandongi dasar² dan langkah² untok membasmi kemiskinan dengan meninggikan pendapatan dan mengadakan peluang² pekerjaan yang baharu, serta menyusun semula masharakat Malaysia untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum.

7. Perlaksanaan strateji baharu untok menchapai matlamat ini akan berpandukan kapada prinsip² *Rukunegara* yang telah di-ishtiharkan pada 31hb Ogos, 1970. *Rukunegara* ini, yang mengishtiharkan tujuan² dan nilaian² negara dan prinsip² asas bagi panduan ra'ayat dan negara, ia-lah hasil daripada perundingan dan perbinchangan rapat dalam Majlis Perundingan Negara dan merupakan satu persetujuan dan amanat untok tugas mewujudkan satu negara Malaysia yang bersatu-padu, adil, saksama dan maju di-segi sosial dan ekonomi.

II.—PERPADUAN NEGARA DAN DASAR EKONOMI BAHARU

8. Mengikut Dasar Ekonomi Baharu, pembangunan akan di-jalankan dengan chara yang sesuai supaya dalam proses perkembangan dan pembesaran, ia-nya dapat memberi sumbangan maksima untok menchapai perpaduan negara.

9. Kedua² langkah Dasar Ekonomi Baharu itu tidak-lah bertentangan antara satu dengan lain. Malahan dalam beberapa segi kedua²-nya saling bergantong dan menyokong. Mithal-nya, langkah² untok meninggikan pendapatan pendudok² luar bandar, yang kebanyakan-nya terdiri dari orang² Melayu dan bumiputra² yang lain, bukan sahaja akan menolong membasmi kemiskinan tetapi juga akan menchapai matlamat mengurang jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Begitu juga, projek² untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum dengan menambahkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² lain dalam kegiatan² baharu di-bandar² akan memberi sumbangan untok membasmi kemiskinan dengan menambahkan lagi peluang² pekerjaan.

10. Usaha² untok mewujudkan satu rupa-bangsa dan perpaduan negara ada-lah perkara biasa bagi kebanyakan negara², terutama di-negara² yang baharu dan sedang membangun. Usaha² ini melibatkan seluroh bidang kegiatan² ekonomi, sosial dan politik: menggubal dasar pelajaran untok menggalakkan ujud-nya nilai² persamaan dan ketaat-setiaan di-kalangan semua

kaum dan di-semua wilayah; menanamkan semangat bekerja keras dan tekun untok negara melaluï berbagai² jenis perkhidmatan; memajukan dengan usaha chermat satu bahasa dan kesusasteraan kebangsaan, seni dan muzik; mewujudkan simbol² dan institusi² negara yang tulin berdasarkan kebudayaan dan adat resam masharakat. Tujuan asas ini di-tegaskan di-dalam *Rukunegara*. ". . . . . daripada unsor² yang berlainan ini kami berchita² hendak membentok satu bangsa yang bersatu-padu di-mana kesetiaan dan perasaan chinta kapada negara ada-lah mengatasi segala kesetiaan² yang lain".

11. Yang demikian, perpaduan negara mempunyaï beberapa segi. Kejayaan-nya memerlukan sokongan daripada segala pehak dan peringkat masharakat Malaysia. Faktor² sosial dan kebudayaan, politik dan ekonomi, pehak awam dan swasta, perasaan dan saikoloji semua-nya memainkan peranan masing² dan semua faktor² ini berkaitan antara satu dengan lain. Perpaduan negara tidak akan dapat di-chapai tanpa ada-nya persamaan dan per-saimbangan yang lebeh memuaskan antara kumpulan² masharakat dan kaum di-Malaysia dalam penyertaan mereka di-bidang pembangunan negara dan untok sama menekmati faedah² dari pembaharuan dan kemajuan ekonomi. Perpaduan negara tidak dapat di-pupok kira-nya sa-bahagian besar daripada pendudok-nya maseh miskin dan peluang² pekerjaan tidak menchukopi untok memenohi kehendak² tenaga buroh yang sentiasa ber-tambah.

12. Kekeliruan tidak sa-harus-nya timbul yang perpaduan negara boleh di-chapai hanya dengan chara² ekonomi sahaja; sebalek-nya pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masharakat dan ekonomi ada-lah sharat² yang perlu bagi perpaduan negara. Ranchangan Malaysia Kedua, dan Ranchangan² seterus-nya, mengandongi dasar² dan ranchangan² untok menchapai kedua² matlamat Dasar Ekonomi Baharu yang penting.

III.—KANDONGAN DASAR EKONOMI BAHARU

1. MEMBASMI KEMISKINAN

13. Kemiskinan ada-lah satu sebab utama yang menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan ra'ayat di-semua negara. Ia-nya terdapat di-kawasan² bandar dan luar bandar serta melibatkan semua kumpulan² kaum dan ugama. Ia juga menimbulkan satu putaran yang berulang dalam segi kejahilan, kesengsaraan, daya pengeluaran yang rendah dan keadaan terbiar. Oleh kerana kemiskinan boleh menghanchorkan perpaduan negara, maka pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum ada-lah menjadi satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baharu.

14. Kemiskinan ada kaitan-nya dengan orang² yang menganggor, pekerja² yang tenaga-nya tidak di-gunakan dengan sepenoh-nya dan mereka² yang terlibat di-dalam kegiatan² yang daya pengeluaran-nya amat rendah, hingga menyebabkan taraf hidup mereka jauh di-bawah taraf hidup purata negara. Pembasmian kemiskinan ini akan menghapuskan faktor penghalang yang besar dalam mewujudkan satu masharakat yang bersatu padu dan adil.

15. Matlamat untok membasmi kemiskinan akan dapat di-chapai melaluï berbagai² chara yang di-huraikan dengan lengkap-nya dalam Bab² yang berikut. Dasar² dan ranchangan² dalam Ranchangan ini, yang menitek-beratkan matlamat membasmi kemiskinan, akan di-tujukan untok:

(i) Menambah daya pengeluaran dan pendapatan mereka² yang menghasilkan keluaran yang rendah dengan menggunakan teknik² baharu dan kemudahan² yang lebeh baik. Langkah² bagi maksud ini termasok-lah ranchangan² penanaman padi dua-kali sa-tahun, penanaman di-luar musim, penanaman berselang² dan kemudahan parit dan taliayer. Langkah² lain ia-lah memperbaiki kemudahan pemasaran, dan pinjaman, dan mengadakan bantuan kewangan dan teknik untok perusahaan dan perniagaan² kechil.

(ii) Menambah peluang² untok menukar lapangan kegiatan daripada sektor yang rendah daya pengeluaran-nya kapada kegiatan² di-sektor yang lebeh menguntongkan, saperti di-dalam ranchangan² kemajuan tanah yang baharu, projek² perikanan dan perhutanan moden, perdagangan, perusahaan dan perkhidmatan² moden; juga mengadakan bantuan² kewangan dan teknik, peluang² mendapatkan pelajaran dan latehan serta susunan² organisasi yang perlu untok memudahkan pemindahan ka-dalam lapangan² moden.

(iii) Mengadakan berbagai² perkhidmatan sosial yang perchuma atau di-bantu, khusus-nya untok meninggikan taraf hidup gulongan² yang berpendapatan rendah. Perkhidmatan² seumpama itu termasok-lah projek² perumahan awam, bekalan letrik, ayer dan kemudahan pengangkutan yang mengenakan bayaran lebeh murah daripada sa-patut-nya, perkhidmatan² kesihatan dan perubatan, peluang² untok mendapatkan pelajaran serta kemudahan² berehat dan masharakat.

16. Usaha mewujudkan permintaan yang banyak terhadap buroh ada-lah satu asas yang mustahak untok membasmi kemiskinan dan menyusun sa-mula masharakat. Peluang² pekerjaan yang lebeh banyak mesti-lah di-ujudkan terutama-nya untok belia² dari semua kaum, supaya menambah-kan hasil dari usaha² buroh yang produktif.

17. Dalam usaha mengadakan lebeh banyak peluang² pekerjaan, Malaysia mesti-lah menyelesaikan masaalah² perkembangan pendudok² yang chepat. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua dan dalam tahun² sa-lepas-nya, bilangan orang² yang menchari pekerjaan akan bertambah dengan pesat. Ranchangan peranchang keluarga yang telah di-lancharkan dalam Ranchangan Malaysia Pertama, hanya akan memberi kesan terhadap penambahan tenaga buroh dalam tahun² kelapan pulohan.

18. Oleh itu, nyata-lah bahawa Malaysia mesti meranchang untok men-chapai satu kadar perkembangan ekonomi yang tinggi. Ia juga memerlukan perubahan² besar dalam susunan ekonomi. Lapangan perusahaan dan bahagian² penting dalam lapangan perkhidmatan perlu-lah di-perluaskan lagi bagi mengadakan satu kadar pekerjaan yang memuaskan. Sa-lanjut-nya, usaha² mengadakan pekerjaan sebagai satu chara untok membasmi kemiskinan tidak-lah boleh di-pandang hanya dari segi bilangan pekerjaan yang dapat di-adakan. Peluang² yang chukop mesti-lah di-adakan bagi mereka yang sedang belajar dan yang di-lateh untok kerja² kemahiran serta bagi mereka yang akan di-lateh dengan ramai lagi pada masa akan datang.

19. Dasar Ekonomi Baharu menganggap perkembangan dan perubahan susunan masharakat sebagai chara² mewujudkan satu sektor moden yang lebeh besar. Perkembangan ekonomi juga akan di-galakkan dengan menitek-beratkan jumlah pekerjaan. Galakan² pelaboran akan di-tumpukan untok memenohi keperluan² pekerjaan. Dalam melaksanakan projek² pembangunan, khusus-nya di-sektor awam, usaha² akan di-jalankan bagi menggunakan teknik yang memerlukan banyak tenaga buroh. Langkah² ini dan yang lain², sebagaimana di-terangkan dalam Bab VII, ada-lah bertujuan untok menchapai kadar pengambilan buroh yang tinggi pada satu² kadar pelaboran yang tertentu. Dengan chara ini mungkin terchapai-lah satu keadaan di-mana lebeh ramai lagi tenaga buroh yang terlateh di-gunakan dengan sa-penoh-nya dan produktif. Dengan ini, penganggoran dan gunatenaga tidak penoh tidak lagi merupakan faktor² yang menyebab-kan kemiskinan di-kalangan sa-bilangan besar ra'ayat Malaysia.

2. PENYUSUNAN SA-MULA MASHARAKAT DAN PERIMBANGAN EKONOMI

20. Langkah kedua Dasar Ekonomi Baharu di-tujukan kapada menyusun sa-mula masharakat supaya pengenalan kaum mengikut kegiatan² ekonomi yang tertentu akan dapat di-hapuskan. Ranchangan ini membentangkan dasar² dan ranchangan² bagi memodenkan chara hidup pendudok² luar bandar, menggalakkan perkembangan kegiatan² di-bandar² dengan chepat

lagi sa-imbang, mengadakan ranchangan² pelajaran dan latehan yang baik di-semua peringkat, dan yang utama sekali, mewujudkan satu masharakat perniagaan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu di-dalam semua jenis dan peringkat urusan, supaya dalam tempoh satu keturunan, orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain akan dapat mengambil bahagian yang penoh dalam ekonomi negara. Dasar² dan ranchangan² ini akan di-laksanakan dengan tidak merampas hak² asasi, hak² keistimewaan, pendapatan, pekerjaan atau peluang sa-seorang pun. Oleh sebab itu, untok mengadakan peluang² pelajaran yang lebeh banyak, pekerjaan yang lebeh baik dan pendapatan yang lebeh tinggi untok mereka yang kurang bernasib baik, peluang² umpama itu mesti-lah di-tambah dengan chepat bagi semua ra'ayat Malaysia. Perkembangan ini ada-lah satu unsor yang penting dalam Dasar Ekonomi Baharu.

IV.—PEMODENAN DAN PERKEMBANGAN

21. Usaha² bagi membasmi kemiskinan, termasok mengadakan peluang² pekerjaan yang lebeh banyak, dan menyusun sa-mula masharakat untok menchapai persaimbangan ekonomi antara kaum boleh di-jalankan dengan sebaik²-nya dalam keadaan ekonomi yang berkembang. Oleh itu, perkembangan Keluaran Negara Kasar (KNK) ada-lah chara yang utama bagi menchapai tujuan² pokok Dasar Ekonomi Baharu.

22. Malaysia mempunyaï puncha keluaran yang baik, pengalaman pembangunan yang berguna, kedudokan kewangan yang kukoh dan kesetabilan politik pada 'am-nya untok menchapai pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat dalam tahun² akan datang. Pembangunan seumpama ini akan di-laksanakan dengan mengamalkan dasar² dan menjalankan ranchangan² yang akan menggalakkan penggunaan tenaga ra'ayat serta puncha² keluaran asli dan modal negara dengan lebeh penoh dan sempurna.

23. Pembangunan akan di-arahkan untok menambahkan pengeluaran ekspot, termasok hasil² perusahaan dan pertanian yang baharu, membanyakkan lagi kerja² memproses bahan² mentah di-dalam negeri dan menggantikan barang² impot dengan pengeluaran dalam negeri. Perkembangan ekonomi akan menjadi lebeh mudah lagi dengan bertambah-nya kegiatan² sektor awam chara langsong dan langkah² baharu yang di-reka untok menentukan supaya sektor swasta akan berkembang dengan kadar yang pesat.

24. Mengikut strateji pembangunan, perhatian akan di-tumpukan terutamanya ka-arah matlamat² yang dapat di-chapai dari keluaran yang bertambah. Tambahan keluaran akan di-gunakan supaya sumbangan yang

maksima dapat di-berikan kapada matlamat² untok menchapai pembahagian pendapatan yang lebeh sama-rata dan penyertaan di-dalam kegiatan² lapangan moden, pembaharuan kawasan luar bandar, memberi perkhidmatan pelajaran, kesihatan, dan lain² kapada tiap² ra'ayat, dan memperchepatkan tambahan peluang² pekerjaan. Strateji ini bertujuan untok memperchepatkan keluaran supaya memudahkan terchapai-nya perubahan sosial dan susunan ekonomi yang di-perlukan untok menchapai perpaduan negara.

V.—PERANAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA

25. Kerajaan dan sektor swasta mempunyaï peranan yang penting dan saling bergantong dalam strateji baharu pembangunan. Di-samping memberi pimpinan untok menchapai matlamat² pokok Dasar Ekonomi Baharu, Kerajaan akan memainkan peranan yang lebeh besar dan positif daripada masa² yang lepas. Sektor swasta di-jangka akan meneruskan perkembangan-nya yang dinamis dan membantu usaha² Kerajaan untok menchapai matlamat² tersebut.

26. Kerajaan akan menyertaï sechara langsong di-dalam pertubohan dan perusahaan pengeluaran yang produktif. Ini akan di-lakukan melaluï perusahaan² yang di-punyaï oleh Kerajaan atau sechara bersama dengan sektor swasta. Penyertaan Kerajaan sechara langsong di-lapangan perusahaan dan perniagaan merupakan perubahan yang besar dari amalan masa lampau. Usaha² Kerajaan itu ada-lah perlu terutama sekali berikutan dengan tujuan² untok mengadakan kegiatan² perusahaan di-kawasan² pembangunan yang baharu maju dan di-pileh serta untok mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu.

27. Penubohan kegiatan² perusahaan di-kawasan² pembangunan yang baharu biasa-nya mengambil masa yang lebeh lama sebelum mendapat keuntongan daripada yang biasa di-alami oleh firma² swasta. Tambahan pula, kebanyakan daripada faedah² yang boleh di-dapati dari penyebaran kawasan perusahaan ada-lah faedah yang tidak sechara langsong dan tidak merupakan faedah kewangan. Oleh itu perusahaan² swasta tidak mendapat apa² faedah yang nyata dan langsong dari segi keuntogan. Berdasarkan sebab² ini-lah maka Kerajaan akan mengambil peranan yang lebeh chergas dalam penubohan dan menjalankan usaha² dalam bidang perdagangan, perusahaan dan pertanian.

28. Satu lagi tujuan penyertaan Kerajaan sechara langsong ada-lah untok mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan

orang² Melayu. Daya pengusaha hanya dapat di-ujudkan dengan meng-adakan peluang² untok mengasah bakat ini. Usaha² Kerajaan yang bersunggoh² nyata ada-lah perlu untok mendapatkan sa-bilangan besar orang² Melayu dan bumiputra² lain pengalaman dan mempunyaï peluang masok yang lebeh ka-bidang perniagaan dan perusahaan. Peranan Kerajaan dalam usaha ini termasok-lah pembenaan bangunan² perniagaan, pelaboran sechara langsong dalam perusahaan² pengeluaran dan perdagangan yang akan di-kuasaï dan di-uruskan oleh orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain, ranchangan² latehan dalam perkhidmatan yang di-bantu oleh Kerajaan dan berbagai² kegiatan² lain meliputi bantuan kewangan dan teknik. Dengan peranan Kerajaan yang sedemikian, usaha membentok satu masharakat perdagangan dan perusahaan yang berbilang bangsa akan menjadi lebeh mudah dan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi akhir-nya akan di-hapuskan.

29. Peranan Kerajaan juga meliputi usaha² membiayaï dan menguruskan ranchangan² kemajuan tanah yang lebeh luas, termasok mengadakan ladang² Kerajaan, dan ranchangan² pelajaran dan latehan yang lebeh banyak. Kerajaan juga akan terus memperbaiki infrastraktur ekonomi dan sosial, serta menubohkan institusi² yang baharu yang akan meneruskan usaha² memajukan puncha keluaran tenaga manusia dan kebendaan. Perhubongan melaluï jalan² raya, keretapi, laut dan udara akan di-perluas dan di-perbaiki lagi.

30. Peranan yang bertambah luas ini memerlukan pembentokan dasar² perbelanjaan dan kewangan yang akan menjamin ada-nya wang Kerajaan yang chukop tanpa mengakibatkan kesan yang burok kapada kegiatan² lapangan swasta yang produktif. Beberapa langkah dan galakan akan juga di-beri untok menggalakkan pelaboran di-kalangan swasta supaya menjalankan perusahaan di-peringkat dan susunan yang akan memberi sumbangan maksima untok menchapai matlamat negara.

31. Begitu juga, keupayaan Kerajaan dalam tugas peranchangan dan perlaksanaan akan di-perbaiki lagi. Ini termasok-lah langkah² melichinkan perjalanan pentadbiran, dasar² kakitangan dan susunan organisasi supaya dapat di-laksanakan dasar² dan ranchangan² Kerajaan dengan lebeh berkesan dan segera.

32. Usaha untok menchapai tujuan² negara dalam Ranchangan Malaysia Kedua bukan-lah terserah kapada Kerajaan sahaja. Ia bergantong sama berat-nya pada kegiatan² dan tanggong-jawab sosial sektor swasta. Ber-bagai² jenis chukai dan bantuan, chukai tarif serta ranchangan menggalak-kan ekspot dan peratoran² kewangan akan di-bentok untok memberikan

kesan yang baik kapada tingkat dan susunan kegiatan sektor swasta. Walau bagaimana pun, pada asas-nya, kejayaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu ada-lah bergantong pada kerjasama dan sokongan yang kuat dari sektor swasta.

33. Sokongan dan kerjasama sa-umpama itu dari sektor swasta ada-lah sangat nyata. Tambahan pula, parti² politik, dewan² perniagaan, persatuan² pengilang, kesatuan² sekerja dan majikan, dan kumpulan persendirian lain telah semakin faham dan bertanggong-jawab terhadap tujuan² pembangunan yang baharu. Kejayaan bagi menchapai tujuan² tersebut ada-lah bergantong pada fahaman dan sokongan yang luas ini.

34. Pada keselurohan-nya, strateji pembangunan baharu memerlukan usaha² yang giat dari Kerajaan dan tanggong-jawab yang penoh serta sokongan kuat dari ra'ayat. Peranan Kerajaan ada-lah besar dan meliputi berbagai² jenis. Lapangan swasta juga di-kehendaki memainkan peranan yang sama penting. Ra'ayat dari semua gulongan dan kaum mestilah menyedari bahawa penubohan satu negara Malaysia yang bersatu padu dan satu masharakat yang adil dan maju ada-lah menjadi tanggong-jawab mereka.

VI.—TINJAUAN JANGKA-PANJANG

35. Usaha² membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan mengadakan gunatenaga yang penoh, serta menyusun sa-mula masharakat dan ekonomi Malaysia dengan mengurangkan perbezaan ekonomi antara kaum², terutama bagi mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu, mungkin memerlukan tempoh satu keturunan atau lebeh sebelum kejayaan sa-penoh-nya di-chapai. Kemajuan ka-arah tujuan² ini akan di-buat dalam Ranchangan Malaysia Kedua; dalam itu juga, Ranchangan ini akan mengadakan chara² dan proses² yang membolehkan perubahan ekonomi di-perchepatkan. Dasar² dan ranchangan² yang tertentu yang di-terangkan dalam Bab² yang berikutan ada-lah terutama-nya berkaitan dengan pembangunan dalam tempoh masa lima tahun yang akan datang. Walau bagaimana pun, apa yang akan berlaku selepas tahun 1975 ada-lah sama mustahak-nya. Pembangunan ekonomi dan sosial ada-lah satu proses yang berlanjutan, dan seterus-nya di-tegaskan bahawa tujuan pokok Dasar Ekonomi Baharu ada-lah untok mewujudkan institusi² dan proses² yang akan membolehkan Malaysia berada dalam keadaan tenteram dan bersatu-padu yang berkekalan, serta membolehkan semua ra'ayat menekmati bersama kemajuan dan kekayaan negara.

BAB II

Kemajuan² Masa Lepas

I.—PENDAHULUAN

36. Ranchangan Malaysia Kedua di-rangka berasaskan pengalaman dan kejayaan usaha² pembangunan dalam sa-puloh tahun yang lepas. Dalam tempoh itu dua ranchangan pembangunan dapat di-jayakan, ia-itu Ranchangan Lima Tahun Malaya Kedua, 1961-1965 dan, dengan pembentokan Malaysia dalam tahun 1963, Ranchangan Malaysia Pertama, 1966-70. Aspek² utama mengenaï pembangunan dalam tempoh sa-puloh tahun ini ada-lah di-binchangkan dalam cheraian² yang berikut. Bahagian lain dalam Bab ini memberi keterangan lanjut tentang kemajuan yang terchapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

II.—PEMBANGUNAN DALAM TAHUN² ENAM-PULOHAN

37. Dalam tahun² enam-pulohan terdapat kejayaan² pesat mengenaï kegiatan² pembangunan di-negeri ini. Dzarurat selama dua belas tahun dan kempen menentang pengganas² Komunis telah berjaya di-tamatkan dalam tahun 1960. Dengan ini, Kerajaan dapat menumpukan segala puncha tenaga ra'ayat dan kewangan-nya serta susunan pentadbiran-nya terhadap tugas penting bagi memajukan negara. Dengan terchapai-nya keamanan dalam negeri, sektor swasta juga dapat mengambil peluang² terhadap perkembangan dan pelaboran dengan lebeh tegas lagi. Pelaboran swasta telah meningkat dengan kadar yang tidak sama dalam tahun² enam-pulohan tetapi telah menchapai kadar purata sa-banyak 7.3% sa-tahun.

38. Kerajaan telah mengambil langkah pertama dalam usaha memper-chepatkan pembangunan. Perbelanjaan pembangunan tahunan sektor awam telah meningkat lebeh dari tiga kali antara tahun² 1960 dan 1965. Jumlah perbelanjaan pembangunan awam dalam tempoh tahun² 1961-65 telah melebehi dua kali jumlah perbelanjaan bagi lima tahun sebelum-nya. Sunggoh pun sektor awam tidak dapat mengekalkan kadar

pembangunan sechepat ini dalam separoh masa kedua tahun² enam-pulohan di-sebabkan oleh masaalah² kewangan dan perlaksanaan, perbelanjaan terus meningkat dalam tempoh ini, melebehi jumlah setinggi yang telah di-chapai dalam tahun 1965.

39. Usaha² pembangunan awam telah di-tumpukan terutama-nya terhadap meninggikan pendapatan dan daya pengeluaran, serta memperbaiki keadaan² sosial dan kehidupan di-bandar dan khas-nya dalam sektor² pertanian luar bandar. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang baharu telah di-tubohkan untok menentukan supaya ranchangan² pembangunan luar bandar di-laksanakan dengan jaya-nya. Teknik Bilek Gerakan telah di-bentok untok mengawasi perlaksanaan supaya masaalah² dan kelambatan² dapat di-kesan dan di-atasi dengan segera. Untok mendapatkan penyertaan ra'ayat dalam kedua² peringkat peranchangan dan perlaksanaan projek² pembangunan, sistem Buku Merah telah di-gunakan dan semangat gotong royong di-galakkan.

1. RANCHANGAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

40. Dalam bidang *pertanian,* usaha telah di-tumpukan terhadap kemajuan tanah, parit dan taliayer dan penanaman getah sa-mula. Perbelanjaan pembangunan bagi ketiga² ranchangan ini merupakan lebeh dari tiga perempat daripada perbelanjaan pembangunan awam bagi pertanian dalam tahun² enam-pulohan. Perbelanjaan bagi *kemajuan tanah* di-Malaysia Barat telah meningkat daripada $17 juta dalam tahun² 1956-60 kapada $130 juta dalam tahun² 1961-65 dan $310 juta dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Tambahan sa-banyak $54 juta lagi telah di-belanjakan untok kemajuan tanah di-Malaysia Timor dalam masa tahun² 1966-70. Lebeh dari 800,000 ekar tanah telah di-buka di-bawah ranchangan² sektor awam dalam tahun² enam-pulohan. Tujuan-nya bukan sahaja untok menambahkan bilangan ladang² di-negeri ini tetapi, lebeh mustahak lagi, ia-lah untok mengadakan ladang² yang besar serta lebeh ekonomi, berasas-kan teknik² pengeluaran dan pengurusan yang moden.

41. Di-Malaysia Barat, sa-bahagian besar dari ranchangan² kemajuan tanah di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP). Dari 10,500 ekar yang telah di-buka dalam tahun 1960, LKTP telah menambahkan kadar pembukaan tanah-nya kapada 51,500 ekar dalam tahun 1970. Hingga tahun 1970, LKTP telah memajukan sa-jumlah 308,400 ekar tanah dan menempatkan 20,700 keluarga dalam 90 ranchangan-nya.

42. Akan tetapi bukan semua ranchangan kemajuan tanah mendapat kejayaan saperti yang di-perolehi oleh LKTP. Mithal-nya, beberapa ranchangan tanah pinggir terpaksa di-usahakan sa-mula dan di-pulehkan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulehan Tanah Persekutuan (LPPTP). Kejayaan LKTP berbanding dengan ranchangan[2] kemajuan tanah yang lain menunjokkan peri mustahak-nya peranchangan, pengurusan dan pengawasan yang sempurna.

43. Selain dari pembukaan tanah baharu, pelaboran yang banyak telah di-buat dalam bidang *parit dan taliayer* sebagai sa-bahagian daripada keselurohan ranchangan pertanian bagi meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan petani[2]. Dalam tempoh 1961-65, lebeh kurang 113,000 ekar sawah padi di-Malaysia Barat telah di-perbaiki keadaan-nya dengan mengadakan kemudahan[2] taliayer. Seluas 202,000 ekar lagi sawah padi telah mendapat kemudahan taliayer dalam tempoh 1966-70. Seluas 173,000 ekar lagi tanah kelapa, getah dan lain[2] tanaman telah juga mendapat faedah dari kemudahan parit yang lebeh baik dalam tempoh 1966-70. Kemudahan parit dan taliayer juga telah di-adakan kapada lebeh dari 40,000 ekar sawah padi dan tanaman[2] lain di-Sabah dan Sarawak dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

44. Penggalakan pengeluaran padi yang lebeh chekap telah dapat meninggikan taraf hidup di-kawasan[2] luar bandar, di-mana penanaman padi merupakan puncha pendapatan utama bagi lebeh dari suku daripada buroh pertanian. Melaluï ranchangan[2] parit dan taliayer, yang membolehkan tanaman padi dua kali sa-tahun, dan penggunaan beneh[2] yang baik serta juga baja yang di-beri dengan harga yang di-bantu, kadar pengeluaran padi meningkat dari kira[2] 2.9% sa-tahun dalam tempoh 1961-65 kapada 6% dalam masa 1966-70.

45. *Penanaman sa-mula getah* ada-lah satu lagi ranchangan yang memberi faedah[2] besar kapada pekebun[2] kechil dan juga ladang[2]. Dalam tempoh 1966-70, lebeh kurang 304,100 ekar kebun[2] kechil telah di-tanam sa-mula di-Malaysia Barat, sementara lebeh dari 12,000 ekar telah di-tanam sa-mula di-Sabah dan Sarawak. Keluaran dari kebun[2] kechil meningkat dengan kadar 5% sa-tahun dalam tempoh 1961-65 dan sa-banyak 11% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Kebun[2] kechil, yang merupakan 63% dari jumlah kawasan[2] tanaman getah di-Malaysia Barat dalam tahun 1970, telah menghasilkan hampir[2] 50% sahaja dari jumlah pengeluaran getah. Hasil purata kebun[2] kechil, yang di-anggarkan lebeh kurang 676 paun sa-ekar dalam tahun 1970, maseh terlalu rendah apabila di-bandingkan dengan hasil purata sa-banyak 1,016 paun sa-ekar bagi ladang[2]. Hasil purata

ini ada-lah rendah kerana menjelang tahun 1970 hanya 63% sahaja dari kebun² kechil telah di-tanam dengan getah yang berhasil tinggi, berbanding dengan lebeh kurang 92% di-ladang².

46. Hasil daripada penanaman sa-mula, keluaran purata bagi sa-ekar kebun kechil telah meningkat dari 526 paun dalam tahun 1965 kapada 676 paun dalam tahun 1970, dan bagi ladang² telah meningkat dari 850 paun kapada 1,016 paun. Tambahan daya pengeluaran, hasil dari tanaman sa-mula saperti ini, telah mengurangkan kesan² burok yang timbul dari harga² getah yang merosot. Di-samping itu, getah pekebun² kechil semakin banyak di-proses sebagai Getah Mutu Malaysia (GMM) untok membolehkan mereka mendapat pendapatan yang lebeh baik.

47. *Ranchangan² lain* bagi memajukan sektor luar bandar dan pertanian termasok-lah pemulehan kebun² kelapa yang berhasil rendah, pemodenan chara² menangkap ikan dan bantuan bagi kemajuan penternakan. Pada umum-nya, di-samping bantuan luas yang di-beri oleh Kerajaan, daya usaha swasta telah memainkan peranan yang lebeh besar lagi bagi meninggikan pengeluaran dalam sektor² ini.

48. Chara² lain bagi meninggikan pendapatan di-kawasan luar bandar telah juga di-usahakan. Dalam tahun 1965, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (LPPP) telah di-tubohkan untok membaiki sistem pemasaran dan menentukan supaya petani² mendapat harga² yang berpatutan bagi pengeluaran mereka. Dalam tahun 1969, Bank Pertanian Malaysia telah di-tubohkan untok mengadakan satu jentera yang lebeh berkesan bagi menyedia dan menyelaraskan kemudahan² kredit yang berpatutan kapada petani².

49. Selain daripada langkah² yang menghasilkan dengan chara langsong penambahan pengeluaran dan pendapatan dalam sektor pertanian, berbagai *ranchangan bagi memperbaiki keadaan hidup* di-kawasan² luar bandar telah di-laksanakan. Di-Malaysia Barat, bekalan letrik luar bandar telah di-ada-kan bagi 42,000 buah rumah dalam tempoh 1961-65 dan bagi 51,750 buah rumah lagi dalam tempoh 1966-70. Kemajuan dalam pembekalan ayer telah membolehkan sa-jumlah 1.15 juta lagi pendudok² di-kawasan² bandar dan luar bandar mendapat bekalan ayer dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama. Dari jumlah ini seramai 67,000 orang ada-lah peserta² ranchangan LKTP. Balai² raya, padang² permainan, masjid² dan kemudahan² sosial yang lain telah juga di-sediakan. Pengangkutan dan perhubongan di-kawasan

luar bandar telah di-perbaiki. Dari jumlah 3,500 batu jalan² raya baharu yang di-bena di-Malaysia Barat dalam tempoh 1960-70, lebeh kurang 65% ada-lah jalan² di-luar bandar.

50. Kemudahan² kesihatan di-kawasan luar bandar telah juga di-tambah dengan chepat-nya. Dalam tahun 1965 sa-banyak 39 pusat² kesihatan, 122 pusat²-kechil kesihatan dan 643 kelinik² bidan telah di-dirikan di-Malaysia Barat. Menjelang tahun 1970 angka² ini masing² telah meningkat pada 44, 180 dan 943.

51. Satu daripada ranchangan² besar di-kawasan luar bandar dalam tempoh ini ia-lah memperbaiki kemudahan² pelajaran. Sa-bahagian besar daripada belanjawan pembangunan pelajaran telah di-gunakan untok mengganti sekolah² yang kurang baik dan juga membena sekolah² yang lebeh besar di-kawasan² penting bagi menyatukan sekolah² yang kurang di-gunakan. Dalam Ranchangan Malaysia Pertama, kemudahan² pelajaran menengah untok murid² di-luar bandar telah di-tambah dengan pembenaan sekolah² di-kawasan luar bandar dan juga dengan mengadakan kemudahan² asrama di-sekolah² lain untok membolehkan pengambilan murid² luar bandar, terutama sekali mereka yang mengikuti aliran sains. Hasil dari ranchangan² ini, kawasan² luar bandar telah mengandongi lebeh dari tiga perempat jumlah sekolah² rendah dan lebeh kurang separoh jumlah sekolah² menengah di-Malaysia Barat. Begitu juga, bilangan murid² di-sekolah² luar bandar telah bertambah. Mutu guru² dan peluang untok memasoki aliran sains di-peringkat menengah juga semakin baik.

2. KEMAJUAN DALAM MEMPELBAGAIKAN EKONOMI

52. Usaha mempelbagaikan ekonomi terus di-jalankan dengan pesat-nya. Proses mempelbagaikan termasok-lah langkah² memodenkan *perusahaan getah*. Berasaskan kapada penyelidekan yang mendalam dan pengetahuan serta pengalaman yang di-dapati sejak bertahun² sebagai pengeluar getah yang utama dalam dunia ini, Malaysia telah dapat menguatkan kedudokan-nya setanding dengan pengeluar² lain dengan mengurangkan perbelanjaan pengeluaran dan membaiki mutu hasil-nya. Sebagaimana yang telah di-nyatakan, kira² 92% dari ladang² dan 63% dari kebun² kechil ada-lah di-tanam dengan getah yang berhasil tinggi menjelang tahun 1970. Sunggoh pun jumlah kawasan tanaman getah bertambah sedikit sahaja, ia-itu dari 4.4 juta ekar dalam tahun 1960 kapada 4.8 juta ekar dalam tahun 1970, pengeluaran getah bertambah dengan kadar 5.2% sa-tahun dalam masa sa-puloh tahun ini. Menjelang tahun 1970, GMM merupakan lebeh kurang satu perlima daripada jumlah ekspot getah. Walau pun

ada-nya kemajuan² ini, Malaysia semakin kurang bergantong kapada getah. Bahagian getah daripada jumlah semua barang² ekspot telah turun daripada 55% dalam tahun 1960 kapada 39% dalam tahun 1965 dan seterus-nya kapada 34% dalam tahun 1970.

53. Ekonomi semakin kurang bergantong kapada getah, dan sedikit sa-banyak kapada bijeh timah, dalam tempoh yang tersebut oleh kerana pengeluaran hasil² lain yang bertambah dengan chepat-nya, terutama sekali kayu kayan, kelapa sawit dan barang² pembuatan. Tambahan pengeluaran dan ekspot *kayu kayan* dalam masa sa-puloh tahun ini ada-lah lebeh dari yang di-jangka. Ekspot kayu balak telah bertambah lebeh dari dua kali di-antara tahun² 1960 dan 1965. Dalam tahun 1970, pendapatan dari ekspot kayu balak telah bertambah kira² dua kali setengah dari pendapatan bagi tahun 1965. Dari jumlah pendapatan ekspot kayu balak bagi tahun 1970, Sabah telah mengeluarkan lebeh dari 60%. Ekspot kayu papan dan barang² daripada kayu telah juga bertambah dengan kadar yang pesat walau pun jumlah-nya jauh lebeh rendah dari ekspot kayu balak.

54. Perusahaan *kelapa sawit* telah juga mengalami kemajuan yang pesat. Kawasan tanaman kelapa sawit bertambah dari 132,000 ekar dalam tahun 1960 kapada 264,000 ekar dalam tahun 1965 dan kapada 665,000 ekar dalam tahun 1970. Pengeluaran minyak kelapa sawit bertambah dari 90,000 tan dalam tahun 1960 kapada 424,000 tan dalam tahun 1970. Pendapatan ekspot dari minyak dan isi kelapa sawit meningkat dari $71.6 juta dalam tahun 1960 kapada $273.6 juta dalam tahun 1970.

55. Pengeluaran *padi* yang bertambah dengan chepat telah juga memberi sumbangan dalam mempelbagaikan ekonomi. Di-sebabkan pengeluaran yang bertambah, impot beras telah kurang dari 346,000 tan dalam tahun 1965 kapada 330,000 tan purata bagi tahun² 1969-70. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, dua ranchangan pengayeran besar, ia-itu Muda dan Kemubu, telah di-lancharkan. Apabila ranchangan² ini siap kelak, pengeluaran padi tempatan akan hampir menchukopi keperluan Malaysia Barat.

56. Pengeluaran dari bidang *perikanan* telah bertambah dengan kadar 7.3% sa-tahun dalam tempoh 1961-65 dan 8% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Satu daripada faktor² utama yang menghasilkan tambahan ini ada-lah perkembangan dalam penggunaan pukat tunda. Ekspot ikan juga telah makin bertambah penting. Dalam tahun 1970 ekspot ikan telah menghasilkan sa-banyak $95 juta. Tambahan pengeluaran² hasil dari ternakan *babi dan ayam-itek* ada-lah menchukopi bagi memenohi keperluan yang makin meningkat.

57. Di-antara *tanaman² lain* yang telah munchul dengan menarek-nya dalam tempoh 1966-70 ia-lah ubikayu, tebu, koko dan jagong. Ubikayu telah mulaï di-tanam sechara besar²an. Kemajuan telah juga di-chapai dalam usaha memulakan perusahaan tebu. Kawasan tanaman koko, sunggoh pun kechil, telah bertambah empat kali lebeh dalam masa dua tahun yang lalu menjadikan lebeh dari 16,000 ekar. Pengeluaran jagong telah juga bertambah tetapi hanya dapat memenohi kurang dari satu perlima keperluan dalam negeri. Hasil penyelidekan menunjokkan bahawa penanaman jagong sebagai tanaman luar musim sangat-lah menggalakkan. Aktiviti² Institiut Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (IPKPM), yang di-tubohkan dalam tahun 1968, akan dapat memudahkan usaha penyelidekan bagi menentukan kebolehan tanaman² itu dan juga tanaman² lain saperti sekoi, sagu, kachang tanah, sayor²an dan buah²an.

58. Usaha mempelbagaikan ekonomi bukan sahaja di-jalankan dalam sektor pertanian tetapi juga dalam sektor² lain, terutama sekali *perusahaan.* Ekonomi telah bertambah kukoh dengan perkembangan yang chepat dalam pengeluaran barang² pembuatan dalam masa sa-puloh tahun itu. Pengeluaran berseh perusahaan pembuatan telah bertambah sa-banyak 9.9% sa-tahun di-antara 1961-65 dan dengan kadar 10.4% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Dengan ini bahagian pengeluaran pembuatan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat daripada 8.5% dalam tahun 1960 kapada 10.4% dalam tahun 1965 dan 13% dalam tahun 1970. Per-kembangan dalam bidang pembuatan telah di-tumpukan bagi memenohi kehendak² pasaran dalam negeri dan pengurangan impot yang berkesan telah berlaku dalam bahan² makanan, minuman, tembakau, barang² minyak petrol, simen, barang² getah dan plastik, baja, kain dan besi batang. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama perusahaan² di-negeri ini juga di-dapati telah semakin menumpukan perhatian kapada pasaran ekspot. Ekspot barang² pembuatan, walau pun kechil, terus bertambah dengan kadar purata 14.2% sa-tahun dalam tempoh sa-puloh tahun itu.

59. Untok membantu dan menggalakkan *penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam perdagangan dan perusahaan,* Majlis Amanah Ra'ayat (MARA) telah di-tubohkan dalam tahun 1966, ia-itu hasil daripada penyusunan sa-mula Lembaga Kemajuan Perusahaan Kampong (RIDA). Aktiviti² MARA termasok-lah menyediakan bantuan teknik dan kewangan kapada peniaga² Melayu dan bumiputra² lain dalam perniagaan² baharu atau pun yang sedia ada, dan juga menubohkan projek² perusahaan dan perdagangan yang baharu untok di-ambil aleh oleh orang² Melayu kemudian-nya.

60. Dalam tempoh 1966-70, MARA telah memberi kira² 4,800 pinjaman² berjumlah sa-banyak $31 juta untok berbagai projek. Majlis itu telah juga menubohkan beberapa sharikat perkilangan dan perdagangan bagi mengeluarkan barang² saperti kain dan pakaian batek, barang² kulit, barang² pertukangan tangan, kayu papan dan barang² dari kayu, tepong dan biji² ubikayu dan juga getah yang di-proses. MARA telah mendirikan kedai² bagi peniaga² Melayu dan menjalankan peranan sebagai pembekal borong dan kontrek barang² pembenaan. MARA telah juga mengadakan perkhidmatan² bas, dan dalam tahun 1970 bilangan bas yang di-jalankan oleh MARA berjumlah 360 buah, ia-itu meliputi jalan sepanjang 2,000 batu. MARA telah pun menyerahkan enam daripada perkhidmatan bas-nya kapada Sharikat² Melayu, baki-nya sa-banyak 33 perkhidmatan maseh di-jalankan oleh-nya sechara langsong.

61. Bank Bumiputra telah di-tubohkan sebagai sa-buah bank perniagaan dalam tahun 1965. Dalam tugas²-nya, Bank itu menumpukan perhatian bagi mengadakan kemudahan² bank dan kredit dan juga membantu orang² Melayu dan bumiputra yang lain dalam lapangan perdagangan, per-usahaan dan lain² aktiviti ekonomi. Hingga tahun 1970, Bank Bumiputra telah memberi pinjaman² dan pendahuluan² berjumlah sa-banyak $134 juta, sa-bahagian besar dari jumlah ini di-berikan kapada orang² perseorangan dan peniaga² Melayu untok pembangunan perumahan, pembenaan, penanaman kelapa sawit, membalak dan mengilang papan, urusan² impot dan ekspot, perkilangan dan perniagaan² dan perusahaan kechil. Sebagai tambahan, Bank tersebut telah juga mengadakan perkhidmatan² teknik dan nasehat terutama-nya bagi menggalakkan orang² Melayu menggunakan kredit dan kemudahan² dan perkhidmatan² bank yang lain dengan lebeh banyak lagi.

3. PERKEMBANGAN EKONOMI

62. Hasil daripada kemajuan yang telah terchapai di-bidang pertanian dan perusahaan, dan juga di-bidang kemudahan² awam, perkhidmatan dan sektor² lain, Malaysia telah munchul pada akhir sa-puloh tahun itu dengan asas ekonomi yang lebeh dalam, luas dan kukoh. Bahagian barang² ekspot dan perkhidmatan yang merupakan 59.3% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tahun 1960 telah turun kapada 47.7% dalam tahun 1970, sementara bahagian getah dan bijeh timah dari jumlah semua ekspot barang² telah turun daripada 69% kapada 53.8% dalam tempoh itu. KNK bertambah dengan kadar 6.1% sa-tahun, ia-itu lebeh tinggi daripada yang di-ranchangkan dan juga dari matlamat 5% yang di-tetapkan bagi negeri² yang sedang membangun dalam tempoh Pembangunan Sa-puloh Tahun Bangsa² Bersatu. Kenaikan pendapatan yang pesat ini

membolehkan perbelanjaan awam di-tambah bagi membiayai ranchangan² pelajaran, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan² sosial yang lain untok pendudok² yang semakin bertambah dengan chepat.

63. Walau pun bilangan pendudok² bertambah dengan kadar 3% sa-tahun dalam masa sa-puloh tahun itu, pendapatan *per kapita* telah meningkat dari $806 kapada $1,080, ia-itu bertambah lebeh dari 30% dalam tempoh tersebut. Kenaikan pendapatan telah berlaku di-dalam keadaan harga barang² dan kewangan yang tetap. Angka tunjok harga runchit bertambah dengan kadar yang kurang dari 1% sa-tahun dan simpanan mata wang luar telah berada dalam keadaan yang memuaskan dalam tempoh ini. Mata wang Malaysia terus tegoh dan keperchayaan antarabangsa terhadap-nya di-perkuatkan lagi dengan pengakuan negeri ini kapada Fasal VIII Perjanjian Tabong Kewangan Antarabangsa (TKA) dalam bulan November 1968, dan perakuan TKA yang di-beri kapada ringgit Malaysia sebagai satu daripada mata wang yang boleh di-pertukarkan.

III.—MASAALAH² YANG BELUM DI-ATASI

64. Walau pun kemajuan pesat telah di-chapai sebagaimana yang di-nyatakan di-atas, negara ini terus menghadapi masaalah² kemiskinan, penganggoran dan keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang di-antara kaum.

65. *Kemiskinan* luas terdapat di-kawasan² bandar dan luar bandar, terutama sekali di-kalangan penganggor² dan orang² yang tidak meng-gunakan tenaga penoh. Keadaan *penganggoran* di-negeri ini ada-lah berbeza mengikut tempat. Sabah terus mengalami kekurangan tenaga ra'ayat dalam berbagai² jenis pekerjaan yang memerlukan buroh² yang mahir, separoh mahir dan buroh² kasar, dan terpaksa mengambil pekerja² dari negeri lain untok memenohi keperluan-nya. Sarawak pula menghadapi masaalah penganggoran yang mungkin sama besar-nya dengan yang ter-dapat di-Malaysia Barat. Negeri ini menghadapi masaalah dalam tugas mengadakan pekerjaan² yang chukop bagi bilangan buroh yang baharu keluar dari sekolah yang semakin bertambah.

66. Data mengenaï gunatenaga dan penganggoran menunjokkan bahawa dalam tempoh 1962-67 bilangan pekerjaan di-Malaysia Barat bertambah dengan kadar purata 2.7% atau pun 70,000 orang sa-tahun, manakala tenaga buroh bertambah dengan kadar purata 2.9% atau 77,000 orang sa-tahun. Oleh sebab itu, penganggoran bertambah daripada 6% dari jumlah tenaga buroh dalam tahun 1962 kapada 6.6% dalam tahun 1967. Bilangan orang² yang menganggor bertambah daripada kira² 155,000 kapada 190,000.

67. Di-Malaysia Barat, bidang yang paling lemah sekali dari segi pekerjaan dalam tahun² 1962-67 ia-lah perusahaan getah, ia-itu perusahaan yang terbesar sekali. Sektor ladang telah mengurangkan hampir satu perlima dari tenaga kerja-nya dalam tempoh ini. Pengurangan pekerjaan di-ladang² ada-lah di-sebabkan oleh susut-nya kawasan² ladang dan pengurangan dalam bilangan buroh bagi tiap² sa-ekar. Pekerjaan bertambah dalam perusahaan kelapa sawit dan kebun² kechil getah dan ini dapat menampong pengurangan pekerjaan yang terdapat di-ladang². Walau bagaimana pun, bilangan berseh pekerjaan² baharu dalam sektor pertanian tidak memuaskan oleh sebab jumlah pekerjaan yang di-adakan dalam ladang² sangat sedikit.

68. Sektor² yang menambah dengan chepat bilangan pekerjaan dalam tempoh ini termasok-lah perusahaan melombong bijeh timah, perusahaan mengilang, perkhidmatan² masharakat dan Kerajaan, penanaman kelapa sawit dan perhutanan. Dari jumlah 350,000 pekerjaan² baharu yang di-adakan, lebeh dari setengah ada-lah dalam perusahaan² yang berkaitan dengan perkhidmatan*. Sa-bahagian besar dari pekerjaan² perkhidmatan telah di-adakan oleh Kerajaan—ia-itu dalam bidang² pentadbiran, pelajaran, kesihatan, tentera dan polis. Perusahaan pembuatan menghasilkan 69,000 pekerjaan² baharu dalam tempoh ini. Tidak lebeh daripada 67,000 orang telah mendapat pekerjaan dalam sektor pertanian. Ini merupakan hanya 19% daripada bilangan pekerjaan² baharu, walhal jumlah pekerjaan dalam sektor pertanian ada-lah 55% daripada jumlah pekerjaan dalam tahun 1962. Walau pun pemindahan tenaga buroh keluar daripada sektor pertanian tidak dapat di-elakkan, malah patut di-galakkan, perbezaan yang begitu besar di-antara jumlah pekerjaan² yang di-adakan oleh sektor pertanian pada masa ini dan jumlah pekerjaan² baharu yang dapat di-adakan-nya bererti bahawa sektor² lain dalam ekonomi ada-lah di-bebankan dengan tugas berat bagi menyediakan peluang² pekerjaan dengan kadar yang lebeh chepat dari kadar yang boleh di-chapai-nya sendiri.

69. Oleh sebab kekurangan data sa-masa, angka² bagi tahun 1970 ada-lah anggaran sahaja. Tenaga buroh di-Malaysia Barat dalam tahun 1970 di-anggarkan berjumlah 3,150,000 dan pekerjaan berjumlah 2,900,000, oleh itu terdapat penganggoran sa-banyak 250,000. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama tenaga buroh di-jangka bertambah dengan kadar purata 2.9% sa-tahun sementara pekerjaan 2.6%. Kadar penganggoran dalam

---

* Termasok perdagangan, pengangkutan, penyimpanan barang² dan perhubongan, perkhidmatan Kerajaan, masharakat dan persendirian.

tahun 1970 ada-lah di-anggarkan 8% daripada jumlah tenaga buroh, berbanding dengan 6.5% dalam tahun 1965. Oleh sebab tenaga buroh bertambah dengan chepat-nya, penganggoran pada penghujong tahun² enam-pulohan meningkat lebeh tinggi.

70. Walau pun terdapat kemajuan² besar dalam usaha memperbaiki kedudokan ekonomi orang² yang kurang berada, *masaalah keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang* belum selesai. Sunggoh pun sa-bahagian daripada tenaga buroh keluar dari sektor pertanian atau pun memasoki kegiatan² yang lebeh tinggi hasil-nya dalam sektor pertanian, sa-bahagian besar daripada jumlah pendudok² terus menjalankan kegiatan² yang menghasilkan pendapatan rendah di-kawasan² luar bandar. Maklumat² menunjokkan bahawa maseh terdapat jurang perbezaan dalam pendapatan dan keadaan hidup di-antara sektor tradisi (kedua² luar bandar dan bandar) dan sektor moden. Semua ini timbul daripada peluang² yang berlianan untok mendapatkan pelajaran, pekerjaan dan memileki atau pun memperolehi puncha² perusahan. Masaalah perbezaan ini menjadi lebeh sukar oleh sebab ramai bilangan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain menjalankan kegiatan² yang menghasilkan pendapatan rendah.

71. Satu strateji dan chara baharu telah di-ambil untok mengatasi masaalah² kemiskinan, penganggoran dan keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang. Strateji dan chara baharu ini di-binchangkan dalam Bab² I dan III.

IV.—KENAIKAN KELUARAN DAN PENDAPATAN, 1966-70

72. Kadar kemajuan ekonomi dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama dari segi keluaran dan pendapatan pada keselurohan-nya ada-lah memuaskan. Jumlah keluaran barang² dan perkhidmatan atau pun KNK *mengikut harga tetap* meningkat dengan kadar purata 6% sa-tahun. Ini melebehi kadar matlamat kemajuan 4.9% dalam Ranchangan tersebut.

73. *Mengikut harga² pasaran sa-masa* KNK bertambah sa-banyak 6.5% sa-tahun daripada $8,637 juta dalam tahun 1965 kapada $11,821 juta dalam tahun 1970. Kadar kenaikan ini, yang melebehi kadar 4.8% di-jangka dalam Ranchangan itu, telah di-chapai walau pun harga barang² ekspot utama negeri ini telah jatoh. Dalam masa yang sama, harga barang² impot di-anggarkan telah meningkat lebeh sedikit dari 1% sa-tahun. Perubahan burok ini dalam kadar pertukaran perdagangan mendatangkan kerugian kapada Malaysia sa-banyak lebeh kurang $1,518 juta dalam tempoh tersebut, atau pun 2.9% daripada KNK purata sa-tahun.

74. Oleh kerana perubahan burok dalam kadar pertukaran perdagangan dan juga beberapa kenaikan harga barang² dalam negeri, *pendapatan negara yang sa-benar,* atau pun kuasa membeli jumlah pendapatan di-Malaysia, meningkat sa-banyak 5.3% sa-tahun, daripada $8,637 juta dalam tahun 1965 kapada $11,190 juta dalam tahun 1970. Kadar ini ada-lah lebeh tinggi daripada yang di-jangka dalam Ranchangan, ia-itu 4.2% sa-tahun. *Pendapatan sa-benar per kapita* meningkat dari $917 dalam tahun 1965 kapada $1,022 dalam tahun 1970 atau pun lebeh sedikit dari satu per-sepuloh dalam tempoh ini, sunggoh pun pendudok² bertambah sa-banyak kira² 3% sa-tahun. Ini pula menyebabkan *penggunaan sa-benar per kapita* menjadi lebeh tinggi dan meningkat daripada $747 kapada $805 dalam tempoh tersebut (*lihat* Jadual 2-1).

JADUAL 2-1

PERKEMBANGAN KELUARAN DAN PENDAPATAN, 1965-70

(mengikut harga² 1965)

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Keluaran negara kasar ($ juta) ..	8,637	9,229	9,654	10,058	10,867	11,537	6.0
Pendapatan negara kasar sa-benar* ($ juta)	8,637	9,176	9,267	9,654	10,654	11,190	5.3
Jumlah penggunaan ($ juta) ..	7,041	7,419	7,547	7,811	8,219	8,810	4.6
Pendudok (000)	9,421	9,725	10,034	10,350	10,660	10,945†	3.0
Keluaran *per kapita* ($)	917	949	962	972	1,019	1,054	2.8
Pendapatan sa-benar *per kapita* ($)	917	944	924	933	999	1,022	2.2
Penggunaan *per kapita* ($)	747	763	752	755	771	805	1.5

75. Kedua² Negeri Sabah dan Sarawak mengalami kadar perkembangan yang lebeh chepat dari Malaysia Barat. Keluaran kasar di-Sabah, mengikut harga² sa-masa, di-anggarkan berkembang sa-banyak 10.7% sa-tahun, sementara keluaran di-Sarawak bertambah sa-banyak 7.9%. Kadar purata perkembangan di-Malaysia Barat ia-lah 6%.

V.—PUNCHA² PERKEMBANGAN

1. SEKTOR EKSPOT

76. Perkembangan ekonomi dalam separoh masa pertama tahun enam-pulohan menunjokkan bahawa permintaan dalam negeri telah bertambah dengan chepat-nya sementara keadaan ekspot tidak berubah. Keadaan

* Pendapatan negara kasar sa-benar di-taarifkan sebagai kuasa membeli keluaran negara sa-telah di-kira perubahan² harga.
† Mungkin di-semak sa-mula apabila keputusan² Banchi Pendudok Tahun 1970 di-proses dengan sepenoh-nya.

ekspot yang tidak memuaskan ini telah di-jangka akan berterusan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Tetapi perkara yang berlaku ada-lah lebeh berlainan dari yang di-jangka. Jumlah pengeluaran getah, bijeh timah, kayu balak dan kelapa sawit dan hampir semua barang² lain ada-lah jauh lebeh tinggi dari yang di-anggarkan, tetapi harga² getah, minyak dan isi kelapa sawit terus merosot. Harga² bijeh timah dan kayu balak dan kayu papan ada-lah berkurangan daripada anggaran yang di-buat dalam Ranchangan itu. Jumlah barang² ekspot bertambah dengan kadar purata yang memuaskan, ia-itu 6.3% sa-tahun dalam tempoh 1966-70, berbanding dengan kadar kurang daripada 1% sa-tahun yang di-ramalkan dalam Ranchangan itu. Namun begitu, kadar perkembangan ekspot tidak sama rata dari setahun ka-setahun. Sa-bahagian besar dari perkembangan telah berlaku di-akhir tahun 1968 dan dalam tahun 1969 apabila harga barang² ekspot naik sa-mula. Dalam tahun 1969 sahaja, nilai barang² ekspot meningkat sa-banyak 22.5%. Ini, bersama² dengan kadar perkembangan sa-banyak 10.6% dalam tahun 1968, dapat menampong sepenoh²-nya kemerosotan sa-banyak 3% dalam tahun 1967 dan perkembangan yang kurang pesat ia-itu sa-banyak 1.2% dalam tahun 1966. Perlu di-ingat dalam tahun ukoran 1965, perkembangan ada-lah lebeh pesat daripada anggaran yang di-buat dalam Ranchangan itu; dan oleh itu kemajuan ekspot, mengikut ukoran mutlak, ada-lah lebeh tinggi dari kemajuan ekspot yang di-ukor dari segi kadar² perkembangan.

77. Getah dan bijeh timah terus merupakan pengeluaran² yang penting dalam sektor ekspot walau pun sumbangan pengeluaran² ini dalam jumlah barang² ekspot merosot daripada 62.2% dalam tahun 1965 kapada 53.8% dalam tahun 1970. Permintaan dunia bagi getah asli telah bertambah dalam tempoh 1966-70 dengan kadar yang lebeh tinggi jika di-bandingkan dengan kadar yang terdapat dalam tempoh lima tahun yang terdahulu, dan dalam tempoh ini penggunaan getah di-pasaran dunia telah melebehi pengeluaran. Walau pun demikian, harga getah asli menjunam turun dalam tempoh tiga tahun yang pertama daripada 69 sen sa-paun dalam tahun 1965 kapada 52 sen dalam tahun 1968. Angka ini telah meningkat kapada 68 sen dalam tahun 1969 di-sebabkan oleh permintaan dunia yang bertambah dan penanggohan penjualan getah simpanan Amerika Sharikat dalam tahun itu. Dalam tahun 1970 permintaan dunia sekali lagi menjadi lemah di-sebabkan oleh kekurangan dalam perkembangan perusahaan di-negeri² yang maju. Kemerosotan harga getah tidak mendatangkan kesan oleh sebab jumlah getah yang di-ekspot ada-lah lebeh besar dan ini meningkat sa-banyak 6.9% sa-tahun. Oleh yang demikian nilai ekspot getah meningkat kira² 3.4% sa-tahun dalam tempoh tersebut.

78. Pengeluaran dan ekspot bijeh timah juga lebeh dari yang di-jangkakan. Harga bijeh yang tinggi yang terdapat dalam tahun 1965 telah menggalak-kan pengeluaran di-Malaysia dan juga di-negeri[2] pengeluar bijeh timah yang lain. Kenaikan ini telah meninggikan paras pengeluaran bijeh timah sa-dunia dan ini menghasilkan harga yang kurang baik. Dari tahun 1965 harga bijeh timah terus merosot hingga akhir tahun 1968 apabila paras harga meningkat sa-mula. Dalam tempoh 1966-70, jumlah ekspot bertambah dengan kadar purata 4.3% dan nilai ekspot 3.1% sa-tahun.

79. Kemajuan ekspot[2] kayu balak dan kelapa sawit ada-lah lebeh tinggi. Dengan bertambah-nya permintaan dunia bagi kayu teras dan kayu keras tropika, ekspot kayu balak telah bertambah hampir[2] 20% dan kayu papan sa-banyak 16% sa-tahun. Ekspot[2] dari Sabah dan Sarawak masing[2] merupakan 62% dan 23% dari jumlah ekspot kayu-balak. Ekspot kayu berlapis juga meningkat tinggi walau pun nilai ekspot kayu berlapis dan veneer maseh kurang dari 6% daripada jumlah ekspot kayu dalam tahun 1970. Menjelang tahun 1970, jumlah ekspot kayu-balak dan lain[2] hasil keluaran kayu meningkat dengan chepat-nya hampir menyamaï ekspot bijeh timah sebagai jenis ekspot yang kedua penting-nya. Minyak kelapa sawit dapat menandingi kayu balak yang menchapai kadar kenaikan tinggi. Pengeluaran kelapa sawit yang lebeh banyak telah dapat mengatasi kemerosotan harga-nya, dan ini menyebabkan nilai ekspot meningkat kira[2] 20% sa-tahun dalam tempoh tersebut.

80. Barang[2] ekspot lain yang telah menchapai kadar kenaikan yang tinggi ia-lah minyak petrol yang belum di-tapis, kebanyakan-nya dari Sarawak, ikan dan barang[2] dari ikan, lada hitam dari Sarawak dan minyak kelapa. Ekspot bijeh besi dan kelapa kering dari segi jumlah dan nilai terus merosot. Ekspot[2] nenas dalam tin dan bahan api petrol bertambah dengan kadar yang sederhana.

81. Barang[2] ekspot yang di-sebutkan di-atas merupakan 90% dari jumlah ekspot barangan dalam tahun 1970. Baki 10% lagi ada-lah terdiri dari barang[2] yang kurang penting termasok-lah hasil pembuatan yang semakin bertambah.

82. Di-bandingkan dengan kejayaan chemerlang yang di-chapai oleh ekspot barangan, hasil dari ekspot perkhidmatan pada keselurohan-nya tidak berubah, walau pun kemajuan yang tegas telah di-chapai dalam bidang pelanchongan. Pengurangan dalam perbelanjaan tempatan yang di-buat oleh pasokan[2] tentera Komenwel telah menghadkan kemajuan dalam lapangan ekspot perkhidmatan.

83. Jumlah ekspot barang² dan perkhidmatan bertambah dengan kadar purata 5.5% sa-tahun dalam tempoh 1966-70, berbanding dengan anggaran sa-banyak 0.6% yang terdapat dalam Ranchangan itu. Negeri² Sabah dan Sarawak telah menchapai kemajuan yang paling besar. Ekspot dari Sabah bertambah lebeh kurang 11% dan sa-bahagian besar dari-nya ia-lah kayu papan. Dari baki-nya, getah, kelapa sawit dan barang² dari ikan merupakan ekspot² penting. Ekspot dari Sarawak di-anggarkan telah bertambah sa-banyak 8% sa-tahun. Kadar kenaikan ekspot yang tinggi ini di-sebabkan, pada keselurohan-nya, oleh minyak petrol dan bahan² api, kayu balak, kayu papan dan juga lada hitam.

84. Kemajuan ekspot dalam tempoh ini di-terangkan dalam Jadual 2-2.

2. PERMINTAAN DALAM NEGERI

85. Jumlah permintaan dalam negeri bertambah dengan kadar 6.2% sa-tahun dalam tempoh tahun² 1966-70 berbanding dengan 6.1% yang di-anggarkan bagi Ranchangan itu.

86. Jumlah *pelaboran,* dari pehak awam dan swasta, bertambah dengan kadar purata 6.4% sa-tahun. Kadar penambahan pelaboran ini ada-lah selaras dengan kadar penambahan KNK dan dengan ini nisbah pelaboran kasar dan KNK tetap di-paras 16.3% pada akhir tempoh Ranchangan itu, sebagaimana ternyata dalam Jadual 2-3.

87. *Pelaboran swasta* bertambah dengan kadar purata 9.6% sa-tahun, melebehi kadar matlamat 6.8% sa-tahun dalam Ranchangan itu. Sepanjang tempoh ini, pelaboran swasta menunjokkan perbezaan² yang jelas. Selepas tambahan yang chepat dalam tempoh dua tahun yang pertama, pelaboran swasta telah merosot dalam tahun 1968 dan 1969. Dalam tahun 1970 jumlah ini melambong sa-banyak 32.9%.

88. Perkembangan dalam pelaboran swasta telah ternyata dengan penambahan perbelanjaan yang banyak bagi jentera² dan alat², dan kurang sedikit, bagi perbelanjaan pembenaan. Sebalek-nya perbelanjaan untok penanaman tanaman² kekal tidak begitu banyak dalam masa dua tahun pertama dan telah merosot dengan chepat-nya selepas tahun 1967. Oleh kerana kebanyakan ladang² telah di-tanam sa-mula dengan getah yang berhasil tinggi, pelaboran dalam bidang ini kebanyakan-nya di-tumpukan kapada penanaman sa-mula dan penanaman baharu kebun² kechil dan juga terhadap kemajuan perusahaan kelapa sawit.

JADUAL 2-2

KEJAYAAN EKSPOT, 1965-70

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah terkumpul, 1966-70*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Getah								
Keluaran (000 tan)	902.5	957.6	975.5	1,083.0	1,243.7	1,256.0	5,515.8	6.8
Jumlah ekspot (000 tan)	950.7	997.1	1,026.9	1,153.1	1,333.5	1,324.1	5,834.7	6.9
Nilai ekspot ($ juta)	1,461.8	1,473.9	1,274.8	1,353.2	2,031.5	1,723.8	7,857.2	3.4
Nilai sa-yunit p.k.k. (*s.* sa-paun)	69	66	56	52	68	58	—	
Timah								
Keluaran (000 tan)	63.7	68.9	72.1	75.1	72.2	72.6	360.9	2.7
Jumlah ekspot (000 tan)	73.9	72.4	74.4	87.0	90.4	91.0	415.2	4.3
Nilai ekspot ($ juta)	871.8	792.0	755.6	829.7	939.7	1,013.3	4,330.3	3.1
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	11,797	10,939	10,154	9,535	10,395	11,135	—	
Kayu balak								
Keluaran (000 tan)	6,870.0	8,746.5	9,589.6	10,770.6	11,546.0	12,470.0	53,122.7	12.7
Jumlah ekspot (000 tan)	4,114.5	5,569.8	6,156.1	7,141.8	7,551.0	7,747.0	34,165.7	13.5
Nilai ekspot ($ juta)	262.3	384.8	475.2	548.9	601.5	642.7	2,653.1	19.6
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	64	69	77	77	80	83	—	
Kayu balak yang di-gergaji								
Keluaran (000 tan)	1,360.6	1,394.1	1,712.8	1,860.4	1,919.0	2,128.0	9,014.3	9.4
Jumlah ekspot (000 tan)	520.8	496.3	592.3	772.4	845.5	960.8	3,667.3	13.0
Nilai ekspot ($ juta)	95.4	81.5	105.2	147.4	165.0	201.0	700.1	16.1
Nilai sa-yunit p.k.k .($ sa-tan)	183	164	178	191	195	209	—	

Papan veneer								
Jumlah ekspot (juta kaki persegi)	94.5	113.3	70.3	91.8	90.0	100.0	465.4	1.1
Nilai ekspot ($ juta)	4.1	6.3	2.7	5.1	3.0	5.0	22.1	4.0
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ tiap^2 1,000 kaki persegi) ..	43	56	38	56	33	50	—	
Papan berlapis								
Jumlah ekspot (juta kaki persegi)	20.4	33.7	93.0	160.8	235.0	304.0	826.5	71.7
Nilai ekspot ($ juta)	3.0	5.0	14.1	23.0	34.0	45.0	121.1	71.9
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ tiap^2 1,000 kaki persegi) ..	147	148	152	143	145	148	—	
Minyak kelapa sawit								
Keluaran (000 tan)	148.0	186.7	222.2	278.5	346.2	424.4	1,458.0	23.5
Jumlah ekspot (000 tan)	140.9	181.7	185.9	281.1	348.9	393.8	1,391.4	22.8
Nilai ekspot ($ juta)	107.3	120.1	116.0	124.5	151.8	263.1	775.5	19.6
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	762	661	624	442	435	668	—	
Isi kelapa sawit								
Keluaran (000 tan)	34.5	43.5	50.0	61.7	77.2	90.7	323.1	21.3
Jumlah ekspot (000 tan)	18.7	23.3	24.9	35.0	38.0	26.6	147.8	7.3
Nilai ekspot ($ juta)	8.8	9.3	9.3	15.4	13.3	10.5	57.8	3.6
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	471	399	371	440	350	395	—	
Petrol (*belum bertapis*)								
Keluaran (000 tan)	48.0	47.0	45.0	199.0	433.0	845.0	1,569.0	77.5
Jumlah ekspot (000 tan)	1,829.0	2,211.0	2,628.3	3,798.5	4,076.4	4,743.3	17,457.5	21.0
Nilai ekspot ($ juta)	86.7	103.4	124.0	173.1	175.7	202.7	778.9	18.5
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	50	46	47	46	43	43	—	

JADUAL 2-2—(*samb.*)

KEJAYAAN EKSPOT, 1965-70

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah terkumpul 1966-70*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Bahan api petrol								
Jumlah ekspot (000 tan)	2,505.0	2,785.0	2,759.0	2,850.2	2,798.3	2,790.1	13,982.6	2.2
Nilai ekspot ($ juta)	164.2	179.2	166.6	172.4	162.6	155.9	836.7	−1.0
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	46	64	60	63	58	58	—	
Bijeh besi								
Keluaran (000 tan)	6,852.0	5,762.4	5,349.7	5,085.3	5,151.0	4,420.1	25,768.5	−8.4
Jumlah ekspot (000 tan)	6,634.2	5,681.7	5,245.9	5,106.7	5,220.9	4,778.4	26,033.6	−6.4
Nilai ekspot ($ juta)	161.3	136.2	122.0	110.8	114.6	106.5	590.1	−8.0
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	24	24	23	22	22	22	—	
Ikan dan barang² ikan								
Di-daratkan (000 tan)	249.2	292.2	360.6	400.5	356.2	365.0	1,774.5	7.9
Jumlah ekspot (000 tan)	63.4	69.1	66.5	87.3	81.5	89.4	393.8	7.1
Nilai ekspot ($ juta)..	41.7	51.6	47.3	62.8	67.0	95.2	323.9	17.9
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	658	747	711	719	822	1,065	—	
Nenas dalam tin (*buah dan ayer*)								
Keluaran (000 tan)	54.5	57.1	61.9	62.8	66.7	68.0	316.5	4.5
Jumlah ekspot (000 tan)	53.0	58.0	61.7	65.9	64.3	62.2	312.1	3.3
Nilai ekspot ($ juta)	40.1	43.6	43.2	47.8	44.6	43.4	222.6	1.6
Nilai sa-yunit p.k.k. (buah dalam tin) ($ sa-tan) ..	757	752	700	725	694	698	—	
Nilai sa-yunit p.k.k. (ayer nenas) ($ sa-tan) ..	297	314	297	283	280	279	—	

Lada hitam									
Jumlah ekspot berseh (000 tan)	18.5	13.8	20.2	23.8	22.3	23.0	103.1	4.5
Jumlah ekspot (000 tan)	18.8	14.4	20.7	24.1	30.3	25.9	115.4	6.6
Nilai ekspot ($ juta)	44.3	35.8	37.4	36.4	55.4	59.1	224.1	5.9
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	2,356	2,486	1,808	1,513	1,828	2,282	—	
Kelapa kering								
Keluaran (000 tan)	159.1	186.2	163.9	176.1	185.1	190.0	901.3	3.6
Jumlah ekspot (000 tan)	40.5	39.1	16.6	18.6	18.5	15.3	108.1	−17.7
Nilai ekspot ($ juta)	23.7	18.4	7.3	8.6	8.3	7.1	49.7	−21.4
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	585	471	438	465	449	464	—	
Minyak kelapa (*bertapis dan belum*)								
Keluaran (000 tan)	67.8	90.0	91.3	96.2	89.2	93.0	459.7	6.5
Jumlah ekspot (000 tan)	20.0	27.9	32.1	42.2	28.9	47.5	178.6	18.9
Nilai ekspot ($ juta)	18.2	21.8	25.1	40.6	24.3	42.5	154.3	18.5
Nilai sa-yunit p.k.k. ($ sa-tan)	910	781	782	964	841	895	—	
Jumlah kechil (*$ juta*) ..	3,394.7	3,462.9	3,325.8	3,699.7	4,592.3	4,616.8	19,697.5	6.3
Barangan[2] lain ($ juta)	387.9	382.9	397.0	422.8	459.1	533.9	2,195.7	6.6
Kurang penyesuaian ($ juta)	33.6	52.8	43.8	52.5	65.4	61.7	276.2	
Jumlah dagangan[2] ekspot (p.k.k.) ($ juta)	3,749	3,793	3,679	4,070	4,986	5,089	21,617	6.3
Ekspot perkhidmatan ($ juta)	558	546	539	571	541	547	2,744	−0.4
Jumlah ekspot barang[2] dan perkhidmatan (*$ juta*) ..	4,307	4,339	4,218	4,641	5,527	5,636	24,361	5.5

Nota: Ekspot termasok barang[2] yang di-ekspot sa-mula dan ekspot barang[2] yang di-bawa masok untok di-proses di-Malaysia.

JADUAL 2-3

ALIRAN PELABORAN, 1965-70

($ juta, harga sa-masa)

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Malaysia							
Pelaboran kasar	1,411	1,498	1,595	1,601	1,582	1,928	6.4
Swasta	781	904	1,003	978	930	1,236	9.6
Awam	630	594	592	623	652	692	1.9
Nisbah pelaboran kasar/KNK ..	16.3	16.3	16.5	15.8	14.2	16.3	
Malaysia Barat							
Pelaboran kasar	1,143	1,206	1,310	1,313	1,256	1,521	5.9
Penanaman tanaman kekal ..	201	202	207	167	155	146	−6.2
Jentera dan kelengkapan ..	344	385	343	360	367	494	7.5
Pembenaan dan kerja² lain ..	592	593	662	708	728	755	5.0
Tanah	4	6	6	6	6	6	8.4
Tambahan barang baki ..	2	20	92	72	—	120	

89. Pelaboran swasta dalam lapangan² kemajuan ladang dan perlombongan yang tradisi menjadi kurang penting. Penanaman getah baharu oleh ladang² telah berkurangan hinggakan hampir tiada langsong menjelang tahun 1965, dan jumlah kawasan ladang terus merosot dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Dalam bidang kelapa sawit, kawasan ladang bertambah dengan chepat-nya di-sebabkan tanaman kelapa sawit di-ladang² getah dahulu. Ada juga tanah yang luas yang telah di-berikan kapada sektor swasta tetapi tidak di-majukan.

90. Pelaboran baharu dalam lapangan melombong bijeh timah telah banyak berkurangan. Kebanyakan lombong² baharu yang mula di-kerjakan dalam beberapa tahun yang lalu ia-lah lombong² kechil yang menggunakan pam palong. Masaalah yang di-hadapi oleh perusahaan ini ia-lah dari segi kemerosotan mutu dan simpanan bijeh yang di-ketahui. Beberapa buah lombong terpaksa mengusahakan kawasan yang telah di-lombong dan hampas² bijeh.

91. Dalam bidang pembuatan, pelaboran di-tumpukan terutama sekali kapada pengeluaran untok pasaran dalam negeri. Peluang² bagi menambahkan pelaboran dalam perusahaan² untok mengurangkan impot semakin kurang dan pelaboran baharu mula mengaleh kapada pasaran ekspot.

92. *Pelaboran awam,* yang mengalami kemajuan luar biasa, dengan kadar 19% sa-tahun dalam tempoh 1961-65, di-jangka akan di-kekalkan di-paras lebehkurang $705 juta yang di-anggarkan bagi tahun 1965. Dalam dua tahun pertama, pelaboran awam ada-lah jauh di-bawah paras ini, di-sebabkan terutama sekali oleh kesukaran^2 mendapatkan pembiayaan luar negeri. Semenjak 1968 pelaboran awam mula dan terus bertambah perlahan^2 hingga tahun 1970. Di-penghujong tempoh Ranchangan itu, penambahan pelaboran awam di-hadkan oleh kesulitan^2 perlaksanaan lebeh lagi dari kesulitan kewangan. Dalam tempoh ini, pelaboran awam bertambah sa-banyak 1.9% sa-tahun berasaskan pengurangan angka baharu bagi 1965; jumlah pelaboran awam dalam tempoh ini maseh kurang dari yang di-anggarkan sebagai matlamat Ranchangan dengan sa-banyak lebeh sedikit dari 11%.

93. Bagi perbelanjaan pembangunan awam* pula, kekurangan ada-lah kira^2 7% (*lihat* Jadual 2-4). Kekurangan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan ada-lah lebeh besar, ia-itu kira^2 17%. Sebalek-nya, perbelanjaan pembangunan Kerajaan^2 Negeri yang sa-benar-nya dan juga badan^2 berkanun ada-lah lebeh tinggi daripada yang di-anggarkan bagi Ranchangan itu.

94. Usaha^2 sektor awam di-tumpukan kapada pembangunan pertanian dan luar bandar yang menelan lebeh dari suku daripada jumlah perbe-lanjaan pembangunan. Kawasan^2 perusahaan dan kemudahan^2 lain yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan telah di-titekberatkan, sambil keutamaan tinggi juga di-berikan kapada kemajuan pelajaran untok meninggikan mutu tenaga ra'ayat, terutama sekali dalam kemahiran^2 pertanian dan teknik. Perhatian yang di-beri kapada pengangkutan dan perhubongan di-Malaysia Barat ada-lah kurang dari yang di-beri di-Malaysia Timor, di-mana perkembangan kemudahan^2 infrastraktur di-beri keutamaan.

95. Tingkat^2 kejayaan yang di-chapai ada-lah berlainan di-antara satu ranchangan dengan ranchangan yang lain. LKTP menchapai kejayaan yang melebehi matlamat kemajuan tanah-nya, tetapi kelemahan di-dapati dalam lain^2 ranchangan kemajuan tanah. Di-Malaysia Timor, kemajuan tanah ber-jalan dengan memuaskan. Parit dan taliayer, kawasan^2 perusahaan dan projek^2 perusahaan MARA juga di-laksanakan dengan memuaskan. Walau bagaimana pun, terdapat kelemahan^2 dalam projek^2 perikanan dan pen-ternakan, penyelidekan dan latehan pertanian.

---

* Perbelanjaan pembangunan awam berbeza dengan pelaboran awam. Ta'arif pelaboran awam tidak meliputi perbelanjaan^2 bagi pertahanan, pembelian tanah, pinjaman dan pemberian langsong kapada sektor swasta dan perbelanjaan bagi mewujudkan harta bendaan milek swasta.

JADUAL 2-4

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM YANG DI-SATUKAN, 1966-70

($ juta)

Sektor	*Matlamat asal Ranchangan*	*Anggaran perbelanjaan sa-benar*	*Kejayaan (%)*
Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	*1,086.6*	*1,114.1*	*102.5*
Pertanian	267.5	308.3	
Ternakan	33.8	18.5	
Perikanan	22.3	9.0	
Perhutanan	12.4	14.9	
Parit dan taliayer	332.7	342.6	
Kemajuan tanah	375.9	363.6	
Lain[2]	42.0	57.2	
Galian	*1.3*	*0.7*	*53.8*
Kemajuan Perusahaan	*84.5*	*141.3*	*167.2*
Pengangkutan	*546.0*	*544.9*	*99.8*
Jalan dan jambatan*	389.5	339.8	
Keretapi	21.3	50.9	
Penerbangan awam	21.5	61.1	
Pelabohan	113.7	93.0	
Perhubongan	*205.5*	*203.0*	*98.8*
Talikom	142.5	146.2	
Penyiaran	53.1	51.0	
Perkhidmatan kajichuacha	.3	1.2	
Perkhidmatan pos	9.6	4.6	
Kemudahan[2] Awam	*786.3*	*681.4*	*86.7*
Letrik	584.3	530.6	
Bekalan Ayer	202.0	150.8	
Pelajaran dan Latehan	*470.8*	*329.4*	*70.0*
Kesihatan dan Peranchang Keluarga	*189.4*	*146.6*	*77.4*
Perkhidmatan Sosial dan Masharakat	*315.1*	*276.1*	*87.6*
Perumahan	188.1	197.2	
Saloran najis	21.6	9.6	
Lain[2]	105.4	69.3	

* Termasok jentera dan kelengkapan JKR.

Sektor	*Matlamat asal Ranchangan*	*Anggaran perbelanjaan sa-benar*	*Kejayaan* %
Pentadbiran Awam	*126.4*	*138.1*	*109.3*
Jumlah kechil: (tidak termasok keselamatan) ..	*3,811.9*	*3,575.6*	*93.8*
Pertahanan dan Keselamatan dalam Negeri ..	*739.0*	*666.8*	*90.2*
Pertahanan	600.0	532.4	
Keselamatan dalam Negeri	139.0	134.4	
Jumlah ..	4,550.9	4,242.4	93.2

96. Dalam bidang *pengangkutan dan perhubongan* kelemahan di-dapati dalam kemajuan jalan raya di-Malaysia Barat oleh sebab kelemahan² ke-upayaan perlaksanaan dan kekurangan penyediaan projek. Kemajuan kere-tapi dan pelabohan berjalan mengikut jadual. Di-Malaysia Timor, pembenaan jalan raya berjalan dengan lichin-nya, tetapi pembangunan pelabohan telah tergendala di-sebabkan oleh kelambatan mendapat bantuan dari luar negeri. Kemajuan projek² perhubongan dan kuasa letrik berjalan dengan memuas-kan. Tetapi, projek² bekalan ayer tidak dapat di-siapkan mengikut jadual.

97. Dalam bidang *kemajuan sosial* terdapat kekurangan perlaksanaan dalam ranchangan pelajaran, terutama sekali dalam pelajaran vokeshen dan teknik. Ini di-sebabkan terutama-nya oleh kekurangan keupayaan per-laksanaan, kekurangan guru dan kelambatan mendapat pembiayaan dari luar negeri. Ranchangan perkembangan universiti berjalan dengan memuaskan, tetapi ranchangan² bagi pelajaran rendah dan menengah ada-lah tidak saperti di-jadualkan. Projek² kesihatan juga telah kurang dari matlamat di-sebabkan oleh masaalah² perlaksanaan dan kakitangan.

98. Perbelanjaan untok *penggunaan* oleh pehak awam dan swasta yang merupakan lebeh dari 80% daripada jumlah permintaan dalam negeri meningkat dengan kadar purata 6.2% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Sunggoh pun kadar ini ada-lah rendah dari yang di-anggarkan bagi Ran-changan itu, ia-itu 6.5%, penambahan mutlak penggunaan ada-lah lebeh tinggi oleh sebab angka asas bagi tahun 1965 telah di-pertinggikan.

99. *Penggunaan awam* bertambah dengan chepat, dengan kadar purata 9.4% sa-tahun berbanding dengan 6.8% yang di-jangka dalam Ranchangan. Sementara usaha² di-buat untok mengechilkan perbelanjaan, tambahan²

perbelanjaan ada-lah perlu untok menentukan supaya projek² yang di-laksanakan pada masa lampau dapat di-jalankan dengan sempurna dan juga untok membiayaï perbelanjaan bagi pelajaran, kesihatan, pertahanan dan keselamatan yang semakin meningkat dengan chepat-nya.

100. *Penggunaan swasta* bertambah dengan kadar 5.3% sa-tahun, ia-itu kurang dari kadar yang di-ramalkan bagi Ranchangan tersebut, ia-itu 6.4%. Tambahan perbelanjaan ini di-sebabkan oleh bertambah-nya bilangan pendudok serta semakin tinggi-nya taraf hidup.

3. PENAWARAN DALAM NEGERI DAN IMPOT

101. Dari segi *penawaran,* data² mengenaï nilai sumbangan perusahaan (mengikut harga² tetap tahun 1965) di-Malaysia Barat (*lihat* Jadual 2-5) menunjokkan bahawa keluaran *perusahaan pembuatan* bertambah dengan chepat-nya sa-banyak 9.9% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Pengeluaran yang bertambah itu ada-lah dari berbagai² jenis, termasok beberapa jenis makanan², minuman², barang² tembakau, kain, kayu, barang² getah dan plastik, simen, logam dan barang² logam.

102. *Pembenaan* bertambah dengan perlahan dalam tempoh ini pada kadar purata 4.1% sa-tahun berbanding dengan 8% sebagaimana yang di-ramal-kan dalam Ranchangan tersebut. Kadar perkembangan yang agak perlahan ini telah di-sebabkan oleh kekurangan² dalam matlamat pelaboran. Pem-benaan pada umum-nya merupakan kurang sedikit dari setengah pem-bentokan modal kasar.

103. *Hasil² pertanian* yang di-gunakan dalam negeri bertambah dengan kadar lebeh kurang 6% sa-tahun. Dengan ini pengeluaran bukan sahaja bertambah mengikut kadar penambahan pendudok, tetapi juga membolehkan banyak lagi penggantian impot. Keluaran ikan, ternakan yang tertentu, ayam-itek dan padi bertambah dengan chepat-nya. Sementara itu, ada beberapa barang yang tidak menchukopi, terutama sekali buah²an dan sayoran, daging dan barang² dari susu.

104. Dalam sektor *perkhidmatan,* pengangkutan dan perhubongan telah bertambah dengan kadar sa-banyak 3% sa-tahun. Perkhidmatan² lain, termasok kesihatan dan pelajaran, telah bertambah dengan kadar sa-banyak 4.7%. Perniagaan borong dan runchit telah berkembang dengan kadar sa-banyak 3.2% sementara urusan bank, insuran dan pembenaan harta rumah-tanah telah bertambah dengan kadar purata sa-banyak 10.2% sa-tahun.

JADUAL 2-5

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT ASAL PERUSAHAAN, MALAYSIA BARAT, 1965-70

($ juta, mengikut harga 1965)

Sektor	*1965*	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,066	2,220	2,269	2,481	2,704	2,877	6.8
Pertanian dan ternakan	856	911	902	964	1,056	1,140	5.9
Penanaman getah	988	1,040	1,056	1,160	1,311	1,323	6.0
Perhutanan	84	108	110	133	141	156	13.2
Perikanan	138	161	201	224	196	258	13.3
Galian dan kuari	587	609	627	645	623	619	1.1
Pembuatan	682	750	861	946	1,007	1,094	9.9
Pembenaan	269	274	289	308	318	329	4.1
Letrik, ayer dan khidmatan kebersehan	150	171	185	194	205	221	8.1
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubongan	284	285	300	305	312	329	3.0
Perdagangan borong dan runchit	1,004	1,043	1,041	1,091	1,113	1,173	3.2
Bank, insuran dan harta rumah-tanah	104	121	130	144	155	169	10.2
Hak milek tempat[2] kediaman	292	302	313	322	334	345	3.4
Pentadbiran awam dan pertahanan	404	423	446	457	475	520	5.2
Perkhidmatan[2]	710	745	784	804	835	893	4.7
Keluaran dalam negeri kasar mengikut kos faktor ..	6,552	6,943	7,245	7,697	8,081	8,569	5.5

105. Pada keselurohan-nya, ekonomi telah berkembang selaras dengan perkembangan permintaan dalam negeri. Harga barang² hanya naik dengan tingkat yang sederhana sahaja. Sepanjang tempoh Ranchangan, angka-tunjok harga runchit (1959=100) telah bertambah dari 102.3 kapada 108.6.

106. *Impot* barang² pengguna bertambah dengan kadar yang lebeh perlahan dan sebagai sa-bahagian dari jumlah penggunaan telah turun dari 19.1% kapada 16.6% dalam tempoh Ranchangan. Ini menunjokkan kejayaan dalam usaha menggantikan impot barang² saperti makanan, minuman², barang² tembakau, kain² dan barang² perusahaan rengan. Tetapi impot barang² modal bertambah dengan pesat-nya, bahkan lebeh chepat dari perkembangan jumlah pelaboran. Sebagai sa-bahagian dari jumlah impot yang di-gunakan dalam negeri, impot barang² modal telah bertambah dari kira² 25.5% kapada 30.5%. Pada keselurohan-nya, impot barang² dan perkhidmatan² bertambah dengan kadar purata sa-banyak 4.9% sa-tahun.

VI.—PEMBIAYAAN PERKEMBANGAN EKONOMI

107. Ranchangan Malaysia Pertama telah menjangka bahawa perbelanjaan negara kasar akan berkembang dengan kadar yang lebeh chepat dari KNK, supaya imbangan berseh luar negeri bertukar dari lebehan kapada kurangan. Ada-lah di-harapkan bahawa kurangan ini dapat di-penohi oleh aliran masok puncha² kewangan luar negeri berserta dengan penjualan harta² di-negeri asing dengan chara sederhana. Sementara itu ekspot² telah bertambah lebeh dari yang di-jangka manakala permintaan dalam negeri bertambah dengan kadar yang lebeh sedikit dari yang di-anggarkan. Ini menyebabkan KNK terus melebehi perbelanjaan negara kasar, dengan menghasilkan lebehan dalam akaun sa-masa berkaitan dengan imbangan pembayaran menjelang akhir tempoh Ranchangan.

108. Dalam masa tersebut tabongan negara kasar terus di-kekalkan dengan nisbah sa-banyak 17.8% dari KNK. Kurangan tabongan, saperti yang di-anggarkan dalam Ranchangan, telah tidak di-alami, tetapi sebalek-nya tabongan² telah melebehi pelaboran pada tiap² tahun.

109. Aliran² perbelanjaan negara, KNK, tabongan dan imbangan luar negeri berseh (atau imbangan dalam akaun sa-masa bagi barang² dan perkhidmatan) bagi beberapa tahun yang lepas ada-lah di-bentangkan dalam Jadual 2-6.

JADUAL 2-6

PERBELANJAAN DAN TABONGAN, 1965-70

($ juta, harga[2] sa-masa)

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah terkumpul, 1966-70*	*Kadar kenaikan purata tahunan (%)*
Perbelanjaan penggunaan	7,041	7,533	7,944	8,269	8,668	9,496	41,910	6.2
Swasta	5,578	5,872	6,239	6,528	6,740	7,208	32,587	5.3
Awam	1,463	1,661	1,705	1,741	1,928	2,288	9,323	9.4
Perbelanjaan pelaboran	1,411	1,498	1,595	1,601	1,582	1,928	8,204	6.4
Swasta	781	904	1,003	978	930	1,236	5,051	9.6
Awam	630	594	592	623	652	692	3,153	1.9
Perbelanjaan negara kasar	8,452	9,031	9,539	9,870	10,250	11,424	50,114	6.2
Imbangan luar negeri mengenaï barang[2] dan perkhidmatan	185	147	145	260	868	397	1,817	
Keluaran negara kasar	8,637	9,178	9,684	10,130	11,118	11,821	51,931	6.5
Kurang: Pindahan[2] berseh luar negeri	−58	−106	−143	−143	−181	−180	−753	
Kurang: Perbelanjaan pengunaan	−7,041	−7,533	−7,944	−8,269	−8,668	−9,496	−41,910	
Bersamaan: Tabongan negara kasar	1,538	1,539	1,597	1,718	2,269	2,145	9,268	6.9
Nisbah tabongan/KNK	17.8	16.8	16.5	17.0	20.4	18.1	17.8	
Nisbah pelaboran/KNK	16.3	16.3	16.5	15.8	14.2	16.3	15.8	

110. Lebehan² yang di-perolehi dalam imbangan berseh luar negeri dan dalam imbangan tabongan pelaboran mempunyaï kesan² yang tertentu kapada imbangan pembayaran dan chorak kewangan negara.

111. Lebehan dalam imbangan luar negeri berseh, setelah di-tolak kurangan yang semakin banyak dalam bayaran pindah luar negeri, maseh menghasilkan lebehan yang besar dalam akaun imbangan sa-masa pembayaran bagi tempoh ini. Walau pun begitu, lebehan ini tidak dengan sendiri-nya menambahkan harta² Malaysia di-luar negeri. Satu butiran besar, ia-itu, "kesilapan dan ketinggalan", yang merupakan pembayaran² masok dan keluar yang tidak di-rekod, harus di-kira. Butiran ini bertambah dan merupakan satu jumlah yang agak besar menjelang akhir tempoh Ranchangan dan dalam beberapa tahun yang lampau, kechuali tahun 1969, butiran ini telah memusnahkan lebehan² yang di-perolehi dalam akaun sa-masa. Sebalek-nya, wang modal dari puncha² persendirian dan juga puncha² resmi yang mengalir masok ka-negara ini memainkan peranan yang penting dalam menambahkan puncha² kewangan bagi pembangunan. Modal jangka-panjang swasta, termasok pendapatan² yang di-modalkan sa-mula dari sharikat² asing, memberikan jumlah berseh sa-banyak $155 juta sa-tahun. Modal resmi dari pinjaman untok projek² dan pinjaman² dari pasaran kewangan berjumlah sa-banyak $76 juta sa-tahun. Dengan ini imbangan pembayaran pada keselurohan-nya memberikan lebehan berseh sa-banyak $1,064 juta sa-tahun bagi tempoh lima tahun itu. Jadual 2-7 membentangkan kedudokan imbangan pembayaran negara bagi tempoh tersebut.

112. Aliran² bagi perbelanjaan dan tabongan telah menunjokkan yang tabongan negara kasar melebehi pelaboran negara kasar. Walau pun begitu, ini tidak bermaana yang sektor awam tidak mengalami masaalah pembiayaan. Dalam sektor swasta tabongan melebehi pelaboran, sementara dalam sektor awam pula pelaboran melebehi tabongan. Jadual 2-8 membentangkan imbangan puncha² kewangan di-antara sektor² awam dan swasta. Kedudokan yang kurang baik terdapat dalam sektor awam walau pun pendapatan Kerajaan, termasok lebehan² kewangan badan² berkanun dan pendapatan berseh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja² (KWSP) merupakan lebeh dari suku daripada KNK, setelah bertambah daripada kira² 22% dalam tahun 1965 kapada 26% dalam tahun 1970.

JADUAL 2-7

IMBANGAN PEMBAYARAN, 1965-70

($ juta)

Akaun sa-masa	*1965*	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah terkumpul, 1966-70*
Ekspot[2] p.k.k.	3,749	3,793	3,679	4,070	4,986	5,089	21,617
Impot[2] p.k.k.	3,218	3,233	3,202	3,427	3,505	4,055	17,422
Imbangan barang	+531	+560	+477	+643	+1,481	+1,034	+4,195
Perkhidmatan[2] (berseh)	−346	−413	−332	−383	−613	−637	−2,378
Pindahan[2] (berseh)	−58	−106	−143	−143	−181	−180	−753
Imbangan dalam akaun sa-masa ..	+127	+ 41	+ 2	+117	+687	+217	+1,064
Akaun Modal							
Modal jangka panjang (berseh) ..	250	191	241	248	313	172	1,165
Swasta	150	169	130	185	140	160	784
Awam	100	22	111	63	173	12	381
Kesilapan dan ketinggalan termasok modal jangka pendek (berseh)	−238	−399	−496	−388	−470	−329	−2,082
Penggunaan harta di-luar negeri* (berseh)	−139	+167	+253	+ 23	−530	− 60†	−147†
Imbangan dalam akaun modal ..	−127	− 41	− 2	−117	−687	−217	−1,064

* (−) bererti terkumpul dan (+) bererti di-gunakan.

† tidak termasok peruntokan bagi Hak Keluaran Khas TKA.

JADUAL 2-8

TABONGAN, PELABORAN DAN IMBANGAN PUNCHA KEWANGAN

($ juta)

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah terkumpul, 1966-70*
Sektor Awam							
Tabongan*	300	386	449	520	627	734	2,716
Pelaboran	630	594	592	623	652	692	3,153
Baki	−330	−208	−143	−103	− 25	+ 42	−437
Sektor Swasta							
Tabongan	1,238	1,153	1,148	1,198	1,642	1,411	6,552
Pelaboran	781	904	1,003	978	930	1,236	5,051
Baki	+457	+249	+145	+220	+712	+175	+1,501
Ekonomi Negara							
Tabongan	1,538	1,539	1,597	1,718	2,269	2,145	9,268
Pelaboran	1,411	1,498	1,595	1,601	1,582	1,928	8,204
Baki	+127	+ 41	+ 2	+117	+687	+217	+1,064

* Termasok pendapatan berseh KWSP.

113. Lebehan tabongan dari pelaboran dalam sektor swasta telah membolehkan Kerajaan mengekalkan tingkat pinjaman yang tinggi dari puncha² dalam negeri. Puncha² dalam negeri, termasok lebehan sektor awam dan pinjaman berseh dalam negeri, telah membiayaï sa-banyak 83.5% dari jumlah perbelanjaan pembangunan awam dalam tempoh lima tahun itu. Pembiayaan dari luar negeri merupakan hanya 16.5% sahaja berbanding dengan matlamat Ranchangan sa-banyak lebeh dari 40%. Chara² pembiayaan ranchangan² pembangunan sektor awam bagi tempoh 1966-70 ada-lah di-bentangkan dalam Jadual 2-9.

JADUAL 2-9

KEWANGAN SEKTOR AWAM YANG DI-SATUKAN, 1965-70

($ juta)

	1965	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970 (Permulaan)*	*Jumlah terkumpul, 1966-70*
Hasil Kerajaan sa-masa	1,732	1,943	2,164	2,260	2,482	2,807	11,656
Perbelanjaan Kerajaan sa-masa ..	1,645	1,793	1,969	1,986	2,118	2,397	10,266
Lebehan Kerajaan sa-masa ..	87	150	195	271	364	410	1,390
Lebehan badan² berkanan	50	56	59	67	79	79	340
Lebehan sa-masa sektor awam ..	137	206	254	338	443	489	1,730
Perbelanjaan pembangunan ..	792	837	815	847	862	881	4,242
Kurangan keselurohan	−655	−631	−561	−509	−419	−392	−2,512
PUNCHA² KEWANGAN:							
Pinjaman berseh dalam negeri* ..	408	282	529	424	343	286	1,864
Pinjaman berseh luar negeri ..	100	35	135	103	173	12	458
Pemberian luar negeri	84	93	56	46	28	20	243
Penggunaan harta yang terkumpul†	63	221	−159	− 64	−125	+ 74	− 53
Jumlah ..	655	631	561	509	419	392	2,512

* Termasok pinjaman dari KWSP.

† (−) bererti terkumpul dan (+) bererti di-gunakan.

BAB III

Perimbangan Ekonomi

I.—PENDAHULUAN

114. Supaya pembangunan ekonomi dapat memberi sumbangan yang maksima terhadap perpaduan negara di-Malaysia, keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang sekarang ini mesti di-perbaiki. Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah di-rangka dengan tujuan mengukohkan lagi proses menyusun sa-mula masharakat untok memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang atau jurang perbezaan antara gulongan² besar dalam masharakat Malaysia, terutama sekali di-kalangan kaum. Proses ini akan dapat mewujudkan satu masharakat di-mana semua ra'ayat Malaysia boleh menyertai dan sama² mendapat faedah² pembangunan ekonomi dan sosial.

II.—KEADAAN SEKARANG

115. Beberapa keadaan jurang perbezaan ekonomi terdapat di-negeri ini. Tetapi, masaalah perbezaan ekonomi yang paling besar ia-lah mengenaï chorak hak milek dan penguasaan kegiatan² ekonomi, pembahagian² pendapatan dan pekerjaan. Perkara ini ternyata benar, khusus-nya jika orang² Melayu dan bumiputra² yang lain di-bandingkan dengan orang² bukan Melayu.

116. Usaha² menentukan dengan sepenoh-nya keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang ini belum dapat di-selesaikan dengan sempurna. Oleh itu penyelidekan² akan terus di-jalankan sebagai sa-bahagian daripada Ranchangan ini. Badan² peranchang pusat, khusus-nya Jabatan Perpaduan Negara ada-lah bertanggong-jawab dalam menjalankan penyelidekan² tersebut. Sunggoh pun demikian, maklumat² yang ada sekarang ada-lah menchukopi bagi menggubal satu strateji untok menyusun sa-mula ekonomi bagi menchapai matlamat ekonomi yang sa-imbang.

117. Satu chara yang jelas bagi menunjokkan keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang ini ada-lah dengan meninjau sektor² ekonomi yang berikut:

Sektor Tradisi Luar Bandar yang terdiri daripada kebun² kechil getah yang tidak produktif, penanaman padi sa-kali sa-tahun, penternakan dan lain² kegiatan pertanian yang tradisi, memungut hasil² hutan, menangkap ikan di-perayeran pantai, mendulang bijeh dan mengerjakan lombong² kechil dengan menggunakan pam palong.

Sektor Moden Luar Bandar yang terdiri daripada kegiatan² pertanian ladang yang luas kawasan-nya (mithal-nya getah, kelapa sawit, kelapa, teh dan koko), ranchangan² LKTP dan penanaman padi dua kali sa-tahun, perusahaan perhutanan, penangkapan ikan dan perlombongan dengan chara moden.

Sektor Tradisi Bandar yang terdiri daripada bahagian² perusahaan pembuatan, pembenaan, perdagangan, pengangkutan dan perkhid-matan² yang di-jalankan tanpa menggunakan kelengkapan² dan teknik² moden; ini termasok-lah tukang² kechil, peniaga² kechil, penjaja², pemilek² gerai, orang² gaji, penarek² becha dan orang² yang bekerja dalam berbagai² kegiatan yang memerlukan sedikit kemahiran atau tiada memerlukan kemahiran atau latehan permulaan langsong.

Sektor² Moden Bandar yang terdiri daripada perusahaan yang menggunakan teknik yang maju, saperti perusahaan pembuatan, pembenaan, perdagangan, kemudahan² awam, pengangkutan dan perkhidmatan² moden, termasok-lah kerja² profesional dan perusahaan, dan pelanchongan.

Sektor Kerajaan yang terdiri daripada pentadbiran² Kerajaan Persekutuan, Kerajaan² Negeri dan majlis² tempatan, badan² berkanun, serta pasokan² Polis dan Tentera.

118. Pengelasan kegiatan ekonomi yang di-nyatakan di-atas mungkin tiada lengkap, tetapi ada-lah memadaï bagi menggambarkan straktur ekonomi yang membezakan di-antara yang tradisi dan tidak produktif, terbantut serta mundur, dengan yang moden, tersusun serta menggunakan modal yang banyak, termasok-lah yang lebeh maju dan yang banyak mendapatkan hasil. Pengelasan itu juga menunjokkan tempat dan chorak kegiatan² ekonomi di-antara kawasan² luar bandar dan bandar.

119. Analisa 'am mengenaï keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang dari segi pendapatan, pekerjaan, dan hak milek kekayaan boleh di-jalankan dengan ada-nya pengelasan ekonomi kapada lima sektor saperti yang di-nyatakan di-atas.

1. PENDAPATAN YANG TIDAK SA-IMBANG

120. Data^2 yang ada di-Malaysia Barat menunjokkan bahawa pendapatan purata pekerja^2 dalam kelima^2 sektor ekonomi yang di-huraikan di-atas ada-lah di-susun saperti berikut:

Sektor Moden Bandar	Tinggi
Sektor Moden Luar Bandar	Pertengahan
Sektor Kerajaan	
Sektor Tradisi Bandar	Rendah
Sektor Tradisi Luar Bandar	

Mengikut susunan di-atas, peringkat berpendapatan tinggi ada-lah kira^2 satu sa-tengah hingga dua kali lebeh daripada peringkat yang berpendapatan pertengahan dan tiga hingga empat kali lebeh daripada peringkat^2 yang berpendapatan rendah. Kira^2 60% daripada pekerja^2 Malaysia Barat di-dapati di-Sektor Tradisi Luar Bandar dan Sektor Tradisi Bandar yang berpendapatan paling rendah. Hampir sa-perlima pekerja^2 di-Malaysia Barat ada-lah di-dapati dalam Sektor Moden Bandar dengan pendapatan yang tinggi, dan lebeh sedikit daripada sa-perlima di-Sektor^2 Moden Luar Bandar dan Kerajaan menerima pendapatan pertengahan.

121. Selain dari perbezaan^2 pendapatan antara sektor^2, terdapat juga perbezaan pendapatan antara kaum. Ini ada-lah akibat daripada pengenalan kaum mengikut kegiatan^2 ekonomi. Sa-bilangan besar orang^2 Melayu maseh lagi bekerja dalam Sektor Tradisi Luar Bandar dan sa-bilangan besar orang^2 bukan Melayu pula maseh bekerja dalam Sektor Moden Bandar dan Sektor Moden Luar Bandar. Oleh itu, pada 'am-nya, pendapatan orang^2 Melayu ada-lah lebeh rendah daripada pendapatan orang^2 bukan Melayu.

2. KEADAAN GUNATENAGA YANG TIDAK SA-IMBANG

122. Sunggoh pun data^2 yang ada menunjokkan pembahagian pekerjaan mengikut kaum di-Malaysia Barat hampir^2 mencherminkan bilangan pendudok Malaysia yang berbilang kaum, pekerja^2 Melayu maseh terkumpul dalam kegiatan^2 tradisi luar bandar yang sering mengalami

gunatenaga tak penoh. Oleh itu, sa-bahagian besar daripada pekerjaan² Melayu di-luar bandar melibatkan penganggoran yang tak ketara. Unsor² ini juga terdapat di-Sektor Tradisi Bandar, di-mana orang² bukan Melayu lebeh ramai daripada orang² Melayu. Bilangan orang² Melayu juga kurang sa-imbang di-dalam peringkat² pekerjaan dan jawatan tinggi.

123. Pada masa ini pengenalan kaum bukan sahaja mengikut jenis² pekerjaan bahkan juga berdasarkan kapada kawasan². Umpama-nya, kebanyakan orang² Melayu tinggal di-kawasan² luar bandar, bekerja dalam kegiatan² yang berpendapatan rendah saperti bertanam padi, menangkap ikan dan menoreh getah. Kebanyakan orang² bukan Melayu pula di-dapati di-kawasan² bandar atau di-ladang² dan bekerja sebagai pekedai², pekerja² restoran dan kilang, pekerja² pembenaan, penjaja² dan pekedai² dan peniaga² kechil, pembekal² perkhidmatan dagangan dan rumah-tangga dan pekerja² dalam kegiatan pertanian moden.

124. Dalam Sektor Tradisi Luar Bandar orang² Melayu melebehi orang² bukan Melayu sa-banyak tiga kali lebeh. Sebalek-nya dalam Sektor Tradisi Bandar orang² bukan Melayu juga melebehi seramai tiga kali. Dalam Sektor Moden Luar Bandar dan Sektor Moden Bandar, orang² bukan Melayu ada-lah melebehi orang² Melayu dengan nisbah 5:2, sementara dalam Sektor Kerajaan orang² Melayu melebehi dengan nisbah 5:3.

125. Kajian mengenaï keadaan gunatenaga yang telah di-jalankan dalam tahun² 1962 dan 1967 di-Malaysia Barat menunjokkan bahawa gunatenaga* orang2 Melayu dalam berbagai2 sektor telah mengalami perubahan yang besar. Perubahan yang amat nyata ia-lah bertambah kurang-nya pekerja² Melayu dalam Sektor Tradisi Luar Bandar sementara dalam sektor² moden, termasok Sektor Kerajaan, bilangan pekerja² Melayu di-dapati bertambah.

126. Kedudokan orang² Melayu dalam jawatan² tinggi dalam Sektor² Moden mengikut ukoran purata ada-lah kurang daripada orang² bukan Melayu. Dalam bidang perusahaan, umpama-nya, kebanyakan orang² Melayu bekerja dalam bahagian pekerjaan yang berkemahiran rendah dan yang tiada memerlukan kemahiran. Orang² Melayu kurang menyertaï dalam jenis² pekerjaan yang lain saperti peringkat pengurusan dan profesional. teknik dan penyeliaan, juga sebagai kerani². Dalam pada itu, dalam sharikat² perintis bilangan pekerja² berbilang kaum ada-lah lebeh

---

* "Bekerja" di-ta'arifkan sebagai sa-seorang yang bekerja untok mendapatkan bayaran, keuntongan dan laba kapada keluarga, pada sebarang masa pada minggu kajian; oleh itu "bekerja" termasok-lah "gunatenaga yang tak penoh". "Penganggor" di-ta'arifkan sebagai sa-seorang yang tidak bekerja tetapi giat menchari kerja dan bersedia menerima sesuatu pekerjaan jika di-tawarkan. Angka2 meliputi warganegara dan bukan warganegara.

sa-imbang. Tetapi dalam peringkat pengurusan, profesional, teknik dan penyeliaan, orang2 Melayu maseh lagi kurang. Kebanyakan jawatan² tinggi maseh lagi di-pegang oleh orang² bukan Melayu dan orang² asing.

127. Pada tahun² sudah, kemajuan untok mengimbangkan lagi pekerjaan² telah di-chapai. Kajian Chontoh Ekonomi Sosio Rumah-tangga di-Malaysia Barat, yang telah di-jalankan dalam tahun 1967/68 dan meliputi 330,000 rumah-tangga, menunjokkan bahawa 119,000 pekerja terdapat dalam bidang² profesional, teknik, dan pekerjaan² yang berkaitan. Dari jumlah ini, seramai 74,900 atau 63% ada-lah guru² sekolah. Orang² Melayu merupakan hampir² 40,000 atau 53% daripada jumlah bilangan guru² ini. Tetapi orang² Melayu maseh kurang di-dalam bidang² perundangan, kejuruteraan, jawatan² kanan perubatan dan dalam bidang² teknik. Ramai orang² Melayu yang berpelajaran bekerja dalam sektor awam.

3. KEADAAN TIDAK SA-IMBANG DALAM HAK MILEK DAN PENGUASAAN KEKAYAAN

128. Hak milek dan penguasaan kekayaan dan chara² pengeluaran—kebun² dan ladang², kawasan² membalak, lombong², kedai², kilang², sharikat² pengangkutan, alat², jentera² dan akaun² bank—menunjokkan satu lagi aspek keadaan ekonomi antara kaum yang tidak sa-imbang. Sunggoh pun demikian, harus di-ingat bahawa dalam Sektor² Moden banyak hak milek penguasaan yang di-pegang oleh orang² asing.

129. Hampir semua sawah² padi di-mileki oleh orang² Melayu, tetapi kebanyakan dari mereka ini hanya boleh di-katakan menyewa tanah² tersebut. Daripada jumlah kawasan² tanah seluas 4.2 juta ekar yang di-tanam dengan getah di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1970, 37% di-mileki oleh orang² Melayu, 42% oleh orang² bukan Melayu dan 21% oleh orang² asing. Lebeh kurang separoh daripada ladang² getah di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1970, di-mileki oleh ra'ayat Malaysia. Yang separoh lagi itu di-mileki oleh orang² asing. Orang² Melayu tiada memileki sebarang ladang² getah yang luas (100 ekar atau lebeh). Orang² Melayu dan orang² bukan Melayu memileki hampir² sama banyak kebun² kechil getah di-Malaysia Barat yang luas-nya di-anggarkan lebeh sedikit daripada dua juta ekar. Tiga suku daripada kawasan² ladang kelapa sawit dan kelapa di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1970 ada-lah di-mileki oleh orang² asing, dan semua baki-nya di-mileki oleh orang² bukan Melayu. Lebeh kurang 308,000 ekar tanah LKTP yang di-tanam dengan getah dan kelapa sawit yang kebanyakannya di-dudoki oleh orang² Melayu tidak dapat menukar keadaan keselurohan jurang perbezaan hak milek dalam perusahaan² getah, kelapa sawit dan kelapa.

130. Satu analisa mengenaï saham modal sharikat² berhad yang menjalankan perusahaan di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1969 menunjokkan perkara² berikut:

JADUAL 3-1

HAK MILEK SAHAM MODAL SHARIKAT2 BERHAD, MALAYSIA BARAT, 1969

Sharikat² yang di-tubohkan di-Malaysia Barat	*Semua perusahaan* ($000)	(%)
Tempatan		
Orang² Melayu	49,294	1.0
Modal orang² Melayu	21,339	0.5
Orang² China	1,064,795	22.8
Orang² India	40,983	0.9
Kerajaan² Persekutuan dan Negeri	21,430	0.5
Sharikat² wakil	98,885	2.1
Sharikat² lain yang di-kuasaï oleh orang² perseorangan dan tempatan	470,969	10.1
Sharikat² yang di-kuasaï oleh orang² asing di-Malaysia ...	282,311	6.0*
Asing	1,235,927	26.4*
Chawangan sharikat² di-Malaysia Barat yang di-tubohkan di-seberang laut		
Pelaboran berseh oleh Ibu Pejabat	1,391,607	29.7*
Jumlah ...	4,677,540	100.0

131. Jadual 3-1 menunjokkan bahawa kebanyakan saham modal sharikat² berhad di-Malaysia Barat di-mileki oleh orang² asing. Daripada jumlah $4,678 juta saham modal, 62.1% di-mileki oleh orang² asing, berbanding dengan 22.8% oleh orang² China, 1.5% oleh orang² Melayu, dan 0.9% oleh orang² India. Hak milek orang² asing merupakan sa-tengah hingga tiga perempat daripada saham modal sharikat² berhad dalam bidang² pertanian, ladang, perlombongan, perusahaan, pembuatan, perdagangan borong, urusan² bank dan kewangan. Mereka juga memileki lebeh dari satu pertiga saham² modal sharikat² berhad dalam perusahaan pembenaan, perdagangan² runchit dan lain².

* Butir² ini menunjokkan bahawa hak milek orang asing berjumlah 62.1%

132. Keadaan ekonomi tidak sa-imbang yang di-nyatakan di-atas, ter-utama sekali di-antara orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dengan orang² bukan Melayu, ada-lah kesan dari dasar² penjajah beratus² tahun lama-nya dan berupa chorak pembangunan ekonomi dalam zaman penjajah. Keadaan saperti ini hanya boleh di-perbaiki dalam masa yang panjang. Semenjak Merdeka dalam tahun 1957, Kerajaan telah menchapai kemajuan bagi membaiki keadaan ini dan membena satu straktur ekonomi yang akan menjadi asas yang tegoh bagi negara Malaysia yang bersatu padu dan adil.

III.—TUJUAN MENGIMBANGKAN EKONOMI

133. Dasar² dan ranchangan² dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah di-rangka bagi menyusun sa-mula masharakat Malaysia untok membaiki keadaan yang tidak sa-imbang dari segi pembahagian pendapatan, peker-jaan dan hak milek serta penguasaan kekayaan saperti di-jelaskan di-atas. Kerajaan bertujuan mengimbangkan ekonomi selaras dengan kemajuan yang adil dan harmoni untok negara Malaysia dalam tempoh yang tertentu. Perenggan² yang berikut akan menerangkan dengan lebeh lanjut pengertian tujuan ini.

134. Dalam perkembangan ekonomi yang dinamis, perimbangan ekonomi bererti pembahagian hasil² dan tanggong-jawab² pembangunan ekonomi dengan chara yang patut dan adil. Hasil utama pembangunan ekonomi, ia-itu pendapatan yang meningkat berikutan dengan perkembangan ekonomi negara, hendak-lah di-bahagikan dengan adil. Perimbangan di-sini berma'ana bahawa anggota² masharakat Malaysia yang hanya mendapat faedah² yang sedikit dari pembangunan yang lalu, sekarang mesti-lah di-beri peluang² yang banyak bagi mendapat bahagian yang lebeh adil dari barang² dan perkhidmatan², hasil dari pembangunan. Ini berma'ana bahawa mereka yang sekarang berada dalam kemiskinan, khusus-nya orang² yang tinggal dalam Sektor Tradisi Luar Bandar dan Sektor Tradisi Bandar harus-lah di-lengkapi dengan latehan dan puncha² pengeluaran yang di-perlukan bagi memperelokkan kedudokan ekonomi mereka.

135. Perimbangan juga bererti pembahagian dari segi pengurusan, hak milek dan pekerjaan dalam beberapa sektor ekonomi. Pada masa ini, orang² bukan Melayu dan orang² asing menguasaï sektor² perusahaan pembuatan dan perniagaan. Sebagaimana di-nyatakan dalam Bab² yang terkemudian, kedua² sektor ini, khusus-nya perusahaan pembuatan, akan di-jadikan bidang² perkembangan yang utama dalam tempoh sa-puloh tahun yang akan datang. Kerajaan telah menetapkan matlamat bahawa dalam tempoh

20 tahun, orang² Melayu akan mengurus dan memileki sekurang²-nya 30% dari jumlah aktiviti² perdagangan dan perusahaan dalam semua jenis dan peringkat. Kerajaan juga telah menegaskan bahawa chorak pekerjaan dalam semua peringkat pekerjaan dan sektor, terutama-nya dalam Sektor Moden Luar Bandar dan Sektor Moden Bandar, harus-lah mencherminkan chorak pendudok yang berbilang kaum. Oleh itu, Ranchangan Malaysia Kedua mengandongi dasar² yang bertujuan untok menentukan kemajuan yang pesat dalam usaha² memindah orang² Melayu dan bukan Melayu dari sektor² berpendapatan rendah kapada sektor² berpendapatan tinggi. Ini termasok-lah ranchangan² untok memodenkan aktiviti² di-mana terdapat ramai orang² Melayu mengambil bahagian, khusus-nya bersawah padi, berkebun getah dan menangkap ikan.

136. Satu lagi tujuan penting Ranchangan ini ia-lah bagi mendapatkan keadaan sa-imbang di-antara sektor² bandar dan luar bandar. Kehidupan di-luar bandar merupakan sa-bahagian dari nilai² hidup dan kebudayaan Malaysia. Proses pembangunan yang memberi perhatian utama kapada usaha² bagi mengadakan kebajikan masharakat yang lebeh luas tidak dapat di-pisahkan dari proses yang mengekalkan dan membaiki kehidupan di-luar bandar. Walau pun kejayaan telah di-chapai, pembangunan di-kawasan² luar bandar maseh jauh berbeza dengan pembangunan di-kawasan² bandar. Keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang saperti ini menyebabkan pembahagian pendapatan dan puncha² keluaran tidak di-gunakan dengan chara yang paling berkesan. Malaysia mempunyaï tanah yang luas dan harapan yang besar dalam bidang pertanian. Projek² untok menggunakan tanah² ini dengan lebeh luas dan berkesan lagi merupakan unsor penting Ranchangan Malaysia Kedua. Selain dari itu, Ranchangan ini juga akan mengadakan sekolah², perpustakaan², kemudahan² kesihatan, perumahan, bekalan letrik, pengangkutan, alat perhubongan dan kemudahan² lain di-kawasan² luar bandar yang sama mutu dengan yang terdapat di-bandar². Dengan kemudahan² saperti ini, kehidupan di-luar bandar akan bertambah ma'mor dan menguntongkan lagi.

137. Pertimbangan yang sama juga ternyata dalam keperluan membetulkan keadaan ekonomi tidak sa-imbang antara Negeri². Perbezaan KDNK *per kapita* di-antara Negeri² di-dapati sangat besar. KDNK yang tertinggi di-anggarkan lima kali lebeh dari yang paling rendah. Oleh itu, usaha² bagi menyamakan KDNK *per kapita* di-antara kawasan² di-jadikan satu lagi tujuan Ranchangan ini. Hujjah² bagi mengimbangkan kedudokan ekonomi di-antara kawasan, sama saperti hujjah² bagi perimbangan di-antara bandar

dan luar bandar, menyentoh soal² yang lebeh mendalam dari ukoran *per kapita*. Hujjah² ini pada dasar-nya bermaksud supaya semua kawasan di-Malaysia sama² mendapat faedah dari ranchangan pembangunan.

138. Perimbangan dalam semua lapangan yang di-huraikan di-atas, bererti bahawa tanggong-jawab memajukan negara harus di-pikul bersama dan hasil-nya di-nekmati dengan chara yang adil. Oleh itu segala kesusahan, pengorbanan, kerja² yang berat, tabongan dan beban chukai, kemungkinan kerugian dan juga lain² kos yang betul² menjadi puncha pembangunan hendak-lah di-pikul bersama². Dasar² chukai, gaji, guna-tenaga, peratoran kewangan awam dan penempatan projek² pelaboran awam akan di-rangka berasaskan prinsip bahawa perbelanjaan harus-lah sama di-tanggong dan faedah-nya sama di-nekmati.

139. Dengan itu mustahak-lah bagi semua menyedari dan menerima prinsip bahawa faedah pembangunan tidak dapat di-rasaï tanpa usaha yang bersunggoh². Setelah prinsip tersebut di-sedari, usaha mewujudkan keadaan sa-imbang dalam proses pembangunan akan dapat menghasilkan usaha² yang lebeh giat dan yang memberi sumbangan besar kapada kebajikan sosial.

IV.—STRATEJI UNTOK MENCHAPAI EKONOMI YANG SA-IMBANG

140. Strateji untok menyusun sa-mula masharakat dan membentok keadaan ekonomi yang sa-imbang, sesuai bagi pembangunan sa-buah negara Malaysia yang adil dan harmoni, telah di-rangka berasaskan keadaan sekarang, sebagaimana yang di-terangkan dalam Bahagian II, Bab ini. Strateji ini ada-lah berasaskan falsafah penyertaan yang aktif dan bukan atas falsafah pembahagian sa-mula yang merugikan sesuatu pehak. Strateji ini dapat di-jalankan dalam ekonomi yang berkembang, di-mana faedah dari keluaran barang² dan perkhidmatan² yang bertambah dapat di-rasaï oleh semua kumpulan dalam masharakat Malaysia, dengan tidak ada satu² kumpulan merasaï hak-nya di-rampas, malahan sama² memberi sumbangan ka-arah perpaduan negara.

141. Perenggan² berikut menerangkan perkara² utama strateji untok menchapai keadaan ekonomi yang sa-imbang. Perkara² ini meliputi pemodenan dan kegiatan² ekonomi baharu dalam sektor luar bandar, pelajaran, pembandaran, pembangunan kawasan, dasar² 'am bagi ekonomi yang sa-imbang antara kaum dan peranan sektor swasta dan negeri². Butir² penoh ranchangan² ini di-huraikan dalam Bab² mengenaï sektor² dalam Bahagian Dua.

1. PEMODENAN SEKTOR LUAR BANDAR

142. Kemajuan² sains dan teknoloji akan di-gunakan dengan lebeh banyak lagi dalam usaha² memodenkan sektor luar bandar. Dasar² dan ranchangan² akan di-bentok bagi mengubah sektor luar bandar kapada satu tenaga yang benar² dinamis untok pembangunan pertanian dan ekonomi. Penyelidekan pertanian akan di-teruskan dan di-pergiatkan lagi untok menchapai kejayaan² ulong, manakala perkhidmatan lanjutan pertanian akan meng-adakan hubongan² antara kemajuan² sains dan teknoloji dengan daya pengeluaran dan pendapatan yang kian meningkat bagi orang² luar bandar. Institusi² di-luar bandar, termasok pelajaran, akan juga memainkan peranan yang besar dalam proses ini.

143. Lebeh banyak tanah² baharu akan di-majukan untok pertanian dengan menggunakan chara² moden dan di-uruskan mengikut peratoran² moden. Tanah² ini akan di-tanam dengan berbagai² tanaman atau di-guna-kan untok pembiakan ternakan supaya menghasilkan pendapatan² yang tinggi. Tanah yang sekarang di-gunakan untok pertanian akan di-perbaiki dengan mengadakan parit dan taliayer, menggunakan baja dan lain² bahan pengeluaran, dan dengan penanaman yang lebeh intensif, saperti penanaman padi dua kali sa-tahun, penanaman tanaman² luar musim dan penanaman berselang. Badan² kredit dan pemasaran dan lain² kemudahan pengeluaran akan di-adakan. Satu ranchangan baharu yang besar bagi perusahaan perikanan di-Pantai Timor akan mengadakan peluang² dan puncha² pengeluaran baharu kapada salah satu dari sektor² ekonomi yang merosot.

144. Pembangunan kemudahan² infrastraktur saperti jalan² raya, talikom, penerbangan awam, bekalan² ayer, letrik, penerangan dan penyiaran, sekolah² dan pusat² latehan, hospital² dan kelinik², perumahan dan kemudahan² berehat di-sektor luar bandar ada-lah bertujuan untok memodenkan sektor ini. Kemudahan² baharu dalam pengangkutan, perhu-bongan dan kuasa letrik akan merapatkan lagi perhubongan di-antara kawasan² luar bandar dengan kawasan² bandar. Ini akan membawa perhu-bongan dan pengetahuan baharu kapada kawasan² yang kurang maju di-negara ini.

145. Satu kemudahan penting kapada pendudok² luar bandar ia-lah sekolah² menengah baharu yang akan mementingkan pelajaran sains dan teknoloji. Kebanyakan dari sekolah² ini mempunyaï asrama dan di-bena di-tempat² yang sesuai untok mengambil pelajar² dari beberapa kawasan. Tujuan mengadakan sekolah² ini ia-lah untok menjamin supaya lebeh ramai lagi pelajar² luar bandar mendapat latehan yang mereka perlukan bagi memasoki aliran sains di-peringkat yang lebeh tinggi dan untok meme-

gang jawatan² teknik dalam perusahaan moden. Juga sama penting-nya, ia-lah bahawa kemudahan² pelajaran ini akan dapat mendorong pembentokan sikap yang lebeh sesuai bagi penggunaan teknik² pengeluaran moden dalam semua aktiviti ekonomi.

146. Ranchangan ini menitekberatkan pemodenan kawasan² luar bandar yang kurang maju dari kawasan² Pantai Barat di-Malaysia Barat dan kawasan² bandar di-Malaysia Timor. Ranchangan ini akan memberi faedah kapada ra'ayat yang berpendapatan lebeh rendah daripada pendapatan purata negara, kerana pendapatan purata di-kawasan² luar bandar ada-lah jauh lebeh kechil dari pendapatan di-bandar² besar. Juga, oleh kerana pendudok kawasan² luar bandar kebanyakan-nya orang² Melayu dan kaum² bumiputra yang lain, ranchangan² pembangunan ini ada-lah bahagian yang penting sekali dari tujuan mengimbangkan penyertaan beberapa kaum di-Malaysia dalam aktiviti² sektor moden. Dengan itu, Ranchangan Malaysia Kedua yang menitekberatkan pembangunan luar bandar akan dapat menghasilkan pembangunan yang saimbang dalam semua bahagian.

2. PELAJARAN

147. Pelajaran di-semua peringkat ada-lah satu lagi bahagian utama dalam usaha menchipta keadaan sa-imbang dalam proses pembangunan. Perhatian yang lebeh besar akan di-beri untok menjamin supaya orang² Melayu, bumiputra² lain dan orang² miskin dari kaum² lain mendapat lebeh banyak peluang mengikuti pelajaran tinggi dalam bidang sains dan mata pelajaran lain yang perlu bagi penyertaan yang berkesan dalam kegiatan² moden. Lebeh banyak lagi biasiswa dan dermasiswa akan di-beri kapada pehak² yang tersebut di-atas untok mengikuti kursus² pengajian di-maktab² dan universiti² di-Malaysia dan luar negeri. Kemudahan² bagi pelajaran tinggi akan di-tambah supaya semua ra'ayat Malaysia dapat mengikuti kursus pelajaran yang sesuai dengan bakat dan kechenderongan mereka.

3. PEMBANDARAN

148. Langkah² bagi menempatkan perusahaan² moden di-luar bandar dan mengadakan pusat² kemajuan baharu di-kawasan² baharu serta memindahkan pendudok² luar bandar ka-kawasan² bandar sangat-lah perlu di-lakukan. Ini akan dapat mengatasi masaalah² jurang perbezaan ekonomi di-antara kawasan² bandar dengan luar bandar dan menghapuskan pengenalan keturunan² kaum mengikut pekerjaan dan kawasan. Dasar² akan di-rangka dan langkah² di-ambil bagi memajukan usaha² pembangunan dalam bidang² perdagangan yang moden dan kegiatan² perusahaan, 'am-nya di-kawasan² luar bandar dan khusus-nya di-pusat²

kemajuan baharu yang terpileh di-kawasan² desa sekarang. Ini akan dapat memperchepatkan dan memudahkan pendudok² luar bandar, terutama-nya orang² Melayu dan bumiputra² yang lain, menyesuaikan diri dengan pengaroh² kehidupan bandar. Ranchangan² perusahaan yang sedang di-laksanakan di-tempat² tertentu akan terus di-majukan supaya orang² yang berasal dari luar kawasan² tersebut, terutama-nya orang² Melayu dan bumiputra² yang lain, serta pendudok tempat² itu sendiri, akan terus memainkan peranan yang lebeh besar dalam usaha² pembangunan, terutama dari segi hak milek dan penguasaan serta pekerjaan di-semua peringkat.

149. Ranchangan ini mengandongi, dengan sechara langsong, beberapa projek untok menambah penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam kegiatan² chara bandar di-pekan² dan pusat² kemajuan yang baharu. Ini termasok projek yang akan menyediakan tempat² perniagaan, modal, nasehat² pemasaran dan teknik, latehan² dan hubongan² perniagaan untok membantu mereka memulakan perniagaan. Sharat² pekerjaan sekarang berhubong dengan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain juga akan di-teruskan dan di-lanjutkan supaya chorak pekerjaan dalam perusahaan² perniagaan mencherminkan keadaan pendudok² yang berbilang kaum. Projek² yang akan menambahkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dari segi pengurusan dan hak milek dalam perusahaan² moden bandar juga akan di-adakan dalam Ranchangan ini. Akhir-nya, Kerajaan sendiri melalui institusi² saperti MARA, PERNAS dan PKEN² akan menubohkan perusahaan² baharu semata² untok memberi peluang² yang lebeh banyak bagi penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam lapangan ini.

150. Ranchangan Malaysia Kedua mengandongi projek² bagi menubohkan perusahaan² mengilang yang baharu dalam kawasan² yang sekarang hampir semua-nya di-tumpukan pada pertanian dan melombong. Usaha membanyakkan lagi perusahaan di-tempat² yang sekarang kurang maju akan dapat mengurangkan tumpuan kapada pekerjaan² dalam beberapa lapangan sahaja. Sebalek-nya, langkah ini akan dapat juga meluaskan hubongan dengan chara moden terhadap kegiatan ekonomi serta menyediakan kemudahan² bandar di-kawasan² luar bandar dengan lebeh luas lagi.

151. Kesusahan dan kemiskinan dalam bandar ada-lah lebeh burok daripada kesusahan dan kemiskinan di-luar bandar. Pembentokan keadaan ekonomi bandar, di-mana tenaga buroh yang di-kehendaki bertambah selaras dengan kerja² yang dapat di-adakan bagi semua pendudok² bandar, ada-lah langkah pertama untok mengurang dan akhir-nya menghapuskan kemiskinan dalam bandar. Oleh itu, Ranchangan Malaysia Kedua akan juga

memberi keutamaan untok mengadakan lebeh banyak lagi pekerjaan² di-bandar. Usaha penting ini termasok-lah ranchangan² latehan biasa dan latehan sambil kerja dan juga menggalakkan kadar perkembangan yang tinggi dalam sektor² pembenaan dan perniagaan. Bersama² ini, projek² pembangunan bandar, ranchangan² perumahan awam, projek kesihatan dan kebersehan, projek² kerehatan dan projek² untok belia semua-nya akan di-rangka untok membantu gulongan pendudok yang berpendapatan rendah.

4. PERIMBANGAN EKONOMI ANTARA KAWASAN

152. Dasar² 'am bagi memodenkan kawasan² luar bandar akan memberi sumbangan yang penting bagi mewujudkan ekonomi yang sa-imbang antara kawasan². Ada juga projek² bagi kawasan² tertentu yang akan menolong mengurangkan jurang perbezaan besar di-bidang ekonomi yang sekarang berlaku antara negeri² dan dalam tiap² satu negeri. Oleh itu, projek² di-kawasan Tiga Segi Jengka, kawasan Pahang Tenggara, serta kawasan Johor Tengah dan Tanjong Penggerang ada-lah usaha² besar bagi memajukan hasil² bumi untok mengadakan peluang² ekonomi baharu di-kawasan² yang kurang maju. Kawasan² ini sengaja di-pileh kerana luas dan sesuai tanah-nya untok pertanian dan ada peluang² mendapatkan hasil² ekonomi yang banyak dan menggunakan dengan chekap-nya tenaga manusia yang terhad dalam bidang pengurusan dan profesional. Projek² ini bukan sahaja memberi faedah kapada pendudok² negeri yang berkenaan, bahkan juga dapat mengurangkan masaalah kekurangan tanah di-tempat² yang lain, dan juga pada 'am-nya dapat meninggikan lagi pendapatan ekonomi di-luar bandar. Projek² lain, terutama-nya ranchangan² pengayeran Muda, Kemubu dan Besut, yang berupa projek² kawasan ada-lah di-laksanakan di-negeri² yang mempunyaï pendapatan *per kapita* yang lebeh rendah dari pendapatan purata negara dan juga bertujuan untok meninggikan lagi pendapatan dari hasil pertanian.

153. Beberapa kajian peranchangan kawasan yang lain telah pun siap atau sedang di-jalankan. Kajian² untok negeri² Trengganu, Pulau Pinang dan Melaka telah di-ranchangkan untok menentukan kemungkinan² bagi me-majukan lagi kawasan² yang telah di-buka, yang sedang menghadapi masaalah² ekonomi yang penting.

154. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua, selain dari menerus atau menyiapkan projek² kawasan yang telah pun berjalan, beberapa ranchangan baharu akan di-mulakan yang akan mementingkan soal² imbangan dan penyatuan kawasan, dan tidak semata² untok menambahkan KNK sahaja. Satu projek saperti ini ia-lah projek Jalan Raya Timor-Barat,

yang akan menghubongkan Kelantan dengan Pantai Barat yang lebeh maju. Satu kajian kawasan juga akan di-jalankan di-Kelantan untok menentukan peluang² tertentu bagi pembangunan. Di-Trengganu, beberapa projek berdasarkan shor² Ranchangan Pembangunan Ekonomi Kawasan bagi negeri ini sedang di-laksanakan. Antara projek² ini, yang terkemuka ia-lah ranchangan pengayeran Besut dan pembukaan ladang kelapa sawit di-kawasan Sungai Tong. Sebagai sa-bahagian dari langkah membaiki keadaan akibat penutupan lombong besi di-Bukit Besi, sa-buah kawasan ranchangan Kerajaan seluas 15,000 ekar akan di-buka dan kompleks memproses kayu balak yang di-satukan akan juga di-dirikan di-daerah Dungun dalam masa Ranchangan ini. Untok mengatasi masaalah kekurangan tanah pertanian di-Bahagian Pertama, Sarawak, yang mempunyaï bilangan pendudok yang ramai, satu kajian panduan yang lengkap akan di-jalankan bagi memajukan satu kawasan tanah luas yang belum di-mileki di-Bahagian Keempat.

5. DASAR² LAIN UNTOK MENCHAPAI PERIMBANGAN EKONOMI ANTARA KAUM

155. Supaya lebeh ramai orang² Melayu dan bumiputra² lain menyertaï kegiatan² dalam sektor moden, Ranchangan Malaysia Kedua akan mengandongi beberapa ranchangan yang tertentu. Tujuan-nya ia-lah bagi mewujudkan keadaan ekonomi dan sosial yang akan menggalakkan penyertaan yang lebeh luas oleh orang² Melayu dan bumiputra² lain dalam peluang² yang semakin bertambah bagi semua ra'ayat Malaysia. Chara² utama bagi menchapai tujuan ini termasok-lah:

(i) Pembentokan satu masharakat pengusaha Melayu sebagai satu bahagian penting bagi menchapai keadaan ekonomi sa-imbang antara kaum. Proses membentok minat dan kemahuan, kemahiran dan kepintaran yang perlu bagi sa-seorang pengusaha ada-lah rumit. Latehan dan pelajaran biasa boleh menolong, tetapi pengalaman praktik dan keazaman ada-lah juga perlu dan ini biasa-nya menggunakan belanja dan lain² tenaga yang banyak. Dengan demikian, kemudahan² akan di-adakan untok memberi bantuan kewangan khas kapada pengusaha² Melayu. Langkah² akan di-ambil untok menentukan projek² yang mungkin memberi keuntongan, dan memberi nasehat serta perkhidmatan² teknik. Kerajaan berchadang hendak memupok dan mewujudkan satu masharakat pengusaha Melayu yang sa-benar²-nya dalam tempoh satu keturunan.

(ii) Langkah² khas akan di-adakan dalam tempoh Ranchangan untok mengadakan bangunan² dan kedai² perniagaan dan kemudahan² asas kapada orang² Melayu dan bumiputra² lain di-kawasan² bandar

yang ada sekarang. Di-samping itu juga, langkah akan di-ambil bagi mengelakkan ada-nya kawasan² perniagaan khusus bagi satu² kaum sahaja. Bagi menjayakan langkah² ini, kerjasama dari beberapa badan Kerajaan dan penyelarasan yang rapi antara badan² ini dengan sektor swasta ada-lah di-perlukan. Ini akan di-lakukan melaluï Lembaga Pembangunan Bandar. Apabila kawasan² bandar dan bandar² baharu ujud hasil dari ranchangan² pembangunan luar bandar dan ranchangan² kemajuan tanah, langkah² saperti itu akan juga di-ambil bagi menentukan bahawa peniaga² Melayu akan mendapat faedah dari peluang² dalam kegiatan perniagaan.

(iii) Peratoran² tertentu akan di-buat untok mengadakan perusahaan² bersama antara orang² Melayu dengan orang² bukan Melayu dan lain. Dengan chara ini, kemahiran, pengalaman dan pasaran² dari pertubohan² yang telah lama bertapak akan dapat di-beri kapada sharikat² Melayu yang baharu meningkat naik. PERNAS telah pun aktif di-bidang ini.

(iv) Perkhidmatan perusahaan sechara kechil yang baharu telah di-tubohkan untok menolong menggalakkan perkembangan kegiatan perusahaan sechara kechil dengan lebeh pesat lagi di-negara ini. Perkhidmatan ini akan menguntongkan semua ra'ayat Malaysia, terutama-nya kapada orang² Melayu yang memasoki sektor per-usahaan bagi pertama kali. Perusahaan² sechara kechil ada kebaikan-nya. Perusahaan² ini boleh di-tubohkan untok pasaran yang kechil dan di-kawasan² yang mempunyaï sedikit infrastraktur. Perusahaan² ini juga boleh di-tubohkan dengan segera dan tidak memerlukan banyak modal. Yang penting sekali, ada-lah bahawa perusahaan² tersebut dapat memberi latehan yang baik kapada mereka yang mempunyaï pengalaman yang sedikit.

(v) Bersama² dengan dasar² tertentu, ranchangan penyelidekan yang di-perhebatkan akan di-jalankan dalam tempoh Ranchangan sebagai usaha tambahan untok meluaskan lagi penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² lain. Dalam jangka panjang, pengertian yang lebeh luas dan pengetahuan yang lebeh banyak mengenaï proses pemodenan ada-lah menjadi asas bagi dasar² dan chara² baharu untok menchapai keadaan yang sa-imbang antara kaum dalam sektor ekonomi moden.

6. SEKTOR SWASTA DAN KERAJAAN² NEGERI

156. Nyata-lah bahawa keadaan yang sa-imbang dalam semua segi yang di-binchangkan di-atas tidak dapat di-chapai semata² melaluï dasar² dan ranchangan² Kerajaan Persekutuan. Sistem² galakan dan pemberian wang kapada Negeri² ada-lah sangat mustahak. Tetapi yang sama penting-nya ia-lah persefahaman dan kerjasama dari sektor swasta dan Kerajaan² Negeri. Kerjasama saperti ini di-jangka berlaku apabila kandongan dan dasar matlamat ekonomi yang sa-imbang mula di-hargaï. Oleh itu, perhatian besar sedang di-beri kapada usaha² bagi menerangkan kapada ra'ayat tentang keadaan ekonomi sa-imbang yang di-kehendaki and mengenaï faedah² kapada semua dengan terchapai-nya keadaan sa-imbang yang di-maksudkan itu. Kerajaan berharap bahawa sektor swasta yang bertanggong-jawab terhadap keadaan sosial akan memainkan peranan yang wajar bagi menchapai keadaan ekonomi yang sa-imbang dan pembahagian yang saksama supaya sa-buah negara Malaysia yang adil dan harmoni akan ujud.

BAB IV

Rangka Ranchangan Malaysia Kedua

I.—PENDAHULUAN

157. Ranchangan Malaysia Kedua merupakan satu peringkat penting dalam pembangunan jangka panjang ekonomi dan masharakat Malaysia. Ranchangan ini di-rangka dengan berasaskan kejayaan[2] yang lalu. Ia membinchangkan masaalah[2] yang boleh di-atasi dalam tempoh lima tahun dan menyediakan asas kemajuan yang berma'ana untok menghadapi chabaran[2] negara yang hanya boleh di-atasi dalam jangka masa yang panjang.

158. Kedua[2] tujuan utama Dasar Ekonomi Baharu Ranchangan ini, ia-itu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masharakat untok mengatasi masaalah jurang perbezaan ekonomi di-antara kaum, ada-lah di-binchangkan dalam Bab I dan III, dan dengan lebeh teliti dalam ranchangan[2] sektor di-Bahagian Kedua Ranchangan ini. Bab ini membinchangkan matlamat[2] gunatenaga dan perkembangan ekonomi untok menchapai tujuan[2] penting Dasar Ekonomi Baharu.

II.—MATLAMAT GUNATENAGA

159. Pada permulaan Ranchangan Malaysia Kedua bilangan pendudok Malaysia berjumlah 10.9 juta*. Jumlah pendudok ini di-jangka akan bertambah dengan kadar 2.8% sa-tahun; pada tahun 1975 bilangan ini akan meningkat kapada lebeh kurang 12.5 juta. Di-Malaysia Barat yang mengandongi 85% dari bilangan pendudok, kadar kematian telah kurang oleh sebab ada-nya kemajuan kesihatan awam, makanan, rawatan perubatan dan faktor[2] yang lain yang sa-tanding dengan taraf yang terdapat di-negeri[2] lain. Kadar kesuboran juga sedang turun di-sebabkan perubahan sikap dan kesedaran ra'ayat Malaysia tentang faedah[2] mempunyai keluarga kechil. Perubahan ini ternyata benar di-kawasan[2] bandar Malaysia Barat. Walau

* Anggaran ini berdasarkan kapada keputusan[2] permulaan Banchi Pendudok 1970 dan puncha[2] lain dan mungkin di-ubah selepas keputusan[2] Banchi di-proses dengan penoh.

pun kadar kesuboran telah mula berkurangan, negara akan terus mengalami masaalah² tambahan pendudok sekurang²-nya selama 15 tahun lagi. Bilangan kanak² yang memerlukan persekolahan dan pendidekan dan bilangan buroh² baharu yang terpaksa di-beri pekerjaan akan bertambah dengan kadar kira² 3% sa-tahun.

160. Dari segi mengadakan pekerjaan, tahun² 1971-75 ia-lah merupakan tempoh yang penoh dengan chabaran. Saperti yang di-binchangkan dengan lebeh lanjut dalam Bab VII, tenaga buroh akan bertambah dengan chepat-nya dan kemajuan² pelajaran mereka akan lebeh meningkat dalam kelima² tahun ini. Oleh yang demikian, tugas penting ia-lah mengadakan pekerjaan² baharu dan kerja² yang sesuai dan menchukopi untok menggunakan pelajaran tinggi yang di-terima oleh belia² itu dengan lebeh berkesan lagi. Sementara itu, sistem pelajaran mesti-lah di-sesuaikan supaya dapat melengkapkan belia² untok mendapat jenis² pekerjaan yang ada (*lihat* Bab XIV).

161. Pada akhir tahun² empat pulohan dan awal tahun² lima pulohan, kadar kelahiran telah bertambah sementara kadar kematian bayi² dan kanak² telah turun. Aliran ini di-buktikan dengan ada-nya beratus² ribu belia yang sekarang baharu memasoki pasar buroh. Tenaga buroh di-Malaysia Barat di-jangka akan bertambah dengan kadar 3.2% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Akibat-nya, bilangan tenaga buroh Malaysia Barat akan berjumlah kira² 3.7 juta pada tahun 1975. Jumlah bagi seluroh Malaysia menjadi 4.4 juta setelah di-champorkan dengan bilangan hampir² 800,000 orang yang di-anggarkan dari Malaysia Timor. Angka² ini terdapat dalam Jadual 4-1.

JADUAL 4-1

PENDUDOK DAN TENAGA BUROH, 1970-75

(\$ juta)

	1970 (anggaran)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*
Pendudok			
Malaysia Barat	9.3	10.6	2.7
Sabah	0.6	0.7	3.3
Sarawak	1.0	1.2	3.0
MALAYSIA ..	10.9	12.5	2.8
Tenaga buroh			
Malaysia Barat	3.1	3.7	3.2
Sabah	0.2	0.3	3.3
Sarawak	0.4	0.5	3.1
MALAYSIA ..	3.7	4.4*	3.2

* Jumlah tidak tepat sebab angka² di-genapkan.

162. Matlamat gunatenaga pada keselurohan-nya ia-lah untok mengadakan pekerjaan² baharu lebeh dari 3% sa-tahun, dan dengan demikian mengekalkan kadar penganggoran tidak lebeh dari 7.3% daripada jumlah tenaga buroh Malaysia. Masaalah penganggoran sedang di-hadapi di-Malaysia Barat dan masaalah ini bertambah rumit di-Sarawak. Keadaan yang berbeza terdapat di-Sabah, di-mana kekurangan buroh terus di-alami. Oleh itu, selain dari menitek-beratkan usaha menambah pekerjaan, lebeh banyak lagi buroh dari Malaysia Barat akan di-pindahkan ka-Sabah.

163. Usaha mengadakan pekerjaan² dengan chara yang memuaskan ada-lah lebeh rumit memandang kapada chorak tenaga buroh yang berubah² dan perlu-nya mengadakan peluang² yang lebeh banyak bagi pekerjaan² yang produktif, terutama-nya dalam sektor² moden. Semakin ramai penganggor² baharu mempunyaï didekan persekolahan sa-kurang²-nya di-peringkat Sijil Rendah Pelajaran. Jenis pekerjaan yang mereka chari selalu-nya ia-lah kerja² di-bandar dan tidak berkaitan dengan kerja² pertanian, dan kerap kali kerja² sebagai kerani atau yang berchorak teknik. Pem-bangunan ekonomi terus menambahkan bilangan kerja² sa-umpama ini, tetapi tambahan selalu-nya tidak menchukopi untok penganggor² baharu. Oleh itu, sa-bilangan penganggor² mesti-lah menerima pekerjaan² dalam bidang² yang kurang di-sukaï mereka. Daya pengeluaran di-jangka akan bertambah apabila kerja yang dahulu-nya di-buat oleh orang² yang kurang atau tidak berpelajaran sekarang di-ambil aleh oleh pekerja² muda yang telah bersekolah selama enam hingga sepuloh tahun.

III.—MATLAMAT PERKEMBANGAN

164. Semasa Ranchangan Malaysia Pertama pendapatan purata pen-dudok Malaysia telah bertambah 3.3% sa-tahun, atau pun kira² 18% dalam tempoh Ranchangan itu. Dalam masa lima tahun yang akan datang kadar perkembangan pendapatan ini di-jangka tentu dapat di-lebehi atau se-kurang²-nya di-kekalkan. Ada-lah di-taksirkan bahawa KNK akan bertambah sa-kadar 6.5% sa-tahun dalam tempoh masa Ranchangan. Dengan demikian, pendapatan *per kapita* akan pula bertambah sa-banyak 3.7% sa-tahun, menyebabkan tiap² pendudok Malaysia pada tahun 1975 menerima pendapatan satu perlima lebeh daripada pendapatan tahun 1970, ia-itu sa-banyak $1,300, berbanding dengan $1,080.

165. Jadual 4-2 menunjokkan ramalan perkembangan KNK. Se-bagaimana yang di-tunjokkan dalam Jadual ini, keluaran *benar* ekonomi di-jangka akan bertambah kira² 7% sa-tahun. Ini merupakan tambahan yang besar berbanding dengan 6% yang di-chapai dalam Ranchangan

Malaysia Pertama. Tetapi, saperti dalam lima tahun yang lalu, harga² ekspot pada 'am-nya akan turun. Kenaikan harga² dalam negeri ada-lah di-jangka sederhana sahaja. Oleh itu, pendapatan wang mengikut harga sa-masa akan bertambah dengan kadar kurang sedikit daripada keluaran benar. Sunggoh pun demikian, kadar purata perkembangan KNK ada-lah di-jangka akan bertambah sa-banyak 6.5% mengikut harga sa-masa. Kuasa-beli pendudok Malaysia (ia-itu apa yang mereka dapat membeli dengan pendapatan² mereka) ada-lah di-jangka bertambah sa-banyak 5.8% sa-tahun.

JADUAL 4-2

KELUARAN NEGARA KASAR, 1970-75

($ juta)

	1970 (permulaan)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*
Keluaran benar (harga 1965)			
Malaysia Barat	9,777	13,257	6.3
Malaysia Timor	1,760	2,774	9.5
Malaysia	11,537	16,031	6.8
Mengikut harga sa-masa			
Malaysia Barat	9,887	13,419	6.3
Malaysia Timor	1,934	2,811	7.8
Malaysia	11,821	16,230	6.5
Kuasa-beli (harga 1965)			
Malaysia Barat	9,353	12,178	5.4
Malaysia Timor	1,837	2,626	7.4
Malaysia	11,190	14,804	5.8

166. Malaysia Timor telah mengalami pembangunan ekonomi yang amat pesat dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Mengikut harga² sa-masa, KNK *per kapita* pendudok Malaysia Timor telah menyamaï tingkat pendapatan pendudok Malaysia Barat. Sedikit sa-banyak ini merupakan tingkatan harga yang lebeh tinggi di-Malaysia Timor, tetapi tidak-lah boleh di-nafikan bahawa perkembangan ekonomi di-Sabah dan Sarawak baharu² ini sangat-lah jelas. Dalam tahun² 1971-75, kadar tambahan pendapatan di-Malaysia Timor di-jangka akan melebehi kadar pendapatan di-Malaysia Barat.

IV.—RAMALAN² EKSPOT

167. Walau pun kemajuan pesat telah di-chapai dalam usaha pengeluaran untok kegunaan dalam negeri, chorak ekonomi Malaysia maseh lagi di-tumpukan ka-arah ekspot. Pendapatan dan pekerjaan sangat-lah bergantong kapada harga dan banyak-nya keluaran² ekspot. Hampir tiap²

tahun ekspot menyumbangkan kira² 45% dari KNK. Perdagangan antara-bangsa sangat-lah menguntongkan ekonomi negara, membolehkan Malaysia menjadi pengeluar dan pengekspot getah asli, bijeh timah dan minyak kelapa sawit yang terbesar dan paling chekap. Dalam pada itu, di-dapati bahawa faedah² ini selalu di-saingi oleh masaalah² yang besar. Kemajuan ekonomi yang lichin sering di-ganggu oleh perubahan² besar saperti turun-naik-nya harga² dan pendapatan².

168. Malaysia akan terus terta'alok kapada keadaan harga ekspot yang tidak tetap dan susah di-kawal. Sekadar yang dapat di-ramalkan, harga barang² ekspot utama nampak-nya akan berubah² dan sa-bilangan daripada-nya mungkin turun dalam tahun² 1971-75. Walau pun begitu, aliran pengeluaran ekspot pada keselurohan-nya di-ramalkan bertambah baik. Ini bererti bahawa pendapatan wang tukaran asing akan bertambah dengan kadar yang sederhana walau pun harga² ekspot pada 'am-nya turun. Pada keselurohan-nya, jumlah barang² dan perkhidmatan² yang di-ekspot ada-lah di-ramalkan bertambah dengan kadar purata 6.7% sa-tahun dan nilai-nya pula sa-banyak 4.6% sa-tahun.

169. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, perkembangan dalam bidang² ekspot tradisi dan baharu ada-lah memuaskan. Getah dan bijeh timah maseh merupakan puncha² pendapatan ekspot yang utama, manakala keluaran kayu-kayan, minyak petrol dan bahan² api, keluaran² kelapa dan kelapa sawit dan bijeh besi maseh memainkan peranan yang penting sunggoh pun sumbangan-nya berkurangan. Kesemua barang² dagangan ini merupakan 90% daripada barang² ekspot negara. Selain dari itu ada banyak lagi barang² ekspot yang lebeh kechil, termasok barang² buatan kilang, yang di-masokkan ka-dalam senarai ekspot bagi pertama kali-nya dan mulaï bertambah dengan pesat.

170. Kemajuan besar di-lapangan ekspot dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua akan meliputi tambahan² pengeluaran getah yang pesat, di-sebabkan oleh beneh² hasil tinggi dalam ranchangan penanaman sa-mula serta penggunaan bahan² kimia bagi menambahkan hasil; perkembangan perusahaan, keluaran dari perusahaan² kayu-kayan; kenaikan chepat dalam pengeluaran minyak dan isi kelapa sawit; tambahan ekspot minyak petrol; dan kemungkinan bijeh tembaga dari Sabah menjadi satu bahan ekspot utama. Kemajuan² ini dan yang lain akan menghasilkan perkembangan besar serta mempelbagaikan ekspot. Getah dan bijeh timah, me-nyumbangkan kira² 62% dari jumlah pendapatan ekspot dalam tahun 1965 dan sa-banyak 53.8% dalam tahun 1970, dan ini di-jangka akan turun kapada 47.7% pada tahun 1975 (*lihat* Jadual 4-3).

JADUAL 4-3

EKSPOT[2], 1970-75

			1970 (benar)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*
Getah					
Jumlah	..	('000 metric tan)	1,345	1,985	8.1
Harga	..	(sen/kilo)	128	117	..
Nilai	..	($ juta)	1,724	2,320	6.1
Bijeh timah					
Jumlah	..	('000 tan)	91	73	−4.3
Harga	..	($/tan)	11,135	10,800	..
Nilai	..	($ juta)	1,013	788	−4.9
Kayu balak					
Jumlah	..	('000 tan tiap[2] 50 kaki padu)	7,747	10,080	5.4
Harga	..	($/tan)	83	79	..
Nilai	..	($ juta)	643	796	4.4
Kayu balak yang di-gergaji					
Jumlah	..	('000 tan tiap[2] 50 kaki padu)	961	1,041	1.6
Harga	..	($ tan)	209	213	..
Nilai	..	($ juta)	201	221	1.9
Kayu berlapis dan veneer					
Nilai	..	($ juta)	50	143	23.4
Minyak kelapa sawit					
Jumlah	..	('000 tan)	394	1,125	23.3
Harga	..	($/tan)	668	400	..
Nilai	..	($ juta)	263	450	11.3
Isi kelapa sawit					
Jumlah	..	('000 tan)	27	127	36.3
Harga	..	($/tan)	395	370	..
Nilai	..	($ juta)	11	47	33.7
Petrol dan bahan[2] api					
Nilai	..	($ juta)	359	684	13.8

			1970 (*benar*)	1975 (*anggaran*)	*Kadar tambahan purata tahunan* (%)
Bijeh besi					
Jumlah	..	('000 tan)	4,778	1,100	−25.4
Harga	..	($/tan)	22	19	..
Nilai	..	($ juta)	107	21	−27.8
Tembaga					
Nilai	..	($ juta)	—	100	..
Lada hitam					
Jumlah	..	('000 tan)	26	36	6.7
Harga	..	($/tan)	2,282	1,900	..
Nilai	..	($ juta)	59	68	2.9
Kelapa kering					
Jumlah	..	('000 tan)	15	36	19.1
Harga	..	($/tan)	464	442	..
Nilai	..	($ juta)	7	16	18.0
Minyak kelapa (*kasar dan bertapis*)					
Jumlah	..	('000 tan)	48	36	−5.6
Harga	..	($/tan)	895	750	..
Nilai	..	($ juta)	43	27	−8.9
Nanas dalam tin					
Jumlah	..	('000 tan)	62	85	6.5
Harga	..	($ tan)	698	700	..
Nilai	..	($ juta)	43	60	6.9
Barang² ekspot lain					
Nilai	..	($ juta)	628	781	4.5
Kurang penyesuaian ($ juta)			62	79	..
Jumlah ekspot barang² (p.k.k.) ($ juta) ..			5,089	6,443	4.8
Ekspot perkhidmatan ($ juta)			547	612	2.3
Tambang barang², insuran, pengangkutan			77	101	5.6
Perjalanan			32	76	18.9
Pendapatan pelaboran			223	286	5.1
Urusan² kerajaan t.t.d.			151	70	−14.2
Lain² perkhidmatan			64	79	4.3
Jumlah ekspot barang² dan perkhidmatan					
Nilai	..	($ juta)	5,636	7,055	4.6

NOTA—Ekspot termasok barang² yang di-ekspot sa-mula dan barang² yang di-bawa masok untok di-proses.

171. Kekurangan perkembangan di-bidang ekspot ada-lah juga di-jangka berlaku. Masaalah penting dalam soal ini ia-lah kelemahan harga² getah, kekurangan keluaran bijeh timah, dan kehabisan simpanan bijeh besi yang boleh di-lombong. Ekspot timah yang di-bersehkan dari bijeh² yang di-impot juga di-jangka akan berkurangan dari paras ekspot-nya yang tinggi dalam tahun 1970. Saperti yang telah lalu, usaha² akan terus di-perhebatkan lagi untok mengurangkan kos serta meninggikan daya pengeluaran getah asli bagi memperkuatkan lagi kedudokan bahan tersebut di-pasaran dunia. Keluaran bijeh timah, yang telah bertambah juga di-sebabkan usaha² untok meninggikan daya pengeluaran-nya, di-jangka akan dapat di-kekalkan pada masa² hadapan melaluï pembukaan lombong² baharu serta mengerjakan sa-mula lombong² lama. Sebalek-nya, di-sebabkan kekurangan simpanan, peranan perusahaan bijeh besi di-Malaysia Barat akan terus merosot.

172. Manakala kumpulan "Barang² ekspot lain" di-jangka akan bertambah sa-banyak 4.5% sa-tahun, dasar² baharu Kerajaan mungkin akan meninggi-kan lagi kadar perkembangan ini. Kegiatan² baharu di-lapangan ekspot ada-lah sangat penting bagi menchapai matlamat² gunatenaga dan per-usahaan yang akan di-binchangkan di-Bab² yang berikutan. Juga, soal mengkaji dasar² bagi menggalakkan ekspot ada-lah sama mustahak dengan chadangan menambahkan perkembangan ekspot.

V.—MATLAMAT² PELABORAN

173. Paras pelaboran pehak² awam dan swasta yang tinggi ada-lah perlu untok mengekalkan tambahan pengeluaran, gunatenaga dan pendapatan yang pesat saperti di-ranchangkan bagi tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Pelaboran² tetap yang di-buat dalam tahun² 1971-75 akan dapat menghasilkan kemajuan ekonomi pada tahun² yang berikutan. Ranchangan ini bertujuan supaya jumlah pelaboran melebehi kira² 50% daripada jumlah yang di-buat dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

174. Jumlah matlamat perbelanjaan pembangunan yang akan di-lakukan oleh sektor² awam dan swasta dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah sa-banyak $14,350 juta. Dari jumlah matlamat ini, sumbangan sektor awam ia-lah sa-banyak $7,250 juta. Sekurang²-nya $6,000 juta di-tetapkan sebagai perbelanjaan sa-benar sektor awam. Bahagian sektor swasta pula ada-lah sa-banyak $7,101 juta. Dengan demikian, jumlah perbelanjaan pembangunan sa-benar bagi Ranchangan untok sektor² awam dan swasta ada-lah sekurang²-nya sa-banyak $13,100 juta. Di-paras minima perbelanjaan sektor

awam sa-banyak $6,000 juta ini, pelaboran modal awam di-anggarkan sa-banyak $4,307 juta.* Jumlah ini merupakan perbelanjaan² bagi mengadakan harta² yang akan di-mileki oleh perbadanan² sektor awam. Sa-bahagian daripada peruntokan perbelanjaan pembangunan awam, ia-itu sa-banyak $742 juta, akan membiayaï usaha² untok mengadakan harta² di-sektor swasta. Oleh itu, matlamat pembentokan modal sektor swasta ada-lah berjumlah sa-banyak $7,843 juta, dan ini menetapkan jumlah pelaboran modal negara sa-banyak $12,150 juta, atau 16.6% daripada KNK yang di-jangka dalam tempoh tahun² 1971-75.

175. Saperti di-tegaskan dalam Bab V, Kerajaan akan berusaha untok melebehi matlamat minima perbelanjaan pembangunan sektor awam sa-banyak $6,000 juta itu. Pada paras minima ini, sa-banyak $4,157 juta daripada jumlah pelaboran modal awam akan di-perolehi dari akaun belanjawan pembangunan yang di-satukan bagi Kerajaan² Persekutuan, Negeri² dan badan² berkanun. Selain dari itu, kira² $150 juta daripada pelaboran modal akan di-biayaï melaluï belanjawan² biasa. Sa-banyak $1,693 juta daripada perbelanjaan pembangunan akan di-gunakan untok membiayaï projek² yang tidak di-anggap sebagai projek² pelaboran modal.

176. Satu aliran penting dalam tahun² 1971-75 ia-lah bertambah-nya kegunaan wang awam untok membuat harta yang di-mileki dan di-uruskan oleh sektor swasta. Jumlah wang yang terlibat ia-lah $742 juta. Dari jumlah ini, ada yang akan di-laborkan dalam perusahaan² swasta melaluï SPKPM, MARA, PERNAS, Perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri dan badan² yang lain. Walau pun demikian, sa-bahagian besar daripada wang itu akan di-gunakan untok menolong pekebun² kechil bagi menambahkan pendapatan mereka dengan membaiki kebun masing². Dalam kumpulan ini termasok-lah penanaman sa-mula getah bagi pekebun² kechil, ranchangan² LKTP dan lain² ranchangan kemajuan tanah bagi pekebun² kechil. Baki dari perbelanjaan pembangunan awam sa-banyak $951 juta akan di-belanjakan bagi aktiviti² yang tidak melibatkan pembentokan modal tetap, saperti mendapatkan tanah dan harta² lain daripada sektor swasta, pembelian alat² pertahanan dan kajian² serta penyelidekan ekonomi dan sosial. Jadual 4-4 menunjokkan semua angka² ini. Keterangan yang lebeh lengkap tentang bentok dan pembiayaan pelaboran awam ada-lah di-buat dalam Bab V.

---

* Perbelanjaan pembangunan awam ada-lah berlainan dari pelaboran modal awam. Pelaboran modal awam tidak meliputi perbelanjaan² mengenaï pertahanan dan pembelian tanah², pinjaman² dan pemberian² kapada sektor swasta, serta perbelanjaan² untok mengadakan harta² yang di-punyaï oleh sektor swasta.

JADUAL 4-4

HUBONGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DENGAN PEMBENTOKAN MODAL, 1971-75*

($ juta)

Sektor awam	*Jumlah terkumpul, 1971-75*
Perbelanjaan pembangunan sektor awam	6,000
Kegunaan[2] perbelanjaan pembangunan sektor awam—	
Pembentokan modal sektor awam	4,307
Pindahan[2] dan pinjaman[2] untok pembentokan modal swasta ..	742
Kegunaan[2] lain sektor awam	951
Jumlah ..	6,000
Pembentokan modal sektor awam—	
Pembiayaan daripada perbelanjaan pembangunan	4,157
Pembiayaan daripada belanjawan biasa	150
Jumlah ..	4,307
Sektor swasta	
Jumlah pembentokan modal sektor swasta	7,843
Pembiayaan pembentokan modal sektor swasta—	
Pembiayaan daripada puncha[2] swasta	7,101
Pembiayaan oleh pindahan[2] dan pinjaman[2] daripada sektor awam	742
Jumlah ..	7,843
Perbelanjaan pembangunan	
Sektor awam	6,000
Sektor swasta	7,101
Jumlah ..	13,101
Pembentokan modal	
Sektor awam	4,307
Sektor swasta	7,843
Jumlah ..	12,150

* Pada paras minima perbelanjaan pembangunan sektor awam sa-banyak $6,000 juta.

177. Pelaboran swasta sememang-nya menjadi satu perkara yang ber-pengaroh dalam pembangunan ekonomi yang dinamis. Dalam tahun² 1968 dan 1969, pelaboran swasta telah menjadi lemah di-sebabkan oleh pengaroh harga² getah yang rendah dan faktor² lain. Akan tetapi, dalam tahun 1970, keadaan tersebut telah puleh sa-mula. Memang ada sebab² yang memberi keyakinan bahawa perkembangan pelaboran swasta akan terus berlaku dengan pesat-nya dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Satu dari-pada perkara² penting yang menggalakkan ia-lah ranchangan kemajuan tanah yang di-perbesarkan, sa-bahagian besar-nya di-buka untok kepunyaan swasta. Satu lagi ia-lah galakan dari perkembangan pengeluaran pertanian yang hebat untok perusahaan² yang berkaitan. Ini sepatut-nya memberi galakan kapada tambahan pelaboran dalam penggunaan jentera dan memproses. Pada 'am-nya, semua bahagian² besar pelaboran swasta akan bertambah dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua, termasok pelaboran² dalam kilang perusahaan, perlombongan (mithal-nya menchari dan memaju-kan minyak petrol), alat² pengangkutan dan pembenaan untok kediaman dan perdagangan. Perbinchangan lanjut tentang prospek pelaboran swasta di-dapati dalam Bab VI.

178. Prospek² tentang wang tabongan dalam negeri dan kemasokan modal dari luar negeri dalam tahun² 1971-75 ada-lah memuaskan. Oleh itu, tidak-lah akan timbul masaalah besar untok membiayaï paras pelaboran yang di-ranchangkan. Keadaan ini ternyata benar di-sektor swasta. Walau pun keperluan perbelanjaan berulang sektor awam bertambah dengan chepat dan mungkin lebeh perlu bergantong kapada pinjaman dalam negeri dari masa yang lalu, paras minima perbelanjaan pembangunan sa-banyak $6,000 juta ada-lah maseh dalam kemampuan Kerajaan untok membiayaï-nya. Sekira-nya keupayaan pentadbiran dan perlaksanaan berkembang dengan kadar yang membolehkan perbelanjaan pembangunan yang lebeh tinggi, maka usaha² tambahan untok pembiayaan ada-lah di-perlukan. Soal pem-biayaan awam akan di-binchangkan seterus-nya dalam Bab V.

IV.—ALIRAN² DALAM SEKTOR² UTAMA

179. Kadar tambahan pengeluaran *benar* yang di-ramalkan sa-banyak 6.8% sa-tahun itu ada-lah dalam keupayaan ekonomi, saperti yang di-taksirkan apabila mengkaji sektor² utama. Satu daripada sebab² utama bagi tambahan yang tinggi yang di-jangka dalam Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah pengeluaran dan pendapatan pertanian di-jangka akan bertambah dengan lebeh pesat dari yang sudah². Pengeluaran perusahaan dan perkhidmatan sekurang²-nya akan mengekalkan, jika tidak memperbaiki lagi, rekod² tambahan-nya yang baharu lepas.

180. Keterangan² lengkap tentang kadar² tambahan sektor belum lagi di-perolehi bagi Malaysia Timor. Pada 'am-nya, perusahaan² ekspot, terutama-nya perhutanan dan perlombongan, ada-lah di-jangka akan memberi dorongan utama bagi perkembangan. Perusahaan² lain akan bergerak dengan kadar yang perlahan sedikit, tetapi akan juga mengalami aliran² tambahan yang menggalakkan. Paras perbelanjaan pembangunan awam yang tinggi akan terus mendorongkan pembenaan dan aktiviti² yang lain di-Malaysia Timor.

181. Saperti terdapat di-Jadual 4-5, hampir² satu pertiga daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di-Malaysia Barat berpuncha dari sektor pertanian. Hasil akan bertambah dan daya pengeluaran akan meningkat di-beberapa bahagian sektor ini semasa Ranchangan Malaysia Kedua. Keluaran² getah, minyak dan isi kelapa sawit, beras dan ikan akan bertambah dengan chepat, saperti yang di-terangkan dalam Bab IX. Dari segi harga² tetap tahun 1965, kadar tambahan berseh bagi hasil² keluaran pertanian di-jangka meningkat sa-banyak 8.4% sa-tahun. Ada-lah di-anggarkan bahawa kemerosotan harga² dalam beberapa bahagian pertanian akan mengekalkan tambahan pendapatan pertanian kapada 6.7% sa-tahun, ia-itu satu kemajuan yang maseh baik di-bandingkan dengan apa² taraf sekali pun. Tambahan pendapatan pertanian setinggi kadar ini akan dapat meninggikan lagi serta memperluaskan pembahagian pendapatan yang lebeh sa-imbang di-seluroh Malaysia Barat.

182. Sementara itu, saperti yang di-tegaskan di-bahagian² tertentu dalam Ranchangan ini, perkembangan sektor selain dari pertanian harus-lah di-perchepatkan juga supaya dapat menyediakan pekerjaan² baharu serta membanyakkan lagi peluang² penyertaan orang² Melayu dan bumiputra yang lain di-lapangan tertentu dalam sektor² moden. Mengikut jangkaan sekarang, nilai tambahan sektor perusahaan (pembuatan, pembenaan dan perkhidmatan² lain) akan bertambah sa-banyak 10.7% sa-tahun mengikut harga tetap tahun 1965. Untok menchapai tujuan² utama Ranchangan bagi sektor ini, ada-lah penting supaya sekurang²-nya di-chapai dan jika boleh di-lebehi matlamat perkembangan sektor ini.

183. Keluaran perlombongan di-Malaysia Barat di-jangka akan kurang dalam tahun² 1971-75. Pengeluaran sektor² lain pula akan bertambah kira² 5% sa-tahun.

VII.—TAMBAHAN PENGGUNAAN DAN TABONGAN

184. Matlamat perkembangan dan tambahan pendapatan sebagai di-tetapkan bagi Ranchangan Malaysia Kedua akan membolehkan penggunaan persendirian dan sosial bertambah serta membanyakkan lagi bahagian

JADUAL 4-5

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT SEKTOR, MALAYSIA BARAT, 1970-75

($ juta)

Sektor	*Harga sa-masa*			*Harga tetap 1965*		
	1970 (permulaan)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*	*1970 (permulaan)*	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,607	3,598	6.7	2,877	4,301	8.4
Penanaman getah	*1,103*	*1,436*	*5.4*	*1,323*	*1,852*	*7.0*
Pertanian dan ternakan	*1,130*	*1,603*	*7.2*	*1,140*	*1,837*	*10.0*
Perhutanan	*150*	*199*	*5.8*	*156*	*197*	*4.8*
Perikanan	*224*	*360*	*10.0*	*258*	*415*	*10.0*
Perlombongan dan kuari	556	484	−2.7	619	543	−2.6
Perusahan pembuatan	1,118	2,014	12.5	1,094	1,898	11.7
Pembenaan	329	513	9.3	329	500	8.7
Letrik, ayer dan perkhidmatan kebersehan ..	232	365	9.5	221	332	8.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubongan ..	345	447	5.3	329	406	4.3
Hak milek kediaman	354	431	4.0	345	410	3.5
Perniagaan borong dan runchit	1,232	1,550	4.7	1,173	1,409	3.7
Bank, insuran dan harta rumah-tanah	177	273	9.1	169	248	8.0
Pentadbiran awam dan pertahanan	584	825	7.2	520	658	4.8
Perkhidmatan[2] lain	976	1,368	7.0	893	1,147	5.1
Keluaran dalam negeri kasar mengikut kos faktor	8,510	11,868	6.9	8,569	11,852	6.7

KNK yang di-gunakan untok pelaboran. Oleh itu, Ranchangan ini akan menghasilkan faedah² jangka pendek serta menyediakan tabongan kewangan yang besar bagi memenohi keperluan² masa akan datang.

185. Perbelanjaan penggunaan swasta dalam tahun 1970 ada-lah di-anggarkan berjumlah $7,208 juta. Dengan bilangan pendudok yang di-anggarkan seramai 10.9 juta, ini akan menghasilkan perbelanjaan *per kapita* sa-banyak $661. Tambahan pula, penggunaan perkhidmatan² sosial—termasok pelajaran, kesihatan, keselamatan dan perkhidmatan² lain yang mendatangkan faedah kapada masharakat—di-nilaikan sa-banyak $2,288 juta dalam tahun 1970, atau pun $210 *per kapita*.

186. Ranchangan ini bertujuan untok menambahkan dengan lebeh banyak lagi jumlah kedua² penggunaan ini. Jika matlamat² ini terchapai, penggunaan persendirian purata akan meningkat kapada $786 dalam tahun 1975 dan penggunaan sosial purata kapada $260. Kira-nya matlamat Ranchangan bagi mengurang jurang perbezaan ekonomi terchapai, maka ini berma'ana bahawa angka² purata yang meningkat akan mencherminkan dengan lebeh tepat taraf penghidupan sa-benar kebanyakan pendudok di-Malaysia.

187. Jadual² 4-6 dan 4-7 menunjokkan bahawa Ranchangan ini juga bertujuan untok membanyakkan lagi jumlah pelaboran. Untok membiayaï jumlah pelaboran yang lebeh tinggi ini, maka perlu-lah negara terus mengadakan tabongan kewangan hampir² satu perlima daripada pendapatan-nya. Tambahan pendapatan yang akan di-chapai dalam tahun² 1971-75 di-jangka akan dapat menghasilkan jumlah tabongan kewangan yang di-perlukan. Oleh yang demikian, kemudahan² dan galakan² yang chukop perlu-lah di-adakan supaya tabongan² ini tetap berada di-dalam negeri dan di-salorkan kapada pelabor² melaluï institusi² kewangan.

VIII.—PROSPEK² IMBANGAN PEMBAYARAN

188. Perkembangan pendapatan dan pengeluaran pada kadar² matlamat yang di-tetapkan bagi Ranchangan Malaysia Kedua bererti bahawa keperluan barang² dan perkhidmatan² yang di-impot akan bertambah dengan banyak-nya. Malaysia mungkin mengalami kejatohan harga barang² ekspot dan kenaikan harga beberapa barang yang di-impot. Walau pun prospek² ini tidak menggalakkan, kedudokan imbangan pembayaran maseh dapat di-kawal dalam tempoh Ranchangan ini.

JADUAL 4-6

PERBELANJAAN NEGARA KASAR, 1970-75

($ juta)

	1970 (permulaan)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*	*Jumlah terkumpul, 1971-75*
Penggunaan	9,496	13,087	6.6	59,107
Swasta	*7,208*	*9,831*	*6.4*	*44,717*
Awam	*2,288*	*3,256*	*7.3*	*14,390*
Pelaboran	1,928	2,801	7.8	12,150
Swasta	*1,236*	*1,881*	*8.8*	*7,843*
Awam	*692*	*920*	*5.9*	*4,307*
Perbelanjaan negara kasar ..	11,821	16,230	6.5	73,067
Lebehan atas akaun barang[2] dan perkhidmatan[2]	+397	+342	—	+1,810

JADUAL 4-7

TABONGAN DAN PELABORAN, 1970-75

($ juta)

	1970 (permulaan)	*1975 (matlamat)*	*Jumlah terkumpul, 1971-75*
Pelaboran kasar	1,928	2,801	12,150
Lebehan (+) atau kurangan (−) luar negeri			
Barang[2] dan perkhidmatan[2]	+397	+342	+1,810
Pembayaran pindahan	−180	−132	−692
Akaun sa-masa	+217	+210	+1,118
Tabongan dalam negeri	2,145	3,011	13,268
Tabongan dalam negeri % dari KNK ..	18	19	18
Pelaboran kasar % dari KNK	16	17	17

189. Pada tahun² yang akhir ini, jumlah impot telah bertambah dengan kadar yang sederhana. Di-samping itu, jenis barang² yang di-impot telah banyak bertukar. Beberapa jenis barang² penggunaan, termasok barang² buatan kilang, yang dahulu-nya banyak atau kesemua-nya di-impot sekarang ini di-keluarkan di-dalam negeri. Pengeluaran beras tempatan, yang dahulu-nya merupakan barang impot yang paling penting, baharu² ini telah mula di-keluarkan dengan semakin bertambah untok penggunaan dalam negeri. Tetapi, ada juga jenis barang² impot yang telah bertambah sama dengan atau lebeh dari kadar² di-masa² yang lalu. Walau pun jentera², alat² pengangkutan dan barang² pembenaan telah mula di-keluarkan dalam negeri, paras pelaboran yang tinggi maseh memerlukan barang² ini di-impot. Barang² pertengahan ada-lah merupakan bahan impot yang chepat bertambah. Oleh yang demikian, banyak-lah terdapat perusahaan² yang mengeluarkan barang² siap untok menggantikan impot, sekarang ini pula mengimpot bahan² mentah dan barang² separoh siap untok di-gunakan sebagai bahan² pengilangan. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama jumlah barang² dan perkhidmatan yang di-impot telah meningkat hanya 4.9% sa-tahun, walau pun dalam tahun terakhir Ranchangan ini jumlah tersebut meningkat lebeh dari 12%.

190. Dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua impot mungkin bertambah lebeh dari kadar lima tahun yang lalu. Ini ada-lah berasaskan pada kadar perkembangan pelaboran modal yang lebeh pesat saperti yang di-ramalkan dan juga kemungkinan kenaikan harga impot, terutama-nya barang² buatan kilang, di-sabahagian besar dari negara² yang berdagang dengan Malaysia. Walau pun begitu, dalam akaun imbangan pembayaran, Malaysia mungkin maseh dapat mengekalkan lebehan yang besar dari segi akaun barang dagangan. Lebehan yang memuaskan dalam akaun barang² dan perkhidmatan maseh dapat di-kekalkan dalam tempoh Ranchangan, walau pun besar kemungkinan-nya bahawa kurangan akan di-alami dalam bidang perkhidmatan (terutama-nya, pengangkutan, insuran, faedah dan dividen yang di-bayar kapada orang² asing).

191. Saperti ternyata dalam Jadual 4-8, perkara² lain dalam akaun imbangan pembayaran sa-masa ia-lah pembayaran² pindahan kapada dan dari negara² asing. Pembayaran² pindahan persendirian ada-lah selalu-nya mengalami kurangan, di-sebabkan kiriman² wang oleh orang² keturunan asing ka-negeri² asal mereka. Walau bagaimana pun, kiriman² ini di-dapati

beransor² kurang dan kekurangan di-jangka akan terus berlaku di-antara sekarang dan tahun 1975. Pembayaran² pindahan Kerajaan pula ada-lah menunjokkan lebehan, sunggoh pun kechil. Selagi sharat² bantuan luar negeri di-dapati kurang baik, pemberian bantuan yang di-terima hampir² tidak menchukopi untok menyelenggarakan bayaran² yuran kapada badan² antarabangsa dan bayaran² kechil yang lain dalam akaun ini.

192. Dalam tahun² 1971-75, mungkin terdapat dua puncha besar kemasokan modal. Pertama ia-lah pinjaman² resmi oleh Kerajaan Persekutuan dan badan² berkanun dari institusi² kewangan asing dan antarabangsa. Matlamat pinjaman tersebut dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah sa-banyak $720 juta setelah di-tolak bayaran² untok menjelaskan hutang² yang lepas. Memandang kapada kemungkinan timbul-nya masaalah kewangan dalam sektor awam, usaha² yang tegas akan di-buat untok menambahkan jumlah pinjaman tersebut apabila keadaan memerlukan. Dalam soal ini, perkara² yang wajib di-pertimbangkan ada-lah sambutan negara² sahabat dan badan² antarabangsa terhadap keperluan² Malaysia, kechekapan menentukan dan menyediakan projek² untok pinjaman dan suasana serta sharat² pinjaman pasaran² wang antarabangsa.

193. Puncha besar kemasokan modal yang kedua ia-lah pelaboran jangka panjang sharikat² berhad asing yang hendak berniaga di-Malaysia. Sharikat² tersebut membawa masok modal sebagai sa-bahagian daripada kemudahan² yang meliputi kemahiran pengeluaran, pertalian² pemasaran dan faedah² lain. Dari segi rangka dasar yang menetapkan bahawa Malaysia harus menerima bahagian-nya dalam faedah² ekonomi dan sosial, pelaboran swasta asing tersebut boleh memainkan peranan penting di-dalam usaha² pembangunan di-negeri ini. Pelaboran asing akan terus di-galakkan di-masa² hadapan, saperti di-masa² yang terdahulu dan jumlah pelaboran dari puncha ini di-jangka akan bertambah.

194. Baki butiran² dalam akaun imbangan pembayaran ada-lah pelaboran² kewangan dan modal jangka pendek, serta satu perkara kesilapan dan ketinggalan akibat kekurangan keterangan² mengenaï bahan² yang lain dalam akaun imbangan pembayaran. Aliran perkembangan perkara² ini bagi masa hadapan sukar di-taksirkan, tetapi pada umum-nya menunjok bahawa harta² berseh asing di-mileki Bank Negara Malaysia dan bank² perdagangan di-jangka akan terus stabil dalam tempoh Ranchangan ini.

JADUAL 4-8

IMBANGAN PEMBAYARAN, 1970-75

($ juta)

Akaun sa-masa	*1970 (permulaan)*	*1975 (matlamat)*	*Jumlah terkumpul, 1971-75*
Barang² dan perkhidmatan²:			
Penerimaan	5,636	7,055	32,051
Pembayaran	5,239	6,713	30,241
Kedudokan berseh	+397	+342	+1,810
Bayaran² pindahan persendirian:			
Penerimaan	31	36	167
Pembayaran	230	200	1,030
Kedudokan berseh	−199	−164	−863
Bayaran² pindahan Kerajaan			
Penerimaan	47	54	287
Pembayaran	28	22	116
Kedudokan berseh	+19	+32	+171
Imbangan akaun sa-masa	+217	+210	+1,118
Akaun modal			
Modal jangka panjang (berseh):			
Awam	+12	+66	+720
Swasta	+160	+250	+1,090
Aliran wang dan modal jangka pendek, termasok kesilapan dan ketinggalan ..	−389	−526	−2,928
Imbangan akaun modal	−217	−210	−1,118

BAB V

Ranchangan Sektor Awam dan Pembiayaan-nya

I.—PENDAHULUAN

195. Untok menchapai tujuan² Ranchangan Malaysia Kedua pelaboran awam dan swasta perlu berkembang dengan chepat-nya. Pelaboran swasta di-ramalkan berkembang dengan kadar purata sa-banyak 8.8% sa-tahun, sementara pelaboran awam di-jangka berkembang dengan kadar 5.9%, atau lebeh, sa-tahun.

196. Kerajaan akan terus memberi galakan dan bantuan kapada pelaboran swasta supaya dapat memainkan peranan-nya dalam Ranchangan ini. Selain dari mengadakan galakan² chukai, Kerajaan akan membaiki dan membesarkan sistem jalan raya, keretapi, pelabohan, kuasa letrik dan infrastraktur yang lain dan juga menyediakan tenaga buroh terlateh yang di-perlukan untok pembangunan selanjut-nya di-bidang² pertanian, perdagangan, perusahaan dan perkhidmatan.

197. Peranan ranchangan pelaboran awam bukan-lah hanya sekadar menyediakan kemudahan² asas dan suasana sosial untok menggalakkan pelaboran. Pelaboran awam juga akan menjadi suatu tenaga swasta yang semakin dinamis dalam ekonomi negara ini dengan penyertaan-nya yang giat dan sechara langsong dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Dengan jalan ini, sektor awam akan menguatkan peranan pelaboran swasta bagi meninggikan kadar perkembangan ekonomi, menyediakan lebeh banyak lagi peluang² pekerjaan dan menghasilkan pembangunan yang lebeh sa-imbang di-antara kawasan² dan kaum².

198. Pelaboran awam yang dahulu-nya di-tumpukan kapada aktiviti² tradisi saperti pembenaan jalan raya, sekolah dan hospital, sekarang di-aleh ka-bidang² perusahaan dan perdagangan di-mana terdapat masaalah² yang

lebeh sukar dan kompleks mengenaï perkara² membuat keputusan, organisasi dan pengurusan. Sektor awam tidak akan hanya bergantong kapada kebolehan²-nya sendiri untok melaksanakan projek² ini dengan memuaskan. Di-mana perlu, sektor awam akan menggunakan pengetahuan teknik dan perkhidmatan pengurusan pehak swasta. Ini akan di-laksanakan melaluï perusahaan²-bersama dan juga melaluï kontrek² bagi mendapatkan perkhidmatan pengurusan dan perunding² swasta. Perkhidmatan² tersebut telah pun di-gunakan bagi beberapa projek. Peluang² bagi penyertaan bersama di-antara sektor awam dan swasta dalam lapangan perdagangan, perusahaan dan pertanian juga akan terus bertambah.

II.—JUMLAH RANCHANGAN PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM

199. Jumlah peruntokan perbelanjaan pembangunan bagi sektor awam dalam tempoh 1971-75 ia-lah $7,250 juta. Pembahagian jumlah ini mengikut sektor dan kawasan ada-lah sebagai yang di-nyatakan dalam Jadual 5-1. Kerajaan berazam untok menjayakan segala ranchangan² ini; perbelanjaan pembangunan sa-benar di-jangka tidak kurang dari $6,000 juta. Jumlah perbelanjaan pembangunan yang sa-benar ini ada-lah selaras dengan angka pelaboran awam sa-banyak $4,307 juta.

200. Jumlah pelaboran awam ada-lah kurang dari jumlah perbelanjaan pembangunan awam, di-sebabkan oleh beberapa faktor. Lebeh dari $740 juta dari perbelanjaan pembangunan yang di-buat dalam sektor awam sa-benar-nya merupakan pelaboran swasta. Jumlah ini mengandongi perbelanjaan bagi LKTP dan ranchangan² kemajuan tanah yang lain di-mana harta² ranchangan itu di-anggap sebagai milek peserta²-nya. Jumlah ini mengandongi juga bantuan² bagi penanaman getah sa-mula, pemberian langsong dan pinjaman kapada badan² swasta dan pehak² perseorangan untok projek² perusahaan dan perdagangan serta pinjaman² bagi ranchangan perumahan. Sebagai tambahan, ada beberapa jenis perbelanjaan pembangunan yang tidak memberi sumbangan chara langsong untok memperbesarkan dan membaiki keupayaan pengeluaran negara dan oleh itu tidak-lah di-anggap sebagai pelaboran. Sa-bahagian besar dari perbelanjaan tersebut ada-lah untok membeli tanah dan perbelanjaan bagi pertahanan.

III.—RANCHANGAN² SEKTOR

201. Perbelanjaan untok pertahanan meningkat dengan chepat-nya dalam beberapa tahun ini. Perbelanjaan sa-benar untok pertahanan dalam tempoh 1966-70 ada-lah lebeh dua kali angka bagi lima tahun yang terdahulu. Peruntokan bagi pertahanan dalam Ranchangan ini ada-lah 60% lebeh tinggi dari perbelanjaan sa-benar Ranchangan yang lalu.

JADUAL 5-1

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

($ juta)

	1966-1970 (Anggaran)					*1971-1975 (Peruntokan)*				
	Malaysia Barat[1]	*Sabah*[2]	*Sarawak*[3]	*Jumlah*	%	*Malaysia Barat*[4]	*Sabah*[5]	*Sarawak*[6]	*Jumlah*	%
Ekonomi	*2,210.8*	*278.3*	*196.3*	*2,685.4*	*63.3*	*3,898.76*	*555.55*	*416.66*	*4,870.97*	*67.2*
Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	*911.2*	*116.2*	*86.7*	*1,114.1*	*26.3*	*1,570.86*	*198.40*	*151.60*	*1,920.86*	*26.5*
Pertanian	61.0	23.0	12.8	96.8	2.3	108.70	8.48	32.03	149.21	2.1
Penanaman Getah Sa-mula	116.3	10.0	42.6	168.9	4.0	210.40	8.25	50.43	269.08	3.7
Kemajuan Tanah (LKTP, LPPTP, Ranchangan Tanah Belia, Ladang[2] Awam)	309.7	47.0	6.9	363.6	8.6	795.14	102.55	10.96	908.65	12.5
Parit dan Taliayer	328.5	8.4	5.7	342.6	8.1	288.17	15.39	12.93	256.49	3.5
Perhutanan	11.9	1.7	1.3	14.9	0.4	8.67	7.21	2.35	18.23	0.3
Ternakan	13.9	2.7	1.9	18.5	0.4	37.01	3.83	3.26	44.10	0.6
Perikanan	5.3	2.1	1.6	9.0	0.2	39.79	2.18	3.87	45.84	0.6
Kredit dan Pemasaran Pertanian (Bank Pertanian, LPPP, Sharikat Kerjasama, Lembaga Padi dan Kredit Luar Bandar)	13.8	9.3	6.5	29.6	0.7	97.25	29.25	28.60	155.10	2.1
Penyelidekan Pertanian (IPKPM dan Institut Teknoloji Makanan)	8.8	3.0	1.2	13.0	0.3	34.03	13.26	2.92	50.21	0.7
Lain[2]	42.0	9.0	6.2	57.2	1.3	11.70	8.00	4.25	23.95	0.3
Kemajuan Bahan[2] Galian	*0.4*	*0.3*	—	*0.7*	—	*0.50*	*0.18*	—	*0.68*	—
Jabatan Galian*	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Jabatan Kajibumi	0.4	0.3	—	0.7	—	0.50	0.18	—	0.68	—
Perdagangan dan Perusahaan	*137.0*	*1.9*	*2.4*	*141.3*	*3.3*	*464.53*	*12.75*	*6.32*	*583.60*	*8.0*
Perbadanan Nasional (PERNAS) ..	10.0	—	—	10.0	0.2	100.00	—	—	100.00	1.4
Majlis Amanah Ra'ayat (MARA) ..	50.9	—	—	50.9	1.2	73.00	—	—	73.00	1.0

JADUAL 5-1—(*samb.*)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

($ juta)

	1966-1975 (Anggaran)					*1971-1975 (Peruntokan)*				
	Malaysia Barat[1]	*Sabah*[2]	*Sarawak*[3]	*Jumlah*	%	*Malaysia Barat*[4]	*Sabah*[5]	*Sarawak*[6]	*Jumlah*	%
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri[2] (PKEN)	—	—	—	—	—	45.60	—	—	45.60	0.6
Kawasan[2] Perusahaan	19.3	1.9	2.4	23.6	0.6	4.40	12.75	6.32	23.47	0.3
Lembaga Pembangunan Bandar (LPB)[7]	—	—	—	—	—	100.00	—	—	100.00	1.4
Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (SPKPM) ..	16.0	—	—	16.0	0.4	100.00	—	—	100.00	1.4
Pusat[2] Memperoses Getah	2.6	—	—	2.6	0.1	35.00	—	—	35.00	0.5
Sharikat Perkapalan Kebangsaan ..	10.1	—	—	10.1	0.2	46.00	—	—	46.00	0.6
Pelabohan[2] lain dalam kegiatan ekonomi	7.3	—	—	7.3	0·2	45.05	—	—	45.05	0.6
Pelanchongan	0.4	—	—	0.4	—	10.00	—	—	10.00	0.1
IPSK, PPM, PDPN	0.3	—	—	0.3	—	5.48	—	—	5.48	0.1
Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP)	3.4	—	—	3.4	0.1	(10)[8]	—	—	(10)[8]	—
Lain[2]	16.7	—	—	16.7	0.4	—	—	—	—	—
Kajian Kemungkinan	—	—	—	—	—	*23.26*	*0.10*	*7.00*	*30.36*	*0.4*
Pengangkutan	*355.9*	*108.5*	*80.5*	*544.9*	*12.8*	*794.50*	*243.30*	*150.56*	*1,188.36*	*16.4*
Jalan Raya dan Jambatan[2]	161.3	79.8	68.2	309.3	7.3	505.10	123.67	64.79	693.56	9.6
Keretapi	47.0	3.9	—	50.9	1.2	85.70	8.02	—	93.72	1.3
Penerbangan Awam	40.3	14.3	6.5	61.1	1.4	49.76	46.60	12.40	108.76	1.5
Pelabohan dan Jabatan Laut	82.9	5.8	4.3	93.0	2.2	122.94	60.26	46.59	229.79	3.2
Jentera dan Kelengkapan JKR ..	24.4	4.7	1.5	30.6	0.7	31.00	4.75	26.78	62.53	0.9
Perhubongan	*159.5*	*25.1*	*18.4*	*203.0*	*4.8*	*287.31*	*65.54*	*47.17*	*400.02*	*5.5*

Talikom	118.7	13.8	13.7	146.2	3.4	222.95	38.44	37.00	298.39	4.1
Penyiaran	35.2	11.2	4.6	51.0	1.2	45.70	25.60	7.85	79.15	1.1
Perkhidmatan Pos	4.4	0.1	0.1	4.6	0.1	15.16	1.50	2.32	18.98	0.3
Perkhidmatan Kaji Chuacha	1.2	—	—	1.2	—	3.50	—	—	3.50	—
Kemudahan² Awam	*646.8*	*26.3*	*8.3*	*681.0*	*16.1*	*657.80*	*35.28*	*54.01*	*747.09*	*10.3*
Letrik	494.6	9.3	2.7	506.6	11.9	480.80	17.38	40.34	538.52	7.4
Bekalan Letrik Luar Bandar	23.0	1.0	—	24.0	0.6	20.00	3.32	1.50	24.82	0.3
Ayer	129.2	16.0	5.6	150.8	3.6	157.00	14.58	12.17	183.75	2.5
Sosial	*644.7*	*54.0*	*53.4*	*752.1*	*17.7*	*836.02*	*123.93*	*107.43*	*1,067.38*	*14.7*
Pelajaran dan Latehan	*286.9*	*16.5*	*26.0*	*329.4*	*7.8*	*458.89*	*36.00*	*42.37*	*537.26*	*7.4*
Kementerian Pelajaran	213.1	16.5	26.0	255.6	6.0	370.11	36.00	42.37	448.48	6.2
Latehan Perusahaan	0.8	—	—	0.8	—	3.70	—	—	3.70	0.1
MARA (Institiut Teknoloji, Biasiswa dan Latehan)	73.0	—	—	73.0	1.7	85.08	—	—	85.08	1.2
*Kesihatan dan Peranchang Keluarga .. ..

JADUAL 5-1—(*samb.*)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

($ juta)

	1966-1975 (Anggaran)					*1971-1975 (Peruntokan)*				
	Malaysia Barat[1]	*Sabah*[2]	*Sarawak*[3]	*Jumlah*	%	*Malaysia Barat*[4]	*Sabah*[5]	*Sarawak*[6]	*Jumlah*	%
Keselamatan Dalam Negeri	*113.3*	*7.3*	*13.8*	*134.4*	*3.2*	*181.00*	*30.00*	*39.00*	*250.00*	*3.4*
Tempat kediaman	83.4	7.3	13.8	104.5	2.5	140.20	30.00	39.00	209.20	2.9
Kelengkapan	29.9	—	—	29.9	0.7	40.80	—	—	40.80	0.6
JUMLAH ..	3,610.2	358.7	273.5	4,242.4	100.0	5,868.12	773.80	608.08	7,250.00	100.0

* Peruntokan sa-banyak $0.5 juta bagi alat² melombong dalam Ranchangan Malaysia Pertama di-pindahkan ka-Kumpulan Wang Amanah.

1 Termasok perbelanjaan pembangunan Badan² Berkanun ($504.9 juta) dan Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat ($267.2 juta).

2 Termasok perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sa-banyak $*151.8* juta.

3 Termasok perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sa-banyak $*254.7* juta.

4 Termasok peruntokan pembangunan sa-banyak $518.6 juta dari kewangan Badan² Berkanun sendiri dan $242.8 juta dari kewangan Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat.

5 Termasok peruntokan Kerajaan Persekutuan sa-banyak $381.4 juta.

6 Termasok peruntokan Kerajaan Persekutuan sa-banyak $383.1 juta.

7 Peruntokan LPB sa-banyak $100 juta ia-lah untok bangunan kompleks perniagaan dan pusat² perdagangan serta yunit² kediaman. Bahagian peruntokan bagi kompleks² perdagangan dan perniagaan dan yunit² kediaman belum di-tetapkan. Bila peruntokan ini di-tetapkan kelak angka peratus dalam sektor sosial ini akan bertambah.

8 Peruntokan sebagai tanda, sementara projek di-rangka.

Peruntokan ini merupakan hampir 12% dari jumlah perbelanjaan pembangunan seluroh sektor awam. Jika di-champorkan dengan perbelanjaan pembangunan bagi keselamatan dalam negeri, bahagian itu menjadi lebeh daripada 15%.

202. Perbelanjaan bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri yang kian meningkat itu sentiasa di-kaji dengan teliti oleh kerana ada-nya aktiviti² lain yang bertanding untok menggunakan puncha² pengeluaran yang terhad. Dengan bantuan yang berharga dari Kerajaan² U.K., Australia, New Zealand dan Canada, Malaysia telah dapat menanggong beban pertahanan dan keselamatan dalam negeri dengan tidak terpaksa mengenepikan keperluan pembangunan yang lain. Walau bagaimana pun, perbelanjaan yang kian bertambah bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri dan juga bagi pembangunan ekonomi dan sosial pada keselurohannya telah merupakan bebanan berat kapada kedudokan kewangan kerajaan, sebagaimana yang di-binchangkan dalam Bab ini.

203. Peruntokan bagi perbelanjaan pembangunan, selain daripada keselamatan, berjumlah sa-banyak $6,150 juta. Ranchangan dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar akan mengukohkan lagi usaha² yang telah di-jalankan bagi memodenkan pertanian supaya semua bahagian di-sektor ini terus dapat meninggikan hasil pengeluaran-nya. Melaluï perkembangan asas pertanian, perusahaan² yang berasaskan pertanian juga dapat di-galak dan di-usahakan.

204. Ranchangan² dalam sektor pertanian termasok:

(i) memperchepatkan pembukaan tanah yang di-usahakan oleh badan² saperti LKTP, LPPTP dan Perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN);

(ii) menyiapkan tiga ranchangan pengayeran besar, ia-itu Muda, Kemubu dan Besut, dan menyediakan ranchangan² kechil bagi kawasan² pertanian yang lain;

(iii) menubohkan Lembaga Padi dan Beras Kebangsaan (LPBK) untok merangka dasar² dan menyelaras aktiviti² berkaitan dengan pengeluaran, memproses dan pemasaran padi dan beras;

(iv) memperchepatkan usaha² penanaman getah sa-mula dan penanaman baharu di-kebun² kechil;

(v) memberi bantuan tambahan kapada ranchangan² pemulehan kebun² kelapa dan penanaman sa-mula kebun² nenas dengan beneh² yang lebeh baik;

(vi) menyediakan pusat² ternakan untok membiakkan baka², terutamanya, bagi ternakan lembu untok susu dan daging;

(vii) menubohkan satu perbadanan perikanan untok menggalakkan dan membantu nelayan² dalam lapangan pukat tunda dan menangkap ikan di-lautan dalam;

(viii) membiayaï ranchangan² penyelidekan IPKPM dan menubohkan lebeh banyak lagi sekolah² pertanian serta menambahkan aktiviti² LPPP dan Bank Pertanian; dan

(ix) menubohkan persatuan² peladang bagi menguruskan dan menyelaras bantuan² kebendaan dan teknik kapada peladang² serta menyebarkan kegunaan teknoloji dan chara² baharu.

205. Ranchangan² dalam bidang perusahaan dan perdagangan termasok penubohan perusahaan² baharu melaluï PERNAS, MARA, LPB, PKEN. Tujuan utama perusahaan² ini ia-lah bagi membantu dan melateh orang² Melayu dan bumiputra lain untok mengambil bahagian yang lebeh chergas dalam bidang² perdagangan dan perusahaan dan juga bagi menggalakkan pembentokan satu gulongan peniaga² dan pedagang² Melayu di-bandar², bersaingan dengan kaum² lain. Perbadanan² ini akan juga menolong menubohkan lebeh banyak lagi perusahaan² di-kawasan² luar bandar, bandar² kechil dan tempat² baharu yang mungkin di-majukan. Ini termasok perusahaan² yang berasaskan pertanian saperti kilang² papan, perusahaan² kayu kayan dan kilang² memproses getah serta berbagai aktiviti² perkilangan yang lain. Peruntokan telah juga di-buat bagi memajukan kawasan² baharu untok perusahaan (termasok kawasan² perusahaan di-Pantai Timor Malaysia Barat), memberi bantuan untok latehan dan pinjaman² melaluï SPKPM dan badan² lain untok di-salorkan kapada peniaga² sederhana dan kechil.

206. Pelajaran dan latehan di-beri keutamaan dalam Ranchangan ini. Peruntokan sa-jumlah lebeh kurang $537 juta bagi tempoh lima tahun adalah kira² 63% lebeh tinggi dari perbelanjaan sa-benar dalam masa lima tahun yang lepas. Perhatian berat akan di-beri kapada pelajaran sains, teknik dan vokeshen dan juga kapada usaha meninggikan mutu dan menambah kemudahan² pelajaran di-kawasan luar bandar. Ini melibatkan kos yang lebeh tinggi dari segi perbelanjaan modal dan pengurusan. Usaha² menyediakan tempat² di-sekolah bagi bilangan murid² yang semakin bertambah dengan chepat-nya dan menambah tempat² di-sekolah menengah atas dan perengkat pelajaran tinggi akan juga melibatkan perbelanjaan yang lebeh tinggi. Peruntokan telah juga di-buat bagi menambah lagi ranchangan

latehan perusahaan yang di-uruskan oleh MARA dan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Usaha² melateh kakitangan di-beberapa Jabatan teknik di-Kementerian dan badan² berkanun akan di-beri perhatian. Perkembangan ranchangan pelajaran dan latehan ini di-buat untok memenohi keperluan² tenaga buroh yang di-kehendaki di-bidang pentadbiran awam, pengurusan perniagaan, sains dan teknoloji.

207. Peruntokan bagi kemajuan pengangkutan telah banyak bertambah hingga hampir satu perlima dari jumlah peruntokan pembangunan, tidak termasok peruntokan keselamatan. Ranchangan² ini ada-lah bagi membena tambahan² penting kapada rangkaian jalan raya, membena jalan² baharu untok memudahkan pengangkutan ka-kawasan² pembangunan pertanian dan perlombongan, dan membaiki rangkaian² jalan raya untok melegakan kesesakan lalu lintas dan juga memenohi keperluan pengangkutan yang semakin bertambah. Usaha² menambah rangkaian² jalan raya juga bertujuan untok membolehkan penubohan perusahaan² di-luar bandar dan pusat² perkembangan baharu. Pelaboran bagi keretapi di-buat bagi menyempurnakan ranchangan mengganti enjin² lama dengan enjin² disel dan juga membeli gerabak² baharu berikutan dengan tambahan tenaga enjin. Ini akan menambahkan keupayaan keretapi dan juga mengurangkan perbelanjaan mengurus. Ranchangan kemajuan pelabohan ada-lah terutama-nya, untok memenohi keperluan² lalu lintas yang semakin bertambah serta pemunggahan barang² yang berkontena di-Pelabohan Swettenham dan di-pelabohan² besar di-Malaysia Timor. Selain dari itu, kajian² kemungkinan akan di-jalankan untok pembenaan kemudahan² pelabohan yang baharu di-Kuantan dan Johor. Peruntokan juga di-buat bagi memodenkan lapangan² terbang, membaiki dan memanjangkan landasan untok memenohi keperluan² pengangkutan udara yang semakin bertambah dalam negeri dan antarabangsa. Ranchangan ini juga akan menyediakan keperluan² kelengkapan dan kemudahan yang di-perlukan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia. Peruntokan juga di-buat bagi penubohan pusat penerangan penerbangan yang akan mengendalikan segala penerbangan di-angkasa Malaysia.

208. Dalam bidang talikom, peruntokan yang berjumlah dua kali perbelanjaan sa-benar bagi tempoh 1966-70 akan memenohi keperluan² baharu dan menyediakan perkhidmatan² talipon bagi pemohon² yang ramai menunggu. Kechekapan akan terus di-perelokkan dengan memoden dan menukarkan ibusawat² talipon kapada jenis otomatis.

209. Peruntokan di-sediakan bagi menambah pengeluaran kuasa letrik supaya dapat memenohi keperluan² yang di-jangka akan berlipat ganda dalam masa lima tahun akan datang. Peruntokan yang lebeh besar bagi

membekal kuasa letrik ka-kawasan² luar bandar telah juga di-adakan. Satu ranchangan yang besar telah di-sediakan bagi membaiki dan memperluaskan sistem bekalan ayer dalam negeri. Sistem² pembuangan najis, terutamanya di-kawasan² perbandaran, akan di-baiki dan di-tambah.

210. Perkhidmatan² kesihatan dan peranchang keluarga, perumahan dan perkhidmatan² sosial yang lain akan di-tambah dan di-baiki lagi. Usaha² utama dalam ranchangan kesihatan ia-lah membaiki kemudahan² di-kawasan luar bandar dan mengurangkan kesesakan di-hospital². Peruntokan bagi perumahan ada-lah untok pembangunan rumah² awam dan projek² bagi membersehkan kawasan² setinggan dan memulehkan kawasan² bandar. LPB telah di-tubohkan bagi memperbaiki peranchangan, penyelarasan dan perlaksanaan aktiviti² ini. Lembaga ini akan juga membantu dalam ranchangan menubohkan tempat² perniagaan di-pekan² besar supaya membolehkan orang² Melayu dan bumiputra lain menyertaï aktiviti² di-bandar dengan lebeh chergas lagi.

211. Ranchangan ini juga membuat peruntokan bagi menyesuaikan kemudahan² baharu untok memuleh kawasan² yang di-timpa banjir. Jalan² dan jambatan² yang rosak kerana banjir serta kemudahan² lain akan di-baiki supaya kemudahan² perhubongan penting tidak terputus dalam masa banjir. Langkah² lain bagi mengelak dan mengurangkan benchana banjir termasok-lah mengadakan sistem amaran banjir dan parit² yang lebeh baik bagi kawasan² yang sering di-timpa banjir. Untok membaiki ramalan chuacha, satu sistem radar amaran ribut dan alat² untok membaiki chara menerima dan memproses data dari satelait chuacha akan di-adakan. Maklumat² mengenaï chuacha, hujan dan paras ayer sungai akan di-salorkan kapada pusat penchegah banjir untok membolehkan tindakan² segera di-jalankan dan juga menyenangkan langkah² jangka panjang di-ranchang.

212. Langkah² yang berkesan bagi menchegah banjir akan di-ambil terutama-nya di-Negeri² di-Pantai Timor. Langkah² ini akan di-rangka, di-ranchang dan di-satukan dengan projek² pembangunan, terutama-nya dalam ranchangan² parit dan taliayer, memberseh sungai², memajukan kawasan tadahan bekalan ayer dan projek letrik-haidro. Kemungkinan banjir di-satu² tempat ada-lah satu faktor penting dalam menentukan penempatan projek². Langkah² dasar yang lebeh berkesan akan di-ambil, termasok menguatkuasakan undang² yang ada, untok memelihara bekalan ayer dan menchegah hakisan tanah yang menyebabkan parit² dan sungai² berlodak. Semua langkah² ini akan mengurangkan kejadian dan kesan² banjir.

213. Cheraian² di-atas menyatakan, sechara kasar, ranchangan² yang akan di-jalankan dan perhatian yang akan di-tumpukan dalam pembangunan bi-sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Walau bagaimana pun, lebeh banyak lagi kerja² yang harus di-jalankan bagi beberapa chadangan untok mendapatkan ranchangan konkrit dan memajukan projek² dari peringkat peranchangan ka-peringkat perlaksanaan. Oleh itu kerja² meranchang akan terus di-jalankan, bersaingan dengan pembangunan. Chara ini akan di-gunakan bagi menentu dan merangka projek² untok membaiki kandongan ranchangan dan memperchepatkan lagi perlaksanaannya. Ini termasok juga kajian² untok menyediakan chadangan² pembangunan yang lebeh lengkap bagi negeri² dan kawasan², serta kajian² kemungkinan projek dari segi ekonomi dan teknik.

214. Di-peringkat ini, Ranchangan ini maseh boleh di-pinda untok menerima chadangan² dan usul² baharu, terta'alok kapada had² peruntokan bagi tiap² sektor². Dengan itu, peruntokan tahunan tidak di-tetapkan bagi satu² ranchangan sektor. Peruntokan tahunan akan bergantong kapada chepatnya projek² itu di-ranchang dan di-laksanakan. Kajian sa-mula yang teliti mengenaï kejayaan dan kemajuan perlaksanaan dan juga peruntokan² tahunan akan di-buat semasa anggaran belanjawan tahunan di-tentukan.

215. Oleh itu, perhatian Kerajaan dalam masa lima tahun akan datang akan di-tumpukan kapada usaha memperchepatkan perlaksanaan terutama bagi ranchangan² ekonomi yang besar. Usaha² akan di-tumpukan bagi mengatasi masaalah² yang menghalang perlaksanaan Ranchangan ini supaya perbelanjaan sa-benar sektor awam akan dapat melebehi paras minima $6,000 juta itu.

IV.—MASAALAH PEMBIAYAAN

216. Tugas membiayaï ranchangan² di-sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah lebeh besar dan kompleks daripada Ranchangan yang lalu. Pertama, peranan sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah lebeh mustahak dan luas lagi bagi menchapai tujuan² negara jika di-bandingkan dengan Ranchangan Malaysia Pertama. Oleh itu, paras pelaboran awam yang harus di-biayaï ada-lah lebeh tinggi dari dahulu. Pelaboran awam yang bertambah hanya sekadar 1.9% sa-tahun dalam Ranchangan Malaysia Pertama sekarang di-jangka bertambah dengan kadar yang lebeh chepat, ia-itu 5.9%, atau lebeh sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua.

217. Perbelanjaan yang lebeh besar juga di-untokkan bagi pertahanan. Negara ini harus-lah bergantong kapada kebolehan pertahanan-nya sendiri dan ini memerlukan modal yang banyak bagi menyediakan peralatan dan perbelanjaan besar untok mengurus-nya. Memandang kapada keperluan perbelanjaan yang semakin bertambah untok pertahanan dan pembangunan ekonomi, tugas membiayaï Ranchangan menjadi lebeh sukar.

218. Dari segi puncha² kewangan pula, pembiayaan dari luar negeri tidak boleh di-harapkan sebagaimana yang di-perchayaï menasabah ketika Ranchangan Malaysia Pertama di-bentok. Pengalaman dalam masa lima tahun yang lepas menunjokkan bahawa proses menyediakan projek² untok memenohi sharat² pinjaman luar negeri ada-lah sukar dan memakan masa yang panjang. Tambahan pula, rundingan² dan peratoran² pinjaman kerapkali melambatkan perlaksanaan projek². Sunggoh pun usaha harus di-buat untok mendapatkan lebeh banyak lagi pembiayaan dari luar negeri, termasok pinjaman bagi projek² yang tertentu dan dari pasaran kewangan, ada-lah jelas bahawa sa-bahagian besar dari wang untok membiayaï Ranchangan ini harus di-perolehi dari puncha² dalam negeri.

219. Dalam merangka dasar belanjawan, perhatian akan di-beri terhadap keperluan untok terus mengadakan galakan² kapada pelaboran² baharu pehak swasta. Di-peringkat² permulaan, kerugian hasil harus di-alami di-sebabkan oleh galakan² tersebut. Ini akan berlaku terutama-nya apabila galakan² tertentu di-beri bagi menambah peluang² pekerjaan dan menempatkan perusahaan² di-kawasan² yang kurang maju serta menggalakkan perusahaan barang² ekspot.

220. Dasar² belanjawan dan kewangan akan menentukan supaya langkah² untok mendapatkan wang bagi kegunaan awam akan juga meninggalkan baki yang menchukopi untok memenohi keperluan² pehak swasta.

221. Akhir-nya, tugas bagi menyalorkan puncha² kewangan akan di-jalankan dengan chara yang sesuai bagi menentukan kesetabilan dan ketegohan kewangan negara.

V.—MEMBIAYAI RANCHANGAN² SEKTOR AWAM

222. Pembiayaan ranchangan² sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua bergantong kapada beberapa perkara, saperti lebehan² kewangan sa-masa Kerajaan² Persekutuan dan Negeri dan badan² berkanun, pinjaman dalam negeri dan penggunaan harta² yang terkumpul, di-tambah dengan pinjaman dan pemberian dari luar negeri.

223. Lebehan² kewangan sa-masa Kerajaan² merupakan jumlah hasil pendapatan yang melebehi jumlah perbelanjaan sa-masa. Oleh itu tugas dasar belanjawan ada-lah di-tumpukan bagi memperolehi lebehan² kewangan dalam belanjawan sa-masa supaya dapat membiayaï perbelanjaan pembangunan yang semakin meningkat. Tugas ini melibatkan usaha² bagi menentukan supaya hasil bertambah dengan kadar yang berpatutan dan perbelanjaan sa-masa tidak bertambah lebeh dari yang perlu.

224. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, lebehan kewangan akaun sa-masa Kerajaan, sa-jumlah $1,390 juta telah di-perolehi. Perhatian berat telah di-beri kapada usaha mengurangkan kadar perkembangan perbelanjaan berulang yang telah pun di-kurangkan dari kadar lebeh dari 10% sa-tahun dalam lima tahun pertama tahun² ke-enam-pulohan kapada 7.8% dalam tempoh 1966-70. Sementara itu, melaluï langkah² belanjawan, pendapatan hasil Kerajaan bertambah dengan chepat-nya dengan kadar purata 10.1% sa-tahun.

225. Bagi tempoh 1971-75 perbelanjaan sa-masa di-jangka akan bertambah sa-banyak 8.7% sa-tahun. Kadar ini di-anggap sebagai kadar minima, oleh kerana perbelanjaan pembangunan dengan sechara langsong menyebabkan kenaikan perbelanjaan sa-masa, akan meningkat pada kadar yang lebeh chepat dalam tahun² 1971-75, berbanding dengan lima tahun yang terdahulu.

226. Dalam proses pembangunan beberapa kenaikan dalam perbelanjaan sa-masa tidak dapat di-elakkan. Kos menjaga dan mengurus projek² pembangunan yang semakin bertambah bilangan dan jenis-nya, hasil daripada pelaboran dalam masa² yang lampau, perlu di-biayaï. Ini termasoklah ranchangan parit dan taliayer, bekalan ayer, perkhidmatan talikom, kemajuan tanah, jalan² raya, sekolah² dan hospital². Tambahan² perbelanjaan sa-masa yang lain berpuncha dari usaha² memenohi keperluan ekonomi yang berkembang dan bilangan pendudok yang semakin bertambah dengan chepat-nya. Ini termasok berbagai² perkhidmatan saperti kesihatan, pelajaran dan kebajikan masharakat dan juga menjaga ketenteraman negara. Perbelanjaan sa-masa bagi kumpulan aktiviti² ini berjumlah 51% daripada semua perbelanjaan sa-masa Kerajaan Persekutuan dalam tempoh 1966-70, dan bahagian ini di-jangka akan meningkat kapada 53% dalam tempoh 1971-75. Akhir-nya, sementara peranan sektor awam di-tambah dan di-perluaskan dan sistem ekonomi menjadi lebeh kompleks, perbelanjaan sa-masa perlu di-tambah bagi menjalankan penyelidekan, peranchangan, penilaian dan penggalakan untok memenohi keperluan² sektor awam dan swasta.

227. Berasaskan kapada kadar kenaikan perbelanjaan sa-masa Kerajaan sa-banyak 8.7% sa-tahun, perbelanjaan sa-masa bagi tempoh 1971-75 di-anggarkan berjumlah sa-banyak $16,000 juta. Pendapatan Kerajaan di-anggar akan bertambah sa-banyak 7.2% sa-tahun dalam tempoh 1971-75, menghasilkan $17,260 juta dalam masa lima tahun. Oleh kerana KNK di-jangka bertambah sa-kadar 6.5% sa-tahun, ia-itu lebeh rendah dari kadar kenaikan hasil Kerajaan, ini akan meninggikan bahagian hasil Kerajaan dari 23.7% sekarang ini kapada 24.4% dari KNK pada penghujong Ranchangan. Jika paras perbelanjaan sa-masa di-dapati sebagaimana yang di-anggarkan, hasil Kerajaan yang bertambah ini akan menghasilkan lebehan sa-masa sa-banyak $1,260 juta dalam tempoh lima tahun tersebut.

228. Badan² berkanun pada keselurohan-nya di-jangka akan menambah lebehan sa-masa dari $340 juta dalam tempoh 1966-70 kapada $550 juta bagi tempoh 1971-75. Lebeh dari sa-tengah lebehan ini berpuncha dari Lembaga Letrik Negara. Baki-nya di-jangka akan di-hasilkan oleh Lembaga Letrik Sabah, Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak, Lembaga Pelabohan Swettenham dan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang. Lebehan sa-masa badan² berkanun serta dengan pinjaman² dan bantuan² lain dari Kerajaan Persekutuan dan juga dari luar negeri ada-lah lebeh dari menchukopi kehendak² pembiayaan perbelanjaan² ranchangan pembangunan badan² ini.

229. Dalam sektor awam beberapa Kerajaan Negeri dan badan² ber-kanun yang tertentu akan menghasilkan lebehan kewangan manakala yang lain pula akan menghadapi kekurangan. Kerajaan Persekutuan, selaku badan pusat yang memenohi permintaan² bantuan kewangan dari Kerajaan² Negeri dan badan² berkanun, akan menghadapi tugas yang besar bagi menimbangkan permohonan² dengan bekalan² wang pinjaman. Dalam beberapa tahun yang lalu, Kerajaan² Negeri dan badan² berkanun telah sedar dan bertindak bagi memenohi kehendak² Kerajaan Persekutuan dengan menjual sa-jumlah besar dari harta²-nya yang terkumpul di-luar negeri dan membeli bon/bil² Kerajaan. Ada kemungkinan yang sa-bahagian besar dari kumpulan² wang lebehan Kerajaan² Negeri dan badan² berkanun akan terus di-gunakan bagi membeli bon/bil² Kerajaan.

230. Untok merengankan bebanan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan² Negeri yang mempunyaï pendapatan yang berlebehan akan di-minta memikul tanggongjawab yang lebeh besar lagi dalam membiayaï projek² pembangunan di-bawah kuasa-nya. Kerajaan² Negeri yang menghadapi kekurangan wang akan di-minta mengkaji chara² bagi menambahkan puncha kewangan supaya kurang berharap kapada bantuan Kerajaan Persekutuan.

231. Lebehan sa-masa sektor awam pada keselurohan-nya, yang terdiri dari lebehan sa-masa Kerajaan[2] dan badan[2] berkanun, ada-lah di-anggarkan berjumlah $1.810 juta dalam tempoh 1971-75. Ini ada-lah bersamaan dengan kira[2] 30% dari jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Kekurangan yang di-hadapi berjumlah kira[2] $4,190 juta.

232. Pinjaman berseh dari puncha[2] swasta selain dari bank di-jangka menghasilkan $2,245 juta dalam tempoh lima tahun. Ini ada-lah dua kali daripada jumlah yang di-dapati bagi tempoh 1966-70 dan 37% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan awam, berbanding dengan lebeh kurang 27% bagi tempoh lima tahun yang lepas.

233. Sa-bahagian besar dari kumpulan itu di-jangka akan di-perolehi dari puncha[2] institusi. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja[2] di-jangka menyediakan lebeh sa-tengah dari jumlah ini. Puncha[2] besar yang lain ia-lah kumpulan[2] simpanan wang dan kumpulan[2] wang amanah lain, kumpulan wang keselamatan sosial hasil dari Akta Keselamatan Sosial yang baharu di-kuatkuasakan dan Bank Simpanan Pejabat Pos. Sharikat[2] insuran dan sharikat[2] pembiayaan, yang di-wajibkan memileki harta tempatan sebagai sa-bahagian harta[2] mereka, juga di-jangka menambahkan milek bon/bil[2] Kerajaan. Dalam masa perlaksanaan Ranchangan ini, chara[2] lain akan di-adakan bagi menyalor lebeh banyak lagi wang simpanan, terutama-nya dari simpanan[2] persendirian. Usaha[2] menukarkan mudahtunai swasta dengan bon/bil[2] jangka panjang Kerajaan akan di-kuatkan untok mengelak perkembangan mudahtunai yang berlebehan, berpuncha dari kurangan sektor awam dan tambahan yang di-jangka dari harta[2] luar negeri kepunyaan sistem bank.

234. Pinjaman berseh Kerajaan daripada sektor bank di-jangka berjumlah $1,285 juta bagi lima tahun akan datang. Anggaran ini berasaskan taksiran puncha[2] kewangan sektor bank hasil dari tambahan wang[2] simpanan dan juga kredit berseh yang di-jangka akan di-dapati oleh pehak swasta. Tujuan dasar kewangan ia-lah untok memberi lebeh banyak lagi peluang[2] membuat pelaboran[2] kewangan dan saham[2] dalam negeri supaya mengurangkan jumlah modal yang keluar dari negeri ini.

235. Tujuan besar yang lain ia-lah mengadakan puncha[2] kewangan untok membolehkan bank[2] menambah pinjaman wang kapada pehak swasta. Bank[2] perniagaan juga di-galakkan menambah lagi pinjaman[2], terutama sekali bagi projek[2] pelaboran dalam perusahaan, pertanian dan kemajuan perumahan.

236. Selain dari meminjam, Kerajaan Persekutuan di-jangka dapat menggunakan sa-bahagian kechil daripada harta²-nya yang terkumpul untok menampong kekurangan kewangan. Sementara itu, Kerajaan² Negeri di-jangka dapat menambah harta² milek mereka. Pada keselurohan-nya, dalam tempoh Ranchangan ini harta sektor awam di-jangka bertambah dengan kadar berseh yang sedikit sahaja.

237. Pembiayaan dari luar negeri di-jangka menghasilkan $910 juta yang di-perlukan untok menampong kurangan kewangan dalam sektor awam. Dari jumlah ini, pinjaman berseh dari luar negeri di-jangka berjumlah $720 juta dan pemberian langsong dari luar negeri berjumlah $190 juta. Matlamat pembiayaan dari luar negeri merupakan lebeh kurang 15% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan awam bagi tempoh 1971-75. Sumbangan ini kurang dari yang terdapat dalam tempoh 1966-70 apabila lebeh kurang 16.5% daripada perbelanjaan pembangunan di-biayaï dari puncha² luar negeri. Walau pun begitu, mengikut kiraan mutlak, biayaan dari luar negeri yang di-anggarkan bagi Ranchangan ini ada-lah kira² 30% lebeh tinggi daripada dahulu.

238. Pendapatan kasar daripada pinjaman² untok projek² di-jangka berjumlah $855 juta atau kira² 50% lebeh banyak daripada yang di-perolehi dalam tempoh lima tahun yang lalu. Dari jumlah ini pinjaman untok projek² badan² berkanun merupakan $297 juta dan sa-bahagian besar dari ini ada-lah untok Lembaga Letrik Negara. Pembayaran balek pinjaman² projek yang lalu di-taksirkan berjumlah $242 juta, menjadikan jumlah pendapatan berseh dari pinjaman projek² sa-banyak $613 juta.

239. Pinjaman² baharu dari pasaran kewangan di-jangka akan berjumlah sa-banyak $450 juta dalam masa 1971-75. Setelah di-kira pembayaran balek sa-banyak $343 juta, pinjaman berseh akan berjumlah $107 juta, berbanding dengan $41 juta yang di-perolehi dalam masa 1966-70.

240. Mengikut ukoran antarabangsa, bebanan hutang Malaysia maseh rengan. Keupayaan-nya memikul beban hutang² tambahan dari luar negeri, termasok membayar balek faedah dan pokok hutang² tersebut, ada-lah lebeh lagi daripada yang di-perlukan untok Ranchangan ini. Dalam tahun 1970, jumlah pinjaman luar bagi sektor awam ada-lah $1,142 juta atau lebeh kurang 10% daripada KNK. Jika matlamat paras pembiayaan dari luar negeri itu dapat di-chapai, pinjaman luar negeri akan meningkat kapada $1,862 juta dalam 1975 atau 11.5% dari anggaran KNK pada tahun itu. Kos membayar balek hutang² tersebut ada-lah sa-banyak 2.2% daripada jumlah pendapatan ekspot dalam tahun 1970. Akan tetapi,

sepanjang tempoh Ranchangan, kos ini akan meningkat dengan kadar purata 1.8% daripada jumlah pendapatan² eksopt, ia-itu dari 1.5% dalam tahun 1971 kapada 2.5% dalam tahun 1975. Sebagai perbandingan, nisbah bayaran balek hutang/pendapatan² ekspot di-kebanyakan negara² Asia yang sedang membangun ada-lah lebeh dari 10%.

241. Bukti lanjut tentang kesanggupan Malaysia memikul beban hutang luar negeri ia-lah banyak-nya harta² di-luar negeri yang di-mileki oleh sektor awam dan bank² perniagaan. Pada akhir tahun 1970, simpanan Malaysia di-luar negeri berjumlah $2,520 juta (tidak termasok Hak Pengeluaran Khas) dan angka ini di-jangka akan kekal di-paras yang memuaskan dalam tempoh Ranchangan ini.

242. Sunggoh pun negara sanggup menerima pinjaman² tambahan dan bebanan hutang-nya maseh rengan, ada kos yang harus di-bayar terhadap wang yang di-pinjam itu. Pinjaman² ini boleh di-terima dan sesunggoh-nya boleh menguntongkan selagi projek² itu dapat mengeluarkan hasil yang chukop untok membayar balek kos pinjaman-nya. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, keutamaan² dan keperluan² ranchangan sektor awam telah di-timbangkan dengan teliti untok menentukan bahawa semua projek sunggoh² di-perlukan dan memberi keuntongan dari segi kewangan yang terlibat dan kemungkinan kegunaan²-nya yang lain.

243. Berbagai puncha dan chara pembiayaan yang di-terangkan di-atas akan menghasilkan sumber kewangan yang menchukopi untok perbelanjaan pembangunan awam, sekurang²-nya $6,000 juta bagi tempoh 1971-75. Anggaran² bagi jumlah² dan puncha² pembiayaan ada-lah di-terangkan dalam Jadual 5-2. Sebagaimana yang telah di-sebutkan, perbelanjaan sabanyak $6,000 juta di-anggap sebagai minima, dan usaha bersunggoh² akan di-buat dalam tempoh Ranchangan ini untok memberes perlaksanaan supaya perbelanjaan pembangunan awam sa-benar dapat di-lebehi. Berasaskan kapada harapan ini, chadangan pembiayaan sa-jumlah $6,000 juta ada-lah di-anggap sebagai matlamat minima. Apabila paras perbelanjaan ini dapat di-lebehi, Kerajaan akan berusaha untok memperolehi wang tambahan. Matlamat pembiayaan, pada keselurohan-nya, akan di-kaji dalam tempoh perlaksanaan Ranchangan ini dan semasa membuat anggaran belanjawan tahunan. Pindaan² yang perlu akan di-buat terlebeh awal sebelum pembiayaan-nya di-perlukan supaya Ranchangan ini dapat dilaksanakan dengan lichin dan memuaskan.

JADUAL 5-2

ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PEMBIAYAAN YANG DI-SATUKAN BAGI SEKTOR AWAM, 1966-75

($ juta)

	Jumlah Terkumpul	
	1966-70	*1971-75*
Hasil Kerajaan..	11,656	17,260
Kurang Perbelanjaan sa-masa Kerajaan	−10,266	−16,000
Lebehan sa-masa	1,390	1,260
Tambah Lebehan sa-masa badan[2] berkanun	340	550
Lebehan sa-masa sektor awam	1,730	1,810
Kurang Perbelanjaan pembangunan sektor awam	−4,242	−6,000
Kurangan keselurohan ..	−2,512	−4,190
Puncha[2] Pembiayaan		
Pinjaman berseh dari luar negeri	458	720
Pemberian dari luar negeri	243	190
Pinjaman berseh dalam negeri dari sektor awam selain dari bank	1,164	2,245
Pinjaman berseh dalam negeri dari bank	700	1,285
Penggunaan harta[2] yang terkumpul dan lain penyesuaian (− bererti bertambah)..	−53	−250
	2,512	4,190

BAB VI

Peranan Sektor Swasta

I.—PENDAHULUAN

244. Malaysia telah lama mempunyaï sektor swasta yang luas dan dinamis dan perkembangan sektor ini sememang-nya di-galakkan. Hampir kesemua kegiatan² dalam perusahaan pembuatan, perlombongan dan perdagangan luar negeri serta sa-jumlah besar dari kegiatan² pertanian telah di-jalankan oleh sektor swasta. Dasar² Kerajaan telah menggalakkan perkembangan sektor ini melaluï berbagai² dorongan. Kawalan² sechara langsong ka-atas pengeluaran, perdagangan dan kewangan swasta jarang² di-kuatkuasakan. Pelaboran swasta, dalam dan luar negeri, telah di-galakkan dengan sepenoh-nya.

245. Dasar yang bebas ini telah menghasilkan keuntongan besar kapada ekonomi Malaysia. Dalam tahun² enam-pulohan, pelaboran swasta ber-jumlah $8,440 juta dan ini merupakan 60 hingga 70% daripada jumlah pelaboran. Dalam tahun² yang akhir ini antara 65% hingga 75% daripada jumlah tabongan berpuncha dari sektor swasta. Faktor² ini menunjokkan bahawa kejayaan Ranchangan Malaysia Kedua bergantong kuat kapada kegiatan² sektor swasta.

246. Faktor yang menentukan perubahan sektor swasta ia-lah keputusan yang di-ambil berkaitan dengan pelaboran. Terchapai-nya tujuan² guna-tenaga dan pembahagian dan juga matlamat keluaran negara bergantong kapada jumlah dan jenis pelaboran swasta, ia-itu dari segi tempat, teknik yang di-gunakan, kawalan dan hak milek pelaboran. Sharat² ini dapat di-gunakan untok pelaboran² dalam dan luar negeri.

II.—KEGIATAN SEKTOR SWASTA DALAM TAHUN² ENAM-PULOHAN

247. Jadual 6-1 menunjokkan keadaan pelaboran dalam sektor swasta bagi tahun² enam-pulohan di-Malaysia Barat. Kemajuan² besar yang di-chapai ada-lah saperti berikut:

(i) *Jumlah pelaboran swasta* bertambah hampir² samarata sehingga tahun 1967, apabila terdapat beberapa kelemahan sehingga tahun 1969. Dalam tahun 1970, pelaboran swasta meningkat sa-mula sa-banyak lebeh 30% daripada jumlah yang terdapat dalam tahun 1969.

(ii) *Pelaboran tetap* juga mempunyaï chorak perkembangan yang sama sunggoh pun kelemahan dalam tahun² 1967-69 ada-lah kurang jelas dan kemerosotan dalam tahun 1969 tidak berapa berkesan. Tambahan dalam tahun 1970 juga tidak begitu mengkagumkan di-banding dengan tambahan dalam jumlah pelaboran. Sunggoh pun demikian, tambahan² ini telah mempunyaï kesan yang baik.

(iii) *Pelaboran dalam tanaman² jenis kekal* bertambah sehingga tahun 1963, kemudian merosot sedikit dan selepas tahun 1967 terdapat kemerosotan yang sangat berkesan. Pelaboran jenis ini, yang berjumlah lebeh 40% dari jumlah pelaboran swasta dalam tahun 1963, tidak turut bertambah saperti jenis² pelaboran lain dalam tahun 1970.

(iv) *Pelaboran dalam pembenaan dan alat²* mempunyaï chorak perkembangan yang berlainan sedikit. Dalam awal tahun² enam-pulohan kelemahan ada-lah sangat jelas. Pelaboran jenis ini merosot dalam tahun 1961 dan 1962 dan hanya mula meningkat naik dengan chepat-nya pada awal Ranchangan Malaysia Pertama. Bukti² ada-nya kelemahan dalam tahun 1969 tidak begitu jelas dan dalam tahun 1970 pelaboran jenis ini menchapai peringkat yang paling tinggi.

(v) Dalam lima tahun pertama tahun² enam-pulohan, *pelaboran dalam sektor² tradisi* mengambil tempat yang utama. Ini termasok-lah tanaman² jenis kekal dan perusahaan² perlombongan. Harga getah yang tinggi dan juga beneh² getah yang baharu telah meng-galakkan penanaman sa-mula dan penanaman baharu di-ladang². Hampir 450 buah lombong² bijeh timah baharu telah di-buka dalam tahun² 1961-65. Selepas tempoh itu, pelaboran jenis ini menjadi kurang penting dan pelaboran mula beraleh kapada lapangan² lain.

Terutama sekali, pelaboran swasta dalam perusahaan pembuatan telah menjadi bertambah penting dari masa lima tahun yang pertama dalam tahun² enam-pulohan.

JADUAL 6-1

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT, 1960-70

($ juta)

Tahun	*Jumlah pelaboran swasta*	*Perubahan setok*	*Pelaboran tetap**	*Tanaman² kekal*	*Pembenaan dan alat²*
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
1960	499	25	474	163	311
1961	465	−1	466	188	278
1962	540	57	483	210	273
1963	544	−15	559	220	339
1964	586	−14	600	208	392
1965	621	6	615	201	414
1966	717	38	679	202	477
1967	813	119	694	207	487
1968	815	50	765	167	598
1969	753	—	753	155	598
1970	985	90	895	146	749
1966-70:					
Jumlah terkumpul ..	4,083	297	3,786	877	2,909
Kadar tambahan purata tahunan (%)	9.7	—	7.8	−6.2	12.6

Tambahan jumlah pelaboran yang begitu banyak dalam tahun 1970 menunjokkan sektor swasta mempunyaï penoh keyakinan tentang masa hadapan. Matlamat² pelaboran swasta dalam Ranchangan telah di-bentok berasaskan perkembangan² yang terdapat dalam lima tahun kedua tahun² enam-pulohan.

248. Perkembangan pesat dalam pelaboran pembenaan, jentera dan alat² dalam lima tahun kedua tahun² enam-pulohan telah di-chapai, tetapi maseh tidak menchukopi bagi menampong kekurangan yang di-dapati dalam pelaboran tanaman kekal melainkan dalam tahun 1970. Ada pun sebab

* Pelaboran tetap (Ruangan 3) mengandongi pelaboran bagi tanaman² kekal (Ruangan 4) serta pelaboran bagi pembenaan dan alat² (Ruangan 5).

pelaboran swasta tidak bertambah dengan chepat-nya dalam tahun² 1965-69 ia-lah kekurangan permintaan dan bukan kesulitan² penawaran. Empat faktor penting yang menyebabkan kekurangan dalam permintaan pelaboran ia-lah:

(i) Sektor² penting dalam ekonomi, terutama sekali sektor pertanian, tidak berkembang dengan pesat dan oleh itu tidak perlu sangat menambah lagi daya pengeluaran untok memenohi permintaan dalam negeri.

(ii) Jumlah pelaboran dalam kegiatan² yang berchorak ekspot maseh sedikit jika di-bandingkan dengan pelaboran² dalam kegiatan² lain. Ini ada-lah di-sebabkan perusahaan² baharu yang ingin menjalankan perniagaan ekspot terpaksa menghadapi beberapa kesulitan yang biasa-nya tidak di-dapati jika jualan hanya untok pasaran dalam negeri. Oleh itu sudah tentu-lah terdapat jarak masa yang lama antara permulaan pengeluaran dan ekspot yang chukop besar.

(iii) Susunan² institusi dan organisasi telah tidak di-giatkan bagi memudahkan pelaboran dalam kegiatan² baharu. Keadaan ini terdapat dalam aliran kewangan, jenis² kemahiran yang ada dan ranchangan² pengusaha yang kesemua-nya mempunyaï kesan keatas pelaboran.

(iv) Dasar² belanjawan dan kewangan Kerajaan dan chara² melaksana-kan-nya telah tidak berjaya menambah jumlah pelaboran swasta sa-kadar yang chukop untok menampong kemundoran besar yang terdapat dalam perkembangan permintaan sektor swasta.

249. Jadual 6-2 menunjokkan jumlah pelaboran swasta di-Malaysia Timor dan di-Malaysia. Pechahan mengikut kumpulan² tertentu tidak dapat di-adakan di-sini. Pada umum-nya, keadaan di-Malaysia Timor ada-lah sama saperti di-Malaysia Barat. Kelemahan besar terdapat dalam tahun² 1968-69. Kenaikan dalam tahun 1970 ada-lah lebeh 40% dari jumlah bagi tahun 1969, dan ini menjadikan kadar purata kenaikan bagi tiap² tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama sa-banyak 9.4%. Bagi seluroh negara kenaikan yang besar yang berlaku dalam tahun 1970 menjadikan jumlah kenaikan sa-banyak 9.6% sa-tahun bagi tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, berbanding dengan kenaikan sa-banyak 4.5% dalam empat tahun yang pertama tempoh tersebut.

JADUAL 6-2

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA TIMOR DAN MALAYSIA, 1960-70

($ juta)

	Malaysia Timor	*Malaysia*
1960*	110 ..	609
1961*	108 ..	573
1962*	102 ..	642
1963*	123 ..	667
1964	140 ..	726
1965	160 ..	781
1966	187 ..	904
1967	190 ..	1,003
1968	163 ..	978
1969	177 ..	930
1970	251 ..	1,236
1966-70:		
Jumlah terkumpul	968 ..	5,051
Kadar tambahan purata tahunan (%)	9.4 ..	9.6

III.—PELABORAN SWASTA DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

250. Perkembangan saperti yang di-bicharakan dalam cheraian di-atas menunjokkan bahawa pelaboran swasta di-akhir tahun² enam-pulohan telah beraleh dari kegiatan lama kapada kegiatan² baharu. Dan lagi, selain dari pemulehan yang terdapat dalam tahun 1970, pelaboran swasta pada keselurohan-nya tidak berubah. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua tujuan dasar harus-lah di-tumpukan kapada:

(i) menentukan bahawa tambahan dalam pelaboran swasta pada keselurohan-nya ada-lah menchukopi bagi menchapai matlamat² keluaran dan gunatenaga;

(ii) menentukan bahawa pelaboran swasta ini akan memberi sumbangan yang besar terhadap tujuan² utama Ranchangan. Khusus-nya, tujuan² itu harus-lah menentukan supaya (*a*) kemajuan besar di-chapai bagi meluaskan hak milek dan penguasaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain ka-atas kegiatan² dalam sektor moden; (*b*) *kesemua* kawasan² di-Malaysia menerima faedah dari per-kembangan pelaboran; (*c*) penyaloran pelaboran ka-dalam kegiatan²

* Persekutuan Malaysia telah di-tubohkan pada bulan September, 1963.

baharu di-perchepatkan; (*d*) perusahaan² baharu dapat bertanding di-pasaran dunia; dan (*e*) jumlah keluaran² tradisi di-tambahkan lagi dan mutu-nya di-pertinggikan.

251. Pelaboran di-sifatkan sebagai harta persendirian apabila harta² yang terkumpul di-punyaï oleh swasta, walau pun pembiayaan-nya di-lakukan oleh sektor awam. Kerajaan akan membiayaï, samaada sechara langsong atau tidak, sa-bahagian besar dari pelaboran yang di-mileki dan di-jalankan oleh swasta.

252. Jadual 6-6 menunjokkan matlamat² bagi pelaboran swasta di-Malaysia dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Jumlah pelaboran swasta di-jangka bertambah 8.8% sa-tahun dan berjumlah $7,843 juta dalam tempoh Ranchangan ini.

1. MATLAMAT² PELABORAN SWASTA DI-MALAYSIA BARAT

253. Jadual 6-3 menunjokkan matlamat² pelaboran di-Malaysia Barat. Yang paling menarek sekali ia-lah pelaboran² dalam tanaman² jenis kekal, terutama getah dan kelapa sawit, yang akan meningkat naik berbanding dengan kemerosotan yang di-dapati dalam tahun² 1964-70. Bagi menchapai matlamat ini, Ranchangan kemajuan tanah hendak-lah di-lancharkan sechara besar²an. Butir² lanjut tentang ranchangan² ini di-terangkan dalam Bab IX. Sa-bahagian besar dari ranchangan kemajuan tanah ini di-selenggarakan dan di-biayaï oleh Kerajaan, terutama sekali menerusi LKTP. Sa-bahagian besar dari kawasan² tanah yang di-majukan oleh badan² Kerajaan akan di-usahakan dan akhir-nya di-mileki oleh keluarga² dalam sektor swasta. Dalam tempoh lima tahun ini pelaboran dalam tanaman² jenis kekal berjumlah $1,069 juta.

254. Pelaboran swasta dalam *pembenaan perumahan* (saperti terdapat dalam ruangan 5, Jadual 6-3) di-jangka bertambah lebeh chepat. Pendapatan yang lebeh tinggi dalam tempoh ini di-jangka akan menambahkan lagi permintaan bagi memileki rumah. Kerajaan akan memainkan peranan yang chergas dalam membena rumah² dan juga menggalakkan penubohan satu sistem chagaran yang berkesan supaya mudahtunai yang terdapat dalam ekonomi dapat di-gunakan sepenoh-nya. Tindakan melancharkan satu kumpulan wang pusingan bagi memudahkan pekerja² meminjam untok mendirikan atau membeli rumah² akan menggalakkan pembenaan perumahan. Ranchangan² LKTP termasok pembenaan 24,300 buah rumah. PKEN² juga mempunyaï beberapa ranchangan perumahan yang akan menambahkan lagi pembenaan perumahan. Dalam semua ranchangan² ini, pembiayaan dari Kerajaan memainkan peranan yang penting sunggoh

pun rumah² ini akan di-milek oleh orang² persendirian. Pelaboran dalam pembenaan perumahan di-jangka akan berjumlah $810 juta dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

JADUAL 6-3

MATLAMAT PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT, 1971-75

($ juta)

	Jumlah pelaboran swasta (*1*)	*Perubahan setok* (*2*)	*Pelaboran tetap* (*3*)	*Tanaman kekal* (*4*)	*Pembenaan dan kelengkapan* (*5*)
1970	985	90	895	146	749
1975	1,473	70	1,403	258	1,145
1971-75					
Jumlah terkumpul ..	6,175	292	5,883	1,069	4,814
Kadar perkembangan purata tahunan (%) ..	8.4	—	9.4	12.1	8.9

255. *Pembenaan selain dari perumahan dan pelaboran dalam jentera² dan alat²* bertambah dengan chepat dalam Ranchangan Malaysia Pertama dan di-jangka akan berterusan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Dasar² dan ranchangan² untok menggalakkan pelaboran dalam perusahaan pembuatan dan kegiatan² perdagangan akan mempunyaï kesan yang men-dalam kapada pelaboran jenis ini. Berasaskan butir² yang di-binchangkan dalam Bab X dan XI, pelaboran swasta dalam *perusahaan pembuatan* di-jangka berjumlah $1,748 juta dan dalam bidang *perdagangan* berjumlah $912 juta. Banyak dasar² baharu telah di-kuatkuasakan dalam tahun 1970 dan ini menyebabkan pelaboran dalam tahun ini menjadi lebeh tinggi dari jumlah yang terdapat dalam tahun 1969. Saperti di-binchangkan dalam Bab IX, ranchangan² sektor *pertanian* akan meninggikan pelaboran bukan sahaja bagi tanaman² kekal tetapi juga alat² memproses getah, minyak dan isi kelapa sawit serta kilang² beras dan alat² pertanian. Pelaboran jenis ini dalam sektor pertanian di-jangka berjumlah $203 juta.

256. Sektor pembenaan perlu meluaskan keupayaan-nya untok memenohi keperluan² yang di-jangka ujud dalam pembenaan perumahan dan dalam lain² ranchangan pembangunan. Pelaboran dalam sektor ini di-jangka berjumlah lebeh kurang $223 juta. Dalam jangka pendek, *sektor perlombongan* tidak mempunyaï harapan yang cherah kerana bijeh timah di-kawasan² perlombongan lama makin merosot. Pelaboran baharu mungkin terdapat terutama sekali di-kawasan² Simpanan Melayu. Pada penghujong Ranchangan, pelaboran dalam sektor ini mungkin meningkat tinggi, hasil dari kegiatan² menchari bijeh timah dan

minyak petrol di-perayeran negara. Pada keselurohan-nya, jumlah pelaboran dalam berbagai² kegiatan perlombongan di-jangka berjumlah $304 juta.

257. Akhir sekali, dalam ekonomi yang sedang berkembang, terdapat berbagai² peluang melabor dalam kegiatan² yang tidak termasok jenis² pelaboran yang di-binchangkan di-atas. Sementara projek² Ranchangan ini di-laksanakan dan ekonomi terus berkembang dengan berasaskan kemajuan yang terchapai dalam tahun 1970, pelaboran swasta lain (kebanyakan-nya dalam perkhidmatan) di-jangka akan bertambah dengan chepat. Keadaan pasaran saham sentiasa turun naik dan oleh itu ada-lah sukar hendak di-buat ramalan yang tepat. Dalam Jadual 6-3, perubahan setok di-anggap merupakan kira² 5% dari jumlah pelaboran tetap. Perubahan setok di-masokkan dalam butiran "Lain²" dan dengan ini jumlah pelaboran dalam butiran "Lain²" di-anggarkan berjumlah $906 juta (*lihat* Jadual 6-4).

258. Rengkasan anggaran² pelaboran di-Malaysia Barat di-bentangkan dalam Jadual 6-4. Jadual 6-5 membandingkan jumlah pelaboran swasta dalam Ranchangan Malaysia Kedua dengan angka² yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

JADUAL 6-4

MATLAMAT² PELABORAN SWASTA MENGIKUT SEKTOR MALAYSIA BARAT, 1971-75*

($ juta)

Perusahaan pembuatan	1,748
Pertanian	203
Perlombongan	304
Pembenaan	223
Perdagangan	912
Lain²	906
JUMLAH ...	4,296

259. Matlamat² jumlah pelaboran swasta di-Malaysia Barat dalam Ranchangan Malaysia Kedua merupakan tambahan sa-banyak 51% dari jumlah yang di-chapai dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Kadar tambahan purata tahunan bagi pelaboran tetap di-jangka sa-banyak 9.4%, berbanding dengan 5.2% dalam tahun² 1966-69 dan 7.8% dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Tetapi, apabila perubahan setok di-masok-kan ka-dalam kiraan ini, tambahan dalam pelaboran swasta dalam Ranchangan Malaysia Kedua menjadi 8.4% sa-tahun, ia-itu kurang dari jumlah yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

* Benaan selain dari perumahan termasok jentera dan kelengkapan dan perubahan setok.

Namun begitu, pelaboran swasta di-jangka bertambah lebeh chepat dalam Ranchangan ini jika di-bandingkan dengan kadar yang terdapat dalam tempoh lima tahun yang sudah.

JADUAL 6-5

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT, 1966-75

($ juta)

	1966-70	*1971-75*
Pelaboran dalam tanaman kekal	877	1,069
Pembenaan perumahan		810
Pembenaan selain dari perumahan champor dengan jentera dan kelengkapan dan perubahan setok	3,206	4,296
Jumlah ..	4,083	6,175

2. MATLAMAT² PELABORAN SWASTA DI-MALAYSIA

260. Oleh kerana kekurangan maklumat, pelaboran swasta *di-Malaysia Timor* tidak dapat di-kaji dengan teliti. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua pelaboran di-Malaysia Timor di-jangka bertambah lebeh chepat dari kadar di-Malaysia Barat. Jumlah pelaboran swasta bagi seluroh negara di-jangka bertambah lebeh kurang 8.8% sa-tahun. Butir² lanjut terdapat dalam Jadual 6-6. Tambahan tahunan pelaboran swasta di-anggarkan dua kali kadar yang di-chapai dalam tempoh empat tahun pertama dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

261. Matlamat² yang tinggi ini memerlukan pembentokan dan perlaksanaan dasar² baharu dan juga chara² yang berkesan bagi membiayaï ranchangan.

JADUAL 6-6

MATLAMAT PELABORAN SWASTA, 1971-75

($ juta)

	Malaysia Barat	*Malaysia Timor*	*Malaysia*
1970	985	251	1,236
1975	1,473	408	1,881
1971-75:			
Jumlah terkumpul	6,175	1,668	7,843
Kadar perkembangan purata tahunan (%)	8.4	10.2	8.8

IV.—MEMBIAYAI PELABORAN SWASTA

262. Pelaboran swasta akan di-biayaï oleh sektor² awam dan swasta. Pembiayaan sektor swasta akan di-perolehi dari berbagai puncha.

1. MEMBIAYAI SEKTOR AWAM

263. Butiran yang terbesar dalam usaha Kerajaan membiayaï pelaboran swasta ia-lah ranchangan² kemajuan tanah. Bagi ranchangan² LKTP dan lain² badan Kerajaan, perbelanjaan membeli alat² dan baja serta kerja² memberseh kawasan dan menanam dan sebagai-nya, di-adakan oleh badan² ini sendiri, dan peserta² ranchangan tanah pula mengadakan tenaga buroh yang perlu bagi mengusahakan kawasan² ini. Tanah² ranchangan² ini pada akhir-nya akan di-mileki oleh peserta² ranchangan itu sendiri. Kesemua pelaboran di-ladang² ada-lah di-buat dari modal mereka sendiri sementara wang Kerajaan di-gunakan untok membantu pekebun² kechil. Peruntokan Kerajaan bagi pelaboran dalam tanaman jenis kekal dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua di-anggarkan berjumlah $437 juta.

264. Kerajaan juga membiayaï kegiatan² membena rumah. Kumpulan wang pusingan bagi membiayaï pembenaan rumah² untok kakitangan awam berjumlah lebeh dari $30 juta. Kerajaan juga membiayaï pembenaan rumah² dalam ranchangan² LKTP. Pembenaan rumah² LKTP untok di-mileki oleh orang² perseorangan akan memakan belanja sekurang²-nya $30 juta. Kebanyakan dari ranchangan² rumah awam ada-lah milek Kerajaan dan oleh itu tidak di-masokkan ka-dalam jumlah ini. Pada keselurohan-nya, Kerajaan akan membelanjakan lebeh kurang $60 juta bagi pembenaan rumah² untok orang² perseorangan.

265. Pelaboran swasta dalam kegiatan² perdagangan dan perusahaan pembuatan akan di-biayaï oleh Kerajaan menerusi sumbangan-nya kapada PERNAS, MARA, SPKPM dan PKEN². Kebanyakan dari projek² perbadanan ini dalam Ranchangan Malaysia Kedua merupakan usaha bersama dengan pehak² persendirian dan Kerajaan akan menambah sekurang²-nya $230 juta lagi kapada harta perbadanan² ini.

266. Mengenaï pelaboran perlombongan, Kerajaan menguntokkan wang yang banyak bagi melebehkan lagi kegiatan² melombong bijeh timah di-kawasan² Simpanan Melayu dan juga di-kawasan perayeran negara. Perbelanjaan bagi usaha² ini di-jangka berjumlah $15 juta.

267. Dari anggaran² ini sa-banyak $742 juta akan di-belanjakan oleh Kerajaan dalam usaha-nya untok mengadakan harta² yang akan di-mileki oleh gulongan² persendirian, ia-itu 9.5% dari jumlah pelaboran swasta. Jumlah ini tidak termasok perbelanjaan untok mengadakan projek² latehan sambil belajar yang di-bantu oleh Kerajaan dan juga perbelanjaan mengadakan infrastraktur baharu untok membantu pelaboran swasta. Pelaboran saham oleh Amanah Saham MARA, ia-itu satu perbadanan bagi menyalorkan wang simpanan orang² Melayu ka-dalam kegiatan²

sektor moden, tidak termasok dalam jumlah ini. Akhir sekali, anggaran ini juga tidak termasok chukai yang tidak di-kutip dari ranchangan² Perintis dan lain² yang bertujuan menggalakkan pelaboran modal. Apabila semua perkara² ini di-kira, jelas-lah bahawa Kerajaan, samaada sechara langsong atau tidak, memainkan peranan yang penting untok menchapai matlamat² pelaboran swasta dalam Ranchangan ini.

2. PUNCHA² KEWANGAN YANG LAIN

268. Pelaboran asing telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Kajian² yang di-jalankan mengenaï sharikat² berhad di-Malaysia Barat dalam tahun 1967 menunjokkan bahawa, dari jumlah pelaboran sa-banyak $360 juta yang di-buat oleh sharikat² ini, lebeh dari $156 juta di-mileki oleh sharikat² asing yang di-tubohkan di-Malaysia atau oleh chawangan² sharikat asing. Dalam tahun 1969, lebeh kurang 62% dari modal saham sharikat² berhad di-mileki oleh sharikat² asing. Anggaran kemasokan modal jangka panjang bagi sharikat² di-Malaysia ada-lah lebeh kurang $150 juta sa-tahun dalam tahun² 1966-70 dan ini termasok keuntongan yang di-labor sa-mula oleh sharikat² asing.

269. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, usaha² penting akan di-jalankan bagi menarek lebeh banyak pelaboran asing. Pelaboran ini ia-lah bagi semua sektor ekonomi tetapi kebanyakan-nya akan tertumpu pada perusahaan pembuatan. Pelaboran sa-benar, permohonan dari sharikat² asing untok mendapatkan taraf Perintis dan pertanyaan² mengenaï projek² baharu yang bertambah dalam tahun 1970, menunjokkan bahawa usaha² baharu bagi menarek pelaboran asing sudah berkesan. Bagi lima tahun ini, matlamat jumlah berseh pelaboran swasta dari luar negeri ada-lah sa-banyak $1,150 juta. Jumlah ini termasok wang² luar negeri yang di-pinjamkan kapada Kerajaan, mithal-nya, pinjaman dari Bank Dunia kapada SPKPM.

270. Keuntongan yang tidak di-bahagi²kan dan peruntokan susutnilai modal merupakan lebeh separoh daripada pelaboran swasta dalam tahun² yang baharu lepas. Kedua² puncha ini mungkin dapat mengadakan lebeh kurang $4,000 juta. Dengan pelaboran berjumlah $7,843 juta (*lihat* Jadual 6-6), lebeh kurang $1,951 juta perlu di-biayaï dari penjiman² bank dan saham baharu. Bank² di-Malaysia sekarang ini memberi pinjaman lebeh banyak untok kegunaan perusahaan, berbanding dengan jumlah yang kechil yang di-pinjamkan untok perdagangan dan ini akan menjadi puncha yang penting bagi mendapatkan modal jangka panjang. Kegiatan² pasaran saham, Amanah Saham MARA, SPKPM, PERNAS dan sharikat² insuran yang kian berkembang akan membantu usaha² bagi membolehkan

tabongan² persendirian di-laborkan menerusi pembelian saham². Di-samping itu, pengeluar² kechil akan terus bergantong kapada tabongan mereka dan keluarga² masing² untok membiayaï pelaboran.

271. Chara² membiayaï pelaboran swasta dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua di-rengkaskan dalam Jadual 6-7.

JADUAL 6-7

MEMBIAYAI PELABORAN SWASTA, 1971-75

($ juta)

Pembiayaan Kerajaan sechara langsong	742
Pembiayaan dari puncha² luar negeri	1,150
Bayaran² peruntokan susutnilai modal dan keuntongan yang tidak di-bahagi²kan	4,000
Saham dan pinjaman	1,951
Jumlah ...	7,843

272. Saperti yang di-tegaskan dalam Bab IV, kadar tabongan ekonomi ada-lah menchukopi bagi menyediakan bahan² yang perlu untok menchapai matlamat pelaboran. Usaha penting yang harus di-jalankan ia-lah memastikan bahawa permintaan bagi pelaboran akan terus bertambah, bekalan modal yang chukop bagi projek² yang menguntongkan dan akhir sekali, penchapaian sumbangan maksima kapada gunatenaga dan perkembangan ekonomi yang sa-imbang. Dasar² Kerajaan akan di-bentok dengan chara yang sesuai supaya keperluan² ini dapat di-chapai.

V.—DASAR² PELABORAN SWASTA

273. Permintaan pelaboran ada-lah bergantong terutama sekali pada harapan² tentang perkembangan ekonomi negara, dasar² kewangan dan belanjawan, pembangunan infrastraktur, kos upahan dan bahan², kechekapan sistem pentadbiran Kerajaan dan kemajuan ekonomi di-negara² besar yang berdagang dengan Malaysia. Oleh itu, perkara yang mustahak dalam usaha menchapai matlamat² pelaboran ia-lah mengekal-kan suasana ekonomi dan politik yang sesuai di-Malaysia. Perkembangan pelaboran dalam tahun 1970 menunjokkan bahawa semasa Ranchangan ini di-mulakan, keadaan dalam negeri ada-lah tenteram, sesuai untok tambahan² pelaboran swasta. Kerajaan berazam akan meneruskan dan mengekalkan suasana yang tenteram ini.

274. Selain dari dasar² umum ini, ada beberapa dasar dan projek tertentu yang bertujuan mempengarohi kadar dan bentok pelaboran swasta. Butir² lanjut tentang dasar² dan projek² ini di-binchangkan dalam

Bab² yang berkenaan. Hanya perkara² umum sahaja di-binchangkan di-sini:

(i) Dari jumlah kira² 750,000 ekar tanah yang akan di-buka di-Malaysia Barat, 112,500 ekar akan di-majukan oleh sektor swasta. Lebeh kurang 300,000 ekar akan di-buka di-Pahang, 153,000 ekar di-Johor, 91,000 ekar di-Trengganu dan sa-jumlah kechil lagi di-negeri² lain. Di-Malaysia Timor, lebeh kurang 310,000 ekar tanah akan di-majukan. Ranchangan² kemajuan tanah sechara besar²an ini bukan sahaja akan menambahkan jumlah pekerjaan dan keluaran dalam sektor pertanian, tetapi akan juga memberi peluang² baharu untok melabor dalam lapangan² selain dari pertanian di-kawasan² ini. Ranchangan² kemajuan tanah akan tertumpu di-kawasan² luar bandar di-mana terdapat ramai orang² Melayu dan orang² yang berpendapatan kechil. Ini akan memberi sumbangan besar kapada usaha² mengurangkan kemiskinan dan jurang berbezaan ekonomi antara kaum.

(ii) Dasar² Kerajaan yang bertujuan mempengarohi pelaboran swasta dalam lapangan perusahaan juga akan memainkan peranan penting. Dasar² ini mengandongi beberapa langkah untok menggalakkan pelaboran dan ekspot. Langkah² ini di-laksanakan dengan chara yang akan memberi lebeh banyak pekerjaan bagi tiap² ringgit yang di-laborkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua, berbanding dengan jumlah yang di-chapai dalam tahun² enam-pulohan. Dorongan selanjut-nya akan di-adakan bagi menarek kegiatan² baharu dalam lapangan perusahaan ka-kawasan² selain dari bandar² besar. Perubahan dasar² bagi memajukan ekspot ada-lah bertujuan untok menggalakkan pengeluar² di-Malaysia mendapat peluang² besar di-bidang ekspot dan juga membolehkan mereka bertanding dengan pengeluar² asing. Akhir sekali, perlindongan tarif akan juga di-gunakan untok membolehkan perusahaan² baharu menjadi lebeh setanding di-pasaran² dunia.

(iii) Kerajaan juga akan melancharkan beberapa ranchangan latehan, termasok latehan sambil-kerja, bagi menambahkan peluang² pekerjaan dan memudahkan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain menyertaï kegiatan² sektor moden serta membolehkan mereka menjadi pekerja² yang mahir dan produktif.

(iv) Langkah² baharu akan juga di-ambil bagi memudahkan pembentokan kumpulan pengusaha² Melayu di-lapangan perusahaan pembuatan dan perdagangan. Langkah² saperti ini akan melebehkan lagi penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam

kegiatan² ini dan akan membantu usaha menchapai keselurohan matlamat pelaboran swasta.

(v) Beberapa kajian teknik telah di-jalankan di-beberapa buah negeri sementara di-kawasan² tertentu beberapa ranchangan² panduan yang lengkap sedang di-susun. Mithal-nya, kajian yang di-buat oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) telah membayangkan bahawa projek² pelaboran yang di-anggarkan bernilai $75 juta mungkin dapat di-jalankan di-Sabah dalam tempoh Ranchangan. Projek² ini termasok-lah perusahaan memproses kayu-kayan, pertanian, perlombongan dan ternakan. LKPP juga telah menyiapkan kajian yang serupa bagi Negeri² Kedah dan Perlis. Usaha² ini akan meluaskan pengetahuan tentang pelaboran dan juga akan mengadakan butir² lanjut berkenaan ekonomi negara. Perkhidmatan saperti ini amat berguna terutama sekali kapada perusahaan² kechil dan juga kapada pengusaha² baharu.

(vi) Chara² baharu untok membiayaï dan menggalakkan kegiatan² ekonomi yang baharu, terutama sekali bagi pengusaha² Melayu dan bumiputra² yang lain, ada-lah sa-bahagian daripada dasar² yang akan di-laksanakan untok menchapai matlamat² pelaboran. Ini termasok mengadakan perkhidmatan perunding bagi perusahaan kechil, menubohkan PERNAS, meluaskan lagi Amanah Saham MARA dan menggalakkan bank² perdagangan supaya lebeh banyak meminjamkan modal² jangka panjang untok di-gunakan dalam kegiatan² perusahaan. Langkah² yang perlu akan di-ambil bagi menubohkan sa-buah bank pembangunan.

275. Sektor swasta akan terus memainkan peranan penting dalam usaha menchapai tujuan² sosial dan ekonomi Ranchangan. Di-samping itu, Kerajaan akan menggiatkan lagi langkah² untok mempengarohi kadar pelaboran swasta dan sejauh mana jenis² pelaboran, penempatan, hak-milek, gunatenaga dan faktor² lain dapat memberi sumbangan bagi menchapai tujuan² ini. Matlamat² pelaboran swasta yang di-tetapkan dalam tempoh Ranchangan ada-lah tinggi dan merupakan satu chabaran. Untok menchapai matlamat ini memerlukan keadaan tawaran bahan² pengeluaran yang berpatutan, keazaman Kerajaan bagi menjalankan dasar belanjawan dan kewangan yang sesuai, dan juga ranchangan besar untok memajukan tanah serta dasar² dan projek² yang bertujuan mengadakan dorongan² yang perlu bagi menchapai matlamat² ini. Pada keselurohan-nya, faktor² ini akan menentukan bahawa pelaboran swasta akan memberi sumbangan sepenoh-nya bagi menchapai tujuan² ekonomi dan sosial Ranchangan Malaysia Kedua.

BAB VII

Pekerjaan dan Kemajuan Tenaga Ra'ayat

I.—PENDAHULUAN

276. Usaha² mengadakan peluang² pekerjaan yang produktif ada-lah satu unsor penting dalam strateji Ranchangan bagi menghapuskan kemiskinan dan membetulkan keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum. Perkembangan pekerjaan dengan chepat ada-lah perlu untok membolehkan lebeh ramai orang² Melayu dan bumiputra² lain memasoki bidang pekerjaan yang moden untok membanyakkan pendapatan di-kawasan² luar bandar dan untok memberi kesan yang nyata terhadap penganggoran dan kemiskinan di-bandar².

277. Tugas mengadakan pekerjaan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah satu chabaran yang besar kerana matlamat pekerjaan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama telah tidak terchapai dan perkembangan tenaga buroh yang chepat di-jangka berlaku dalam tahun² tujoh-pulohan. Tugas ini bertambah rumit di-sebabkan perubahan² dari segi pelajaran tenaga buroh dan perlu-nya mengadakan peluang² pekerjaan yang lebeh produktif untok menchapai tujuan² menghapuskan kemiskinan dan membetulkan keadaan yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum. Untok menghadapi tugas ini perkembangan ekonomi yang pesat dan langkah² dasar yang tertentu ada-lah di-perlukan supaya meninggikan kadar pekerjaan bagi tiap² ringgit yang di-laborkan. Di-samping itu, ranchangan² pelajaran dan latehan harus di-bentok supaya dapat mengeluarkan kemahiran² baharu selaras dengan permintaan yang di-timbulkan oleh perkembangan ekonomi.

II.—KEADAAN TENAGA RA'AYAT SEKARANG

278. Maklumat² mengenaï kedudokan tenaga ra'ayat maseh tidak menchukopi dan kurang tepat, terutama sekali bagi negeri² di-Malaysia Timor. Akan tetapi, ia-nya menchukopi untok mengesan sechara kasar

aliran perkembangan tenaga buroh dan pekerjaan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Pada keselurohan-nya, tenaga buroh di-Malaysia Barat bertambah lebeh kurang 15% dalam tahun² 1966-70, manakala pekerjaan di-anggar bertambah kira² 14%. Penganggoran di-anggarkan telah meningkat lebeh sedikit dari satu peratus kapada kira² 8% dari jumlah tenaga buroh dalam tahun 1970. Apabila di-kira aliran² kasar di-Malaysia Timor, ada-lah di-anggar bahawa 7.3% daripada jumlah tenaga buroh Malaysia menganggor dalam tahun 1970.

1. MALAYSIA BARAT

279. *Tenaga buroh.* Dalam Ranchangan Malaysia Pertama, tenaga buroh di-Malaysia Barat dalam tahun 1965 telah di-anggarkan berjumlah 2,678,000 dan bertambah sa-banyak 2.7% sa-tahun dalam tahun² 1966-70. Maklumat² yang paling baharu di-terima menunjokkan bahawa tenaga buroh dalam tahun 1965 ada-lah lebeh banyak dan perkembangan-nya dalam tempoh yang sama ia-lah kira² 2.9% sa-tahun (*lihat* Jadual 7-2). Perkembangan yang pesat ini ada-lah hasil dari tambahan pendudok² dalam masa selepas perang; kesan²-nya kapada tenaga buroh telah mula di-rasaï semenjak awal tahun² enam-pulohan tetapi menjadi lebeh jelas dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama.

280. Perkembangan tenaga buroh pada masa itu telah juga menunjokkan semakin banyak belia² memasoki tenaga buroh, umum-nya, lebeh berpela-jaran dari masa² dahulu. Maklumat² bagi seluroh tempoh Ranchangan itu tidak ada, tetapi maklumat² bagi tahun² 1957-67 ada-lah menchukopi untok membuktikan tanda² perkembangan ini.

281. Belia² berumor antara 15 hingga 25 tahun merupakan lebeh dari 30% tenaga buroh. Perkembangan dalam bidang pelajaran dalam tahun² enam-pulohan, terutama-nya dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, telah meninggikan lagi mutu tenaga buroh. Manakala kurang dari 60% daripada jumlah tenaga buroh dalam tahun 1957 mempunyaï pelajaran asas, akan tetapi bahagian ini meningkat hampir 75% dalam tahun 1967. Bilangan buroh yang mempunyaï persekolahan selama 10 tahun atau lebeh telah bertambah lebeh dari sa-kali ganda dalam masa sa-puloh tahun yang berkenaan.

282. *Pekerjaan.* Jumlah pekerjaan di-Malaysia Barat telah di-jangka meningkat dengan chepat-nya dalam tahun² 1966-70, memadaï untok memberi kerja kapada 377,000 orang tambahan tenaga buroh. Anggaran bagi tempoh ini menunjokkan bahawa manakala 350,000 pekerjaan telah di-adakan, kenaikan tenaga buroh berjumlah lebeh kurang 420,000 orang, ia-itu lebeh tinggi dari yang di-ramalkan.

283. Kadar kenaikan pekerjaan purata dalam tempoh ini ada-lah 2.6% sa-tahun (*lihat* Jadual 7-1). Jumlah pekerjaan yang di-adakan dalam kebanyakan bidang² ekonomi menepati atau melebehi matlamat² Ranchangan Malaysia Pertama, melainkan di-bidang pertanian. Bidang ini mempunyaï lebeh dari 52% jumlah pekerjaan dalam tahun 1965, tetapi chuma dapat mengadakan kurang daripada 30% pekerjaan² baharu. Kemerosotan kadar kenaikan pekerjaan di-bidang ini berlaku terutama-nya oleh kerana sa-jumlah besar daripada pekerja² di-ladang² getah telah di-berhentikan. Dalam tahun² 1962-67 sahaja, seramai 54,000 pekerja, ia-itu hampir 20% dari jumlah pekerja di-ladang², telah di-berhentikan. Pengurangan pekerjaan ini membayangkan sedikit sa-banyak kemerosotan jumlah kawasan ladang getah dan juga usaha ladang² untok menjimatkan kos pengeluaran. Sunggoh pun dalam jangka masa tersebut pengeluaran getah dari ladang² bertambah hampir 4% sa-tahun, jumlah luas ladang yang di-toreh telah kurang dari 1.32 juta ekar kapada 1.28 juta ekar. Lebeh mustahak lagi, jumlah pekerja bagi tiap² 100 ekar yang di-toreh juga turun dari 21.7 kapada 18.1. Satu faktor lagi yang menyebabkan rendah-nya kadar pengambilan buroh ka-dalam bidang pertanian ia-lah kekurangan tanah yang di-majukan saperti di-terangkan dalam Bab IX. Pada keselurohan-nya, pekerjaan² yang di-adakan dalam bidang pertanian ada-lah kurang dari matlamat yang di-tetapkan dalam Ranchangan sa-banyak kira² 60,000.

284. Bidang² perusahaan pembuatan dan perkhidmatan telah mengadakan sa-jumlah besar dari pekerjaan² baharu dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Perkhidmatan,² termasok perdagangan, mengadakan hampir 50% dari pekerjaan² baharu, manakala perusahaan pembuatan mengadakan lebeh dari 15% dan pembenaan hampir 4%. Kesemua bidang ini telah mengadakan lebeh banyak pekerjaan dari yang sepatut-nya mengikut jumlah pekerjaan pada awal Ranchangan.

285. Jangkaan dalam Ranchangan bahawa dengan ada-nya perkembangan dan perubahan susunan ekonomi, akan timbul keperluan besar untok mendapatkan tenaga ra'ayat yang tinggi taraf dan latehan-nya telah di-pastikan. Ekonomi telah dapat mengambil sa-jumlah besar dari tenaga ra'ayat yang munchul dan berpelajaran. Analisa² bagi tahun² 1957-67 menunjokkan bahawa pengambilan orang² yang mempunyaï pelajaran selama 10 tahun atau lebeh meningkat 7.3% sa-tahun, lebeh dari dua kali kadar kenaikan jumlah pekerjaan. Sebalek-nya, jumlah pekerja yang tidak mempunyaï pelajaran asas turun dari 39% daripada jumlah dalam tahun 1957 kapada 26% dalam tahun 1967. Dalam masa sa-puloh tahun

JADUAL 7-1

PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR, MALAYSIA BARAT, 1965-70*

Bidang	*1965*		*1970*		*Tambahan 1966-70*	*Kadar tambahan purata tahunan*	*Sumbangan kapada pekerjaan baharu*
	(000)	*Sumbangan kapada jumlah (%)*	*(000)*	*Sumbangan kapada jumlah (%)*	*(000)*	*(%)*	*(%)*
Pertanian	1,350	52.1	1,454	49.5	104	1.5	29.7
Perlombongan	66	2.5	64	2.2	− 2	−0.6	−0.6
Perusahaan pembuatan	217	8.4	270	9.2	53	4.5	15.1
Pembenaan	90	3.5	103	3.5	13	2.7	3.7
Perkhidmatan[2] letrik, ayer dan kebersehan	16	0.6	19	0.6	3	3.5	0.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubongan	101	3.9	110	3.7	9	1.7	2.6
Perdagangan	287	11.1	340	11.6	53	3.4	15.1
Perkhidmatan[2]	463	17.9	580	19.7	117	4.6	33.4
Jumlah ..	2,590	100.0	2,940	100.0	350	2.6	100.0

* Data berkenaan dengan pekerjaan termasok pekerja[2] yang berumor kurang dari 15 tahun dan lebeh dari 65 tahun, di-anggarkan berjumlah 40,000.

itu, jumlah ahli profesional dan teknik telah bertambah lebeh dari sa-kali ganda, manakala ahli² pertukangan dan pekerja² memproses pengeluaran meningkat lebeh 50%. Tetapi jumlah pekerja² pertanian tidak banyak bertambah dan sumbangan bidang ini kapada jumlah pekerjaan turun dari 57% kapada 50%. Perubahan² ini membayangkan bertambah banyak-nya tenaga ra'ayat yang berpelajaran dan juga perubahan² straktur dan proses pembaharuan ekonomi.

286. Perkembangan sektor awam dalam tempoh ini memerlukan tenaga ra'ayat yang banyak dan bermutu tinggi, terutama sekali dalam bidang perkhidmatan² pelajaran dan kesihatan, dan juga urusan² penyelidekan dan perkhidmatan lanjutan pertanian. Perkhidmatan² ini juga memberi pekerjaan kapada lebeh ramai ahli² separoh profesional dan lain² tenaga ra'ayat yang mahir. Sementara itu selain daripada keperluan² yang timbul dari perkembangan² dalam bidang² ini, mereka yang mempunyaï pelajaran dan latehan juga di-kehendaki untok memenohi kerja² kosong yang ada pada awal Ranchangan dan mengganti pekerja² asing. Banyak kerja² kosong maseh di-dapati di-peringkat teknik dan profesional. Angka² pekerjaan dalam tahun² 1962-67, ia-itu data yang boleh di-dapati bagi perkara ini, menunjokkan bahawa sektor awam ada-lah paling banyak menggunakan tenaga ra'ayat yang berkemahiran tinggi, manakala penggunaan-nya di-sektor² lain juga meningkat. Tambahan mutu kemahiran mungkin juga berlaku, terutama sekali dengan ada-nya ranchangan² latehan yang di-huraikan dalam Bab XIV.

287. *Penganggoran.* Usaha mengadakan pekerjaan² baharu tidak dapat menyaingi tambahan buroh yang banyak dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Oleh itu, penganggoran meningkat daripada kira² 180,000 atau 6.5% dari jumlah tenaga buroh pada awal Ranchangan, kapada lebeh kurang 250,000 atau 8% pada penghujong tahun 1970.

288. Penganggoran di-Malaysia Barat kebanyakan-nya terdapat di-kalangan belia². Lebeh 64% dari jumlah penganggor² dalam tahun 1962 berumor dalam lingkongan 15-25 tahun; menjelang tahun 1967, angka ini meningkat dengan chepat menjadi lebeh 75%. Penganggoran juga banyak di-dapati di-kalangan orang² yang baharu masok ka-dalam tenaga buroh. Sa-banyak 65% dari jumlah penganggor dalam tahun 1967 menchari kerja buat pertama kali, berbanding dengan hanya 47% dalam tahun 1962. Kadar penganggoran bagi mereka yang berumor 25 tahun ka-atas maseh rendah. Ini tidak pula berma'ana bahawa penganggoran di-Malaysia Barat hanya merupakan penganggoran mereka² yang baharu lepas sekolah yang mana dapat di-hapuskan apabila mereka meningkat umor kelak. Kenaikan

tenaga buroh yang chepat telah mengakibatkan kadar penganggoran yang lebeh tinggi di-kalangan belia², sehingga terdapat persaimbangan dalam kenaikan kerja², kadar penganggoran yang tinggi ini akan meliputi juga lingkongan orang² yang berumor lebeh.

289. Dari segi kawasan, penganggoran juga berlaku di-kawasan² bandar di-mana kadar penganggoran ada-lah lebeh kurang 10%. Di-kawasan² ini kadar penganggoran belia ada-lah lebeh tinggi.

290. Di-samping penganggoran yang nyata dan dapat di-pastikan saperti di-binchangkan di-atas, sa-bilangan besar pekerja² ada juga terdapat dalam kegiatan² yang pengeluaran dan pendapatan-nya rendah. Dalam tahun 1967, hampir 11% dari jumlah pekerja² yang termasok dalam gulongan "berkerja" di-laporkan bekerja kurang dari 25 jam sa-minggu. Orang² ini kebanyakan-nya bekerja kampong termasok menangkap ikan dan menanam padi sa-kali sa-tahun dan juga dalam bidang perkhidmatan.. Walau pun dengan bertambah-nya luas tanah² yang di-tanam dua kali sa-tahun dan pembangunan tanah sechara besar²an dan pelaboran² lain di-bidang pertanian dalam tempoh Ranchangan mungkin dapat mengurangkan kadar gunatenaga yang tidak penoh ini, tambahan buroh yang berlebehan sudah tentu akan menghadkan peluang² bagi sa-jumlah besar orang² ini untok beraleh kapada pekerjaan yang lebeh produktif. Selain daripada penganggor² ini, maseh terdapat mereka² yang tidak termasok ka-dalam gulongan tenaga buroh oleh sebab mereka tidak benar² berusaha menchari kerja tetapi sanggup menerima-nya jika di-beri. Sa-bahagian daripada 63,000 orang gulongan ini dalam tahun 1967 mungkin beraleh masok ka-pasaran buroh sekira-nya keperluan untok buroh meningkat tinggi.

291. Perkembangan pesat dalam bidang pelajaran semenjak Merdeka juga mempunyai kesan kapada mutu pelajaran penganggor². Walau pun pekerjaan bertambah bagi mereka yang berpelajaran lebeh, penganggoran bagi orang² yang mempunyai pelajaran sa-puloh tahun atau lebeh bertambah hampir tiga kali dalam tahun² 1962-1967. Namun demikian, penganggoran di-kalangan mereka yang tidak berpelajaran turun lebeh dari separoh; ia-nya meningkat dengan kadar kurang dari satu pertiga bagi mereka yang mempunyai pelajaran rendah sahaja.

292. Analisa lanjut mengenai penganggor² dalam tahun 1967 menunjokkan kechenderongan dan harapan belia² yang menchari kerja nampak-nya berlainan sangat dengan jenis² pekerjaan yang di-tawarkan. Mithal-nya, lebeh ramai mereka yang menchari kerja chuba mendapatkan kerja² kerani

dan yang seumpama-nya dari jumlah kerja² yang ada dan kurang yang mencari kerja² pertanian dan buroh yang lain. Ramai belia lepasan sekolah terpaksa menerima pekerjaan² yang pada mula-nya tidak mereka chari atau pun fikirkan sesuai dengan taraf pelajaran atau kechenderongan mereka bagi mengelakkan diri dari menganggor terlalu lama. Implikasi² dari keadaan² ini untok pelaboran² selanjut-nya di-setengah² peringkat pelajaran, tujuan² dan sukatan² pelajaran serta perkhidmatan² penasihat vokeshen ada-lah di-binchangkan dalam Bab XIV.

2. MALAYSIA TIMOR

293. Maklumat² berkenaan dengan tenaga ra'ayat di-negeri² Malaysia Timor ada-lah kurang. Dari maklumat² yang ada, ada-lah di-anggarkan bahawa kadar kenaikan tenaga buroh di-Sabah dan di-Sarawak ada-lah tinggi, kira² 3.7% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama (*lihat* Jadual 7-2). Saperti di-Malaysia Barat, ini ia-lah hasil dari tambahan bilangan pendudok² dalam tahun² selepas perang. Di-Sabah pula, tenaga buroh tempatan bertambah dengan kemasokan pekerja² dari Malaysia Barat dan orang² dari negara² jiran saperti Indonesia dan Filipina.

294. Kadar kenaikan pekerjaan di-kedua² negeri ini ada-lah chepat, tetapi di-Sarawak maseh kurang dari kadar kenaikan tenaga buroh. Sebalek-nya, Sabah terus mengalami kekurangan besar dalam beberapa jenis buroh, termasok pekerja² untok menjalankan perusahaan² getah dan membalak. Kedua² negeri ini boleh di-katakan menghadapi kekurangan tenaga buroh, tetapi Sarawak telah pun mengalami tanda² yang menunjokkan masaalah penganggoran akan bertambah burok, terutama sekali di-kalangan orang² yang menchari kerja² pejabat. Pada keselurohan-nya, penganggoran di-Malaysia Timor mungkin tidak lebeh daripada 4% dari jumlah tenaga buroh dalam tahun 1970.

III.—TUJUAN² TENAGA RA'AYAT DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

295. Ranchangan Malaysia Kedua bermula dengan penganggoran berjumlah lebeh kurang 275,000 orang. Selain dari itu, peluang² bekerja perlulah di-adakan bagi 645,000 orang² tambahan kapada tenaga buroh dalam tempoh lima tahun ini. Keadaan gunatenaga yang tidak penoh, terutama sekali dalam bidang pertanian dan perkhidmatan, merumitkan lagi masaalah yang di-hadapi oleh ekonomi. Perenggan² yang berikut menerangkan langkah² yang akan di-ambil dan setakat mana masaalah ini dapat di-selesaikan dalam tempoh ini.

296. Tujuan² gunatenaga dalam Ranchangan ia-lah untok menambahkan lagi peluang² bekerja dengan seberapa chepat yang boleh, dan juga mengadakan pekerjaan yang lebeh produktif kapada mereka yang sekarang ini berada di-dalam kegiatan² yang berpendapatan rendah. Dengan ada-nya matlamat² pelaboran dalam Ranchangan dan langkah² tambahan bagi memberi pekerjaan, ada-lah di-ramalkan bahawa sekurang²-nya 596,000 kerja² baharu akan di-adakan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Matlamat ini ada-lah tambahan yang besar daripada 445,000 kerja² baharu yang telah dapat di-adakan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Ini bermaana bahawa lebeh dari 119,000 kerja² baharu sa-tahun dalam tahun² 1971-75 perlu-lah di-adakan, atau pun sechara purata 30,000 lebeh pekerjaan² baharu sa-tahun dari Ranchangan yang sudah. Langkah² akan di-ambil untok menambahkan lagi jumlah pekerja² mahir yang sekarang ini sangat berkurangan, supaya dapat di-pertinggikan lagi daya pengeluaran pekerja dan untok membolehkan kemasokan lebeh ramai orang² Melayu dan bumiputra² lain ka-dalam lapangan pekerjaan moden yang lebeh tinggi pendapatan-nya.

297. Jadual 7-2 menunjokkan anggaran bagi tenaga buroh, pekerjaan dan penganggoran dalam tempoh Ranchangan. Sebagaimana di-nyatakan, tambahan tenaga buroh dalam tempoh lima tahun ini di-jangka lebeh chepat lagi daripada yang di-alami dalam tempoh lima tahun yang lepas. Tetapi di-Sabah dan Sarawak, kadar kenaikan yang luar biasa dalam jumlah tenaga buroh pada tahun² yang lepas di-jangka akan berkurangan. Bagi Malaysia Barat, walaupun ekonomi di-jangka akan berkembang dengan chepat dan pekerjaan² baharu juga akan bertambah dengan kadar yang lebeh tinggi dari masa² yang lepas, ia-itu 3.2% sa-tahun, kenaikan pekerjaan di-jangka tidak akan sa-imbang dengan tambahan tenaga buroh. Masaalah² yang sama mungkin juga di-hadapi di-Sarawak. Akan tetapi, kadar kenaikan pekerjaan bagi seluroh Malaysia ada-lah di-jangka akan sa-imbang dengan kadar kenaikan tenaga buroh. Oleh itu kadar penganggoran pada keselurohan-nya akan sama saperti dalam tahun 1970, ia-itu 7.3% dari jumlah tenaga buroh di-Malaysia.

IV.—STRATEJI GUNATENAGA

1. PERKEMBANGAN EKONOMI YANG PESAT

298. Kandongan pertama strateji gunatenaga dalam Ranchangan ia-lah menggalakkan perkembangan ekonomi yang pesat. Perkembangan ini akan berlaku kerana perkembangan dalam bidang awam dan perlaksanaan dasar²

JADUAL 7-2

TENAGA BUROH, PEKERJAAN DAN PENGANGGORAN, 1965-75

(000)

	1965	*1970 (anggaran)*	*Tambahan 1966-70*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*	*1975 (matlamat)*	*Tambahan 1971-75*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*
MALAYSIA							
Tenaga buroh	3,246	3,768	522	3.0	4,413	645	3.2
Pekerjaan	3,048	3,493	445	2.8	4,089	596	3.2
Penganggoran	198	275	77	6.8	324	49	3.3
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	6.1	7.3	—	—	7.3	—	—
MALAYSIA BARAT							
Tenaga buroh	2,730	3,150	420	2.9	3,690	540	3.2
Pekerjaan	2,550	2,900	350	2.6	3,395	495	3.2
Penganggoran	180	250	70	6.8	295	45	3.3
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	6.5	8.0	—	—	8.0	—	—
MALAYSIA TIMOR							
Tenaga buroh	516	618	102	3.7	723	105	3.2
Pekerjaan	498	593	95	3.5	694	101	3.2
Penganggoran	18	25	7	6.8	29	4	3.0
Penganggoran sbg. % dari jumlah tenaga buroh	3.5	4.0	—	—	4.0	—	—

untok menambahkan lagi perkembangan dalam bidang swasta. Ada-lah di-jangka dengan perkembangan ekonomi pada keselurohan-nya 6.5% sa-tahun, dan di-sokong pula dengan ada-nya dasar² yang berpatutan dari segi belanjawan dan lain² yang berkaitan dengan pekerjaan, akan menghasil-kan satu kadar purata perkembangan pekerjaan sekurang²-nya 3.2% sa-tahun dalam tempoh ini.

299. Langkah² dasar akan di-bentok sebegitu rupa untok menggalakkan perkembangan yang pesat di-*bidang perusahaan moden*. Pengalaman di-masa yang lepas menunjokkan bahawa sektor ini mempunyaï kadar pengambilan buroh yang tinggi jika di-bandingkan dengan bidang pertanian. Perkembangan pesat dalam bidang ini, di-samping memberi sumbangan kapada perkembangan pekerjaan dan juga mengadakan peluang² bekerja yang lebeh tinggi pendapatan-nya, ada-lah satu perkara yang akan mem-bawa kesan baik kapada penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² lain dan juga tenaga buroh yang berpelajaran. Tumpuan khas akan di-beri melaluï perkhidmatan teknik dan galakan chukai kapada perkembangan perusahaan² kechil dan ekspot barang² buatan kilang dan separoh siap. Perhatian juga akan di-beri untok menambah lagi peluang² pekerjaan dalam *perusahaan pembenaan* dan *perkhidmatan²*, terutama sekali perkhidmatan pelanchongan, oleh kerana semua ini mempunyaï kemungkinan peluang² pekerjaan yang banyak.

2. KEMAJUAN TANAH

300. Pembukaan kawasan² tanah untok ranchangan² penempatan merupakan unsor penting dalam strateji Ranchangan bagi membasmi kemiskinan, dengan chara menambahkan lagi pendapatan di-kawasan² luar bandar dan memperkembangkan lagi bidang pekerjaan di-sektor pertanian. Butir² ranchangan ini di-huraikan dalam Bab IX dan hanya kesan² berkaitan dengan pekerjaan di-sebutkan di-sini. Tumpuan terhadap pembukaan tanah baharu ada-lah sangat penting supaya dapat mengambil kesempatan dari bahan² tanah yang banyak bagi mengadakan pekerjaan yang lebeh banyak lagi. Peluang² pekerjaan di-kawasan² tanah baharu di-anggap sebagai perkembangan penting dalam mempelbagaikan kerja² di-kawasan² luar bandar dan menjadikan-nya menarek dan berpendapatan lebeh. Tetapi sa-bahagian daripada peluang² pekerjaan ini mungkin akan memberi pekerjaan yang lebeh penoh bagi petani² yang sekarang tidak bekerja penoh dan ini juga ada-lah satu tujuan yang baik.

3. TAMBAHAN PENGGUNAAN BUROH

301. Beberapa langkah telah di-ambil saperti pembatalan chukai gaji dan pengawalan ketat kerja lebeh-masa untok menggalakkan penambahan pekerjaan. Galakan yang di-beri kapada pelaboran² modal dan kesan

tindakan belanjawan kapada harga faktor² pengeluaran sedang di-kaji sa-mula supaya lebeh sesuai dengan penggunaan buroh. Chara² yang di-gunakan dalam ranchangan² awam sechara besar²an, saperti pembenaan jalan dan perumahan, juga sedang di-kaji dengan tujuan menambahkan lagi penggunaan buroh dalam ranchangan² ini. Dalam pembenaan Jalan Raya Timor-Barat, sa-bahagian besar kerja² sedang di-laksanakan dengan teknik² yang menggunakan buroh yang lebeh. Langkah² untok membolehkan peng-gunaan buroh yang lebeh akan di-bentok dengan chara yang sesuai, selaras dengan pengeluaran yang chekap dan perkembangan daya pengeluaran yang berterusan.

4. RANCHANGAN² PELAJARAN DAN LATEHAN

302. Langkah² yang akan di-ambil oleh Kerajaan untok meluaskan latehan perusahaan dan vokeshen serta meninggikan mutu ranchangan² pelajaran ada-lah di-binchangkan dengan lebeh mendalam dalam Bab XIV.

303. Kemajuan² dalam peringkat pelajaran dan kemahiran tenaga buroh yang berlaku dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama akan di-perhebatkan. Jadual 7-3 menunjokkan bentok pelajaran anggota² baharu tenaga buroh di-Malaysia Barat.

JADUAL 7-3

BENTOK PELAJARAN ANGGOTA² BAHARU TENAGA BUROH, MALAYSIA BARAT, 1971-75

Peringkat Pelajaran	*Tahun menerima pelajaran*	*Laki²* (*000*)	*Perem-puan* (*000*)	*Jumlah*	%
Pelajaran tinggi*	11†	30	15	45	6
Menengah atas	10-11	152	74	226	31
Menengah bawah	7-9	174	59	233	32
Pelajaran rendah	1-6	145	73	218	30
Tidak berpelajaran	0	3	3	6	1
Jumlah ..		504	224	728†	100

304. Saperti terchatit dalam jadual, hampir 70% dari anggota² baharu tenaga buroh akan mempunyaï pelajaran lebeh tinggi dari pelajaran rendah. Jumlah mereka yang berpelajaran menengah rendah akan ber-tambah paling chepat, ia-itu 12% sa-tahun, dan ini merupakan 15% dari jumlah buroh dalam tahun 1975. Kedua² latehan vokeshen dan latehan sambil bekerja, yang akan di-titekberatkan dalam Ranchangan, akan

* Termasok pelajaran tinggi sa-lepas menengah, Maktab dan Universiti.

† Tenaga buroh baharu di-anggarkan sa-banyak 728,000; tambahan berseh yang di-anggarkan, sa-telah di-tolak kematian, persaraan dan lain², ia-lah 540,000.

meninggikan lagi mutu tenaga buroh dan menambahkan lagi daya pengeluaran. Pekerja² Malaysia di-jangka akan merupakan satu faktor pengeluaran yang dapat menarek bakal² penanam modal di-negara ini.

305. Usaha² khas akan di-ambil untok melateh, sama ada di-dalam atau di-luar negeri, tenaga buroh peringkat atasan dan mahir yang di-kehendaki untok memenohi keperluan pehak² awam dan swasta kerana kejayaan matlamat Ranchangan dan matlamat pekerjaan bergantong kapada mereka. Ada-lah di-jangka bahawa keperluan yang penting ia-lah dalam penyelidekan dan perkhidmatan lanjutan pertanian, kejuruteraan dan kemahiran² yang berkaitan, guru² terlateh, pekerja² kesihatan dan kakitangan pengurusan.

306. Jadual 7-4 menunjokkan rengkasan anggaran keperluan *tenaga ra'ayat yang terlateh dalam bidang pertanian* di-Malaysia Barat, di-bandingkan dengan keluaran kakitangan dalam gulongan ini yang mendapat latehan tempatan.

JADUAL 7-4

ANGGARAN KEPERLUAN* DAN KELUARAN TENAGA RA'AYAT YANG TERLATEH DALAM PERTANIAN, MALAYSIA BARAT, 1971-75

Peringkat	Keperluan	Keluaran	Kekurangan
Pekerja² profesional	620	580	40
Pekerja² separoh profesional	1,750	1,120	630
Pekerja² rendah	2,020	1,970	50

307. Keperluan pekerja² di-peringkat rendah mungkin dapat di-penohi dalam tempoh ini dengan pengeluaran dari Sekolah² Pertanian; dan ranchangan² latehan khas bagi pembantu² luar dalam kerja² pembangunan tanah. Tetapi keperluan bagi kakitangan di-peringkat separoh profesional mungkin tidak dapat di-penohi walau pun dengan pembesaran Kolej Pertanian, Serdang. Ranchangan² khas akan di-adakan untok melateh tenaga ra'ayat di-peringkat separoh profesional dalam bidang pembangunan perhutanan, sains kaji-haiwan dan kemajuan ternakan. Kemudahan² yang terdapat di-Kolej Pertanian Serdang, Institiut Teknoloji MARA dan Jabatan² berkenaan akan di-gunakan untok menjayakan ranchangan² ini. Kechuali dalam kerja² penyelidekan, di-mana di-perlukan latehan selepas sarjana muda, keperluan untok mendapatkan kakitangan profesional akan di-penohi. Sa-bahagian daripada kekurangan ini akan dapat di-penohi dari puncha luar negeri melaluï ranchangan² bantuan teknik. Tetapi, kekurangan yang maseh di-dapati akan menghadkan kegiatan² IPKPM dan institiut² lain.

* Termasok kerja² kosong yang ada pada hujong tahun 1970.

308. Kebolehan institiut² di-Malaysia bagi melateh *kakitangan² kejuruteraan dan teknik* telah di-perkembangkan dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Jumlah pelajar² yang akan memasoki dan keluar dari Fakulti Kejuruteraan di-Universiti Malaya dan pemegang² Diploma dari Maktab Teknik dan juru-teknik² dari Politeknik Ungku Omar akan di-tambah dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Sa-bahagian besar daripada siswazah² dalam bidang ini di-jangka akan mendapat latehan di-seberang laut. Satu penyiasatan sedang di-jalankan pada masa ini untok mendapatkan butir² halus berkenaan chorak keperluan negara terhadap berbagai² gulongan dan peringkat tenaga ra'ayat jenis ini. Apabila hasil penyiasatan ini di-perolehi, ranchangan latehan bagi kakitangan jenis ini akan di-kaji sa-mula dan tindakan di-ambil untok memastikan ada-nya kakitangan tersebut. Ada-lah di-jangka bahawa ramai juga orang² dari luar negeri akan di-ambil bekerja dalam masa ini.

309. Salah satu dari bidang² keperluan tenaga ra'ayat yang di-anggap penting ia-lah mengadakan *guru² lepasan Universiti* untok mengajar di-sekolah² menengah atas dan lebeh tinggi. Walau pun dalam masa Ranchangan, kedua² Universiti Kebangsaan dan Universiti di-Pulau Pinang, selain dari Universiti Malaya, akan menambah keluaran guru² siswazah, pengeluaran bagi guru² jenis ini, terutama sekali untok pelajaran ilmu sains, mungkin kurang daripada apa yang di-perlukan (*lihat* jadual 7-5). Keluaran dari maktab² latehan perguruan menengah akan dapat menolong mengisi kekurangan ini buat sementara waktu. Satu ranchangan latehan dan pengambilan guru² dari seberang laut akan di-jalankan supaya perkembangan pelajaran yang di-ranchangkan untok tempoh ini berjalan dengan memuaskan.

310. Keperluan bagi *pekerja² yang berkemahiran teknik* di-jangka akan terus ujud dalam tempoh Ranchangan, terutama sekali memandang kapada tumpuan yang di-beri kapada perkembangan perusahaan dalam Ranchangan. Keperluan bagi pekerja² di-anggarkan lebeh kurang 7,000 sa-tahun menjelang tahun 1975. Strateji untok memenohi keperluan² ini mempunyaï tiga unsor. Pertama, sistem pelajaran akan memberi tumpuan lebeh kapada sains dan teknoloji dan usaha mengadakan sedikit kemahiran sebelum bekerja. Kedua, satu usaha besar untok mengadakan latehan perusahaan akan di-jalankan di-Institiut Latehan Perusahaan yang di-kelolakan oleh Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat dan di-Sekolah² Latehan Vokeshen anjoran MARA. Akhir-nya, satu ranchangan latehan sambil-bekerja yang di-uruskan dalam pertubohan² perusahaan akan juga di-lancharkan dengan nasihat Majlis Penasihat Negara bagi Latehan² Perusahaan yang baharu di-tubohkan. Butir² lanjut mengenaï ranchangan² ini di-bentangkan dalam Bab XIV.

JADUAL 7-5

ANGGARAN KEPERLUAN DAN KELUARAN GURU² TERLATEH UNTOK SEKOLAH² MENENGAH, MALAYSIA BARAT, 1971-75

	Guru² latehan maktab	*Guru² siswazah*		
		Sastera	*Sains*	*Jumlah*
Jumlah yang ada, 1970	15,238	1,468	700	2,168
Jumlah yang di-perlukan, 1970..	11,123	3,088	2,679	5,767
Lebehan (+)/kurangan (−) 1970	+4,115	−1,620	−1,979	−3,599
Keluaran 1971-75	987	2,550	2,266	4,816
Kehilangan* 1971-75	696	54	70	124
Jumlah yang ada 1971-75 ..	4,406	876	217	1,093
Keperluan baharu 1971-75 ..	3,311	1,070	2,025	3,095
Kelebehan (+)/kurangan (−) 1975	+1,095	−194	−1,808	−2,002

5. MOBILITI BUROH DAN PERKHIDMATAN² PEKERJAAN

311. Sementara Malaysia Barat menghadapi masaalah lebehan buroh, Sabah terus mengalami kekurangan buroh separoh mahir dan buroh² kasar terutama sekali untok bekerja dalam perusahaan² getah dan membalak. Pemindahan pekerja² dari Malaysia Barat ka-Sabah yang di-ranchangkan menerusi Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia merupakan satu bahagian penting dalam strateji gunatenaga Ranchangan ini. Lembaga ini, semenjak di-tubohkan dalam tahun 1966, telah mengatorkan pemindahan seramai 5,000 pekerja, termasok tanggongan² mereka, kebanyakan-nya untok memenohi keperluan² perusahaan ladang² di-Sabah. Dalam tahun 1971-75, Lembaga ini di-jangka menempatkan lebeh kurang 8,000 pekerja² di-Sabah, dan dengan ini, memenohi juga keperluan bidang² lain.

312. Di-Malaysia Barat pula, dengan ada-nya tanah dan puncha² penge-luaran lain mungkin mewujudkan kemajuan yang pesat di-setengah² kawasan. Ada-lah jelas bahawa di-beberapa kawasan ini mungkin akan terdapat kekurangan buroh dari jenis² tertentu. Salah satu tujuan tegas ranchangan pembangunan kawasan ini ia-lah untok memastikan supaya buroh² lebehan di-kawasan² yang kekurangan tanah dapat di-pindahkan bagi memenohi keperluan ini sechara kemas dan terator.

* "Kehilangan" termasok kematian, persaraan, perletakan jawatan dan sebab² lain.

313. Tugas² menyelaraskan penawaran dan keperluan pekerja² di-tempat² pekerjaan di-seluroh negara ada-lah tanggong-jawab pejabat² pekerjaan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Peranan pejabat² ini sudah pun di-perkemaskan dan chara² menjalankan kerja telah di-ator serta kakitangan terlateh di-adakan untok melichin perkhidmatan mendapatkan pekerjaan. Pejabat² ini menyedia dan menerbitkan maklumat² mengenaï pekerjaan dan mengadakan perhubongan dengan perusahaan² dan institiut² latehan. Ini memudahkan buroh bergerak dan maklumat terbaharu mengenaï bidang² yang kekurangan pekerja dapat di-adakan.

6. RANCHANGAN² KHAS GUNATENAGA BELIA

314. Penganggoran di-Malaysia Barat kebanyakan-nya terdapat di-kalangan belia². Tertumpu-nya penganggoran di-kalangan mereka yang baharu memasoki pasaran buroh menunjokkan betapa besar-nya masaalah yang di-hadapi oleh ekonomi untok mengadakan peluang² pekerjaan yang chukop bagi menampong penchari² kerja yang kian bertambah. Dalam keadaan yang demikian, kumpulan belia² yang menganggor ini merupakan kerugian puncha² keluaran negara yang sangat berharga dan juga satu keadaan sosial yang mungkin merbahaya. Beberapa jenis ranchangan baharu yang bertujuan untok memberi pekerjaan kapada belia² ini akan di-laksanakan dalam tempoh Ranchangan. Besar kemungkinan belia² ini akan di-ambil bekerja di-dalam berbagai perkerjaan berkaitan dengan pembukaan dan penyelenggaraan ranchangan² tanah, pembenaan jalan² dan infrastraktur lain, kerja² taliayer dan memelihara puncha² asli dan kerja² lain. Kemungkinan dalam kerja² ini sedang di-kaji dan perhatian di-beri juga terhadap perbekalan bantuan² makanan ajoran ranchangan² antarabangsa untok ranchangan² ini.

V.—MATLAMAT GUNATENAGA

315. Jadual 7-6 menunjokkan kenaikan pekerjaan yang di-anggar mengikut bidang di-Malaysia Barat.

316. Perkara yang paling menarek dalam chorak kenaikan pekerjaan yang di-jangkakan dalam masa lima tahun akan datang ia-lah hakikat bahawa bidang pertanian, yang mengadakan lebeh 49% dari jumlah pekerjaan dalam tahun 1970, di-anggar akan dapat mengadakan hanya 125,000 pekerjaan atau 25.3% dari pekerjaan baharu dalam tahun² ini. Ini berlaku walau pun keluaran dalam bidang ini di-jangka akan meningkat dengan kadar yang chepat, ia-itu lebeh 8% sa-tahun. Sebagaimana yang telah di-huraikan, bidang ini telah mengadakan hanya sa-bilangan kechil dari jumlah kerja² baharu pada masa² yang lampau. Sa-bahagian besar dari tambahan

JADUAL 7-6

ANGGARAN KENAIKAN PEKERJAAN, MALAYSIA BARAT, 1970-75*

Bidang	*1970 (anggaran)*		*1975 (matlamat)*				
	(000)	*Sumbangan kapada jumlah (%)*	*(000)*	*Sumbangan kapada jumlah (%)*	*Tambahan 1971-75 (000)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*	*Sumbangan kapada kerja baharu (%)*
Pertanian	*1,454*	*49.5*	*1,579*	*46.0*	*125*	*1.7*	*25.3*
Perusahaan	*456*	*15.5*	594	*17.3*	*138*	*5.4*	*27.9*
Perlombongan	64	2.2	60	1.7	− 4	−1.3	−0.8
Perusahaan pembuatan	270	9.2	378	11.0	108	7.0	21.8
Pembenaan	103	3.5	133	3.9	30	5.2	6.1
Kemudahan[2] awam	19	0.6	23	0.7	4	3.9	0.8
Perkhidmatan	*1,030*	*35.0*	*1,262*	*36.7*	*232*	*4.1*	*46.9*
Perdagangan	340	11.6	419	12.2	79	4.3	16.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubongan	110	3.7	122	3.6	12	2.1	2.4
Perkhidmatan[2] lain	580	19.7	721	21.0	141	4.4	28.5
Jumlah ..	2,940	100.0	3,435	100.0	495	3.2	100.0

* Data tentang pekerjaan termasok pekerja[2] berumor kurang daripada 15 tahun dan lebeh daripada 65 tahun.

keluaran dalam bidang ini di-jangka akan berpuncha daripada kumpulan tanaman² jenis kekal untok ekspot di-mana tambahan pengeluaran boleh berlaku dengan tenaga buroh yang kechil. Bilangan orang² yang mengusahakan tanaman² untok di-ekspot ini di-jangka akan meningkat lebeh kurang 1% sa-tahun, terutama sekali kerana bertambah luas-nya tanah yang di-majukan. Jumlah pekerjaan berseh yang di-jangka dapat di-adakan dalam kerja² pertanian yang lain, perhutanan dan perikanan ada-lah sukar di-anggarkan. Dalam kerja² menangkap ikan, menanam getah sa-mula dan menanam padi, kebanyakan dari kemajuan yang di-anggap itu mungkin hanya mengurangkan bilangan pekerjaan² gunatenaga yang tidak penoh dan tidak menghasilkan kerja² baharu. Mengenaï kerja² baharu dalam bidang pertanian, kebanyakan dari peluang² ini akan timbul dari berbagai² ranchangan pembukaan tanah baharu. Kegiatan lain dalam bidang ini akan mengadakan lebeh kurang 30% dari jumlah pekerjaan.

317. Pekerjaan² baharu di-luar bidang pertanian akan menyumbangkan lebeh kurang tiga perempat dari jumlah tambahan pekerjaan. Tambahan pekerjaan yang terbesar di-jangka berlaku dalam bidang perkhidmatan di-mana lebeh dari 230,000 peluang² kerja di-jangka dapat di-adakan dalam tempoh ini. Bidang perusahaan di-jangka mengambil sekurang²-nya 138,000 lagi orang pekerja menjelang tahun 1975, dengan 108,000 dari jumlah ini di-ambil untok kegiatan² perusahaan pembuatan. Tambahan kerja dalam kedua² bidang ini pada masa yang lepas telah dapat di-adakan dengan kadar yang memuaskan dan keadaan ini di-jangka akan bertambah baik dalam tahun² yang akan datang.

318. Harus di-ingati bahawa anggaran² di-atas mengenaï pekerjaan² baharu dalam tempoh Ranchangan berasaskan matlamat² pelaboran modal yang minima saperti yang di-terangkan dalam Bab² yang terdahulu. Perhatian sedang di-beri kapada chara² mengatasi setengah dari masaalah² yang menghalang ranchangan pelaboran modal yang lebeh besar.

VI.—PROSPEK JANGKA PANJANG

319. Tujuan² gunatenaga harus di-tinjau dari segi masa yang lebeh dari lima tahun. Pada masa sekarang kadar² tambahan tenaga buroh ada-lah sangat tinggi; oleh itu ada-lah sukar, walau pun bagi ekonomi² yang lebeh maju dari Malaysia, untok mengelakkan dari lebehan buroh. Namun begitu, ada-nya puncha² asli yang lumayan dalam negara ini dan perkembangan ekonomi yang pesat, serta perubahan² straktur yang penting,

menunjokkan bahawa keadaan gunatenaga penoh dengan pendapatan purata yang tinggi boleh di-chapai di-Malaysia dalam sa-puloh tahun yang akan datang.

320. Ranchangan[2] pelajaran dan latehan akan lebeh lagi di-sesuaikan dengan chorak permintaan buroh yang di-jangka. Sementara penambahan keluaran[2] dari bidang pelajaran jelas dapat meninggikan lagi kebolehan dan mutu tenaga buroh, perkembangan yang berlebehan di-peringkat pelajaran tinggi boleh mendatangkan masaalah[2] yang lebeh rumit, ia-itu penganggoran orang[2] terpelajar. Tujuan[2] Dasar Ekonomi Baharu bagaimana pun, memerlukan bidang[2] sistem pelajaran dan latehan di-kaji sa-mula bagi membolehkan lebeh ramai orang[2] yang sekarang ini maseh mundor beraleh kapada pekerjaan[2] moden yang lebeh produktif. Sistem pelajaran dan ranchangan[2] latehan vokeshen memerlukan penyelarasan yang rapi untok mengelakkan kerugian tenaga guru[2] dan wang yang sememangnya terhad dan untok memenohi keperluan perusahaan[2] di-pehak awam dan swasta dengan lebeh berkesan lagi.

321. Kedua[2] tugas bagi menyaingi tambahan tenaga buroh yang chepat dan mengurangkan jumlah penganggoran yang besar merupakan satu beban berat kapada ekonomi. Kadar kenaikan tenaga buroh yang sekarang ini tinggi di-jangka akan terus berlaku sehingga akhir tahun[2] tujoh-pulohan. Kesan ranchangan peranchang keluarga, yang di-lancharkan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, akan mula di-rasaï oleh tenaga buroh hanya dalam tahun[2] lapan-pulohan. Bagi menchapai dan mengekalkan keadaan gunatenaga penoh dengan taraf hidup ra'ayat yang tinggi, perhatian berat terhadap ranchangan peranchang keluarga dan perkembangan perlu-lah di-teruskan.

322. Kemajuan[2] besar ekonomi luar bandar dan perkembangan pesat sektor[2] bandaran, bersama[2] dengan kekurangan kadar kenaikan tenaga buroh dalam jangka panjang, akan membawa ekonomi ka-peringkat gunatenaga penoh. Dengan ada-nya satu pasaran buroh yang ketat, serta ranchangan[2] pelajaran dan latehan yang bertambah, skim keselamatan sosial dan faedah[2] lain, kemajuan[2] besar di-jangka akan berlaku terhadap taraf hidup pekerja[2] di-Malaysia, samaada pekerja[2] di-kawasan[2] bandar atau dalam bidang pertanian moden. Walau pun begitu, buat sementara waktu, strateji untok menchapai keadaan gunatenaga penoh memerlukan sikap, daya-pengeluaran dan kos[2] buroh di-Malaysia supaya menggalakkan pengusaha[2] tempatan dan luar negeri melabor modal. Dengan chara pelaboran saperti ini, maka dapat-lah di-adakan tambahan permintaan buroh yang di-perlukan.

BAB VIII

Pentadbiran Bagi Peranchangan dan Perlaksanaan

I.—PENDAHULUAN

323. Tugas[2] pembangunan bagi menchapai tujuan[2] Dasar Ekonomi Baharu yang di-terangkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua berkehendakkan langkah[2] yang tegas, berani dan berkesan untok melichinkan perjalanan pentadbiran bagi peranchangan dan perlaksanaan. Langkah[2] tersebut ada-lah mustahak kerana beberapa perkara. Matlamat[2] Ranchangan ini ada-lah lebeh tinggi dari Ranchangan[2] yang lalu. Untok menchapai kejayaan, perbelanjaan yang lebeh besar dari masa[2] yang lampau ada-lah di-perlukan. Ini berma'ana bahawa masaalah perlaksanaan akan bertambah. Tambahan pula banyak daripada projek[2] yang di-ranchangkan ada-lah baharu, baik dari segi tujuan mahu pun pada isi kandongan-nya, dan lagi projek[2] ini ada-lah lebeh sukar di-ranchang dan di-laksanakan. Banyak dari projek[2] ini bertujuan memberi hasil yang nyata bagi menambah penyertaan orang[2] Melayu dan bumiputra[2] yang lain dalam aktiviti[2] sektor moden.

324. Pengalaman dari Ranchangan Malaysia Pertama menunjokkan bahawa di-antara faktor[2] yang membatas jentera perlaksanaan Kerajaan ia-lah kekurangan keupayaan teknik dan pengurusan. Kajian sa-mula Ranchangan tersebut menunjokkan bahawa chara[2] urusan di-dalam Jabatan[2] Kerajaan, termasok urusan kewangan dan akaun, dan penyelarasan di-antara Jabatan[2] dan Kerajaan[2] Persekutuan dan Negeri, perlu di-perbaiki lagi sebelum ranchangan[2] pembangunan yang lebeh besar dapat di-laksanakan. Masaalah[2] ini perlu-lah di-atasi dalam masa permulaan Ranchangan Malaysia Kedua untok menentukan supaya matlamat[2] besar Ranchangan tersebut dapat di-chapai. Kerajaan chukop sedar betapa perlu-nya keupayaan perlaksanaan itu di-tambah. Kerajaan telah menubohkan beberapa

jawatankuasa² khas di-bawah naungan Majlis Ekonomi Negara, untok menyemak pengalaman² yang lalu di-dalam segi ini dengan sepenoh-nya dan menchadangkan langkah² untok memperchepatkan perlaksanaan.

325. Perlaksanaan bukan-lah hanya sekadar menjalankan projek² dalam Ranchangan ini sahaja. Kerja² meranchang tidak seharus selesai dengan penerbitan Ranchangan sahaja. Sebalek-nya, tiap² jentera peranchangan Kerajaan harus sentiasa berjalan di-tiap² peringkat supaya ranchangan² umum, dasar² dan matlamat² dapat di-padatkan menjadi projek² dan ranchangan² yang tertentu.

II.—ORGANISASI PERANCHANGAN

1. PERINGKAT PERSEKUTUAN

326. Usaha² menchari chara² yang berkesan bagi memupok perpaduan ra'ayat dan menyusun sa-mula masharakat untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi telah di-jalankan oleh kesemua pehak Kerajaan. Dasar² dan ranchangan² Kerajaan yang lalu dalam kesemua bidang utama telah di-semak dengan sepenoh-nya. Panduan2 kasar bagi merangka Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah terkandong dalam satu Arahan yang di-keluarkan oleh Pengarah Gerakan dan di-jelaskan dalam beberapa kertas2 kerja. Chara² ini telah memberi kesan dan perasaan penyertaan kapada segenap lapisan Kerajaan di-dalam meranchang untok menchapai matlamat² yang sama.

327. Perhatian berat di-beri kapada masaalah² kemiskinan dan jurang perbezaan ekonomi antara kaum telah menyebabkan pindaan² dalam proses meranchang. Jabatan Perpaduan Negara (JPN), bersama² dengan badan² lain, telah memainkan peranan utama dalam menentukan matlamat² pembangunan ekonomi dan sosial. Tambahan lagi, hasil² perbinchangan Majlis Perundingan Negara dan Jawatankuasa Ekonomi-nya telah mewujudkan satu persetujuan negara mengenaï beberapa langkah yang perlu untok menentukan perpaduan ra'ayat. JPN akan terus menjalankan penyelidekan dalam beberapa aspek perhubongan antara kaum dan menilai chara² untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi.

328. Kerja² meranchang ekonomi terus di-usahakan oleh Bahagian Peranchang Ekonomi (BPE). Dalam tugas ini BPE menyediakan perkhidmatan urusetia kapada Majlis Ekonomi Negara ia-itu satu badan yang di-anggotaï oleh Menteri² dan di-pengerusikan oleh Perdana Menteri. Selain dari itu, BPE menjadi urusetia kapada Jawatankuasa Peranchang Pembangunan

Negara (JPPN), yang di-anggotaï oleh pegawai² kanan Kerajaan yang bertanggong-jawab bagi merangka, menyemak dari masa ka-semasa dan melaksanakan Ranchangan ini. Jawatankuasa Kechil Anggaran Perbelanjaan JPPN ada-lah bertanggong-jawab bagi mengkaji Anggaran Pembangunan dengan teliti. Dalam anggaran² ini perbelanjaan tahunan bagi pembangunan sektor awam di-tentukan. Jawatankuasa Kechil Piawaian dan Nilai Harga JPPN ada-lah bertanggong-jawab bagi merangka dan menyedia panduan² bagi reka-bentok projek2 dan piawaian-nya untok mengelakkan perbelanjaan membazir. Perkhidmatan urusetia bagi kedua² jawatankuasa kechil ini juga di-sediakan oleh BPE.

329. Tugas meranchang kegiatan pentadbiran dalam usaha² pembangunan ada-lah tanggong-jawab Bahagian Kemajuan Pentadbiran (BKP) dan Majlis Kemajuan Pentadbiran Negara. BKP memberi perkhidmatan urusetia kapada Majlis ini. Kerajaan sedar betapa mustahak-nya mengadakan pentadbiran yang berkesan, termasok latehan² kakitangan, kemajuan kerjaya dan memperbaiki urusan² kewangan dan kakitangan, untok menchapai matlamat² Ranchangan. Untok menjayakan usaha ini, BKP telah di-susun sa-mula berchorak sektor menyamaï sektor² besar ekonomi negara, supaya semua usaha² memperbaiki jentera² Kerajaan dapat di-jalankan berasaskan sektor² ini. Bahagian Latehan dan Kemajuan Kerjaya telah juga di-tubohkan di-Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

330. Untok menyokong kerja² yang di-jalankan oleh badan² peranchang pusat, tindakan telah di-ambil bagi menubohkan yunit² peranchang dan penyelidekan di-beberapa Kementerian dan Jabatan yang penting. Pada masa ini yunit² tersebut telah pun di-tubohkan di-Perbendaharaan, Bank Negara dan Jabatan Kerja Raya, serta Kementerian² Pertanian dan Tanah, Pelajaran, Kesihatan dan Pengangkutan. Walau bagaimana pun, di-waktu ini badan² peranchang pusat dan yunit² peranchang di-Kementerian² ada-lah kekurangan kakitangan dan juga kemahiran yang tertentu. Keadaan ini boleh di-perbaiki hanya melaluï latehan² yang bersunggoh² bagi pegawai² Kerajaan di-bidang² yang berkaitan dengan peranchangan.

331. Perangkaan yang lengkap dan tepat meliputi kesemua aspek ekonomi ada-lah di-perlukan untok merangka dan menilai ranchangan² pembangunan. Oleh itu, Kerajaan terus menjalankan usaha² bagi meluaskan keupayaan Jabatan Perangkaan. Jabatan tersebut sekarang menerima bantuan dari Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu (RPBB) berupa perkhidmatan nasehat peringkat tinggi serta latehan pegawai² profesional. Kebolehan memproses data di-Jabatan tersebut telah juga di-perbaiki dan

analisa data tersebut telah di-chepatkan dengan ada-nya alat memproses data otomatis yang di-beli dengan harga $3 juta. Data² asas mengenaï akaun negara dan imbangan pembayaran serta data² berkenaan dengan sektor² utama dalam ekonomi negara telah di-perbaiki. Data berkenaan dengan pendudok² dan tenaga ra'ayat akan juga di-perbaiki melaluï analisa yang akan di-buat bagi matlamat² yang sudah pun di-kumpul melaluï Banchi Pendudok tahun 1970. Banchi Pertanian akan di-jalankan dalam tempoh Ranchangan untok mengumpul maklumat dalam berbagai aktiviti sektor ini.

332. Walau bagaimana pun, perlaksanaan tujuan² dan matlamat² Ranchangan ini ada-lah bergantong kapada pimpinan yang bijak dan chergas dari Kementerian² dan Jabatan² yang berkenaan.

2. PERINGKAT² NEGERI

333. Kejayaan ranchangan ada-lah bergantong kuat kapada aktiviti² Kerajaan Negeri. Banyak dari sumber² alam yang penting, terutama sekali tanah, hutan dan galian, ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan² Negeri. Ranchangan ini memerlukan peranan Kerajaan Negeri yang lebeh luas dan dinamis untok menchapai matlamat² negara. Oleh itu kerjasama yang penoh di-antara Kerajaan² Persekutuan dan Negeri sangat-lah mustahak. Untok memikul tanggong-jawab² ini dengan lebeh berkesan, Kerajaan² Negeri memerlukan pegawai² peranchang dan pentadbir yang lebeh terlateh, yang sedar akan tujuan² negara dan mempunyaï kebolehan untok menggunakan puncha² pengeluaran negeri dengan sepenoh-nya dalam melaksanakan Ranchangan.

334. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah di-tubohkan bagi melaksanakan berbagai aktiviti² termasok perusahaan dan perdagangan serta perumahan dan juga ranchangan² pertanian. Aktiviti perbadanan² ini ada-lah mustahak terutama sekali dalam usaha² memodenkan kawasan² luar bandar dan menambahkan lagi penyertaan orang² Melayu dan kaum bumiputra² yang lain dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri di-Selangor dan Perak sudah tegap organisasi-nya sementara yang lain lagi maseh memerlukan bantuan untok menambah keupayaan, terutama sekali bagi menyedia dan menilai projek² untok pelaboran.

335. Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah² sesuai untok membantu Kerajaan² Negeri dalam usaha menubohkan yunit peranchang

dengan tujuan menambah keupayaan meranchang. Juga, satu Jawatankuasa Pusat telah di-tubohkan untok menyelaras aktiviti² perbadanan² tersebut dan memberi bantuan dalam empat bidang penting:

(i) memberi bantuan² kewangan dengan sharat² yang berpatutan;

(ii) menyediakan perkhidmatan pakar² dalam menaksir pasaran dan menentu, menyedia dan menilai projek²;

(iii) mengator latehan² bagi pegawai² Kerajaan Negeri; dan

(iv) menyelaras permohonan² bantuan dan kebendaan dari luar negeri.

336. Bantuan meranchang telah pun di-beri kapada Kerajaan² Negeri melaluï beberapa kajian pembangunan kawasan. Ranchangan² kawasan bagi Negeri² Trengganu dan Pulau Pinang telah pun siap di-susun, sementara kajian² pembangunan kawasan yang lebeh besar di-Negeri² Johor, Pahang dan Sarawak sedang di-jalankan. Kajian ranchangan pembangunan untok beberapa kawasan lain akan di-jalankan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Hingga ini kajian² yang lengkap telah di-jalankan oleh pakar² perunding dari luar negeri, tetapi beberapa pegawai tempatan telah bekerja rapat dengan mereka. Dengan ini banyak pengetahuan dan pengalaman telah di-perolehi dan seterus-nya di-harap dapat di-gunakan dalam usaha meranchang di-masa² hadapan.

III.—KEUPAYAAN MELAKSANAKAN RANCHANGAN

337. Dari pengalaman yang di-dapati dalam Ranchangan Malaysia Pertama nyata-lah bahawa satu daripada faktor² yang menghalang perlaksanaan dalam sektor awam ia-lah kekurangan kakitangan dalam bidang² teknik dan pengurusan. Kekurangan² ini ada-lah di-sebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang penting sekali ia-lah kesukaran dalam usaha mengambil pegawai² yang layak dan berpengalaman dan mengekalkan perkhidmatan² mereka di-dalam jawatan Kerajaan. Kekurangan pentadbir² yang berkebolehan dan kakitangan lain juga di-alami, oleh kerana perkhidmatan mereka sangat di-kehendaki di-sebabkan perkembangan ranchangan² perusahaan dan pertanian.

338. Untok menjayakan ranchangan² di-sektor awam yang lebeh besar dari Ranchangan² dahulu, perlu-lah masaalah kekurangan kakitangan ini di-atasi. Sebagaimana di-terangkan di-atas, Ranchangan Malaysia Kedua memberi perhatian kapada usaha² mengurus dan melaksanakan projek² sektor awam yang berchorak baharu, yang banyak lagi memerlukan butir² yang lengkap untok melaksanakan-nya. Salah satu daripada projek² ini

termasok projek² bagi mewujudkan satu gulongan peniaga dan pengusaha Melayu, projek² perumahan dan pembaharuan bandar², penubohan perusahaan² luar bandar dan ranchangan² lain yang melibatkan penyertaan Kerajaan sechara langsong. Ranchangan² ini memerlukan kakitangan tambahan yang ahli dalam bidang² ekonomi, teknik dan pengurusan yang memang terhad bilangan-nya dalam perkhidmatan awam.

339. Berbagai² unsor pembangunan ranchangan sektor awam akan tergendala di-sebabkan kekurangan kakitangan. Satu dari perkara yang penting dan memerlu pertimbangan ia-lah keupayaan JKR, satu badan yang di-tugaskan bagi menyelenggarakan pembenaan² Kerajaan. JKR di-tugaskan menyedia reka-bentok, menyelia dan kerapkali pula membena jalan raya, sekolah², hospital² dan kemudahan² awam yang lain. Oleh itu kekurangan kakitangan dan seterus-nya kelemahan² JKR pasti menyebabkan kelambatan perlaksanaan beberapa ranchangan² yang terlibat.

340. Dalam jangka panjang, masaalah kekurangan kakitangan dalam sektor awam dapat di-atasi melaluï usaha menambah bilangan pekerja² yang terlateh di-negeri ini dengan menambah kemudahan² latehan teknik dalam negeri, dan memberi biasiswa² untok latehan² teknik dan profesional di-dalam negeri atau pun di-seberang laut. Untok menentukan supaya sektor awam dapat sa-bahagian daripada kakitangan yang terlateh, perlulah perkhidmatan awam di-jadikan lebeh lumayan bagi pekerja² yang mempunyaï kemahiran pengurusan dan teknik yang ingin berkhidmat dengan Kerajaan. Tindakan sedang di-ambil untok menchapai tujuan ini.

341. Untok menchapai matlamat² Ranchangan Malaysia Kedua, tindakan² jangka panjang mesti-lah di-bantu dengan langkah² jangka pendek. Tindakan² ini akan membolehkan bilangan buroh yang berkemahiran di-sektor awam di-tambah hingga bilangan mereka di-seluroh negara bertambah dengan kadar yang menchukopi. Pertama, peratoran² bagi mengambil kakitangan dalam perkhidmatan awam telah pun di-perbaiki hingga membolehkan pekerja² tempatan memenohi dengan chepat jawatan² yang maseh kosong. Kedua, kebolehan pehak swasta akan di-gunakan dengan lebeh luas lagi untok merangka dan menyelia beberapa projek yang dahulu-nya di-jalankan oleh JKR. Akhir sekali, kakitangan yang berpengalaman dan berkebolehan dari luar negeri akan di-ambil berkhidmat sechara kontrek dan juga melaluï ranchangan² bantuan teknik.

342. Satu masaalah dalam perlaksanaan Ranchangan juga berpuncha dari peratoran² berkaitan dengan kawalan dan kebenaran menguntokkan perbelanjaan serta kelulusan projek², pelan² lengkap dan tender². Peratoran² ini

pernah menyebabkan kelambatan peruntokan wang dan perlaksanaan beberapa projek. Tindakan sedang di-ambil untok menyemak peratoran² ini dan mengeluarkan arahan² baharu untok memberi kuasa kapada Kementerian² dan Jabatan². Satu daripada tindakan² yang telah di-ambil ialah pemberian kuasa kapada Kementerian² dan Jabatan² untok memboleh-kan peruntokan di-buat terlebeh awal supaya projek² itu dapat di-laksana-kan dengan lebeh chepat.

343. Satu aspek penting dalam perlaksanaan Ranchangan ini ia-lah kechekapan organisasi dan peratoran² bekerja di-Kementerian² dan Jabatan². Ada-lah mustahak organisasi dan peratoran² mengurus di-perbaiki supaya keputusan² dapat di-ambil dalam masa yang sengkat dan projek² di-laksanakan dan di-beri penyeliaan yang berkesan. Tanggong-jawab utama BKP ia-lah membantu Kementerian² dan Jabatan² untok memperbaiki sistem² pentadbiran dan mengambil sikap yang tegas dan lebeh berkesan bagi menghadapi tugas² melaksanakan Ranchangan ini. Beberapa organisasi telah di-kaji oleh BKP dan shor² Bahagian ini telah dan sedang di-laksanakan. Kajian akan juga di-buat mengenaï organisasi² yang penting untok menentukan supaya organisasi² ini memberi pimpinan dan berpengaroh untok menjayakan tugas masing².

344. Jentera bagi melaksanakan Ranchangan Malaysia Kedua telah di-kuatkan lagi dengan penubohan satu Bahagian Perlaksanaan di-BPE, pembentokan Bahagian Peranchang 'Am (BPA) dan penyusunan sa-mula BKP. Tanggong-jawab utama untok mengawas kemajuan projek² Ranchangan ada-lah tugas Bahagian Perlaksanaan BPE, sementara BPA dan BKP akan lebeh terlibat dalam usaha² lanjut mengkaji sa-mula jentera pentadbiran Kerajaan dan mengatasi masaalah² perlaksanaan yang tertentu.

IV.—PEHAK SWASTA, RA'AYAT DAN PEMBANGUNAN

345. Kerjasama yang rapi di-antara Kerajaan, pehak swasta dan ra'ayat di-perlukan supaya tujuan² dan matlamat² Ranchangan ini dapat di-chapai. Ranchangan ini tidak akan memberi kesan jika tujuan² dan matlamat²-nya tidak di-fahami oleh mereka yang terlibat dan jika tidak mendapat usaha² penoh dari semua pehak.

346. Hubongan rapat di-antara Kerajaan dan ra'ayat harus di-pupok supaya persefahaman dan kerjasama saperti ini dapat di-ujudkan. Satu chara penting bagi memupok hubongan ini ia-lah melaluï sibaran 'am saperti radio, talivishen, surat khabar, majallah², filem dan perkhidmatan

penerangan. Bagi menchapai matlamat perpaduan negara dengan membasmi kemiskinan dan menyusun sa-mula masharakat untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi, Kerajaan memerlukan persafahaman dan sokongan ra'ayat melaluï hubongan sibaran 'am. Sibaran 'am dapat mengemukakan usul² pembangunan dan sambutan ra'ayat terhadap dasar² Kerajaan. Usaha² ada-lah di-jalankan bagi memperbaiki kebolehan Kementerian Penerangan dan Penyiaran dalam perkara ini dan juga untok mendapat kerjasama yang penoh dari pehak sibaran swasta.

347. Kerajaan sendiri sentiasa sedia menerima chadangan² yang membena dari mana² pehak. Ada beberapa chara chadangan² saperti ini boleh di-salorkan. Selain dari jalan sibaran 'am, chadangan² dapat di-kemukakan melaluï perbahathan² Parlimen, parti² politik dan pertubohan² sukarela saperti kumpulan² pekerja, petani², peniaga² dan pembeli². Ada kala-nya, Kerajaan sendiri mewujudkan jentera perundingan resmi, saperti Panel Penasehat Pehak Swasta kapada Jawatankuasa Penanaman modal. Samaada chara² resmi untok pertukaran² fikiran itu sedia ada atau tidak, Kerajaan bersedia menerima, malahan menggalakkan pehak awam mengemukakan chadangan² yang membena.

348. Beberapa perubahan ada-lah di-ranchangkan untok memperbaiki penyaloran maklumat² pembangunan sektor awam. Satu daripada langkah² utama ia-lah mengadakan sa-mula penerangan bulanan oleh Ketua Setiausaha² Kementerian dan Ketua² Jabatan yang di-hadhiri oleh Perdana Menteri, Menteri² lain dan ahli² JPPN. Sistem maklumat² dan keterangan² di-Bilek Gerakan Negara, di-mana penerangan² ini di-adakan, akan di-perbaiki lagi. Usaha² sedang di-jalankan untok membena satu bangunan baharu yang akan mengandongi satu Bilek Gerakan Negara yang lebeh besar dan juga satu Pusat Pameran di-mana kemajuan² projek² penting akan dapat di-tatapi oleh ra'ayat. Sistem bilek gerakan dan penerangan di-peringkat negeri dan daerah akan juga di-perbaiki.

349. Perubahan² sudah juga di-buat bagi peratoran² menyemak perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Kementerian² dan Jabatan². Mulaï dari tahun 1970, kajian² ini di-jalankan bersama² oleh Perbendaharaan, BPE, BKP, JPA dan JPN. Kerja² bersama saperti ini ada-lah bertujuan untok menyelaras pemberian peruntokan di-antara perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus, supaya peruntokan kewangan dan kakitangan bagi Jabatan² di-selaraskan serta menentukan bahawa ranchangan² yang di-jalankan itu ada-lah sesuai dengan tujuan² negara.

350. Peratoran² bagi menyemak belanjawan saperti ini telah di-ujudkan semenjak tiga tahun yang lalu. Sementara itu sistem akaun Kerajaan di-semak dan di-pinda untok memberi maklumat² yang lengkap dan awal, supaya pegawai² kanan lebeh ma'alom akan kejayaan ranchangan² di-bawah jagaan masing². Perubahan ini akan memberi kesan yang tegas untok memodenkan pengurusan kewangan dalam jentera Kerajaan pada keselurohan-nya. Untok melaksanakan sistem ini dengan sepenoh-nya, ramai lagi pegawai² akaun di-ambil bertugas dan di-tambah dengan bantuan² dari luar negeri, apabila perlu.

351. Perkhidmatan awam sedang mengalami perubahan² pesat untok memenohi beberapa permintaan yang memerlukan timbangan dan pilehan² yang menasabah sebelum membuat keputusan. Ini menimbulkan keperluan bagi membaiki kemajuan kerjaya dan latehan pegawai² perkhidmatan awam dalam tugas² 'am dan tugas² tertentu. Tugas ini di-serahkan kapada Bahagian Latehan dan Kemajuan Kerjaya yang baharu di-tubohkan di-JPA. Pusat Latehan Pegawai² Kerajaan, yang telah menjalankan ranchangan² latehan dalam perkhidmatan, akan di-perbesarkan menjadi Institiut Kemajuan Pentadbiran Negara. Institiut ini akan memberi latehan profesional dalam pentadbiran awam dan juga menjalankan penyelidekan mengenai masaalah² pentadbiran dalam proses pembangunan.

BAB IX

Pertanian, Perhutanan dan Perikanan

I.—PENDAHULUAN

352. Sektor pertanian mempunyaï kedudokan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Ia menyumbangkan satu pertiga dari KDNK, mengadakan pekerjaan bagi hampir separoh dari jumlah bilangan pekerja dan menghasilkan kira² 50% wang tukaran luar negeri. Dalam beberapa tahun kebelakangan, kemajuan di-bidang pertanian sangat-lah pesat di-sebabkan oleh perkembangan pengeluaran getah yang pesat dan juga tambahan keluasan tanaman kelapa sawit dan tanaman padi dua kali sa-tahun. Faktor lain ia-lah tangkapan ikan yang meningkat dan kerja² untok mengusahakan dan memajukan perhutanan yang di-jalankan dengan pesat-nya. Pembaharuan pertanian akan di-perchepatkan supaya dapat memainkan peranan-nya untok tujuan membasmi kemiskinan di-kawasan luar bandar, dengan meninggikan kadar pendapatan serta mengadakan peluang² pekerjaan yang lebeh banyak, dan menyusun sa-mula masharakat bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi. Selain dari itu, pembaharuan pertanian akan dapat mengadakan peluang² memajukan perusahaan² yang berasaskan pertanian. Dengan ada-nya kawasan² tanah dan hutan yang luas serta puncha² keluaran lain, kemajuan pertanian yang pesat pada keselurohan-nya akan dapat di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Ini akan dapat meluas dan mengukohkan asas pertanian serta menghasilkan pendapatan dan daya pengeluaran petani yang lebeh tinggi.

II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70

353. Keluaran barang² pertanian (termasok perhutanan dan perikanan) telah bertambah sa-banyak 8% sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama dan ini berbanding dengan matlamat Ranchangan sa-banyak 5.5%

sa-tahun. Barang² ekspot utama—getah, kayu, minyak dan isi kelapa sawit—telah bertambah dengan pesat-nya. Manakala keluaran barang² penggunaan dalam negeri yang penting—ikan, binatang² ternakan, ayam-itek dan padi—juga telah bertambah dengan pesat. Pengeluaran buah²an dan kelapa kering bertambah dengan kadar yang kurang pesat, sementara pengeluaran sa-bilangan tanaman kurang penting telah berkurangan (*lihat* Jadual 9-1).

354. Kemajuan institusi pertanian, termasok perkhidmatan² lanjutan, pinjaman, pemasaran dan penyelidekan, ada-lah memuaskan, walau pun kekurangan kakitangan yang terlateh telah menyebabkan tidak terchapai-nya kemajuan sepenoh-nya. Walau begitu, kemajuan² ini telah tidak dapat mengadakan jumlah matlamat pekerjaan di-Malaysia Barat kerana jumlah yang telah dapat di-adakan ia-lah kurang 61,000 dari matlamat Ranchangan Malaysia Pertama.

1. HASIL² PENTING

355. *Getah.* Dengan ada-nya hasil yang kian bertambah dari kawasan² yang di-tanam sa-mula dan kawasan² tanah getah baharu, dalam akhir tahun² lima-pulohan dan pada permulaan tahun² enam-pulohan, keluaran telah bertambah dari 903,000 tan dalam tahun 1965 kapada 1.2 juta tan dalam tahun 1970. Keluaran pekebun² kechil di-Malaysia Barat telah bertambah sa-banyak 11% sa-tahun dan ini merupakan sa-banyak 48.6% dari jumlah pengeluaran dalam tahun 1970.

356. Luas-nya kawasan² ladang (100 ekar ka-atas) telah berkurangan dari 1,859,000 ekar dalam tahun 1965 kapada 1,575,000 ekar dalam tahun 1970. Ini ia-lah kerana sa-bahagian dari tanah tersebut di-tukar kapada penanam-an kelapa sawit dan jenis² tanaman yang lain dan juga kerana banyak berlaku-nya pemechahan ladang². Sunggoh pun luas-nya kawasan kebun² kechil telah bertambah tetapi tambahan ini ada-lah kurang dari kawasan ladang yang telah susut. Dalam tahun 1970 luas-nya kawasan yang di-tanam getah di-Malaysia ada-lah sa-banyak 4.8 juta ekar berbanding dengan 4.9 juta ekar dalam tahun 1965.

357. *Minyak dan isi kelapa sawit.* Oleh kerana keadaan harga getah asli yang tidak stabil dan harga minyak dan isi kelapa sawit yang lebeh meng-galakkan, perusahaan kelapa sawit telah berkembang dengan pesat-nya. Kawasan yang di-tanam dengan kelapa sawit di-Malaysia telah bertambah dari 264,000 ekar dalam tahun 1965 kapada 665,000 ekar dalam tahun 1970. Dari jumlah ini sa-banyak 161,000 ekar di-Malaysia Barat ada-lah dalam ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP), 92,000 ekar di-Sabah dan 2,150 ekar di-Sarawak.

JADUAL 9-1

PERKEMBANGAN PENGELUARAN PERTANIAN, 1965-75

(1970=100)

Tanaman	*Wajar (berdasar nilai purata 1966-70)*	*1965*	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*1975 (ramalan)*	*Kadar tambahan purata tahunan (%) 1966-70*	*1971-75*
Getah	.3493	71.6	75.9	77.3	85.9	99.0	100	151.0	6.9	8.6
Minyak dan isi kelapa sawit	.0536	34.0	42.9	50.8	63.5	80.0	100	256.1	24.1	20.7
Kelapa	.0286	85.3	96.9	92.1	95.9	96.1	100	112.1	3.2	2.3
Padi	.0786	74.6	73.5	71.4	85.5	95.3	100	140.7	6.0	7.1
Nenas	.0039	94.9	94.9	102.5	105.7	112.6	100	139.9	1.2	6.9
Teh	.0036	100.6	103.4	92.5	104.0	104.7	100	105.4	−0.1	1.1
Sagu dan ubikayu	.0040	100.0	88.0	101.1	97.1	93.7	100	124.6	0.0	4.5
Lada hitam	.0096	80.3	60.0	87.8	103.4	96.9	100	115.6	4.5	2.9
Koko dan kopi	.0010	36.8	52.6	59.6	73.6	73.6	100	175.4	22.1	11.9
Buah²an [1]	.0164	88.3	91.4	95.8	98.2	99.7	100	111.4	2.5	2.2
Tanaman² makanan [2]	.0153	92.7	80.3	86.9	86.1	84.0	100	120.9	1.5	3.9
Tembakau	.0004	111.1	106.2	106.2	93.7	100.0	100	111.1	−2.1	2.1
Rempah dan tanaman² lain [3]	.0066	127.6	135.4	119.3	124.4	103.2	100	110.5	−4.8	2.0
Ikan	.1133	67.4	79.5	95.7	105.0	93.5	100	168.5	8.2	11.0
Kayu (balak)	.2118	55.1	70.1	76.9	86.3	92.6	100	124.7	12.7	4.5
Ternakan [4]	.1041	77.0	81.6	84.6	91.1	96.5	100	150.4	5.4	8.5
Jumlah Angka-Tunjok Pengeluaran	1.0000	68.1	75.1	79.7	88.5	95.2	100	149.0	8.0	8.3

[1] Termasok pisang, durian, rambutan, manggis, limau china, lain² buah limau, duku, langsat, gajus, mempelam, rambai dan chempedak.

[2] Termasok tebu, keledek, kachang tanah, jagong, sayor²an, gula kabong/kelapa, keladi jenis kolokasia, keladi, tembikai, kachang soya, kachang kayu, ragi, tembikai batu dan ubi kemili.

[3] Termasok pinang, sireh, lada, halia, kunyit, buah pala, bunga chengkeh, nipah, getah percha, gambir, kabu² dan tuba.

[4] Termasok daging kerbau dan lembu, daging kambing, daging babi dan ayam-itek.

358. Pengeluaran minyak kelapa sawit di-Malaysia, pada keselurohan-nya, bertambah dari 148,000 tan dalam tahun 1965 kapada 424,000 tan dalam tahun 1970. Dari pengeluaran tahun 1970, pengeluaran di-Sabah merupakan sa-banyak 6%. Pengeluaran isi kelapa sawit telah bertambah dengan kadar yang kurang pesat—dari 34,000 tan dalam tahun 1965 kapada 91,000 tan dalam tahun 1970. Kejayaan ini di-chapai dengan sebab ada-nya beneh² kelapa sawit yang dapat mengeluarkan minyak yang lebeh jika di-bandingkan dengan isi.

359. *Lada hitam.* Kawasan yang di-tanam dengan lada hitam juga bertambah dari 8,000 ekar dalam tahun 1965 kapada 22,000 ekar dalam tahun 1970, 90% daripada-nya ada-lah di-Sarawak. Jumlah ekspot lada hitam yang merupakan kira² 95% dari jumlah pengeluaran telah bertambah dari 19,000 tan dalam tahun 1965 kapada hampir² 26,000 tan dalam tahun 1970.

360. *Hasil Kayu-Kayan.* Kayu dan hasil kayu-kayan merupakan bahan ekspot yang utama dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama. Pengeluaran kayu balak telah meningkat dari 6.9 juta tan dalam tahun 1965 kapada 12.5 juta tan dalam tahun 1970, hampir 40% daripada jumlah keluaran 1970 ada-lah dari Sabah.

361. *Padi.* Keluaran padi, setelah merosot dalam tahun 1966 dan 1967 di-sebabkan oleh keadaan musim, telah meningkat sa-banyak 11.9% sa-tahun dalam masa 1968-70. Kira² 86% daripada keluaran padi ada-lah dari Malaysia Barat. Antara faktor² yang menyebabkan bertambah-nya pengeluaran ia-lah kawasan yang di-tanam dua kali sa-tahun kian bertambah dan hasil padi tiap² ekar juga terus meningkat. Di-Malaysia Barat luas kawasan yang di-tanam dua kali telah meningkat dari 90,000 ekar dalam tahun 1965 kapada 326,000 ekar dalam tahun 1970. Projek tanaman padi dua kali sa-tahun yang terbesar, ia-itu ranchangan pengayeran Sungai Muda, telah di-mulakan awal tahun 1970.

362. Di-Sabah, kira² 10,000 ekar atau 9.6% dari kawasan padi, telah di-tanam dua kali dalam tahun 1970 dan keluaran telah bertambah kira² 1% sa-tahun sepanjang masa Ranchangan Malaysia Pertama. Di-Sarawak, pengeluaran padi telah bertambah sa-banyak 7.8% sa-tahun.

363. *Kelapa.* Keluaran dalam bidang perusahaan kelapa telah bertambah lebeh sedikit dari 3% sa-tahun. Di-ladang², pengeluaran buah² kelapa telah berkurangan di-sebabkan sa-bahagian dari-nya telah di-ganti dengan tanaman² yang lebeh menguntongkan, sementara pengeluaran pekebun²

kechil telah bertambah di-sebabkan ranchangan² pemulehan dan tanaman sa-mula di-Malaysia Barat dan tanaman² baharu di-Malaysia Timor. Luas kawasan tanaman kelapa telah bertambah dari 690,000 ekar dalam tahun 1965 kapada 770,000 ekar dalam tahun 1970.

364. *Tanaman² Kurang Penting.* Antara tanaman² lain yang terkemuka ia-lah ubikayu, tebu, koko dan jagong. Penanaman ubikayu telah di-galakkan di-beberapa buah negeri. Kira² 2,700 ekar telah di-usahakan di-Kuantan, Pahang dengan chara yang paling terator. Beberapa kema-juan telah terchapai dalam perusahaan tebu. Di-akhir tahun 1970 kira² 13,300 ekar tebu telah di-tanam di-Malaysia Barat. Walau pun keluasan tanaman koko ada-lah kechil jika di-bandingkan dengan tanaman² lain yang lebeh terkenal, ia-nya telah bertambah sa-banyak empat kali dalam masa dua tahun terakhir Ranchangan Pertama kapada lebeh dari 16,000 ekar. Lebeh separoh dari jumlah ini di-dapati di-Sabah. Kebanyakan dari kawasan di-Malaysia Barat ada-lah di-tanam berselang² dengan kelapa tetapi di-Sabah koko di-tanam sebagai tanaman tunggal.

365. *Ternakan.* Keluaran ternakan dan hasil² dari-nya telah meningkat sa-banyak 5.4% sa-tahun; sa-jumlah besar dari ternakan ini ada-lah dari keluaran babi dan ayam-itek. Keluaran daging lembu/kerbau dan susu bertambah sedikit sahaja dalam masa tersebut. Dalam tahun 1970, Malaysia Barat mengeluarkan hasil² babi dan ayam-itek yang menchukopi untok keperluan sendiri walau pun permintaan dalam negeri kian bertambah. Malaysia Barat maseh sangat memerlukan impot hasil² susu (bernilai $68.9 juta dalam tahun 1970) dan bekalan daging lembu/kerbau ($3.1 juta dalam tahun 1970).

366. *Perikanan.* Keluaran dari perusahaan perikanan di-Malaysia telah bertambah sa-banyak 8.2% sa-tahun. Salah satu dari faktor yang menyebab-kan perkembangan ini ia-lah bertambah-nya perahu² pukat-tunda di-guna-kan di-Malaysia Barat dari 20 dalam tahun 1965 kapada 734 dalam tahun 1969. Lain² faktor ia-lah penggunaan perahu² yang berjentera dan alat² menangkap ikan yang moden. Ekspot ikan telah bertambah dari $41.7 juta dalam tahun 1965 kapada $95.2 juta dalam tahun 1970.

2. GUNATENAGA DAN DAYA PENGELUARAN DI-BIDANG PERTANIAN

367. Ranchangan Malaysia Pertama menganggarkan bahawa jumlah pekerjaan di-Malaysia Barat akan bertambah sa-banyak 2.3% sa-tahun atau lebeh kurang 165,000 pekerjaan. Jumlah pekerjaan sa-benar dalam bidang ini bertambah sa-banyak 1.5% sa-tahun dalam masa tersebut dan ini telah dapat mengadakan sa-banyak 104,000 pekerjaan. Salah satu dari faktor²

yang menyebabkan perbezaan ini ia-lah jumlah pekerjaan yang tidak banyak bertambah dalam perusahaan terbesar di-Malaysia, ia-itu dalam perusahaan getah. Dalam tahun 1962-67, walau pun jumlah pekerjaan di-kebun² kechil bertambah hampir dua kali dari kadar di-bidang ini, kesan-nya telah di-kurangkan oleh kerana bilangan pekerjaan di-ladang² telah merosot sa-kadar 4.2% sa-tahun. Faktor² yang juga memberi kesan ia-lah usaha² untok mengurangkan kos sebagai chabaran dari harga getah yang kian menurun, penggunaan yang meluas sistem menoreh yang tidak kerap dan pemechahan kawasan² ladang.

368. Berasaskan tambahan keluaran pada keselurohan-nya sa-banyak 8% sa-tahun bagi tempoh 1966-70 dan tambahan pekerjaan kurang dari 2% sa-tahun, tambahan daya pengeluaran tiap² pekerja ia-lah lebeh dari 6% sa-tahun. Angka yang tinggi ini di-chapai terutama-nya di-sebabkan oleh tambahan daya pengeluaran di-ladang² getah dan kelapa sawit.

369. Tambahan daya pengeluaran di-bidang² pertanian lain di-Malaysia kurang di-ketahuï. Keluaran padi telah meningkat sa-banyak 6% sa-tahun dan ini menunjokkan tambahan daya pengeluaran yang tinggi terutama sekali di-kawasan tanaman dua kali sa-tahun. Di-bidang ternakan, boleh di-katakan kesemua tambahan keluaran berpuncha dari bidang perusahaan babi dan ayam-itek, di-mana modal yang banyak di-gunakan dan tambahan keluaran tiap² pekerja telah meningkat tinggi. Daya pengeluaran dalam bidang perikanan juga bertambah, terutama-nya, kerana lebeh banyak lagi perahu² di-gunakan untok menangkap ikan di-perayeran luar.

370. Kemajuan² yang terchapai dari segi keluaran dan daya pengeluaran telah dapat meninggikan taraf hidup pendudok di-luar bandar. Sunggoh pun begitu, saperti yang telah di-binchangkan di-Bab III, pendapatan² di-luar bandar, terutama-nya dalam kegiatan² ekonomi tradisi yang kebanyakan-nya di-usahakan oleh orang² Melayu, ada-lah lebeh rendah dari yang di-terima di-bandar². Oleh yang demikian, untok mengurangkan kemiskinan di-luar bandar dan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, peluang² bekerja dan tambahan daya pengeluaran mesti-lah chepat di-perbanyakkan saperti yang telah di-huraikan. Selain dari itu pemindahan sa-jumlah besar pekerja² dari kegiatan² tradisi mesti juga di-jalankan.

3. PEMBUKAAN TANAH BAHARU DAN KEMUDAHAN² PARIT DAN TALIAYER

371. Matlamat yang di-tetapkan bagi kemajuan tanah baharu dalam Ranchangan Malaysia Pertama ia-lah antara 400,000 hingga 450,000 ekar di-Malaysia Barat, 60,000 ekar di-Sabah dan 80,000 ekar di-Sarawak.

Di-Malaysia Barat, LKTP telah di-tugaskan untok memajukan sa-banyak 141,000 ekar dalam tempoh ini, ranchangan[2] lain di-bahagian awam akan memajukan 150,000 ekar dan pehak swasta antara 110,000 hingga 160,000 ekar.

372. Di-Malaysia Barat kira[2] 330,000 ekar sahaja di-anggarkan telah di-majukan. Kegagalan untok menchapai matlamat Ranchangan ini terdapat di-sektor swasta dan di-sektor awam melainkan LKTP. Di-Malaysia Timor, kemajuan pada keselurohan-nya ia-itu sa-banyak 164,000 ekar ada-lah melebehi matlamat (*lihat* Jadual 9-2).

JADUAL 9-2

PENGELUARAN DAN KEMAJUAN TANAH UNTOK PERTANIAN MENGIKUT JENIS RANCHANGAN, 1961-70

(000 ekar)

Ranchangan	*Di-keluarkan*		*Di-majukan*	
	1961-65	1966-70	1961-65	1966-70
LKTP[1]				
Malaysia Barat (MB)	176.1	132.1	119.3	179.0
Malaysia Timor (MT)	—	—	—	—
Ranchangan Pinggir[2]				
MB	128.5	11.3	115.6	11.7
MT	10.0	40.0	8.0	40.0
Ranchangan Belia[3]				
MB	—	9.8	—	5.3
MT	—	—	—	—
Ranchangan Terkawal[4]				
MB	187.7	106.3	108.2	42.0
MT	—	—	—	—

1 Di-biayaï, di-jalankan dan di-tadbir oleh Kerajaan Pusat untok membersehkan tanah dan menempatkan peneroka[2] dalam kawasan[2] yang luas (biasa-nya 5,000 ekar atau lebeh).

2 Tanah di-majukan untok pertanian, biasa-nya dalam lengkongan 3-4 batu dari kampong, terutama-nya untok menambahkan pendapatan pekebun[2] kechil. Kerja[2] permulaan untok memajukan tanah ini di-buat oleh Kerajaan Negeri dengan bantuan wang dari Kerajaan Persekutuan.

3 Ranchangan penempatan untok pemuda[2] menganggor di-jalankan dan di-biayaï kesemua-nya oleh Kerajaan Negeri. Peneroka[2] di-kehendaki membayar balek sa-bahagian daripada belanja memajukan tanah[2] tersebut. Tiap[2] sa-orang peneroka di-beri tanah seluas 5 hingga 8 ekar dan ini akan menjadi hak milek mereka akhir-nya.

4 Tanah yang luas di-sediakan oleh Kerajaan Negeri untok di-majukan, tetapi peneroka (pekebun kechil) di-kehendaki menyediakan modal sendiri bagi memajukan tanah tersebut. Kerajaan[2] Negeri mengenakan sewa atas tanah tersebut.

JADUAL 9-2—(*samb.*)

PENGELUARAN DAN KEMAJUAN TANAH UNTOK PERTANIAN MENGIKUT JENIS RANCHANGAN, 1961-70

(000 ekar)

Ranchangan	*Di-keluarkan* 1961-65	*Di-keluarkan* 1966-70	*Di-majukan* 1961-65	*Di-majukan* 1966-70
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, dll.[5]				
MB	121.8	101.0	21.8	30.3
MT	1.0	70.5	4.0	88.5
Ladang Swasta[6]				
MB	139.0	225.8	140.1	46.0
MT	0.3	17.6	0.2	17.7
Tanaman Terkumpul dan Ranchangan Negeri[7]				
MB	135.0	28.2	34.8	15.3
MT	t.a.	18.0	t.a.	18.0
Jumlah				
MB	888.1	614.5	539.8	329.6
MT	t.a.	146.1	t.a.	164.2
Seluroh Malaysia	t.a.	760.6	t.a.	493.8

5 Ini termasok ladang² Kerajaan dan ladang² yang di-punyaï bersama dengan pehak swasta. Ladang² Kerajaan ia-lah ranchangan kemajuan tanah yang di-tadbirkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dengan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Ranchangan ini bukan-lah ranchangan penempatan atau untok memberi hak milek. Pekerja² di-bayar gaji sebagai buroh. Ranchangan ini juga mungkin mengambil tenaga² pengurusan swasta sama ada dari luar atau dalam negeri. Ranchangan yang di-punyaï bersama pula merupakan perkongsian antara PKEN dan pehak² swasta. Penyertaan PKEN ia-lah dengan chara menyediakan tanah, sementara modal dan pengurusan pula di-sediakan oleh pehak swasta.

6 Tanah² yang di-usahakan oleh pehak² swasta yang luas-nya 100 ekar atau lebeh, biasa-nya untok getah dan kelapa sawit. Dalam jangka masa 1966-70, 146,160 ekar telah di-keluarkan di-Pahang, 74,680 ekar di-Johor dan 5,000 di-Selangor menjadikan jumlah-nya 225,840 ekar. Di-Pahang 29 kawasan, tiap² satu seluas 5,020 ekar telah di-keluarkan untok "ibu²" ladang di-mana kawasan seluas 1,020 ekar untok di-majukan oleh pekebun² kechil. Di-Johor, 20,000 ekar telah di-keluarkan untok ladang tebu dan 54,000 ekar untok kelapa sawit dan ubi kayu dan tiap² satu seluas 5,000 ekar (kelapa sawit) dan 7,000 ekar (ubi kayu).

7 Kawasan² tanah yang di-majukan oleh Kerajaan Negeri dan di-bahagi²kan kapada kebun² kechil tiap² satu chukop untok menampong sa-keluarga (6-8 ekar). Kerja membersehkan tanah di-biayaï oleh Lembaga Perusahaan Penanaman Getah Sa-mula. Pembenaan rumah² di-biayaï oleh Kerajaan Negeri atau pun di-bawah ranchangan rumah murah Kerajaan Persekutuan. Ranchangan² Tanah Negeri termasok ranchangan yang di-usahakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan. Tiap² peserta menerima bahan² tanaman dan kawasan seluas 6 ekar untok getah, 1 ekar untok kebun buah²an dan jika sesuai 2 ekar tanah padi. Seluas suku ekar untok kawasan rumah juga di-beri.

373. Di-Malaysia Barat, LKTP telah melebehi matlamat Ranchangan dengan lebeh kurang 25%. Dalam masa tersebut LKTP telah memajukan sa-banyak 179,000 ekar (46,000 ekar getah dan 133,000 ekar kelapa sawit) dan menempatkan sa-banyak 11,900 keluarga. Semenjak penubohan-nya dalam tahun 1956, LKTP telah memajukan 308,400 ekar (160,600 ekar kelapa sawit dan 147,800 ekar getah) dan menempatkan 20,700 keluarga dalam 90 ranchangan.

374. Di-Sabah, kira² 115,000 ekar telah di-majukan dalam tahun² 1966-70, 85,000 ekar daripada-nya di-usahakan oleh Kerajaan dan 30,000 ekar di-usahakan oleh pehak swasta. Kira² separoh daripada-nya di-tanam dengan kelapa sawit, hampir satu perempat dengan kelapa dan yang baki-nya dengan getah, padi dan koko. Di-Sarawak, di-mana tanah yang maseh boleh di-keluarkan untok pertanian ada-lah terhad, hampir² 50,000 ekar telah di-majukan, sa-bahagian besar-nya di-usahakan oleh pehak Kerajaan. Dari jumlah seluas ini, dua pertiga daripada-nya di-tanam dengan kelapa dan lebeh daripada satu perlima dengan getah.

375. Mengikut Jadual 9-2, kira² 1.5 juta ekar tanah telah di-keluarkan untok pertanian di-Malaysia Barat bagi tahun² 1961-70, tetapi hanya 870,000 ekar sahaja yang di-majukan. Ini ia-lah kerana tanah² yang di-keluarkan itu mengambil masa untok di-majukan. Sebab² yang lain ia-lah tanah tersebut tidak sesuai untok pertanian atau pun mereka yang memileki tanah² itu tidak berminat memajukan-nya.

376. Dalam masa 1966-70, daya pengeluaran sa-bahagian dari 375,000 ekar tanaman telah bertambah di-sebabkan oleh ranchangan memperbaiki parit dan taliayer. Dari jumlah kawasan padi yang menggunakan ayer hujan, 25,000 ekar telah di-lengkapi dengan kemudahan² pengayeran untok tanaman sa-kali sa-tahun dan 40,000 ekar untok tanaman dua kali sa-tahun, sementara 137,000 ekar kawasan tanaman sa-kali yang menggunakan kemudahan taliayer telah di-lengkapi dengan kemudahan menanam padi dua kali sa-tahun. Selain dari itu sa-banyak 173,000 ekar kawasan getah, kelapa dan tanaman² lain telah di-perbaiki dengan ada-nya ranchangan² parit.

377. Dua kawasan ranchangan parit dan taliayer yang terbesar di-Malaysia Barat—ia-itu Muda dan Kemubu—telah terus di-siapkan. Kerja² membena projek pengayeran Muda yang meliputi 260,000 ekar boleh-lah di-katakan hampir siap dalam tahun 1970 dan tanaman luar musim lebeh dari 83,000 ekar telah di-tuai buat pertama kali-nya. Kerja² membena projek penga-yeran Kemubu pula telah di-mulakan dalam tahun 1968. Kawasan ini meliputi 47,000 ekar di-lembah pantai Negeri Kelantan.

378. Di-Sabah, 17,000 ekar tanah padi telah di-lengkapi dengan kemudahan² taliayer yang lebeh baik; 3,600 ekar telah di-keringkan untok pengeluaran kelapa sawit. Di-Sarawak lebeh dari 20,000 ekar telah di-perbaiki melaluï ranchangan parit dan taliayer.

4. MEMPROSES DAN MENANAM GETAH SA-MULA

379. Perusahaan getah terus mengukohkan kedudokan-nya untok bertanding dengan getah tiruan. Di-Malaysia Barat, 467,500 ekar getah tua telah di-tanam sa-mula dalam masa 1966-70 dengan beneh yang dapat memberi hasil yang lebeh baik, berbanding dengan matlamat Ranchangan sa-banyak 585,000 ekar. Dari jumlah yang di-tanam sa-mula, 65% ada-lah di-kebun² kechil dan 35% di-ladang². Hampir kesemua-nya yang di-tanam sa-mula di-kebun² kechil, kebanyakan-nya dengan getah, telah di-biayaï dengan bantuan Kerajaan dan kutipan chukai tanaman sa-mula yang di-kutip dari perusahaan getah. Lebeh kurang 117,300 ekar tanaman baharu telah di-jalankan sepanjang masa Ranchangan tersebut, 105,400 ekar dari-pada-nya ada-lah di-kebun² kechil (termasok ranchangan² LKTP) dan baki-nya sa-banyak 11,900 ekar ada-lah di-ladang². Hingga penghujong tahun 1970, kira² 63% dari kawasan pekebun² kechil dan kira² 92% dari kawasan ladang telah di-tanam dengan beneh yang dapat memberi hasil yang lebeh baik.

380. Di-Sabah, kawasan tanaman baharu berjumlah sa-banyak 15,200 ekar dan kawasan tanaman sa-mula sa-banyak 5,300 ekar dalam masa 1966-70; hampir kesemua-nya di-kebun² kechil. Kawasan² tanaman sa-mula itu termasok bukan sahaja getah tetapi juga tanaman² lain saperti kelapa sawit, kelapa, buah²an dan padi. Di-Sarawak, hampir kesemua-nya dari 71,900 ekar yang di-tanam sa-mula dan baharu di-tanam ada-lah di-kebun² kechil.

381. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama beberapa kemajuan telah terchapai dari segi memproses dan memasar getah pekebun² kechil. Pusat Penyelidekan Getah (PPG) telah memperbaiki dan melengkapkan kilang² memproses getah di-Meru, Selangor dan Rantau, Negeri Sembilan supaya dapat mengeluarkan getah jenis "heveacrumb" mengikut ranchangan Getah Mutu Malaysia (GMM). Tiga buah lagi kilang memproses yang baharu telah di-dirikan oleh PPG di-Grisek, Johor, di-Mentakab, Pahang dan di-Ulu Langat, Selangor. Kerajaan Selangor telah membantu membiayaï kilang di-Ulu Langat. Kelima² kilang ini dapat memberi kemudahan kapada 36,000 pekebun² kechil di-kawasan seluas 70,000 ekar. Sharikat Kemajuan Getah Malaysia Sendirian Berhad telah di-tubohkan dalam tahun 1969 untok

memperchepatkan pengeluaran GMM oleh pekebun² kechil. Di-Malaysia Barat ada kira² 48 lagi kilang² memproses GMM kepunyaan beberapa ladang dan pengilang yang dapat mengeluarkan kira² 610 tan sa-hari. Enam kilang lagi yang sedang di-bena, akan dapat menambahkan jumlah pengeluaran GMM sa-banyak 70 tan sa-hari apabila siap kelak.

5. MEMPROSES KELAPA SAWIT

382. LKTP telah menubohkan empat kilang memproses kelapa sawit yang dapat mengilang sa-banyak 31 tan tandan kelapa sawit (tks) tiap² sa-jam. Kilang² ini akan dapat menambahkan kuasa mengilang sehingga 143 tan tks dalam tahun² 1971-75. Ini meliputi kawasan seluas 58,000 ekar. Untok memproses hasil kelapa sawit dari kawasan² yang baharu, tiga lagi kilang di-Bukit Mendi dan Bukit Goh di-Negeri Pahang dan di-Kulai, Johor telah di-dirikan dalam tahun 1970.

6. KEMAJUAN INSTITUSI

383. Beberapa institusi yang penting untok mengembangkan dan memodenkan pertanian telah di-tuboh dan di-majukan dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (LPPP) telah di-tubohkan dalam tahun 1965 untok memperbaiki lagi kechekapan sistem pemasaran pertanian. Hingga akhir tahun 1970 Lembaga Pemasaran Padi dan Beras (LPPB) telah menjalankan ranchangan melesen dan mengawal di-negeri² yang mempunyaï kawasan padi yang luas di-Malaysia Barat dan juga telah memulakan tugas² dagangan di-Tanjong Karang, Kedah, Kelantan dan Trengganu. Pemasaran ikan, kopi dan lada hitam telah juga di-ranchangkan. Selain dari itu LPPP telah terus menjalankan kegiatan² penyelidekan dan kerja menyebarkan maklumat² pasaran kapada pengeluar² dan pengguna². Kerja² untok memajukan pemasaran hasil² tanaman yang kurang penting telah juga di-teruskan.

384. Lembaga Padi Sabah telah di-tubohkan dalam tahun 1970 untok menggalakkan tanaman dua kali sa-tahun, memulakan penggunaan jentera, memberi bantuan² input saperti beneh, baja, rachun dan sebagai-nya dan menjalankan kerja² pemasaran dan pengilangan padi. Lembaga ini juga bertujuan untok menggalakkan supaya petani² kekal bertani di-sesuatu tempat dan tidak lagi meneruskan chara pertanian tradisi mereka yang berpindah² tempat.

385. Dua buah Sekolah Vokeshen Pertanian telah di-tubohkan dan Sekolah² Pertanian di-Bumbong Lima dan Serdang telah siap. Pembenaan sa-buah sekolah yang baharu telah di-mulakan di-Kuala Lipis. Jumlah

pelajar² yang tamat dari Kolej Pertanian telah bertambah daripada 40 orang dalam tahun 1965 kapada 160 dalam tahun 1970 dan dari Fakulti Pertanian, Universiti Malaya dari 21 orang kapada 50 orang. Di-Sabah, sa-buah Sekolah Vokeshen Pertanian telah di-dirikan di-Tuaran. Walau pun beberapa kemajuan dalam bidang latehan telah terchapai jumlah ahli² pertanian yang terlateh maseh juga kurang. Kekurangan yang besar sekali ia-lah di-bidang pegawai² rendah lanjutan keluaran Sekolah² Pertanian. Ini di-sebabkan terutama-nya kerana kelambatan penubohan Sekolah² Pertanian yang di-biayaï oleh puncha² luar negeri.

386. Latehan dalam segi perikanan laut telah di-jalankan di-dua buah Sekolah Perikanan Laut di-Trengganu dan Pahang. Pembenaan Institiut Latehan Nelayan di-Pulau Pinang yang menerima bantuan Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu (RPBB) telah di-mulakan dalam tahun 1970. Institiut ini akan mengeluarkan seramai 50 orang sa-tahun yang terlateh dalam bidang pelayaran, kejuruteraan laut dan chara² menangkap ikan. Pusat Latehan Perikanan Ayer Tawar di-Bukit Tinggi, Pahang telah siap dalam tahun 1968 dan hingga tahun 1970 telah dapat melateh sa-banyak 138 orang dalam teknik memelihara ikan ayer tawar dan mentadbir kolam.

387. Empat Pusat Latehan Haiwan untok petani² telah di-tubohkan di-Malaysia Barat bagi menjalankan kursus² dalam bidang memelihara ternakan lembu dan ayam. Kursus² jangka pendek dalam bidang permanian beradas telah di-jalankan di-Pusat Permanian Beradas di-Paroi, Negeri Sembilan.

388. Institiut Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (IPKPM) telah di-tubohkan dalam tahun 1968. Bagi pehak Kerajaan, IPKPM ada-lah bertanggong-jawab untok menjalankan penyelidekan pengeluaran bagi semua jenis tanaman (melainkan getah), ternakan ayam-itek dan perikanan ayer tawar. Usaha² penyelidekan di-bidang swasta akan di-buat dan jawatankuasa² penyelidekan bersama telah di-tubohkan untok koko dan kelapa sawit. Satu kawasan tanah yang berhampiran dengan Kolej Pertanian Serdang telah di-untokkan bagi Ibu Pejabat penyelidekan dan pentadbiran IPKPM.

389. Kerajaan telah menubohkan Bank Pertanian Malaysia dalam tahun 1969 untok menyelaraskan ranchangan² pinjaman dalam sektor pertanian. Tugas pertama Bank Pertanian ada-lah tertumpu pada keperluan pinjaman jangka pendek pengeluaran di-kawasan padi Muda dan Kemubu. Dalam tahun 1970 langkah² permulaan telah di-ambil oleh Bank tersebut untok

membolehkan-nya menjalankan kerja² bagi memenohi keperluan² pinjaman jangka sederhana dan juga keperluan² pinjaman petani² di-luar kawasan Muda dan Kemubu.

390. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, satu bentok ranchangan lanjutan telah di-adakan dengan tertuboh-nya Persatuan² Peladang (PP) serbaguna. Tiap² PP akan meliputi satu kawasan seluas 5,000-10,000 ekar dan memberi kemudahan² perkhidmatan lanjutan, pinjaman dan pengilangan serta mengadakan kemudahan² gudang simpanan, pengangkutan dan perkhidmatan pemasaran kapada 1,000-2,000 keluarga di-kawasan tersebut. Hingga akhir tahun 1970, 61 buah PP telah di-tubohkan di-Malaysia Barat dan konsep ini telah mula di-perkenalkan di-Sabah dan Sarawak.

391. Lain² unsor penting dalam ranchangan lanjutan pertanian ia-lah ada-nya pusat² latehan kejenteraan ladang dan pusat² latehan pertanian. Di-pusat² ini kursus jangka pendek mengenaï kejenteraan, pengeluaran tanaman dan ekonomi rumah tangga di-beri kapada petani², isteri² dan anak² mereka.

392. Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (LPPTP) telah di-tubohkan dalam tahun 1966. Lembaga tersebut telah mengambil aleh, untok kerja² pemulehan, 18 ranchangan tanah pinggir yang mengandongi 15,000 ekar tanah dan 2,400 orang peserta. Satu projek pembukaan tanah baharu seluas 500 ekar telah juga di-mulakan.

393. Bahagian Teknoloji Makanan di-Kementerian Pertanian dan Tanah telah di-tubohkan dalam tahun 1966 dengan bantuan RPBB. Bahagian ini mementingkan kerja penyelidekan mengenaï teknoloji makanan, biji²an, teknoloji buah²an dan sayor²an, analisa dan pengawalan makanan, kejuruteraan makanan dan pembungkusan. Sa-buah pusat memproses buah²an dan sayor²an telah di-dirikan di-Tampoi dan sa-buah pusat memproses ikan telah juga di-dirikan di-Kuala Trengganu. Beberapa kursus latehan dalam perkhidmatan telah juga di-adakan.

7. PEMETAAN TANAH

394. Ranchangan Pemetaan Tanah yang di-mulakan dalam tahun 1966 dan tamat dalam tahun 1970 telah menambahkan lagi pengetahuan mengenaï puncha² keluaran asli di-Malaysia Barat. Ranchangan ini telah dapat memberi butir² mengenaï keluasan tanah pertanian di-masa sekarang dan kemungkinan² yang ada untok kemajuan perlombongan, pertanian, perhutanan dan kemajuan puncha² ayer di-kawasan² yang maseh

belum di-gunakan. Walau pun ranchangan saperti ini maseh belum siap bagi negeri² di-Malaysia Timor, anggaran mengenaï kemungkinan puncha² keluaran asli yang dapat di-majukan sedang di-buat. Saperti di-tunjokkan dalam Jadual 9-3 dalam tahun 1969, sa-jumlah 8.3 juta ekar tanah telah di-majukan untok pertanian, 7.1 juta ekar daripada-nya terletak di-Malaysia Barat. Dari jumlah 30.6 juta ekar baki tanah yang sesuai untok pertanian, ada-lah di-anggarkan kira² 24.5 juta ekar boleh di-majukan untok pertanian, setelah di-tolak kawasan² yang akan di-gunakan untok bandar² dan kegunaan selain daripada pertanian.

JADUAL 9-3

KAWASAN PERTANIAN DAN YANG BOLEH DI-MAJUKAN, 1969

(juta ekar)

Jenis Tanah	*Malaysia Barat*	*Sabah*	*Sarawak*	*Jumlah*
Jumlah kawasan tanah	32.5	18.4	30.4	81.4
Jumlah kawasan yang sesuai untok pertanian	15.9	8.8	13.2	37.9
Kawasan yang sudah di-majukan ...	7.1*	0.5	0.7	8.3*
Kawasan yang maseh dapat di-majukan	9.8	8.3	12.5	30.6

395. Kira² 22.5 juta ekar tanah di-Malaysia Barat ada-lah tanah hutan, 8.3 juta ekar daripada-nya sesuai bagi kemajuan pertanian. Hanya 14.2 juta ekar sahaja sesuai bagi kegunaan perhutanan tetap yang produktif dan untok kawasan hutan simpan dan untok tujuan melindong, setelah di-tolak kawasan² pembangunan, pertanian, perlombongan dan bandar pada masa hadapan. Dari jumlah 14.2 juta ekar yang di-atas, kira² 10.2 juta ekar mempunyaï kemungkinan yang baik untok pengeluaran, sementara empat juta ekar yang selebeh-nya ada-lah mempunyaï fungsi penting sebagai hutan melindong.

396. Bahan² perhutanan di-Malaysia Timor ada-lah kurang di-ketahuï. Walau bagaimana pun, ada-lah di-anggarkan kira² 23.3 juta ekar tanah di-Sarawak di-penohi hutan², hanya kira² 6.5 juta ekar sahaja daripada-nya mungkin boleh di-keluarkan untok di-dagangkan dalam 20 tahun yang akan datang. Dari jumlah itu kira² sa-juta ekar mungkin dapat di-gunakan untok pertanian. Lebeh kurang 14.9 juta ekar di-Sabah ada-lah di-penohi hutan, kira² 12.4 juta ekar daripada-nya ada-lah produktif tetapi hanya 7.2 juta ekar sahaja nampak-nya boleh di-keluarkan untok dagangan.

* Sa-juta ekar daripada-nya ada-lah tidak sesuai bagi pertanian tetap untok mendapatkan hasil yang tinggi dan kekal.

III.—TUJUAN² DAN MATLAMAT² SEKTOR PERTANIAN

397. Peranan pertanian yang penting dalam ekonomi Malaysia berma'ana bahawa Ranchangan Malaysia Kedua bergantong kuat kapada pembangunan dalam lapangan ini untok menchapai tujuan²-nya. Satu daripada matlamat²-nya ia-lah untok membawa suatu pembaharuan kapada pertanian supaya pendapatan² daripada pekerjaan² pertanian tertentu akan setanding dengan yang terdapat di-kawasan² bandar. Proses pembaharuan ini akan juga menolong menyatukan pertanian dengan kegiatan² moden dalam perdagangan dan perusahaan. Ini akan menimbulkan satu suasana ekonomi dan sosial di-kawasan² luar bandar dan bandar² kechil yang akan menggalakkan pembangunan yang dinamis di-lapangan pertanian. Untok menchapai matlamat ini, Ranchangan ini akan memperhebatkan usaha²:

(i) menambah peluang bekerja dengan chara menggunakan puncha² keluaran Malaysia saperti tanah, ayer dan hutan dengan betul;

(ii) menambah pendapatan² pekerja dengan chara meninggikan daya pengeluaran dan membesarkan bidang pekerjaan ka-tingkat yang lebeh ekonomi dalam kegiatan² tradisi di-mana pendapatan²-nya lebeh rendah daripada lapangan² lain;

(iii) membanyakkan jenis dan kuantiti serta memperbaiki mutu keluaran² pertanian, terutama-nya barang² makanan (termasok buah²an dan sayor²an), tanaman² dagangan dan bahan² ternakan;

(iv) memperkukohkan institusi² saperti Persatuan² Peladang yang dapat memberi peluang kapada pendudok² luar bandar untok mengambil bahagian yang lebeh chergas dalam kehidupan ekonomi dan sosial negara.

398. Bagi menchapai matlamat pekerjaan seluroh-nya di-Malaysia Barat, jumlah pekerjaan di-bidang pertanian mesti-lah berkembang sekurang²-nya 1.7% sa-tahun, atau pukul rata lebeh daripada 25,000 pekerjaan sa-tahun. Bagi menchapai matlamat ini, satu ranchangan pembangunan tanah yang lebeh besar daripada tahun² yang lepas ada-lah di-perlukan. Selain daripada itu perhatian akan di-titekberatkan pada pengambilan buroh yang lebeh banyak ka-bidang pertanian dan perhutanan yang ada sekarang. Penyelidekan, ranchangan lanjutan dan pemasaran akan di-ator untok menggalakkan penanaman di-luar musim, penanaman berselang² dan chara² lain yang boleh menghasilkan tujuan tersebut.

399. Kejayaan matlamat pembangunan tanah baharu akan menentukan tambahan jumlah pekerjaan di-bidang pertanian. Matlamat pembukaan tanah baharu di-Malaysia Barat ia-lah 150,000 ekar sa-tahun, manakala di-Sarawak ia-lah 30,560 ekar dan di-Sabah 31,400 ekar.

400. Perkembangan pertanian di-Malaysia dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua di-ramalkan sa-banyak 8.3% sa-tahun. Pengeluaran getah, isi dan minyak kelapa sawit dan ikan di-jangka berkembang lebeh chepat daripada 8.3% sa-tahun, walau pun kadar perkembangan dua keluaran yang terakhir akan kurang sedikit daripada kadar ini. Pengeluaran padi dan nenas di-ramalkan berkembang kurang sedikit daripada kadar purata, tetapi lebeh tinggi daripada kadar dalam tempoh Ranchangan yang lepas. Sebalek-nya pengeluaran kayu akan berkembang tetapi kurang dari 8.3% sa-tahun. Ini ia-lah kerana perusahaan kayu di-Malaysia Barat telah menchapai tingkat pengeluaran yang tinggi; di-Malaysia Timor kebenaran untok mengeluarkan kayu-kayan ada-lah di-hadkan sehingga kajian² bahan kayu-kayan yang sedang di-laksanakan itu siap.

401. Daya pengeluaran pekerja dan pendapatan dalam bidang pertanian tradisi akan bertambah dengan ada-nya perkembangan yang chepat di-bidang penanaman padi dua kali sa-tahun, ranchangan penanaman sa-mula getah pekebun² kechil yang lebeh besar dan sistem kemudahan² memproses getah yang lebeh banyak dan moden. Dalam perusahaan perikanan, ia-itu satu lapangan yang agak kechil dari segi jumlah pekerjaan tetapi mempunyaï masaalah² pendapatan yang paling mendesak, segala galakan akan di-beri terutama-nya kapada penangkap² ikan di-Pantai Timor Malaysia Barat untok memproses ikan dan menjalankan penangkapan ikan di-laut melaluï penubohan Lembaga Kemajuan Perusahaan Perikanan. Di-kawasan² kebun kechil kelapa yang mundor di-Malaysia Barat, kegunaan tanah akan di-perhebatkan dengan chara membesarkan lagi ranchangan pemulehan dan penanaman sa-mula kelapa sa-luas 50,000 ekar bersama dengan ranchangan baharu untok tanaman berselang dengan koko.

IV.—RANCHANGAN²

402. *Kamajuan Tanah.* Ranchangan pembangunan tanah merupakan sumbangan yang penting terhadap tujuan² Ranchangan. Matlamat Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah membuka lebeh daripada satu juta ekar, ia-itu lebeh daripada dua kali luas kawasan yang di-majukan dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Untok menchapai matlamat ini beberapa pembaharuan akan di-buat. Ranchangan pembangunan tanah di-sektor awam akan di-perluaskan. Tanggong-jawab yang lebeh besar akan di-beri kapada lembaga² pembangunan tanah wilayah, PKEN², LKTP dan LPPTP. Tugas penyelarasan akan di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Mengenaï ranchangan pekebun² kechil, perhatian akan di-beri terhadap luas tanah yang di-mileki dan pemilehan chorak tanaman bagi menentukan pekerjaan yang produktif.

403. LKTP yang terus menjadi badan pembangunan tanah yang terpenting di-negara ini, di-jadualkan membuka 55,000 ekar sa-tahun. Kebanyakan daripada pembangunan ini terpaksa di-jalankan di-negeri[2] yang banyak mempunyaï tanah saperti Johor dan Pahang. Projek[2] tersebut akan di-jalankan di-kawasan[2] yang besar supaya kerja[2] menebang, memajukan tanah dan memproses keluaran akan dapat memberi faedah ekonomi. Getah dan kelapa sawit akan di-tanam di-sa-bahagian besar kawasan yang baharu, walau pun LKTP akan terus mengkaji kemungkinan[2] tanaman baharu dan ternakan. Peranan penting LKTP ternyata dengan ada-nya matlamat untok menempatkan 23,700 keluarga dalam tempoh lima tahun, 1971-75, di-bandingkan dengan jumlah 20,700 keluarga yang telah di-tempatkan oleh LKTP dalam tempoh 15 tahun semenjak penubohan-nya dalam tahun 1956. Sehingga akhir tahun 1975 LKTP di-jangka akan mengeluarkan lebeh daripada 55,000 tan getah bermutu tinggi sa-tahun dan 215,000 tan minyak kelapa sawit sa-tahun daripada kawasan ranchangan[2]-nya.

404. Sektor swasta di-Malaysia Barat juga di-harap memainkan peranan penting dalam ranchangan pembangunan tanah. Di-Malaysia Barat, 112,500 ekar di-jangka akan di-majukan oleh sektor swasta dan 50,000 ekar lagi oleh usaha[2] bersama antara pehak swasta dan beberapa badan awam dalam tempoh lima tahun.

405. Di-Malaysia Barat, unsor[2] lain yang mustahak dalam ranchangan pembangunan di-sektor awam ia-lah ranchangan tanah belia yang di-biayaï oleh Kerajaan Persekutuan dan ranchangan ladang[2] kerajaan. Ranchangan belia akan di-perluaskan dengan tambahan 75,000 ekar dalam tempoh lima tahun. Ini akan di-jalankan oleh LPPTP dan lembaga[2] kerajaan negeri dengan bantuan Kerajaan Persekutuan dalam bentok pinjaman.

406. Kemajuan ladang kepunyaan Kerajaan, Ranchangan Sungai Tong di-Trengganu sebagai chontoh-nya, akan di-perluas untok membanyakkan pekerjaan dalam usaha[2] pertanian sechara besar[2]an dan chekap. Matlamat seluas 50,000 ekar telah di-tetapkan bagi tempoh lima tahun. Kira-nya terdapat kewangan negeri tidak menchukopi, pinjaman dari Kerajaan Persekutuan akan di-beri untok membantu pembangunan tanah bentok ini.

407. LPPTP akan terus memulehkan ranchangan tanah pinggir seluas 3,200 ekar sa-tahun dalam tempoh 1971-75. Ia akan memulakan satu ranchangan pembukaan tanah baharu sechara berkumpul yang lebeh kechil daripada yang biasa di-majukan oleh LKTP. Matlamat untok memajukan tanah baharu dalam masa lima tahun ia-lah seluas 25,000-40,000 ekar.

408. Ranchangan Malaysia Kedua juga menentukan matlamat seluas 150,000 ekar bagi ranchangan penanaman baharu getah untok pekebun² kechil. Ranchangan ini akan di-urus berdasarkan kerjasama dan akan di-biayaï sa-bahagian-nya oleh kumpulan wang chukai penanaman sa-mula dan sa-bahagian lagi oleh bantuan Kerajaan Persekutuan. Penyeliaan-nya ada-lah tanggong-jawab Juma'ah Persekutuan Pekebun² Kechil Tanah Melayu. Ia-nya bertujuan untok menggalakkan penanaman sa-mula dan memberi tambahan pendapatan kapada pekebun² kechil yang mempunyaï kurang daripada lima ekar tanah dan mereka yang mengalami kesukaran untok menanam sa-mula di-sebabkan oleh tanah² mereka yang kechil.

409. Satu daripada keperluan² yang mustahak bagi menchapai matlamat² tersebut ia-lah mengadakan tenaga buroh yang terlateh bagi melaksana dan menguruskan ranchangan² yang di-huraikan di-atas. Untok mengadakan tenaga buroh yang di-perlukan bagi ranchangan di-sektor awam, Kerajaan akan menjalankan satu ranchangan latehan yang luas untok semua peringkat kakitangan yang di-perlukan. Sementara itu, Kerajaan akan menggunakan dengan lebeh banyak lagi kemahiran teknik dan pengurusan yang ada di-pehak swasta bagi membantu tenaga buroh-nya.

410. Ranchangan² pembangunan tanah di-Malaysia Timor akan di-perhebatkan. Di-Sabah, seluas 157,000 ekar akan di-majukan. Lembaga Kemajuan Tanah Sabah akan memajukan 50,000 ekar, Jabatan Pertanian 37,000 ekar dan Sharikat² Kerjasama Kemajuan Tanah 10,000 ekar. Sektor swasta di-jangka akan memajukan 60,000 ekar. Kelapa sawit, koko dan padi bendang ia-lah tanaman² yang paling penting.

411. Di-Sarawak, penanaman baharu getah untok pekebun² kechil akan di-jalankan di-kawasan seluas 39,000 ekar; lebeh kurang 9,000 ekar daripada-nya akan di-majukan dalam ranchangan belia oleh Perbadanan Permodalam Kemajuan Sarawak. Kira² 45,000 ekar akan di-majukan untok kelapa, 14,000 ekar untok kelapa sawit dan 54,800 ekar lagi untok padi dan tanaman² lain. Jumlah matlamat pembangunan tanah di-Sarawak menjadi 152,800 ekar.

412. *Penanaman Getah Sa-mula.* Pada akhir tahun 1970, lebeh kurang sa-juta ekar getah kepunyaan pekebun² kechil di-Malaysia Barat maseh mempunyaï pokok yang rendah hasil-nya. Sa-bahagian besar daripada kawasan ini ia-lah kepunyaan orang² Melayu dan terdiri dari bidang² tanah yang kechil. Penanaman sa-mula dengan segera di-kawasan ini ada-lah perlu untok meninggikan pendapatan² di-luar bandar. Kadar penanaman sa-mula

di-Malaysia Barat akan di-naikkan kapada 120,000 ekar sa-tahun, ia-itu hampir dua kali kadar penanaman sa-mula dalam tahun² 1966-70.

413. Pada masa ini lebeh dari 63% daripada jumlah kawasan getah di-Sabah yang luas-nya kira² 260,000 ekar mempunyaï pokok yang tinggi hasil-nya. Dalam tahun² 1971-75, kira² 20,000 ekar kawasan getah tua akan di-tanam sa-mula dengan beneh yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi, kelapa sawit dan tanaman² lain. Di-Sarawak kira² 40% daripada jumlah kawasan getah mempunyaï pokok yang tinggi hasil-nya. Dalam tempoh Ranchangan Kedua, 65,000 ekar akan di-tanam sa-mula dengan pokok getah yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi.

414. *Memproses Getah.* Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua kira² 40 kilang yang mengeluarkan getah blok akan di-dirikan di-Malaysia Barat untok mengeluarkan getah GMM dari susu getah pekebun² kechil. Dari jumlah ini, 25 kilang yang tiap² satu-nya mempunyaï kuasa mengilang sehingga 40 tan sa-hari akan di-dirikan dan di-kendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad, manakala 15 lagi akan di-dirikan oleh LKTP, PKEN² dan pehak swasta. Kilang² ini akan memproses kira² 400,000 tan atau lebeh daripada 90% susu getah pekebun² kechil yang maseh dapat di-tukarkan kapada getah proses baharu dalam tahun 1971. Di-Malaysia Timor, kilang² getah blok untok pekebun² kechil akan di-dirikan oleh sektor awam. Dengan meninggikan mutu getah yang di-keluarkan dan mengurangkan kos pemasaran, kemudahan² baharu ini akan meninggikan nilai tambahan dari pengeluaran getah dan dengan itu menambahkan pendapatan pekebun² kechil. Ranchangan ini akan juga berguna bagi tujuan menempatkan kilang² perusahaan di-kawasan² yang kurang maju.

415. *Taliayer.* Penanaman padi dua kali sa-tahun ada-lah satu chara yang berkesan bagi meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan petani². Ranchangan² taliayer di-seluroh Malaysia akan menitekberatkan kemudahan² penanaman dua kali sa-tahun di-kawasan² padi yang ada sekarang dan tidak di-kawasan² baharu. Penggunaan kemudahan² taliayer ini untok tanaman² baharu di-luar musim akan juga di-galakkan di-tempat² yang sesuai.

416. Ranchangan² pengayeran Muda, Kemubu, Besut dan ranchagan² lain yang lebeh kechil akan di-gunakan dengan sepenoh-nya dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Di-Malaysia Barat kawasan yang di-tanam

dua kali sa-tahun akan bertambah daripada 326,000 ekar kapada 868,000 ekar dan ini di-jangka akan mengeluarkan beras yang menchukopi keperluan sendiri sebelum tahun 1975. Di-Sabah, penanaman dua kali sa-tahun akan di-perluaskan daripada 10,000 ekar kapada 30,000 ekar pada tahun 1975. Di-Sarawak, kira² 8,000 ekar tanah padi akan di-perbaiki dan 7,000 ekar lagi tanah baharu akan di-majukan dalam tahun² 1971-75.

417. *Penanaman Sa-mula dan Pemulehan Kelapa dan Nenas.* Hasil keluaran sa-ekar dari 471,000 ekar kebun² kechil kelapa di-Malaysia Barat ada-lah kurang daripada separoh hasil keluaran di-ladang². Ranchangan² penanaman sa-mula, pemulehan dan penanaman berselang untok meninggikan hasil pekebun² kechil akan di-teruskan. Koko akan di-jadikan sebagai tanaman berselang yang baharu yang boleh menerima bantuan. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua 50,000 ekar kebun² kechil kelapa di-Malaysia Barat akan di-tanam sa-mula atau di-pulehkan dengan bantuan Kerajaan dan di-tanam dengan tanaman² berselang yang di-luluskan. Matlamat seluas 20,000 ekar untok tanaman berselang dengan koko telah di-tetapkan. Selain daripada itu kawasan yang lebeh kechil akan juga di-tanam berselang dengan nenas, kopi, pisang dan gajus. Satu ranchangan penanaman nenas sa-mula yang mengeluarkan hasil yang tinggi seluas 10,000 ekar akan di-mulakan dengan bantuan Kerajaan. Ranchangan ini bertujuan untok memenohi keperluan² perusahaan mengetin nenas.

418. *Penyelidekan Pertanian.* Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua IPKPM akan di-majukan supaya menjadi sa-buah pertubohan penyelidekan yang dapat menjalankan tugas²-nya dengan sepenoh-nya. Tugas utama ranchangan penyelidekan IPKPM ia-lah membaiki chara² pengeluaran dan peluang² pemasaran kelapa sawit dan koko, penyelidekan pengurusan tanah dan ayer dan penyelidekan pengeluaran beras. Keutamaan juga akan di-beri kapada usaha² mempelbagaikan tanaman, termasok ubikayu, jagong, sagu, kachang soya, gajus, sayor²an, buah²an dan tebu. Penyelidekan juga akan di-jalankan untok meninggikan mutu ternakan, terutama-nya lembu untok pengeluaran daging dan penyelidekan mengenaï ekonomi pengeluaran dan pemasaran.

419. Beberapa kemudahan penyelidekan di-Kementerian Pertanian dan Tanah telah di-pindahkan ka-IPKPM dan kemudahan² baharu akan di-adakan di-tempat² yang perlu. Ibu Pejabat baharu di-Serdang akan di-gunakan untok menyelaras penyelidekan asas yang boleh di-jalankan, menyebar perkhidmatan² teknik kapada Kerajaan dan pertubohan² lain dan mengadakan perhubongan dengan kumpulan² perusahaan. Pusat

penyelidekan kawasan utara di-Bumbong Lima akan menumpukan penyelidekan-nya mengenaï beras, tanaman[2] berselang dan pengurusan ayer. Pusat penyelidekan kawasan selatan akan di-dirikan di-Johor untok menjalankan penyelidekan mengenaï berbagai[2] tanaman, kejuruteraan tanah, penyakit dan musoh tanaman dan ternakan. Kemudahan[2] penyelidekan lain akan di-adakan untok koko, nenas dan kelapa.

420. IPKPM akan mengadakan perhubongan kerja yang berkesan dengan Sabah dan Sarawak. Di-samping kegiatan[2] penyelidekan yang akan di-jalankan oleh pertubohan[2] sekarang di-kedua[2] Negeri itu, IPKPM akan mengadakan pakar[2] penyelidekan untok projek[2] yang mendapat persetujuan bersama, menyediakan alat[2] yang mustahak dan mengadakan peluang[2] latehan bagi kakitangan dari Malaysia Timor.

421. Faktor utama yang menghadkan usaha[2] menguatkan penyelidekan pertanian di-Malaysia ia-lah kekurangan pegawai penyelidek Malaysia yang berkelayakan. Ahli[2] sains pertanian yang mendapat latehan selepas Sarjana Muda pada keselurohan-nya tidak akan menchukopi pada masa akan datang. Untok memenohi keperluan[2]-nya bagi mendapatkan ahli[2] sains yang berkelayakan, IPKPM sedang memulakan satu ranchangan latehan besar[2]an untok seluroh peringkat. Institiut ini akan memberi biasiswa[2] kapada bakal[2] pekerja penyelidekan untok mengikuti kursus[2] hingga ka-peringkat ijazah[2] Sarjana Sains dan Doktor Falsafah di-universiti[2] Malaysia dan di-luar negeri. IPKPM juga akan menganjorkan pelateh[2] di-peringkat[2] diploma dan sijil.

422. *Pelajaran Pertanian.* Tenaga manusia yang terlateh dan berkemahiran ada-lah sangat penting untok menchapai tujuan[2] pendapatan dan pekerjaan di-bidang pertanian. Di-peringkat urusan, kira[2] 2,000 orang akan di-lateh melaluï pembenaan empat buah lagi Sekolah Pertanian, sebagai tambahan kapada dua buah sekolah di-Serdang dan Bumbong Lima.

423. Kolej Pertanian, Serdang, meranchang untok menggandakan jumlah keluaran penuntut[2] yang berkelulusan diploma kapada 320 orang sa-tahun menjelang tahun 1974. Langkah ini akan menambah bilangan pelajar yang menerima latehan Kolej ini dengan bilangan 1,120, tetapi jumlah ini maseh lagi tidak menchukopi untok memenohi keperluan tenaga buroh jenis ini. Walau bagaimana pun, kekurangan ini tidak-lah sebesar yang terdapat pada permulaan Ranchangan ini. Bilangan kursus[2] yang di-adakan oleh Kolej itu akan di-tambah supaya meliputi teknoloji hutan, sains haiwan dan kemajuan ternakan. Perkembangan Fakulti Pertanian di-Universiti Malaya yang di-ranchangkan itu ada-lah di-jangka akan memenohi keperluan bagi

kakitangan tingkatan Sarjana Muda Sains. Penubohan Universiti Pertanian dalam tempoh Ranchangan, sedang di-ranchangkan. Ini akan menyatukan Kolej Pertanian yang ada sekarang dengan Fakulti Pertanian di-Universiti Malaya.

424. *Perkhidmatan Lanjutan Pertanian.* Bagi menguatkan ranchangan perkhidmatan lanjutan Jabatan Pertanian, empat buah lagi Pusat Latehan Jentera Peladang dan enam buah lagi Pusat Latehan Kampong akan di-bena di-Malaysia Barat. Pusat Latehan Jentera Peladang memberi latehan kapada petani[2] mengenaï chara[2] mengguna dan menjaga jentera, manakala Pusat[2] Latehan Kampong mengajar chara[2] penanaman dan pengeluaran dan ekonomi rumahtangga. Usaha[2] penting perkhidmatan lanjutan akan di-jalankan melaluï PP yang akan bertambah bilangan-nya dari 61 kapada lebeh dari 200 dalam tahun 1975.

425. Kakitangan luar PPG akan terus menerima latehan[2] dalam perkhidmatan supaya usaha[2] lanjutan PPG akan lebeh berkesan lagi. PPG akan meneruskan ranchangan[2] saperti mendirikan pusat[2] memproses sechara berkumpulan dan penanaman berselang antara getah muda dengan tanaman lain yang bernilai.

426. Di-Sarawak, beberapa Pusat Latehan Peladang (untok lepasan[2] sekolah rendah) dan Institiut Peladang (untok lepasan[2] sekolah menengah) akan di-dirikan. Kemudahan[2] di-Sekolah Latehan Bersama di-Semongok akan di-perbesarkan untok menempatkan pelateh[2] daripada Jabatan[2] Hutan, Pertanian, Tanah dan Ukor.

427. Di-Sabah, peruntokan akan di-adakan untok menambah kemudahan[2] latehan vokeshen bagi penuntut[2], latehan[2] dalam perkhidmatan bagi kakitangan rendah dan latehan[2] kampong bagi petani[2].

428. *Pinjaman bagi Pertanian.* Dalam tempoh 1971-75, Bank Pertanian akan beransor[2] membesarkan peranan-nya sebagai organisasi pusat untok pinjaman pertanian dari sektor awam. Peruntokan Kerajaan bagi tujuan ini akan di-berikan kapada Bank tersebut pada peringkat permulaan-nya untok di-pinjamkan kapada pengeluar[2] melaluï sharikat[2] kerjasama kampong dan persatuan[2] peladang dan LPPP untok kegunaan ranchangan. Sebelum Bank Pertanian mempunyaï kakitangan yang chukop untok menubohkan chawangan[2]-nya, ia akan menjalankan kerja[2]-nya melaluï pusat[2] pinjaman tempatan yang terdiri dari sharikat[2] kerjasama, persatuan[2] peladang dan wakil[2] di-pehak swasta. Sehingga ini, Bank Pertanian telah mula memberi pinjaman jangka pendek untok pengeluaran bagi tanaman

padi. Walau bagaimana pun pinjaman² jangka sederhana untok pembelian alat² kelengkapan dan kenderaan dan pinjaman jangka panjang untok petani memajukan tanah, menebus tanah² yang tergadai dan membeli alat² memproses akan juga menjadi tanggong-jawab-nya. Kegiatan² pinjaman ini akan di-jalankan apabila Bank itu mempunyaï keupayaan teknik dan pentadbiran yang chukop. Seterus-nya Bank ini akan mengadakan kredit dalam semua bidang pertanian, perikanan dan pengeluaran ternakan.

429. Sharikat² kerjasama luar bandar akan terus memainkan peranan yang penting dalam tugas memberi pinjaman untok pertanian. Selain dari menjadi sebagai pusat² pinjaman tempatan bagi Bank Pertanian, sharikat² ini akan juga mengeluarkan pinjaman² dari kumpulan wang-nya sendiri untok beberapa tujuan.

430. *Pemasaran Pertanian.* Untok membaiki sistem pemasaran, chara utama yang di-gunakan oleh LPPP ia-lah dengan mengeluarkan lesen kapada orang² tengah atau organisasi² yang merupakan orang² tengah dan mengambil bahagian sechara langsong dalam perdagangan dan pengilangan keluaran² pertanian. Ranchangan² pengawasan dan pelesenan padi akan di-teruskan di-Malaysia Barat dan di-lanjutkan ka-Sarawak pada tahun 1971. Ranchangan² dagangan padi akan di-teruskan di-Tanjong Karang, Kedah, Kelantan dan Trengganu. Di-Sabah, pemasaran padi akan di-jalankan oleh Lembaga Padi Sabah.

431. Untok menentukan supaya pemunggahan ikan ka-darat, kerja² menyimpan dan perniagaan dapat di-jalankan dengan lebeh chekap, kompleks² pemasaran akan di-bena oleh LPPP di-Kuching dan Kuala Trengganu, dan bersama dengan Jabatan Perikanan, di-Kuala Kedah, Kuantan, Lumut dan Pulau Pinang. Perniagaan ikan akan di-jalankan di-kompleks ini oleh satu usaha-bersama antara Lembaga Pemasaran Ikan, nelayan², tuan²-punya perahu dan penjual ikan. Usaha bersama ini juga akan membuat ayer-batu, mengurus tempat simpanan sejok dan kemudahan² pengangkutan, memproses dan mengekspot keluaran² ikan.

432. Lembaga Pemasaran Lada Hitam yang di-chadangkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua akan memulakan ranchangan² pengawasan dan penilaian mutu lada hitam yang di-ekspot dan menentukan pendapatan² yang tetap dan lumayan kapada pengeluar². Pusat² penilaian lada hitam akan di-dirikan di-Kuching, Sarikei dan Johor. Ranchangan pemasaran jagong dan sekoi yang mengandongi galakan² pengeluaran dan kemudahan² pasaran akan di-laksanakan dalam masa yang sama. Selain daripada

ranchangan pemasaran kopi, yang kerja² permulaan-nya di-jalankan dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, ranchangan² pemasaran yang baharu akan di-mulakan untok buah²an, sayor²an dan keluaran² ternakan. Ranchangan² penerangan tentang keadaan pasar untok pengeluar² dan pengguna² dan penyelidekan pemasaran akan di-teruskan.

433. *Lembaga Padi dan Beras Negara.* Kerajaan akan menubohkan satu Lembaga Padi dan Beras Negara (LPBN) untok menyelaraskan hal² berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Lembaga ini akan menjadi satu badan yang tunggal, bertanggong-jawab mengenaï dasar² negara berhubong dengan perusahaan padi dan beras pada keselurohan-nya. Khusus-nya, Lembaga ini ada-lah bertanggong-jawab bagi menentukan harga yang berpatutan dan tetap untok pengeluar² dan pengguna² serta menentukan bekalan beras yang chukop dalam masa kechemasan dan menasehatkan Kerajaan tentang dasar² umum berhubong dengan pengeluaran padi dan beras, termasok-lah kemungkinan dan paras pengeluaran yang menchukopi keperluan sendiri.

434. Untok menchapai tujuan² ini, Lembaga tersebut akan menjalankan satu ranchangan menjamin harga padi yang meliputi semua kawasan dengan berkesan, menyelenggarakan pemasaran dan pengilangan padi dan beras, dan mengadakan simpanan beras bagi tujuan strateji dan harga yang stabil. Lembaga ini juga akan memajukan kegiatan² lain di-kawasan² padi yang ada sekarang dan menentukan kawasan² yang luas dan elok untok penanam padi, supaya pendapatan² petani² akan bertambah.

435. *Galakan² Pengeluaran.* Beberapa galakan² dalam bentok harga minima terjamin dan bantuan² input akan di-beri untok meninggikan daya pengeluaran pekerja dan menggalakan tanaman yang banyak menggunakan tenaga buroh. Harga Minima Terjamin (HMT) untok padi akan di-teruskan, tetapi paras harga tersebut akan di-semak tiap² tahun. Lebeh banyak tempat² membeli padi akan di-dirikan di-kawasan² padi untok memberi kemudahan² yang lebeh elok kapada petani². Satu sistem yang lebeh baik untok menilai mutu padi akan di-laksanakan untok memberi galakan yang lebeh supaya padi yang bermutu tinggi dapat di-keluarkan.

436. Perbezaan² tentang daya pengeluaran dan pendapatan di-antara kawasan² padi yang menanam dua kali sa-tahun dan yang menanam sa-kali sa-tahun akan di-kurangkan dengan chara menggalakkan petani² menanam tanaman² yang bernilai tinggi di-luar musim. Jagong dan sekoi mempunyaï harapan yang baik dan bantuan akan di-adakan untok menggalakkan pengeluaran-nya.

437. Bantuan² dalam bentok beneh, rachun serangga dan alat² perkakas akan di-beri sa-banyak $200 pada tiap² sa-ekar untok penanaman sa-mula pokok buah²an dan $100 untok ranchangan² pemulehan. Bantuan² untok nenas dan koko akan juga meliputi sa-bahagian dari belanja memperbaiki tanah. Tanaman² lain yang akan mendapat faedah daripada ranchangan bantuan ini, yang kebanyakan-nya dalam bentok beneh² yang baik dan bahan² kimia pertanian, ia-lah jagong dan sekoi, lada hitam, ubikayu, kopi, bunga chengkeh, buah pala dan buah gajus.

438. *Ranchangan Panduan Lengkap Kawasan.* Beberapa kawasan yang luas dan kaya dengan bahan² tanah dan kemungkinan pertanian, telah di-pileh untok pembangunan yang pesat dalam tempoh Ranchangan ini dan seterus-nya. Perunding² yang di-lantek di-bawah bantuan Britain dan Canada, telah memulakan penilaian yang teliti ka-atas puncha keluaran yang berasaskan tanah dan kemungkinan memajukan-nya. Penilaian ini juga akan menentukan keperluan² infrastraktur dan lain² keperluan dan menyediakan ranchangan induk untok menjadi panduan pembangunan di-kawasan² ini dalam jangka² sederhana dan panjang.

439. Dua daripada kawasan² itu ia-lah Johor Tengah dan Tanjong Penggerang, yang meliputi kawalan seluas kira² 700,000 ekar, kira² 300,000 ekar daripada-nya mempunyaï tanah yang sesuai untok pertanian. Kebanyakan daripada baki-nya, selain daripada kira² 150,000 ekar yang telah pun di-gunakan untok pertanian, mempunyaï kawasan² hutan yang bernilai dan terletak di-kawasan² tanah tinggi yang tidak sesuai untok pertanian. Kawasan hutan ini akan menyediakan satu asas untok perusahaan kayu balak dalam tempoh jangka panjang. Kelapa sawit dan getah akan menjadi tanaman² utama di-kawasan² pertanian yang di-chadangkan itu. Sunggoh pun begitu pembangunan ternakan dan pengeluaran ubikayu sechara besar²an mungkin juga di-jalankan. Di-antara 50,000 hingga 60,000 ekar tanah di-kedua² kawasan itu mungkin akan di-majukan untok pertanian dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua.

440. Kawasan ketiga ia-lah Pahang Tenggara yang meliputi kira² 2.4 juta ekar dan terletak di-Tenggara Negeri Pahang. Hampir separoh ada-lah di-perchayaï sesuai untok pertanian. Kawasan ini, ia-itu yang terbesar di-Malaysia Barat sesuai untok pertanian, akan menjadi pusat pembangunan tanah yang terpenting di-negara ini untok selama 20 tahun yang akan datang. Kira² 80,000 ekar tanah akan di-majukan dalam tahun² 1971-75. Ranchangan induk ini yang akan di-siapkan dalam tahun 1972 dan bertujuan untok

menjadi panduan pembangunan perhutanan yang mempunyaï hasil yang tetap dan kegiatan² pertanian, ada-lah meliputi semua perkara yang di-anggap perlu bagi pembangunan bandar dan perusahaan jangka panjang di-kawasan itu dan kawasan² sekeliling-nya.

441. Satu penilaian mengenaï masaalah² ekonomi dan peluang² pembangunan di-Negeri Kelantan akan di-jalankan pada awal tempoh Ranchangan. Penilaian terhadap kemungkinan pembangunan ini ada-lah kena pada waktu-nya, istimewa kerana pembenaan Jalan Raya Timor-Barat.

442. Di-Sarawak, satu kajian peranchangan induk kawasan untok pembangunan sedang di-usahakan di-Bahagian Keempat meliputi satu kawasan yang luas, termasok-lah kawasan Lambir-Subis. Kawasan ini mengandongi di-antara 500,000 hingga 800,000 ekar tanah yang mungkin sesuai untok pertanian. Ranchangan ini akan meliputi pembangunan tanah, perhutanan dan bahan² galian dan akan memberi peluang kapada sa-bilangan besar pendudok² untok berpindah dan tinggal di-kawasan itu.

443. *Perhutanan.* Projek² perhutanan dalam Ranchangan ini akan memperbaiki penggunaan bahan² hutan di-Malaysia Barat, meninggikan lagi mutu hutan untok perusahaan akan datang dan menentukan supaya hutan² ini dapat memelihara tanah dan ayer. Untok menchapai tujuan² ini, projek² akan di-tumpukan ka-arah pengurusan hutan, penyelidekan penggunaan keluaran² hutan dan penanaman sa-mula hutan. Satu Ranchangan penanaman sa-mula hutan akan di-laksanakan, di-biayaï dari chukai yang di-pungut dari kayu² balak yang di-keluarkan.

444. Dalam tempoh Ranchangan ini, Ma'amal Penyelidekan Keluaran² Hutan di-Kepong akan di-perbesarkan, satu yunit peranchang pengurusan hutan dan satu yunit peranchang jalan² hutan akan juga di-tubohkan. Ranchangan Malaysia Kedua juga akan memajukan penyelidekan berkaitan dengan penanaman tumbohan² hutan dan meneruskan dua projek yang di-biayaï oleh Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu, ia-itu projek² kemajuan perusahaan² hutan dan ladang² perchubaan untok pokok² jenis pine yang chepat tumboh. Di-Sabah dan Sarawak, keutamaan akan di-tumpukan kapada penyelidekan dan penubohan ladang² perchubaan. Projek² untok peranchangan kemajuan perusahaan² hutan akan di-teruskan di-Sabah dan Sarawak.

445. Sa-buah Maktab Perhutanan akan di-bena bagi melateh kakitangan separoh profesional dalam perkhidmatan hutan di-seluroh Malaysia. Ia akan di-usahakan oleh Jabatan Hutan dan Universiti Pertanian.

446. *Penilaian Puncha Keluaran Asli.* Satu perkara yang penting bagi peranchangan kawasan ia-lah ada-nya butir² tentang kedudokan puncha² keluaran asli dan tentang pembangunan yang sedang di-jalankan. Dalam tempoh Ranchangan ini, satu projek penilaian puncha keluaran asli akan di-jalankan di-Malaysia Barat untok membaharuï butir² mengenaï Pemetaan Tanah dan mengadakan butir² yang lebeh lengkap mengenaï puncha² keluaran asli di-Malaysia Barat. Di-antara perkara² yang mustahak dari projek ini ia-lah pengambilan gambar² baharu dari udara dalam tahun 1973, penubohan beberapa seteshen haidroloji untok penilaian bahan ayer dan pendaftaran tanah yang di-keluarkan sama ada atas dasar hak milek atau pun dengan kebenaran² lain. Satu Banchi Pertanian akan juga di-jalankan.

447. *Perikanan.* Ranchangan Jabatan Perikanan ada-lah bertujuan untok memaju dan menggunakan dengan lebeh banyak lagi puncha² keluaran perikanan di-Malaysia dan meninggikan pendapatan nelayan². Satu perkara penting dalam ranchangan ini ia-lah penubohan satu Lembaga Kemajuan Perusahaan Perikanan. Lembaga ini akan mengembangkan penggunaan teknik² baharu dengan lebeh luas lagi dan mengadakan kemudahan² saperti tempat simpanan sejok dan tempat memproses. Pada peringkat permulaan, Lembaga ini akan menjalankan urusan-nya di-Pantai Timor Malaysia Barat dengan menggunakan sa-banyak 300 buah perahu pukat tunda menjelang tahun 1975. Kegiatan² Lembaga boleh menukarkan chorak pekerjaan nelayan² dari lapangan yang mempunyaï daya pengeluaran yang rendah kapada lapangan baharu dalam perusahaan itu.

448. Projek² baharu untok memajukan kemudahan² mendarat akan di-jalankan di-Kuantan dan Kuala Trengganu. Projek² ini termasok-lah mengadakan kemudahan² menyimpan, tempat membuat dan membaiki perahu dan tempat simpanan sejok dan membuat ayer-batu. Ranchangan untok melateh nelayan² yang bekerja di-laut dan perayeran dalam akan di-perbesarkan. Institiut Latehan Nelayan di-Pulau Pinang, yang mengadakan latehan mengenaï ilmu pelayaran, menjaga alat² menangkap ikan dan teknik² baharu bagi menangkap ikan, akan berjalan dengan sepenoh-nya. Perkhidmatan² lanjutan yang di-salorkan terutama-nya melaluï latehan

resmi akan di-kembangkan menerusi penubohan dan kegiatan² Persatuan² Nelayan. Ranchangan di-bidang ini juga akan meliputi penyelidekan. Satu penyiasatan akan di-jalankan untok menentukan banyak-nya ikan di-laut.

449. *Ternakan.* Dalam perusahaan² babi dan ayam-itek keutamaan akan di-beri untok meninggikan kechekapan pengeluaran, menjadikan harga keluaran² ini rendah supaya dapat di-beli oleh pengguna² yang berpendapatan rendah dan meninggikan kebolehan-nya untok bertanding di-pasaran ekspot. Di-bidang ternakan lembu, usaha² pembangunan akan di-tumpukan untok mengadakan asas teknik dan infrastraktur untok mendirikan satu perusahaan yang chekap. Perkara² yang penting dalam usaha ini ia-lah memperluaskan kemudahan² penyelidekan, mengembangkan ranchangan² pembiakan, memajukan padang² rumput simpanan dan perkhidmatan permanian beradas, penubohan pusat² haiwan yang baharu dan yunit² untok membiak dan membanyakkan kemudahan² latehan.

450. Institiut Penyelidekan Haiwan di-Ipoh akan di-perbesarkan untok menjalankan penyelidekan praktik terhadap kesihatan haiwan. Satu yunit mengkaji parasait akan di-bena bersama² dengan ma'amal² kawasan di-Pulau Pinang dan Johor dan dua belas lagi pusat²/pusat² kechil haiwan akan di-dirikan. Kemudahan² latehan di-Pusat Latehan Haiwan di-Kluang juga akan di-perbesarkan. Pusat Penyembelehan akan di-bena di-Batu Tiga dalam tahun 1971.

451. Di-Malaysia, satu kesulitan besar untok mengembangkan perusahaan ternakan lembu/kerbau ia-lah kekurangan baka pembiakan yang baik. Untok mengurangkan kesulitan ini, saperti yang di-chadangkan oleh rombongan ternakan Pertubohan Pertanian dan Makanan/Bank Dunia dalam tahun 1970, tiga yunit pembiakan lembu akan di-dirikan di-Malaysia Barat dan kemudahan² pembiakan di-Seteshen Kluang akan di-perbesarkan. Yunit² ini akan menolong membiakkan baka yang baik dengan banyak untok kemajuan perusahaan lembu (untok daging dan susu) sechara besar²an. Yunit² ini juga akan memberi peluang yang berguna untok menguji hasil² penyelidekan berhubong dengan kesihatan dan pengurusan haiwan dan pengeluaran rumput dalam keadaan yang sama saperti yang di-alami oleh sharikat perniagaan. Rombongan Pertubohan Pertanian dan Makanan/Bank Dunia juga mengeshorkan satu projek permulaan ternakan lembu (daging) di-Sabah. Satu kajian awal yang teliti, di-biayaï oleh Kerajaan New Zealand, sedang di-jalankan untok projek itu.

452. *Teknoloji Makanan.* Bahagian Teknoloji Makanan akan menjalankan penyelidekan mengenaï chara² memunggah dan menyimpan, penggunaan, pengilangan dan aspek² teknik pemasaran barang² makanan tempatan. Kerja penyelidekan akan di-jalankan di-Pusat Penyelidekan, Serdang dan seteshen² luar yang lain di-Malaysia. Seteshen memproses ikan di-Kuala Trengganu meranchang untok mengetinkan ikan dan mengeluarkan ikan yang di-sejokkan dengan ayer batu, keropok ikan dan makanan² lain dari laut. Seteshen Memproses Buah dan Sayor di-Tampoi, Johor akan mengeluarkan ayer buah²an, agar² dan jem. Dua lagi seteshen luar di-Alor Star akan di-siapkan dalam tempoh Ranchangan ini, satu daripada-nya akan menjalankan penyelidekan mengenaï pembungkusan dan pemasaran ayam-itek serta chara penyimpanan dan pemasaran telor. Yang satu lagi akan menjalankan penyelidekan mengenaï chara² mengering, mengilang dan menyimpan padi, pengeluaran minyak dan pengeluaran makanan binatang dari melukut beras. Dua seteshen luar yang baharu akan di-dirikan di-Tampoi untok menjalankan penyelidekan mengenaï bahan² mentah saperti ubikayu dan sagu untok pengeluaran kanji dan gula. Seteshen² ini juga akan menjalankan penyelidekan mengenaï kemajuan dan penggunaan kelapa dan keluaran² minyak kelapa. Seteshen² ini akan juga di-jadikan sebagai yunit² untok mengajar, memajukan chara² sekarang dan juga di-jadikan sebagai pusat² latehan. Bagi menjayakan ranchangan ini, pegawai² akan di-hantar ka-luar negeri untok latehan dalam bidang² khusus.

V.—PERUNTOKAN BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN

453. Peruntokan bagi pembangunan pertanian dalam Ranchangan Malaysia Kedua berjumlah $1,956 juta saperti yang terdapat dalam Jadual 9-4. Jumlah ini merupakan kira² 80% lebeh daripada peruntokan bagi bidang ini dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Peruntokan yang terbesar, sa-banyak $909 juta, ia-lah untok kemajuan tanah, ia-itu hampir² 47% daripada jumlah tersebut.

454. Ikhtiar sedang di-buat untok mendapatkan bantuan kewangan dan teknik dari luar negeri bagi melaksanakan ranchangan² latehan dan penyelidekan IPKPM. Bank Dunia akan juga di-minta untok membiayaï projek² pembangunan tanah di-kawasan² Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan Tiga Segi Jengka Perengkat III. Dalam bidang parit dan taliayer, satu pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia telah di-luluskan untok ranchangan pengayeran Besut. Projek² lain yang memerlukan bantuan luar termasok-lah kompleks² pendaratan ikan di-Kuala Kedah, Pulau Pinang, Lumut dan kompleks² mengilang padi.

JADUAL 9-4

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN, 1966-75

($ juta)

	Peruntokan Asal Ranchangan 1966-70	*Anggaran Perbelanjaan 1966-70*				*Peruntokan 1971-75**			
		Malaysia Barat	*Sabah*	*Sarawak*	*Jumlah*	*Malaysia Barat*	*Sabah*	*Sarawak*	*Jumlah*
Pertanian	*84.1*	*61.0*	*23.0*	*12.8*	*96.8*	*108.70*	*8.48*	*32.03*	*149.21*
Perkhidmatan pengeluaran tanaman.. ..	—	2.5	15.0	0.1	17.6	6.31	—	—	6.31
Perkhidmatan memelihara tanaman	—	2.0	0.5	0.1	2.6	1.91	—	—	1.91
Perkhidmatan tanah dan pertanian	—	0.7	—	0.1	0.8	2.01	—	—	2.01
Perkhidmatan lanjutan	12.5	15.4	1.1	3.2	19.7	49.99	2.31	8.05	60.35
Pelajaran	15.7	3.0	0.6	1.7	5.3	7.96†	5.74	0.18	13.88
Penanaman sa-mula dan pemulehan kelapa..	—	12.5	—	7.1	19.6	16.43	—	7.59	24.02
Penanaman nenas sa-mula	—	—	—	—	—	4.76	—	—	4.76
Bantuan[2] tanaman	55.9	24.9	5.8	0.5	31.2	18.73	0.43	16.21	35.37
Bangunan[2]	—	—	—	—	—	0.60	—	—	0.60
Penanaman Getah Sa-mula	*160.2*	*116.3*	*10.0*	*42.6*	*168.9*	*210.40*	*8.25*	*50.43*	*269.08*
Pusat[2] Memproses Getah‡	—	*(2.6)*	—	—	*(2.6)*	*(35.00)*	—	—	*(35.00)*
Pembangunan Tanah	*375.9*	*309.7*	*47.0*	*6.9*	*363.6*	*795.14*	*102.55*	*10.96*	*908.65*
LKTP	305.0	248.4	—	—	248.4	582.42	—	—	582.42
PPTN	30.0	25.4	—	—	25.4	36.35	—	—	36.35
Ranchangan[2] tanah belia	—	8.1	—	—	8.1	61.20	12.40	0.73	74.33
Ladang[2] awam dan ranchangan[2] lain ..	13.1	16.8	11.1	6.9	34.8	94.47	53.75	10.23	158.45
Ranchangan getah, kelapa sawit	27.8	11.0	35.9	—	46.9	20.70	36.40	—	57.10

* Termasok wang Negeri dan Persekutuan.

† Peruntokan bagi Kolej Pertanian, Fakulti Pertanian dan Universiti Pertanian di-letakkan dalam peruntokan lapangan pelajaran.

‡ Ini di-peruntokkan di-bawah Perdagangan dan Perusahaan mengikut kegunaan-nya.

JADUAL 9-4—(*samb.*)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN, 1966-75

($ juta)

	Peruntokan Asal Ranchangan 1966-70	*Anggaran Perbelanjaan 1966-70*				*Peruntokan 1971-75**			
		Malaysia Barat	*Sabah*	*Sarawak*	*Jumlah*	*Malaysia Barat*	*Sabah*	*Sarawak*	*Jumlah*
Parit dan taliayer	*332.7*	*328.5*	*8.4*	*5.7*	*342.6*	*228.17*	*15.39*	*12.93*	*256.49*
Perhutanan	*12.4*	*11.9*	*1.7*	*1.3*	*14.9*	*8.67*	*7.21*	*2.35*	*18.23*
Ternakan	*33.8*	*13.9*	*2.7*	*1.9*	*18.5*	*37.01*	*3.83*	*3.26*	*44.10*
Perikanan	*22.3*	*5.3*	*2.1*	*1.6*	*9.0*	*39.79*	*2.18*	*3.87*	*45.84*
Keredit Pertanian dan Pemasaran	*37.0*	*13.8*	*9.3*	*6.5*	*29.6*	*97.25*	*29.25*	*28.60*	*155.10*
Bank pertanian	—	3.0	—	—	3.0	60.00	—	—	60.00
Sharikat kerjasama	1.5	0.4	—	—	0.4	1.10	—	0.10	1.20
LPPP	3.0	10.4	—	—	10.4	36.15	—	—	36.15
Lembaga padi	3.5	—	9.3	—	9.3	—	26.50	—	26.50
Keredit luar bandar	29.0	—	—	6.5	6.5	—	—	28.50	28.50
Lain-lain	—	—	—	—	—	—	2.75	—	2.75
Penyelidekan Pertanian	*23.2*	*8.8*	*3.0*	*1.2*	*13.0*	*34.03*	*13.26*	*2.92*	*50.21*
Penyelidekan	18.2	6.7	3.0	1.2	10.9	30.26	13.26	2.92	46.44
Teknoloji makanan	5.0	2.1	—	—	2.1	3.77	—	—	3.77
Lain-lain	*5.0*	*42.0*	*9.0*	*6.2*	*57.2*	*11.70*	*8.00*	*4.25*	*23.95*
Jumlah ..	1086.6	911.2	116.2	86.7	1,114.1	1,570.86	198.40	151.60	1,920.86

* Termasok wang Negeri dan Persekutuan.

BAB X

Perusahaan Pembuatan

I.—PENDAHULUAN

455. Perusahaan pembuatan ada-lah satu sektor yang penting bagi men-chapai tujuan² Dasar Ekonomi Baharu. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua sektor ini akan memainkan peranan yang lebeh luas dalam proses memodenkan dan menukar chorak ekonomi. Aktiviti² dalam sektor ini sangat-lah penting dari segi tujuan² Ranchangan bagi menghapus kemis-kinan dengan membanyakkan pekerjaan dan bagi mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu. Sektor ini juga ada-lah mustahak bagi memajukan aktiviti² baharu di-kawasan² yang sekarang ini bergantong semata² pada pertanian untok pekerjaan dan kemajuan.

II.—KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN

456. Dalam tahun² enam-pulohan, perusahaan pembuatan ada-lah sektor yang telah meningkat maju dengan kadar sehabis tinggi. Dalam tempoh ini kadar kenaikan tahunan di-Malaysia Barat ada-lah 10.2% di-bandingkan dengan 5.5% bagi KDNK. Bagi tahun 1960 nilai tambahan perusahaan pembuatan merupakan 8.5% dari KDNK dan 13.1% pada tahun 1970. Dalam masa sa-puloh tahun itu, 19.6% dari tambahan KDNK berpuncha daripada sektor perusahaan pembuatan. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama kadar kenaikan pengeluaran berseh dari perusahaan pembuatan telah hampir dua kali kadar keluaran negara, ia-itu, 10.4% di-bandingkan dengan 5.4% sa-tahun. Angka² ini merupakan per-ubahan sa-benar dan dinamis kerana pertukaran² harga sangat-lah sedikit.

457. *Ekspot* barang² perusahaan pembuatan dari Malaysia Barat di-dapati lebeh dinamis. Dalam masa sa-puloh tahun itu, kadar kenaikan purata tahunan ada-lah 14.2%. Menjelang tahun 1970, paras mutlak berjumlah $515 juta telah di-chapai, di-bandingkan dengan $282 juta pada tahun

1965. Ekspot barang² perusahaan pembuatan bertambah lebeh dua kali dari kadar jumlah ekspot. Pada tahun 1960 barang² perusahaan pembuatan merupakan kurang daripada 5% dari jumlah ekspot, manakala pada tahun 1970 angka ini lebeh dari 10%. Satu perkara yang penting juga ada-lah kadar kenaikan ekspot barang² perusahaan pembuatan yang di-dapati lebeh tinggi lagi dari kadar keluaran berseh perusahaan pembuatan, menunjokkan bahawa perusahaan² Malaysia makin beraleh ka-arah pengeluaran barang² ekspot. Angka² dalam Jadual 10-1 termasok-lah pengantaran barang² perusahaan pembuatan dari Malaysia Barat ka-Sabah dan Sarawak yang telah bertambah dengan pesat-nya dalam tahun² yang terakhir. Dalam tahun 1970 lebeh kurang satu perlima dari jumlah kasar ekspot barang² perusahaan pembuatan Malaysia Barat di-hantar ka-Malaysia Timor. Walau pun Malaysia Timor menjadi sumber yang menambahkan ekspot Malaysia Barat, perkara² yang telah di-nyatakan di-atas tetap menunjokkan bahawa perusahaan pembuatan untok ekspot ada-lah semakin penting.

JADUAL 10-1

PENGELUARAN PERUSAHAAN PEMBUATAN, PEKERJAAN DAN EKSPOT, MALAYSIA BARAT, 1960-70

	Nilai tambahan ($ juta)	*Pekerjaan** ('000)	*Nilai kasar ekspot barang² pembuatan†* ($ juta)
1960	425	—	136
1961	408	—	174
1962	451	192	179
1963	515	—	189
1964	593	—	240
1965	682	217	282
1966	753	—	314
1967	853	261	317
1968	941	—	362
1969	1,044	—	410
1970	1,118	270	515
1966-70:			
Kadar kenaikan purata tahunan (%)	10.4	4.5	12.8
Jumlah kenaikan	436	53	233

* Angka di-dapati untok tahun² Kajian dan yang di-tetapkan sahaja.

† Mengikut sekshen² 5 hingga 8 dalam Pengelasan Perdagangan Antarabangsa, tiada termasok bijeh timah, tetapi termasok barang² minyak petrol dan buah²an yang di-jerok dan di-sediakan dengan chara² lain dan barang impot yang di-ekspot sa-mula.

458. Anggaran² *pekerjaan* dalam sektor perusahaan pembuatan dalam Jadual 10-1 mengandongi pekerja² masa penoh, sambilan dan pekerja² keluarga. Di-antara tahun² 1962 dan 1967, jumlah pekerjaan dalam sektor ini telah bertambah dengan kadar 6.3% sa-tahun. Dalam tempoh Rancha-ngan Malaysia Pertama, lebeh kurang 53,000 kerja² baharu di-adakan, dan pekerjaan telah bertambah dengan kadar purata 4.5% sa-tahun di-banding-kan dengan kadar 10.4% bagi keluaran perusahaan pembuatan berseh. Pekerjaan masa penoh bertambah lebeh tinggi. Pada umum-nya pekerjaan bertambah dengan kadar hanya separoh dari pengeluaran berseh.

459. Perusahaan² dalam sektor ini di-Malaysia Barat menunjokkan per-kembangan yang sangat berbeza. Angka² dari banchi² perusahaan pembuatan bagi tahun 1963 dan tahun 1968 menunjokkan bahawa kadar kenaikan purata tahunan bagi nilai yang di-tambah berbeza dari 4% hingga 35%, manakala dalam beberapa perusahaan, keluaran berseh telah turun. Perusahaan² yang terkemuka dari segi nilai tambahan ia-lah makanan, barang² kayu, perusahaan memproses di-luar ladang² (getah, kelapa sawit dan teh), kimia dan barang² kimia dan barang² galian bukan logam. Lebeh dari separoh jumlah nilai yang di-tambah dan kira² 44% daripada jumlah pekerjaan dalam perusahaan pembuatan berpuncha dari perusahaan² ini. Tetapi, dari segi *kadar kenaikan* keluaran dan pekerjaan, perusahaan² kain, logam asas, jentera letrik dan bukan letrik, dan memasang kereta² berjentera bertambah antara dua dan tiga kali lebeh daripada per-usahaan² yang terkemuka itu. Angka² permulaan dari Penyiasatan bagi Perusahaan Pembuatan tahun 1969, menunjokkan bahawa bagi kilang² yang di-siasat, nilai tambahan meningkat sa-banyak 28% dan pekerjaan masa penoh sa-banyak 14% bagi tahun itu. Tambahan yang nyata dapat di-pastikan dalam beberapa perusahaan, termasok memproses di-luar ladang, barang² kayu dan barang² makanan. Kadar² kenaikan pengeluaran yang tinggi di-perolehi oleh perusahaan² baharu yang boleh di-katakan kechil dan yang mengeluarkan barang² pertengahan dan barang² modal, saperti memasang kereta² berjentera, besi dan besi waja, pembenaan kapal² kechil dan pengeluaran baja, menunjokkan bahawa perusahaan ini chepat menjadi semakin penting dalam sektor perusahaan pembuatan.

460. Kemajuan dalam sektor perusahaan di-Malaysia dalam tahun² enam-pulohan pada umum-nya, berasaskan aktiviti² sektor swasta. Selain dari kedudokan politik dan kewangan yang stabil dalam negeri dan berbagai kemudahan infrastraktur yang di-sediakan, faktor yang besar yang mewujud-kan perkembangan aktiviti² perusahaan pembuatan dengan pesat-nya ia-lah langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan untok menggalakkan pelaboran swasta. Satu langkah yang paling penting ia-lah Ordinan Perusahaan²

Perintis tahun 1958 yang kemudian-nya di-gantikan dan di-perkemaskan dengan Akta Galakan Pelaboran tahun 1968. Di-bawah Akta ini, pengechualian dari chukai sharikat, kemudahan chukai gaji, kredit chukai laboran, alaun susutnilai lebeh chepat dan kemudahan[2] ekspot telah di-luluskan untok beberapa sharikat. Sebagai tambahan, untok memudahkan perkembangan aktiviti[2] baharu, perlindongan tarif dan pengechualian dari chukai impot dan chukai tambahan telah di-beri. Langkah yang di-ambil bagi melichinkan chara[2] memproses dan meluluskan permohonan[2] untok mendapatkan kemudahan[2] di-atas, ada-lah satu dari faktor[2] menyebabkan banyak-nya bilangan sharikat[2] di-beri taraf perintis dan kemudahan[2] lain pada penghujong tahun 1969 dan dalam tahun 1970. Selain dari itu, maklumat[2] yang berfaedah telah di-perolehi, hasil dari kajian[2] sebelum pelaboran, projek[2] dan kawasan yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP). Langkah[2] lain termasok-lah perkhidmatan nasihat teknik dan pengurusan kapada sharikat[2] yang ada dan juga kempen[2] di-luar negeri untok mendapatkan pasaran luar yang luas bagi barang[2] Malaysia serta untok menarek lebeh banyak lagi pelaboran asing.

461. Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (SPKPM) dan juga sharikat milek-nya, ia-itu Sharikat Kawasan[2] Perusahaan Malaysia Sendirian Berhad, terus menjalankan peranan yang penting bagi memberi pinjaman[2] kapada perusahaan[2] dan membena bangunan[2] kilang untok di-jual dan di-sewa dengan harga[2] dan sharat[2] yang berpatutan. Di-peringkat negeri, kemajuan yang telah di-chapai dalam kawasan[2] perusahaan yang ada dan baharu telah menggalakkan lagi perkembangan dalam sektor perusahaan pembuatan.

462. *Di-Malaysia Timor,* data[2] mengenaï keluaran perusahaan dalam KDNK di-peringkat negeri hanya di-dapati bagi tahun[2] 1967-70 sahaja. Di-*Sabah* nilai tambahan dari perusahaan pembuatan meningkat 3.6% sa-tahun, ia-itu dari $18 juta dalam tahun 1967 kapada $20 juta dalam tahun 1970. Ini merupakan kurang daripada 3% dari KDNK bagi Sabah dalam tahun 1970.

463. Penyiasatan bagi Perusahaan[2] Pembuatan tahun 1968 di-Sabah, yang meliputi sharikat[2] yang mengeluarkan kira[2] 70% dari nilai tambahan dalam sektor ini, menunjokkan bahawa kira[2] 2,800 orang bekerja dalam aktiviti[2] perusahaan pembuatan. Kilang[2] papan dan papan berlapis merupakan 25% dari nilai tambahan dan kira[2] 38% dari jumlah pekerjaan dalam sektor ini. Perusahaan yang kedua besar-nya ia-lah memproses

barang² makanan yang merupakan kira² 18% dari nilai tambahan dan 14% dari jumlah pekerjaan. Perusahaan membaiki kereta berjentera merupakan lebeh daripada 10% dari pengeluaran dan jumlah pekerjaan dalam sektor ini. Kebanyakan dari sharikat² ini ada-lah kechil. Dari jumlah 200 sharikat² yang termasok dalam Penyiasatan itu, satu perenam dari jualan dan kira² satu perempat dari jumlah pekerjaan ia-lah sumbangan lebeh daripada 120 sharikat. Ekspot dari perusahaan papan dan barang² kayu yang lain sedang meningkat sunggoh pun kayu balak maseh merupakan ekspot yang terbanyak dalam perusahaan kayu kayan.

464. *Di-Sarawak* nilai tambahan dari perusahaan pembuatan meningkat dengan kadar purata 5.6% sa-tahun dalam tiga tahun yang berkenaan dan menjelang tahun 1970 merupakan $80 juta ringgit atau pun 8.8% dari KDNK bagi Sarawak. Angka² yang di-dapati mengenaï pengeluaran dari perusahaan² pembuatan menunjokkan bahawa perusahaan barang² keluaran minyak petrol merupakan 40% dari nilai tambahan tetapi hanya memberi 7% sahaja dari jumlah pekerjaan dalam sektor ini. Perusahaan² kayu mengeluarkan 30% dari nilai tambahan dan memberi pekerjaan kapada separoh daripada jumlah pekerjaan dalam perusahaan ini. Lebeh kurang satu pertiga dari sharikat² perusahaan pembuatan ada-lah berkaitan dengan memproses makanan, tetapi sharikat² ini hanya mengeluarkan 5% dari nilai tambahan dan 9% dari jumlah pekerjaan. Dalam tempoh ini perkembangan pengeluaran perusahaan pembuatan berpuncha kebanyakan-nya dari pengeluaran minyak petrol yang telah meningkat. Sarawak mengeluarkan 80% dari ekspot barang² minyak petrol Malaysia, tetapi sa-bahagian besar dari ekspot ini termasok minyak petrol mentah dari Brunei yang telah di-tapis dan di-proses di-Sarawak. Ekspot barang² buatan kayu merupakan sa-bahagian besar dari jumlah ekspot² perusahaan pembuatan dari Sarawak.

465. Lebeh kurang 62% dari *modal saham sharikat² berhad* yang menjalankan perniagaan di-Malaysia Barat dalam tahun 1969, ada-lah kepunyaan asing yang di-kuasaï oleh sharikat² luar negeri, mereka yang tidak bermustautin dan juga chawangan² sharikat di-Malaysia di-tubohkan di-luar negeri. Di-antara orang² Malaysia, orang² China dan India mempunyaï 23.7% dan orang² Melayu dan sharikat² Melayu yang lain hanya 1.5%. Baki-nya ada-lah di-mileki oleh Kerajaan² Persekutuan dan Negeri, sharikat² wakil, orang² perseorangan yang lain dan sharikat² tempatan. Hak milek asing yang besar menunjokkan sambutan pelaboran asing terhadap dasar Kerajaan untok menggalakkan pelaboran² dari luar dan dalam negeri bagi perkembangan ekonomi negeri ini.

466. Sharikat² milek perseorangan dan perkongsian, kebanyakan-nya di-punyaï oleh orang² Malaysia, tetapi hak milek orang² Melayu terlalu kechil di-bandingkan dengan orang² bukan Melayu. Sunggoh pun sharikat² ini merupakan 86% dari jumlah sharikat² perusahaan pembuatan, mereka hanya mengeluarkan 22% dari nilai tambahan dan mempunyaï hanya 10% dari segi harta² modal sahaja.

467. Kemajuan telah terchapai dalam usaha meluaskan lagi *penyertaan orang² Melayu* dalam sektor perusahaan pembuatan. Dari segi pekerjaan, 30% dari pekerja² perusahaan pembuatan di-Malaysia Barat dalam tahun 1970 ia-lah orang² Melayu, berbandingkan dengan 27% dalam tahun 1962 dan 19% dalam tahun 1957. Kadar tambahan pekerjaan orang² Melayu ada-lah lebeh tinggi lagi dari kadar tambahan jumlah pekerjaan dalam sektor ini. Tetapi, jumlah pekerjaan bagi orang² Melayu maseh tidak men-chukopi terutama sekali dalam pekerjaan² yang memerlukan kemahiran dan jawatan² pengurusan.

468. Langkah² untok meluaskan penyertaan orang² Melayu dan bumi-putra² yang lain dalam berbagai jenis sharikat berhad dan sharikat² yang lain dalam sektor perusahaan pembuatan ini, ada-lah di-binchangkan dalam satu Bahagian yang terkemudian di-Bab ini.

III.—TUJUAN² DAN MATLAMAT² DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

469. Matlamat² bagi sektor pembuatan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah penting oleh kerana sektor ini akan memainkan peranan yang utama dalam menchapai tujuan² Dasar Ekonomi Baharu. Penchapaian matlamat² memerlukan dasar yang baharu dan dinamis. Dalam cheraian ini, matlamat² utama di-huraikan, di-ikuti dengan perbinchangan mengenaï chara² menchapai matlamat² ini.

470. *Keluaran.* Perkembangan purata nilai tambahan sektor pembuatan di-Malaysia Barat ada-lah 10.4% sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama. Untok menjadi sektor yang lebeh dinamis, kadar perkembangan sektor pembuatan mesti-lah di-pertinggikan lagi. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, matlamat perkembangan dalam nilai tambahan ia-lah sekurang²-nya 12.5% sa-tahun, ia-itu dari $1,118 juta dalam tahun 1970 kapada $2,014 juta dalam tahun 1975. Ini merupakan tambahan sa-banyak lebeh daripada 80% dalam tempoh Ranchangan. Mengenaï kadar perkembangan KDNK yang di-jangkakan, sekurang²-nya 27% daripada tambahan dalam KDNK akan berpuncha dari sektor pembuatan, ber-banding dengan lebeh kurang 19% dalam tahun² enam-pulohan. Oleh sebab

itu, nilai tambahan perusahaan pembuatan akan meningkat daripada 13% dari jumlah KDNK dalam tahun 1970 kapada 17% dalam tahun 1975. Ada-lah di-anggarkan bahawa dalam tempoh Ranchangan, lebeh kurang $1,850 juta jumlah pelaboran akan di-perlukan untok menchapai matlamat keluaran ini. Kerajaan akan mengeluarkan sa-banyak $330 juta bagi pelaboran dalam sektor swasta. Dari jumlah ini, sa-banyak $230 juta merupakan pembiayaan bagi pelaboran sektor swasta (mithal-nya, menerusi PERNAS dan SPKPM) dan sa-banyak $100 juta bagi pembiayaan perusahaan[2] yang akan di-mileki oleh sektor awam atau pun perusahaan[2] bersama melalui MARA dan PKEN[2].

471. Matlamat keluaran ini merupakan tambahan sa-banyak 20% dari kadar purata tambahan yang di-chapai di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama dan juga merupakan kenaikan nilai tambahan sa-banyak dua kali lebeh dari jumlah yang di-chapai dalam tahun[2] 1966-70, (*lihat* Jadual[2] 10-1 dan 10-2). Kenaikkan yang tinggi ini boleh di-chapai. Di-pehak penawaran, kerumitan[2] besar di-jangka tidak akan timbul. Saperti yang di-sebutkan dalam Bab VI, puncha[2] kewangan seharus-nya menchukopi bagi membiayai usaha[2] pembangunan dalam sektor ini. Kerumitan tertentu mengenai jenis[2] tenaga ra'ayat mungkin akan timbul, tetapi kerumitan ini akan dapat di-atasi dengan melateh lebeh ramai lagi kakitangan di-Malaysia serta menggunakan pakar[2] asing, terutama sekali di-peringkat[2] pengurusan dan profesional.

472. Dari segi permintaan, ada banyak lagi peluang[2] untok menggantikan impot barang[2] modal, barang[2] pertengahan dan barang[2] penggunaan. Impot barang[2] ini maseh memenohi lebeh daripada 45% dari pasaran dalam negeri. Jenis[2] perusahaan yang boleh di-jalankan bagi memenohi pasaran dalam negeri termasok-lah perusahaan[2] barang[2] makanan, barang[2] logam dan bukan-logam, jentera[2] letrik dan bukan-letrik serta alat[2] pengangkutan. Walau bagaimana pun, permintaan dalam negeri sahaja ada-lah tidak menchukopi untok menggunakan keluaran yang di-jangkakan dalam Jadual 10-2. KNK di-jangka akan bertambah sa-banyak 6.5% sa-tahun dan dengan ini, permintaan dalam negeri bagi mendapatkan barang[2] ini di-jangka bertambah sa-banyak 10% sa-tahun dalam tempoh ini. Oleh yang demikian, ekspot akan memainkan peranan yang amat penting bagi menchapai matlamat keluaran sektor ini.

JADUAL 10-2

KELUARAN, PEKERJAAN DAN EKSPOT PERUSAHAAN PEMBUATAN, MALAYSIA BARAT, 1970-75

	1970 (permulaan)	*1975 (matlamat)*	*Kadar tambahan tahunan (%)*	*Jumlah tambahan*
Nilai tambahan ($ juta)	1,118	2,014	12.5	896
Pekerjaan ('000)	270	378	7.0	108
Nilai kasar ekspot pembuatan ($ juta)*	515	1,036	15.0	521

473. *Ekspot.* Matlamat bagi tambahan nilai ekspot kasar ia-lah 15% sa-tahun saperti yang di-tunjokkan dalam Jadual 10-2. Ini merupakan tambahan sa-banyak 17% dari tambahan tahunan yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Matlamat ini di-anggap sebagai minima. Terchapai-nya kadar tambahan ini berma'ana bahawa lebeh kurang 35% daripada tambahan nilai semua ekspot[2] tempoh Ranchangan Malaysia Kedua akan merupakan barang[2] pembuatan, berbanding dengan kadar sa-banyak lebeh kurang 10% bagi tahun 1970. Nilai tambahan ekspot kasar harus juga bertambah dengan pesat-nya, sekira permintaan bagi barang[2] pembuatan di-kehendaki berkembang selaras dengan tambahan keluaran yang di-jangkakan. Perubahan[2] chorak ekonomi akan berlaku dalam Ranchangan Malaysia Kedua oleh kerana peranan ekspot barang[2] pembuatan yang semakin penting. Dengan menitekberatkan perkembangan ekspot, Malaysia harus-lah menghadapi segala chabaran[2] di-pasaran dunia.

474. Pembangunan perusahaan di-*Malaysia Timor* dalam tempoh Ranchangan, kebanyakkan-nya akan berasaskan perusahaan[2] memproses hasil[2] utama saperti kayu balak, minyak petrol dan galian[2] yang lain dan hasil[2] pertanian saperti lada hitam, getah, minyak kelapa sawit dan kelapa. Perusahaan[2] ini akan lebeh di-giatkan untok pasaran[2] ekspot. Perkembangan perusahaan perikanan sebagai di-jangkakan akan memudahkan kemajuan perusahaan[2] memproses ikan. Masa hadapan ada-lah cherah bagi perusahaan yang mengeluarkan barang[2] penggunaan di-pasaran dalam negeri.

475. Satu Penyiasatan Peluang[2] Perusahaan bagi Sabah, yang telah di-jalankan oleh LKPP dalam tahun 1970, menunjokkan banyak peluang[2] bagi mendirikan perusahaan[2] memproses kayu balak, hasil[2] pertanian dan galian[2] dan juga pembuatan barang[2] penggunaan dari jenis[2] tertentu. Kajian yang sama akan di-jalankan bagi negeri Sarawak.

---

* Di-ta'arifkan mengikut Pengelasan Perdagangan Antarabangsa, sekshen[2] 5 hingga 8, tidak termasok bijeh timah, tetapi termasok hasil[2] petrol dan jerok buah[2]an dan hasil buah[2]an lain, serta meliputi beberapa barang impot yang di-ekspot sa-mula.

476. Perlaksanaan projek² perusahaan yang timbul dari kajian² ini akan menambahkan lagi nilai tambahan dalam sektor pembuatan di-negeri² Malaysia Timor dan akan memberi sumbangan untok menchapai matlamat keselurohan keluaran yang di-tetapkan dalam Ranchangan.

477. Dalam matlamat keselurohan keluaran terdapat dua lagi perkara yang penting dari segi tujuan² Ranchangan. Perkara² ini ia-lah memajukan perusahaan² kechil dan menggalakkan penempatan perusahaan² di-kawasan² selain dari bandar² supaya pembahagian kegiatan perusahaan akan menjadi sa-imbang.

478. Perkara yang mendapat perhatian berat dalam sektor pembuatan ia-lah kemajuan *perusahaan² kechil*. Perusahaan² ini boleh memainkan peranan yang berguna dalam kemajuan perusahaan di-Malaysia pada masa ini. Selain daripada memberi sumbangan kapada perkembangan keluaran dalam sektor ini, perusahaan² ini boleh membantu kegiatan² perusahaan yang lebeh besar, terutama sekali bagi mengadakan keperluan² impot jenis separoh-siap. Mereka juga membolehkan penggunaan lebeh banyak bahan² mentah dalam negeri dan memberi sumbangan besar kapada perkembangan gunatenaga. Pengusaha² baharu yang mempunyaï modal dan kemahiran teknik yang terhad akan dapat, dengan lebeh mudah lagi, memasoki sektor perusahaan melaluï kegiatan² kechil ini. Oleh kerana perusahaan² ini memerlukan hanya kemudahan² infrastraktur yang kechil, perusahaan² kechil ini dapat di-dirikan di-luar bandar dan dengan itu akan membantu proses memodenkan kawasan² luar bandar. Perusahaan² ini juga boleh membantu usaha memajukan perusahaan² pertukangan tradisi dalam negeri ini. Dalam tempoh Ranchangan, berbagai bantuan pengurusan, teknik dan kewangan akan di-adakan bagi memajukan perusahaan² ini dan menarek mereka ka-dalam sektor perusahaan moden.

479. Kemajuan *kegiatan² pembuatan di-kawasan² yang kurang maju* merupakan satu bahagian penting dalam achara kemajuan perusahaan dalam Ranchangan. Ia-nya juga ada-lah bahagian yang penting dalam strateji memodenkan kawasan² yang kurang maju di-Malaysia Timor dan Barat dan membena pusat² perkembangan dan bandar² yang baharu. Ada-lah di-jangka dalam Ranchangan, bahawa sementara pusat² perkembangan yang baharu ini di-tentukan dan di-majukan, perusahaan baharu akan di-bawa masok ka-kawasan² ini bagi memperchepatkan lagi pembangunan kawasan² tersebut. Peluang² bagi menjalankan projek² perusahaan akan ujud hasil dari pembukaan kawasan² baharu, pembangunan kemudahan² infrastraktur, juga dari proses menyatukan kawasan² yang kurang maju dengan sektor² ekonomi moden.

480. Kerajaan sendiri akan menggalakkan penempatan kegiatan perusahaan² baharu melaluï penyertaan-nya dengan chara langsong dalam perusahaan² ini dan dengan memberi beberapa dorongan dan kemudahan yang istimewa untok tujuan tersebut. Kemajuan perusahaan² di-pusat² perkembangan baharu akan mempelbagaikan peluang² bekerja di-kawasan² yang sekarang ini bergantong kapada kegiatan² pertanian dan akan menambahkan lagi penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam sektor pembuatan serta dalam lain² kegiatan ekonomi yang moden, dan dengan itu memperchepatkan proses permodenan di-kawasan² luar bandar.

481. *Gunatenaga*. Sektor pembuatan akan memainkan peranan penting untok menchapai matlamat gunatenaga Ranchangan. Matlamat ini menjangka bahawa jumlah pekerjaan akan bertambah sa-banyak 40% dalam sektor pembuatan di-Malaysia Barat, ia-itu daripada 270,000 dalam tahun 1970 kapada 378,000 dalam tahun 1975. Pekerjaan² baharu yang akan di-adakan dalam tempoh ini berjumlah 108,000 dan jumlah ini merupakan lebeh kurang 22% daripada jumlah pekerjaan² sa-banyak 495,000 yang akan di-adakan di-Malaysia Barat dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Matlamat ini memerlukan dasar² yang akan menghasilkan perlaksanaan chara² pengeluaran yang menggunakan lebeh ramai buroh dan penubohan perusahaan² yang memerlukan banyak gunatenaga saperti perusahaan² kain, letronik dan pembenaan kapal².

IV.—DASAR² DAN LANGKAH² BAGI MENCHAPAI TUJUAN² RANCHANGAN

482. Tujuan² yang di-terangkan di-atas memerlukan Kerajaan melaksanakan dasar² dan langkah² baharu yang penting dengan kerjasama sektor swasta yang sepenoh-nya.

483. Bagi menchapai kadar perkembangan nilai tambahan dalam sektor pembuatan sa-banyak 12.5% sa-tahun, jumlah pelaboran yang perlu ia-lah sa-banyak $1,850 juta, ia-itu lebeh dua kali daripada jumlah yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Terchapai-nya jumlah yang tinggi ini bergantong kapada beberapa faktor. Yang paling mustahak ia-lah perkembangan ekonomi, dasar² kewangan dan chukai, pembenaan infrastraktur, chara² pentadbiran, tingkatan gaji dan kos bahan² dan juga keadaan politik dan sosial yang stabil. Dengan ada-nya semua faktor ini, Kerajaan akan dapat mewujudkan suasana yang selaras dengan perkembangan pelaboran yang chepat.

484. Kerajaan, terutama sekali melaluï Majlis Penanaman Modal, akan membantu usaha² menentukan peluang² dalam sektor pembuatan, menggalak serta memajukan projek² tersebut, mengelokkan dan meluaskan

galakan² perusahaan serta mengemaskan chara² pentadbiran supaya perlaksanan projek² dapat di-perchepatkan. Perlindongan tarif akan terus di-beri kapada perusahaan² baharu bagi membolehkan mereka maju dan menghadapi persaingan dari luar negeri. Perlindongan tarif akan di-beri setelah di-pertimbangkan perkara² saperti penggunaan tenaga dalam perusahaan, penggunaan barang² mentah tempatan, penempatan-nya dan tambahan kechekapan yang di-jangka. Kerajaan akan mengkaji sa-mula dan sekira-nya perlu, mengubah dasar² dan chara² pemberian tarif dengan tujuan memperchepatkan lagi penubohan perusahaan² baharu.

485. Dorongan² yang di-berikan di-bawah Akta Galakan Pelaboran 1968, akan terus di-gunakan tetapi akan di-pinda bagi menggalakkan penggunaan buroh yang lebeh banyak mengikut kadar modal. Pembatalan chukai gaji yang di-kuatkuasa dalam Anggaran Perbelanjawan tahun 1971 memberi galakan selanjut-nya kapada penggunaan buroh yang lebeh ramai. Akhir sekali, dorongan² akan juga di-beri bagi menggalakkan latehan sambil-bekerja dan dengan itu memperchepatkan berlaku-nya tambahan gunatenaga dan pengeluaran pekerja² yang mahir.

486. Selain dari langkah² untok menambahkan pelaboran dalam negeri, Kerajaan juga akan menggalakkan lebeh banyak kemasokan pelaboran asing. Bagi maksud ini, Kerajaan akan menubohkan beberapa pusat galakan pelaboran di-negeri² yang tertentu. Kerajaan juga akan membuat perjanjian dengan beberapa negara mengenaï perkara² chukai-dua-kali dan jaminan bagi pelaboran. Pelabor² asing menikmati kebebasan penoh untok memindah modal² dan keuntongan² mereka ka-negeri² lain dalam kawasan Sterling, manakala pemindahan modal² dan keuntongan² mereka ka-negeri² lain hanya terta'alok kapada kawalan² yang rengan sahaja. Dasar ini akan di-teruskan.

487. Perhatian khas akan di-beri terhadap usaha² menambahkan lagi ekspot barang² pembuatan dari Malaysia. Kerajaan akan meluaskan lagi dorongan² ekspot yang di-berikan di-bawah Akta Galakan Pelaboran, 1968. Di-samping itu, sa-buah Majlis Penasihat Ekspot Negara, yang terdiri daripada ahli² dari sektor² swasta dan awam, telah di-tubohkan bagi mengkaji segala aspek untok menambahkan lagi ekspot Malaysia. Satu ranchangan insuran bagi ekspot sedang di-pertimbangkan. Maklumat² berkenaan pasaran² asing, kos² pengangkutan dan juga dasar² perdagangan negeri² asing akan di-berikan kapada pengekspot² di-Malaysia. Kawasan² perdagangan bebas dan kawasan² memproses ekspot sedang di-adakan di-tempat² yang terpileh di-Malaysia. Perhatian juga akan di-beri supaya

kechekapan pengeluaran dan mutu ekspot² akan terus meningkat tinggi. Langkah² ini akan menambahkan lagi kebolehan pengilang² Malaysia bertanding dalam pasaran² dunia.

488. Beberapa langkah baharu akan di-jalankan bagi memperchepatkan penubohan kegiatan perusahaan di-kawasan² yang kurang maju di-Malaysia Timor dan Barat.

489. LKPP dan SPKPM akan menubohkan lebeh banyak chawangan² di-luar bandar Kuala Lumpur bagi menjalankan kegiatan² kemajuan di-beberapa buah kawasan dan mengadakan perkhidmatan² lain yang di-kehendaki oleh pelabor². Di-samping itu, LKPP akan bekerjasama dengan PKEN² dalam penubohan dan pengurusan kawasan² perusahaan baharu di-tempat² terpileh. Kerjasama LKPP dalam tugas ini akan menjadi-kan kawasan² perusahaan itu lebeh sesuai bagi memenohi keperluan² pelabor. Ranchangan² pembangunan kawasan yang sekarang ini di-sediakan bagi beberapa buah negeri di-Malaysia ada-lah terkandong di-dalam-nya langkah² bagi memajukan pusat² perkembangan dan pekan² baharu dalam kawasan² ini. Data² dan maklumat² yang telah di-dapati dari Ranchangan² pembangunan kawasan akan membantu usaha² menentukan peluang² dalam sektor pembuatan dan juga kegiatan² yang lain di-pusat² dan pekan² ini. Pandangan sechara meluas dan peluang² perkembangan jangka panjang bagi kawasan ini yang di-jelaskan dalam kajian² panduan yang lengkap ada-lah sangat berguna kapada pengusaha² dan Kerajaan dalam usaha² memajukan kegiatan² perusahaan di-kawasan² ini.

490. Chawangan² bank perdagangan sedang di-galakkan supaya me-mainkan peranan yang lebeh chergas dalam kegiatan² pembangunan di-kawasan² mereka. Bank² ini ada-lah di-jangka akan memberi lebeh banyak pinjaman² dan perkhidmatan² menasihat kapada pelabor² tempatan serta menambahkan lagi penggunaan wang² tabongan tempatan.

491. Selain dari langkah² ini, Kerajaan akan memberi dorongan² baharu bagi menggalakkan perusahaan² menempatkan kilang² di-luar kawasan bandar² yang besar. Kadar² bayaran kuasa letrik, ayer dan pengangkutan sedang di-kaji sa-mula supaya kadar² ini tidak meng-halang penempatan perusahaan² di-kawasan² yang kurang maju. Ke-mudahan² pengangkutan dan kuasa letrik yang akan di-adakan dalam tempoh ranchangan di-bentok dengan chara yang sesuai supaya memudah-kan tujuan di-chapai. Penempatan sesuatu perusahaan juga merupakan salah satu dari faktor² yang di-pertimbangkan sebelum pemberian taraf

di-luluskan. Pengechualian chukai selama sa-tahun yang sekarang di-berikan kapada perusahaan di-tempatkan "di-kawasan pembangunan" akan di-teruskan. Untok mengelakkan kekurangan perkhidmatan² sosial (mithal-nya perumahan, pusat² kesihatan dan sekolah²) menghalang penempatan per-usahaan² di-kawasan² yang baharu, Kerajaan akan mendirikan infrastraktur sosial sebagai tambahan kapada infrastraktur yang lain dalam kawasan² ini. Satu sistem dorongan yang sesuai akan di-bentok bagi mengatasi masaalah² kos, terutama sekali yang berkaitan dengan kadar² bayaran kuasa letrik, ayer dan pengangkutan dan juga kos² perumahan dan latehan. Ini ada-lah perlu kerana dorongan² yang di-beri kapada pelabor² dalam perkara² ini ada-lah tidak menchukopi bagi menampong kos² ini di-kawasan² yang kurang maju.

492. Di-samping memberi dorongan² dan kemudahan² ini, Kerajaan juga akan mengambil bahagian yang chergas bagi menambahkan perusahaan² pembuatan di-pekan² kechil, pekan² baharu dan kawasan² perkembangan yang terpileh. Lembaga² awam saperti MARA dan PKEN² akan berusaha untok mengadakan perusahaan² kepunyaan mereka dan perusahaan² ber-sama dengan gulongan swasta dalam berbagai jenis kegiatan pembuatan. Ini termasok jenis barang² penggunaan dan barang² separoh-siap bagi perusahaan² lain serta barang² ekspot yang berasaskan hasil² pertanian dan lain² di-kawasan² ini.

493. Kerajaan juga akan melaksanakan langkah² bagi memajukan perusahaan² kechil. Langkah² ini termasok berbagai jenis bantuan saperti kemudahan² kredit dan perkhidmatan nasihat perkara² teknik. Bagi maksud ini, satu perkhidmatan nasihat perusahaan² kechil akan di-tubohkan oleh SPKPM. Melaluï badan² awam saperti MARA, PKEN² dan LKPP, Kerajaan akan menubohkan perusahaan² kechil di-pekan² kechil dan di-kawasan² luar bandar dan membantu pemasaran hasil² keluaran dari kawasan² ini, pembelian bahan² mentah sechara borong dan mempertinggikan teknoloji dan pengurusan perusahaan² ini.

494. Institiut Negara bagi Penyelidekan Sains dan Perusahaan (INPSP) telah di-tubohkan di-Kementerian Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama INPSP ia-lah memperchepatkan pembangunan perusahaan melaluï penyelidekan. Perhatian khas akan di-berikan kapada penyelidekan bagi menyesuaikan proses² dan teknoloji dengan bahan² pengeluaran yang ada dan menentukan kegunaan² baharu bahan² mentah tempatan. Institiut ini akan memberi nasihat kapada perusahaan² mengenaï jenis teknoloji dan proses² perusahaan, termasok pemilehan jentera² dan bahan² mentah yang sesuai di-gunakan.

495. Mutu yang sesuai bagi barang², proses² dan chara² perusahaan akan di-majukan oleh Pusat Piawaian Malaysia (PPM) menambahkan lagi kechekapan perusahaan dan memajukan kebajikan² awam dan perusahaan serta kesihatan dan keselamatan.

V.—PEMBENTOKAN MASHARAKAT MELAYU DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

496. Tujuan utama Ranchangan ini ia-lah menambahkan *penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain* dalam kegiatan² pembuatan dan perdagangan. Penyertaan yang di-maksudkan ia-lah dari segi hak milek, pengurusan dan pekerjaan. Kerajaan telah menetapkan matlamat ia-itu dalam tempoh dua-puloh tahun sekurang²-nya 30% daripada jumlah kegiatan² perdagangan dan perusahaan dalam semua bidang dan peringkat harus mempunyaï penyertaan orang² Melayu dan lain² ra'ayat bumiputra dari segi hak milek dan pengurusan. Tujuan-nya ia-lah untok mewujudkan dalam tempoh masa yang tertentu, satu masharakat perindustrian dan perdagangan Melayu yang maju dan dinamis sejajar dan bersaingan dengan orang² bukan Melayu dalam sektor moden. Sektor² pembuatan dan perdagangan ada-lah penting sekali untok menchapai matlamat ini. Ranchangan Malaysia Kedua bertujuan untok (i) menentukan supaya kemajuan di-perolehi bagi menchapai matlamat ini, dan (ii) menubohkan institusi² dan peratoran² supaya pengenalan kaum dengan kegiatan ekonomi semakin di-kurangkan. Keutamaan juga di-beri untok memperchepatkan lagi tambahan pekerjaan bagi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain di-semua peringkat dalam kegiatan² pembuatan supaya mencherminkan chorak pendudok berbilang kaum.

497. Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah yang di-tujukan ka-arah pembentokan segera satu gulongan pengusaha Melayu yang dinamis. Unsor² dasar tersebut termasok-lah:

(i) langkah² istimewa untok memajukan pengusaha² Melayu dan menentukan pembekalan kewangan yang chukop;

(ii) kemajuan kemahiran² dan sikap yang tertentu di-kalangan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dengan chepat-nya;

(iii) kemudahan² dan sokongan untok pedagang dan peniaga² kechil Melayu dan bumiputra² yang lain untok mendapat atau menyewa kawasan² yang sesuai;

(iv) penyertaan sektor awam yang lebeh besar dan chergas;

(v) merangka langkah² untok mendorong orang² bukan Melayu dan pertubohan² perdagangan dan perusahaan asing supaya membantu orang² Melayu dan bumiputra² yang lain untok mendapat latehan sambil bekerja, perkhidmatan nasehat dan teknik, kerjasama dalam pemasaran dan kegiatan² membeli, dan dalam pembiayaan usaha² baharu;

(vi) mengamalkan dasar untok menggalakkan pembangunan yang saimbang di-kawasan² bandar dan di-pusat² kemajuan yang baharu;

(vii) satu langkah baharu yang mengandongi dasar² yang di-rangka khas dan di-laksanakan dengan giat-nya supaya orang² Melayu dan bumiputra² lain yang di-luar bandar dapat menyertaï kegiatan² perdagangan dan perusahaan serta kehidupan bandar; dan

(viii) peranchangan dan penyelidekan yang lengkap dan teliti untok merangka dan melaksanakan dasar dan kemajuan perdagangan dan perusahaan dengan chekap.

498. *Kebolehan mengusaha dan kemahiran perniagaan* memerlukan masa untok menchapai kemajuan. Langkah² yang tegas akan di-ambil untok menggalakkan kemajuan kemahiran² tersebut. Ranchangan² pelajaran dan latehan akan di-rangka untok melengkapi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dengan pengetahuan asas mengenaï pengurusan dan pentadbiran perniagaan. Peluang² perniagaan dan perdagangan akan di-sediakan untok penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dan sokongan yang perlu dalam kewangan, bantuan teknik dan kemudahan² lain juga akan di-beri. Ada kala-nya, Kerajaan sendiri akan memulakan penubohan perusahaan² dan melateh orang² Melayu dan bumiputra² yang lain untok mengambil-aleh perusahaan² itu kelak. Orang² bukan Melayu dan pengusaha² asing juga akan di-galakkan supaya menyertaï ranchangan bagi memajukan kebolehan pegawai² tinggi, pengurus² dan pengusaha² Melayu dan bumiputra² yang lain. Chara² penting dalam langkah² ini di-huraikan saperti berikut.

499. Satu langkah yang paling terkemuka untok memudahkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam sektor perusahaan ia-lah pemberian segera peluang² latehan² teknik, pertanian, vokeshen dan perniagaan. Sekolah² Vokeshen MARA, Institiut Teknoloji MARA, Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat dan Pusat Daya Pengeluaran Negara akan melateh lebeh ramai lagi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain untok perusahaan. Ranchangan² latehan ini akan di-tambah dengan ranchangan² latehan sambil bekerja yang di-anjorkan dan di-awasi

melaluï Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat dan MARA. Tambahan pula, melaluï ranchangan Kerajaan untok bertukar² kakitangan di-antara sektor awam dan sektor swasta, lebeh ramai lagi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain akan berpeluang mendapat pengalaman dalam bidang pengurusan dan juga menyertaï kegiatan perusahaan. Ranchangan² ini di-huraikan dengan lebeh lanjut dalam Bab² VII dan XIV.

500. Institusi saperti MARA, Bank Bumiputra dan SPKPM telah berjaya menchapai tujuan² asal mereka. Walau bagaimana pun, tidak ada institusi yang di-beri tugas untok bertanggong-jawab sepenoh-nya bagi menggalak-kan dan membantu orang² Melayu dan bumiputra² yang lain untok menentu, memula, memaju, melaksana dan menguruskan perusahaan². Oleh itu dalam Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan berazam akan memastikan supaya kelemahan² ini di-atasi, dan bagi tujuan ini Kerajaan akan menubohkan satu bank pembangunan yang baharu.

501. Sementara itu, kemudahan² akan di-majukan untok menambah hak milek harta modal orang² Melayu dan bumiputra² yang lain terutama-nya modal sanam perusahaan² di-sektor moden. Di-peringkat permulaan-nya, institusi² saperti MARA, PERNAS dan PKEN² akan memperolehi saham² modal sechara perkongsian dengan sektor swasta, dan saham² itu akhir-nya akan di-pindah milek-nya kapada orang² Melayu dan bumiputra² yang lain. Dalam perkara ini, tabongan² persendirian akan di-salorkan melaluï unit² amanah dan saloran² pelaboran lain. Untok menggalakkan saham² yang di-beli atau di-untokkan kapada mereka supaya kekal dalam masharakat mereka, Kerajaan akan memajukan penubohan satu pasaran saham berasas-kan kapada perjalanan yang di-mulakan oleh Unit Amanah MARA.

502. *Kawasan² dan kompleks² perniagaan.* Di-Ibu Kota, ibu² negeri dan bandar² penting yang lain di-mana peniaga² Melayu dan bumiputra² yang lain tidak begitu maju, Kerajaan akan menetap dan menyediakan kawasan² untok mereka menjalankan kegiatan² perdagangan. Dengan demikian, Kerajaan akan mengelakkan terjadi-nya kawasan² perdagangan yang ber-asingan mengikut kaum. Lembaga Pembangunan Bandar (LPB), yang akan berkuat-kuasa pada mula-nya di-Kuala Lumpur, merupakan harapan besar terchapai-nya tujuan ini. Dalam tugas² membaharuï dan memajukan bandar, LPB akan memberi keutamaan kapada perlaksanaan projek² yang membolehkan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain berniaga di-kawasan² perdagangan yang penting. Lembaga ini akan menchari, mendapatkan dan memajukan tapak² yang sesuai untok mendirikan bangunan² perdagangan. Ia juga akan membeli atau menyewa bangunan² perdagangan persendirian.

Sebagai pertubohan yang utama bagi kemajuan bandar, LPB akan menyatukan kegiatan² MARA dan PKEN² dalam menjalankan projek² perdagangan dan perumahan bandar. Dengan kerjasama Kerajaan Negeri, LPB akan menentukan tanah² kepunyaan Kerajaan Negeri dan tanah² simpanan yang sesuai di-keluarkan bagi kemajuan perdagangan, terutama sekali untok perniagaan² orang² Melayu dan bumiputra² yang lain. LPB juga akan memberi bantuan² lain yang di-perlukan supaya peniaga² Melayu dan bumiputra² yang lain dapat menyewa tempat² dan menggunakan kemudahan²-nya dengan chara optima.

503. Di-bandar² kechil dan terutama sekali di-pusat² pembangunan baharu, langkah² akan di-rangka bagi menentukan supaya pedagang² Melayu akan mendapat faedah dari peluang² perdagangan, hasil dari kemajuan² kawasan dan perusahaan. Langkah² saperti ini, termasok-lah peruntokan rumah²-kedai dan gerai² di-pasar² bagi pedagang² Melayu.

504. Untok memudahkan kemajuan perusahaan Melayu dalam bidang *pembenaan,* satu perbadanan pembenaan akan di-tubohkan oleh PERNAS. Tujuan utama PERNAS dalam menubohkan perbadanan ini ada-lah untok memberi perkhidmatan nasehat dan organisasi bagi menentukan supaya kontrektor² Melayu semakin berupaya menandingi pembena² bukan Melayu dan dari luar negeri. Usaha² bagi mengutamakan kontrektor² Melayu dan bumiputra² yang lain bagi projek² pembenaan Kerajaan akan di-teruskan dan di-luaskan lagi untok meliputi semua nilai kerja² kontrek sebagai satu usaha mewujudkan persaimbangan antara kaum dalam bidang perusahaan pembenaan.

505. Dalam lapangan *perlombongan,* langkah² baharu akan di-ambil untok menambah hak milek dan peranan pengurusan serta pekerjaan² bagi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain. Perhatian akan di-beri terhadap penyertaan yang lebeh bagi orang² Melayu dalam semua chara melombong bijeh, termasok melombong di-pinggir pantai. Peranan Kerajaan ia-lah menchari kawasan² samaada dalam atau di-luar kawasan² Simpanan Melayu di-mana terdapat bijeh timah, dan memberi bantuan teknik dan kewangan kapada pengusaha² Melayu dan bumiputra² yang lain. Peranan ini akan di-jalankan dengan Kerjasama Kerajaan² Negeri.

506. *Penyertaan sektor awam.* Kerajaan akan juga memulakan penubohan sharikat² perusahaan dan perdagangan melaluï institusi² saperti MARA, PERNAS, LPB, dan PKEN² dalam kawasan² bandar dan juga luar bandar. Hak milek dan pengurusan sharikat² tersebut akan di-ambil aleh oleh orang²

Melayu dan bumiputra² yang lain dengan sechepat mungkin. Pelaboran Kerajaan sechara langsong dalam kegiatan² perdagangan dan perusahaan ada-lah untok memberi latehan dan peluang² belajar kapada orang² Melayu dan bumiputra² yang lain serta menentukan supaya projek² yang ekonomi dapat di-beri kapada pengusaha² itu. Kegiatan² Kerajaan ini akan di-pileh dengan teliti untok memastikan yang projek² itu tidak akan menghalang kemajuan sektor swasta.

507. Semua ini ada-lah langkah² penting bagi mewujudkan satu masharakat Malaysia yang bersatu-padu melaluï pembasmian perlahan² pengenalan kaum dengan fungsi² ekonomi. Sementara langkah² di-atas di-laksanakan, penyelidekan dan peranchangan juga akan di-jalankan dan langkah² yang sedia ada akan di-kaji sa-mula untok memperkokohkan ranchangan² bagi menggalakkan penyertaan orang² Melayu dengan lebeh ramai dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Langkah² yang chermat akan di-ambil untok menentukan supaya ranchangan² dan tindakan² ter-sebut dan perlaksanaan-nya akan memberi sumbangan kapada kemajuan ekonomi negara keselurohan-nya. Kemajuan saperti ini ada-lah penting untok memastikan supaya semua ra'ayat Malaysia akan menerima bahagian yang wajar dari faedah² pembangunan.

508. Peruntokan Ranchangan bagi kegiatan² perdagangan dan perusahaan ada-lah di-tunjokkan di-penghujong Bab XI.

BAB XI

Perdagangan, Pelanchongan, Perlombongan dan Pembenaan

I.—PENDAHULUAN

509. Sektor perdagangan, yang meliputi perniagaan² borong dan runchit, urusan bank, insuran dan urusan yang berthabit dengan harta rumah dan tanah, menyumbangkan kira² 17% daripada KDNK dan kira² 12% daripada jumlah pekerjaan. Perusahaan pengeluaran chara besar²an dan moden memainkan peranan yang penting dalam sektor ini. Sementara itu, sa-bahagian besar dari sektor ini terdiri daripada peniaga² runchit, pembahagi² dan penjaja² yang menggunakan pekerja² yang banyak, tetapi kebanyakan dari mereka menerima pendapatan yang rendah. Jumlah keluaran di-lapangan ini telah bertambah dengan kadar lebeh chepat daripada tambahan pendudok dalam beberapa tahun yang lalu.

510. Perlombongan dan pembenaan menyumbangkan kira² 10% daripada KDNK dan kira² 6% daripada jumlah pekerjaan. Sumbangan lapangan perlombongan dari segi keluaran negara dan gunatenaga telah berkurangan. Masa hadapan perusahaan ini bergantong kapada hasil² penyelidekan di-darat dan di-laut yang sedang di-jalankan. Nilai tambahan dalam lapangan pembenaan bertambah kurang chepat daripada KDNK dalam Ranchangan Malaysia Pertama tetapi lapangan ini akan berkembang dengan lebeh chepat dalam tahun² 1971-75 oleh kerana tingkat pelaboran yang di-jangka ada-lah lebeh tinggi.

511. Perkembangan sektor² ini di-masa hadapan, terutama sekali di-lapangan perdagangan dan pembenaan, ada-lah mustahak untok menchapai matlamat² membasmi kemiskinan, mengadakan pekerjaan dan menyusun sa-mula masharakat untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi. Lapangan perdagangan akan di-beri perhatian yang istimewa supaya chorak hak milek dan pengurusan, gunatenaga dan pembahagian pendapatan menjadi unsor² yang penting bagi menggalakkan perpaduan negara.

II.—PERDAGANGAN

512. Sektor ekonomi ini mengandongi kegiatan² yang lebeh menggunakan tenaga buroh, senang di-pengarohi oleh unsor² moden, dan kebanyakan-nya terletak di-bandar². Dengan hal yang demikian, lapangan ini mempunyaï satu peranan yang mustahak bagi menchapai matlamat² Ranchangan Malaysia Kedua.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

513. Dalam tahun² enam-pulohan, nilai tambahan perdagangan di-Malaysia Barat telah berkembang dengan kadar purata sa-banyak 5.7% sa-tahun, ia-itu satu kadar yang tinggi sedikit daripada KDNK. Kadar kemajuan bidang ini dalam tempoh 1961-65 ada-lah lebeh tinggi (6.4%) daripada perkembangan dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama (4.9%). Satu daripada kegiatan² di-sektor ini, ia-itu perniagaan borong dan runchit, telah berkembang dengan kadar 4% sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, sementara urusan bank dan kewangan telah berkembang lebeh daripada dua kali. Dalam tahun 1970, jumlah pekerjaan di-sektor perdagangan ada-lah sa-banyak 340,000, ia-itu kira² 12% daripada jumlah tenaga buroh. Jumlah pekerjaan telah bertambah dengan kadar purata sa-banyak 3.4% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Pertama (*lihat* Jadual 11-1).

514. Di-Malaysia Timor, perkembangan purata lapangan ini dalam tempoh 1967-70 ia-lah 11.6% sa-tahun, ia-itu lebeh tinggi daripada kadar perkembangan KDNK sa-banyak 9% sa-tahun di-wilayah ini. Jumlah pekerjaan di-lapangan ini mungkin telah berkembang kira² 8% hingga 9% sa-tahun.

515. Perniagaan borong ada-lah terdiri daripada satu bilangan kechil perusahaan² besar yang menyumbangkan sa-bahagian besar daripada nilai tambahan. Sebalek-nya, perniagaan runchit mempunyaï ramai peniaga²-nya dan menyumbangkan sa-bahagian besar dari jumlah pekerjaan. Perniagaan runchit ini terdiri daripada perusahaan² kechil kepunyaan keluarga, dan kebanyakan-nya di-punyaï dan di-uruskan oleh orang² bukan Melayu. Penyertaan orang² Melayu ada-lah sedikit. Di-Malaysia Barat dalam tahun 1969, modal saham yang di-mileki oleh orang² Melayu dalam sharikat² perniagaan ada-lah kurang daripada 1%, sementara kaum² lain sa-banyak 51.7% dan orang² bukan warganegara Malaysia sa-banyak 47.6%. Penyertaan orang² Melayu ada-lah sangat kechil di-bidang perniagaan borong dan urusan² bank dan kewangan; orang² asing ada-lah menguasaï lapangan perniagaan borong dan mempunyaï lebeh daripada

separoh modal saham di-lapangan urusan bank dan kewangan. Kaum² bukan Melayu mempunyaï kira² 40% daripada modal saham di-bidang urusan bank dan kewangan, dan kira² satu perempat di-bidang perniagaan borong.

JADUAL 11-1

PENGELUARAN DAN JUMLAH PEKERJAAN DI-BIDANG PERDAGANGAN, MALAYSIA BARAT, 1960-70

	Nilai tambahan (*$ juta*)	*Jumlah pekerjaan** (*000*)
1960	813	—
1961	849	—
1962	889	—
1963	969	—
1964	1,033	—
1965	1,108	287
1966	1,175	—
1967	1,195	—
1968	1,272	—
1969	1,319	—
1970	1,409	340
1966-70:		
Kadar tambahan purata tahunan (%)	4.9	3.4
Jumlah tambahan	301	53

2. MATLAMAT² PENGELUARAN DAN PEKERJAAN, 1971-75

516. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua nilai tambahan di-bidang perdagangan akan berkembang sa-jajar dengan perkembangan ekonomi pada keselurohan-nya. KDNK di-Malaysia Barat di-jangka akan bertambah dengan kadar purata sa-banyak 6.9% sa-tahun mengikut harga² sa-masa, dan ini di-jangka akan menyebabkan kadar perkembangan kegiatan² perdagangan menjadi sa-banyak 5.3%. Mengikut kadar ini, nilai tambahan

* Data² hanya bagi tahun² yang menjadi ukoran.

di-sektor perdagangan akan meningkat ka-jumlah $1,823 juta dalam tahun 1975, berbanding dengan $1,409 juta dalam tahun 1970. Jumlah pekerjaan di-jangka akan bertambah sa-banyak 4.3% sa-tahun, mewujudkan 79,000 pekerjaan baharu dalam tempoh tersebut (*lihat* Jadual 11-2).

JADUAL 11-2

PENGELUARAN DAN JUMLAH PEKERJAAN DALAM PERDAGANGAN, MALAYSIA BARAT, 1970-75

	1970	*1975*	*Kadar tambahan purata tahunan (%)*	*Jumlah tambahan 1971-75*
Nilai tambahan ($ juta) ...	1,409	1,823	5.3	414
Jumlah pekerjaan (000) ...	340	419	4.3	79

517. Di-Malaysia Timor, keluaran dan jumlah pekerjaan di-bidang perdagangan di-jangka akan bertambah, tetapi tidak sechepat tahun[2] 1968-70. Dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua, kadar perkembangan pengeluaran purata ada-lah di-jangka sa-banyak 10% sa-tahun. Jumlah pekerjaan akan berkembang sa-banyak 8% sa-tahun.

518. Munchul-nya kegiatan perdagangan ada-lah di-sebabkan oleh perkembangan di-sektor[2] lain dan bukan pula sebalek-nya. Ada-lah di-jangka bahawa dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua, tidak ada kerumitan[2] akan di-alami dari segi bekalan atau pengeluaran, kerana keupayaan di-sektor ini boleh di-tambah dengan senang dan segera. Perhatian akan di-beri untok menentukan ada-nya perkhidmatan[2] perdagangan di-merata tempat di-negeri ini. Dasar[2] mengenaï perkara ini telah di-binchangkan dalam Bahagian IV, Bab X. Selain dari itu, bank[2] perniagaan akan di-galakkan mengambil bahagian yang lebeh giat lagi dari masa[2] yang lalu dalam peranan mereka sebagai puncha[2] pinjaman kewangan untok perusahaan, termasok-lah bidang[2] pembenaan, perlombongan dan pembuatan. Dalam memainkan peranan ini, bank[2] akan menolong menentukan projek[2] yang sesuai terutama bagi kawasan[2] luar bandar, dan menyediakan butir[2] ekonomi untok keperluan pemodal[2]. Dasar[2] dan langkah[2] untok memudahkan penyertaan yang lebeh besar oleh orang[2] Melayu dan bumiputra[2] lain dalam lapangan ini telah di-binchangkan dalam Bahagian V, Bab X.

III.—PELANCHONGAN

519. Sunggoh pun pada masa ini, pelanchongan bukan-lah satu lapangan yang besar dalam ekonomi Malaysia, ia ada-lah tersangat penting untok menchapai matlamat² pembangunan, terutama untok mewujudkan peluang² pekerjaan. Oleh itu Kerajaan akan menggalakkan pembangunan pelanchongan dalam negeri dan antarabangsa.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

520. Pelanchongan bagi pendudok² dan pelawat² asing di-negeri ini telah menjadi bertambah mudah di-sebabkan kemajuan² dan kerja² mengelokkan jalan² raya, keretapi, penerbangan dan pengangkutan laut, dan juga dengan meningkat-nya taraf hidup negara. Perjalanan melaluï jalan² raya telah bertambah berikutan dengan pembesaran sistem jalan² raya dan lebeh ramai pendudok² yang mempunyaï kereta. Panjang-nya jalan raya di-Malaysia Barat telah bertambah lebeh daripada 14% di-antara tahun 1965 dan 1970. Pendaftaran kereta telah bertambah hampir 70% dalam masa yang sama. Perjalanan melaluï udara telah bertambah dengan kadar yang tinggi. Bilangan penumpang yang naik dan mendarat di-lapangan² terbang di-Malaysia Barat telah bertambah dengan kadar purata lebeh dari 16% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Faktor lain yang menyebabkan bertambah-nya perjalanan ia-lah kenaikan pendapatan *per kapita* dari kira² $917 dalam tahun 1965 kapada $1,080 dalam tahun 1970.

521. Perjalanan pelanchong² asing di-Malaysia telah bertambah dengan kadar yang tinggi. Bilangan pelanchong² yang sampai melaluï udara dan laut telah bertambah dari 23,000 dalam tahun 1961 kapada 77,000 dalam tahun 1970, menunjokkan kadar tambahan purata sa-banyak 14.4% sa-tahun. Bilangan pelanchong² yang sampai dengan kereta dan keretapi dari Singapura dan Thailand ada-lah juga tersangat besar.

522. Di-lapangan swasta telah terdapat berbagai² kegiatan berikutan dengan ada-nya permintaan terhadap kemudahan² pelanchongan dan jangkaan tentang perkembangan bidang ini. Kegiatan² di-pehak swasta ada-lah kebanyakan-nya dalam bidang pembenaan hotel² baharu dan meninggikan mutu hotel² yang ada ka-taraf antarabangsa. Pelaboran di-bidang hotel² telah bertambah dengan banyak-nya antara tahun 1955 dan 1970, terutama sekali dalam masa dua tahun yang akhir Ranchangan Malaysia Pertama. Bilangan bilek² di-hotel² yang bertaraf antarabangsa telah bertambah dari kira² 1,900 dalam tahun 1965 kapada 6,000 dalam tahun 1970. Jumlah

pekerjaan di-hotel² besar ada-lah kira² 2,700 dalam tahun 1965 dan mencapai angka 8,000 dalam tahun 1970. Bilangan sharikat² pelanchong juga telah bertambah.

523. Kerajaan telah memainkan peranan penting dalam perkembangan perusahaan pelanchongan di-pertengahan tahun 1969 dengan mengadakan galakan² terhadap pembenaan dan usaha² meninggikan mutu hotel². Hotel² yang di-luluskan telah di-tawarkan taraf perintis atau pun pengechualian chukai pendapatan sebanyak yang di-tentukan mengikut tempat² hotel² tersebut di-dirikan. Kerajaan juga telah mengumumkan dasar "angkasa terbuka" yang memberi kemudahan² liberal kapada sharikat² penerbangan yang hendak mendarat, selain dari menggalakkan penerbangan sewa khas datang ka-negeri ini. Pada awal tahun 1971, Kerajaan telah mengechualikan sa-bahagian daripada chukai impot kereta² yang berhawa dingin sebagai satu galakan kapada pelanchongan tempatan dan sharikat² pelanchong.

2. KEMAJUAN PELANCHONGAN

524. Kemungkinan untok memajukan perusahaan pelanchongan di-Malaysia ada-lah baik. Kenderaan² dan kemudahan² untok perjalanan bagi pendudok² tempatan dan pelanchong² dari luar negeri akan bertambah dengan berkembang-nya ekonomi dan bertambah banyak lagi daya² penarek untok pelanchong. Taraf hidup negara yang meningkat akan juga menggalakkan perkembangan lapangan ini.

525. Tambahan bilangan pelanchong antarabangsa yang akan datang ka-Malaysia ada-lah bergantong terutama-nya kapada bertambah-nya jumlah pelanchong² yang datang ka-kawasan Pacific. Jumlah pelanchong yang datang ka-Kawasan Selatan Pasifik dan Oceania ada-lah di-anggarkan bertambah dengan banyak dalam tahun² tujoh pulohan dan lapan pulohan. Sa-perkara lagi yang boleh menggalakkan pelanchong² datang ka-Malaysia ia-lah Bengkel Kerja dan Persidangan Persatuan Pengembara Kawasan Pacific yang akan di-adakan di-Malaysia dalam tahun 1972. Ada-lah di-anggarkan bahawa menjelang tahun 1975 lebeh daripada 170,000 orang pelanchong akan datang ka-Malaysia melaluï udara dan laut. Ini merupakan perkembangan purata sa-banyak 17% sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua berbanding dengan 13.7% sa-tahun dalam tahun² 1966-70.

526. Bilangan pelanchong² yang semakin ramai ka-Malaysia akan memberi galakan yang kuat kapada pehak swasta untok menambahkan pelaboran, bukan sahaja dalam bidang menyediakan kemudahan² tempat menginap,

tetapi juga projek² pelanchongan yang tertentu. Projek² yang utama ia-lah di-Perak (Bukit Maxwell dan Pulau Pangkor), Selangor (Mimaland di-Kuala Lumpur), Pahang (Genting Highlands) dan Johor (Skudai).

527. Kegiatan² sektor awam di-bidang pelanchongan dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua akan menampong kegiatan² pehak swasta. Beberapa buah projek akan di-selenggarakan. Projek² ini termasok-lah pembenaan sa-buah motel di-Trengganu (Rantau Abang, Dungun), mengadakan kemudahan² di-Taman Templer, mendirikan pusat² penerangan pelanchongan di-Pelabohan Swettenham dan Kuala Lumpur dan projek² bagi memajukan lagi Batu Caves, Pulau Tioman (Pahang) dan Bukit Nanas di-Kuala Lumpur. Kerajaan² Negeri akan juga melaksanakan berbagai² projek dengan tujuan menggalakkan perkembangan pelanchongan dalam negeri dan wilayah.

528. Pembangunan perusahaan pelanchongan akan memerlukan lebeh ramai lagi kakitangan yang layak dan mahir, terutama di-hotel² dan restoran². Untok memenohi keperluan² ini, Kerajaan akan mendirikan sa-buah sekolah bagi melateh kakitangan untok restoran² dan hotel².

3. DASAR PELANCHONGAN

529. Kerajaan akan mengambil bahagian yang chergas untok menggalakkan pembangunan yang lebeh pesat dalam perusahaan pelanchongan. Terutama-nya, Kerajaan akan menggalakkan:

(i) ranchangan² untok mengadakan tempat² dan kemudahan² pelanchongan yang membolehkan "lawatan berkeliling" bagi tiap² Negeri, supaya pelanchong² dalam negeri dapat di-galakkan melawat tempat² tertentu lebeh lama lagi dalam masa kelepasan masing²;

(ii) ranchangan² bagi mengadakan tempat² dan kemudahan² pelanchongan di-sepanjang jalan² raya yang besar, untok pelanchong² serantau dan tempatan;

(iii) ranchangan² untok memajukan tempat² dan kemudahan² pelanchongan meliputi kawasan² utara dan selatan Malaysia Barat, dengan tujuan untok menggalakkan perjalanan pelanchong² serantau dan antarabangsa. Galakkan² itu ada-lah berupa lawatan² dengan menggunakan pengangkutan udara dan darat mengikut haluan yang berupa "angka lapan"; dan

(iv) perjalanan dengan pengangkutan udara melaluï Sabah dan Sarawak dan "lawatan berkeliling" dalam tiap[2] negeri untok pelanchong[2] tempatan dan antarabangsa.

530. Strateji untok pembangunan perusahaan pelanchongan ada-lah berdasarkan usaha[2] untok mengambil faedah daripada chorak perjalanan yang ada dengan mengadakan tempat[2] pelanchongan di-kawasan[2] yang telah di-majukan dan juga kawasan[2] yang sedang di-majukan di-semua negeri[2] di-Malaysia. Tujuan-nya ia-lah untok menarek aliran pelanchong[2] dari Australia dan New Zealand yang merentas Asia ka-Eropah, dan aliran lain dari Amerika yang merentas Pasifik ka-Jepun dan Pasifik Barat.

531. Kerajaan akan terus mengkaji kemungkinan[2] pelanchongan dan terus memajukan perkembangan perusahaan ini. Kerajaan juga akan menchari strateji bagi mendorong perkembangan perusahaan ini dengan lebeh berkesan. Usaha[2] ini termasok-lah penubohan Pejabat[2] Penggalakan Pelanchongan Seberang Laut. Satu Perbadanan Pelanchongan yang baharu di-tubohkan akan mementingkan usaha[2] menyelaras perkembangan per-usahaan ini, bukan sahaja di-kalangan sektor awam (di-antara Kerajaan[2] Persekutuan dan Negeri) bahkan juga antara sektor[2] awam dan swasta. Bagi menjamin penyertaan yang sa-imbang oleh semua kaum, Perbadanan ini akan menjalankan projek[2] pelanchongan, menggalakkan projek[2] sektor swasta dan mungkin menyertaï usaha[2] bersama. Perbadanan ini di-jadualkan bertugas dengan sepenoh-nya dalam tahun 1972.

532. Ranchangan[2] membesarkan lapangan[2] terbang serta penubohan sharikat penerbangan negara—Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad—akan dapat mengadakan perhubongan yang baik bagi memudahkan pelanchong[2] antarabangsa dan rantau ini melawat Malaysia, melaluï Kota Kinabalu, sebagai "pintu masok" di-sebelah timor, dan melaluï Pulau Pinang sebagai "pintu masok" di-sebelah barat. Ini akan dapat menarek aliran pelanchongan[2] serantau ka-negeri ini. Juga, melaluï perkhidmatan udara yang di-perlukan, usaha[2] ini akan dapat menggalakkan lagi perkembangan pelanchongan dalam negeri.

IV.—PERLOMBONGAN

533. Kegiatan[2] perlombongan yang besar ia-lah bijeh timah, besi, boksait dan minyak mentah. Keluaran bijeh[2] amang dan mangganis tidak begitu penting. Dari segi nilai tambahan, gunatenaga dan wang tukaran asing, bijeh timah ada-lah merupakan bahan galian yang terpenting sekali.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

534. Nilai tambahan perlombongan di-Malaysia Barat ada-lah berjumlah $301 juta dalam tahun 1960 dan $556 juta dalam tahun 1970. Pada tahun 1965, perusahaan ini telah menchapai nilai tambahan yang tertinggi sa-banyak $587 juta, yang pernah di-chapai. Keluaran bijeh timah padat telah mengalami tambahan terus menerus semenjak tahun 1959, melebehi rekod keluaran selepas perang sa-banyak 75,069 tan dalam tahun 1968. Selepas tahun tersebut keluaran-nya di-dapati kurang dan terus turun kapada 72,630 tan dalam tahun 1970. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, Malaysia telah mengeluarkan kira² 72,200 tan bijeh timah sa-tahun, berbanding dengan kira² 60,000 tan sa-tahun dalam tempoh Ranchangan yang terdahulu. Keluaran bijeh besi telah mula turun selepas tahun 1965, daripada 6.8 juta tan dalam tahun tersebut kapada 4.4 juta tan dalam tahun 1970. Keluaran boksait telah bertambah sa-banyak 2.8% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama.

535. Bilangan pekerjaan dalam lapangan perlombongan telah menchapai kemunchak-nya dalam tahun 1967 apabila lebeh daripada 68,000 orang telah terlibat di-dalam berbagai² kegiatan perlombongan dan kuari. Dari angka ini lebeh daripada 58,000 telah terlibat dalam perlombongan bijeh timah dan 5,500 dalam perlombongan bijeh besi. Walau pun pada masa itu kurang 2.5% daripada tenaga buroh yang bekerja ada-lah terlibat di-dalam perlombongan dan hanya 7% daripada KDNK berasal dari lapangan ini, lebeh daripada 30% daripada nilai ekspot ada-lah keluaran bahan² galian. Dalam pertengahan tahun 1970, bilangan pekerjaan telah menchapai sa-banyak 64,000, jumlah keluaran pula ada-lah sa-banyak 6.5% daripada KDNK dan ekspot bahan² galian merupakan 29% daripada pendapatan ekspot. Dalam tempoh akhir Ranchangan Malaysia Pertama, nilai tambahan dalam lapangan perlombongan telah bertambah, sementara bilangan pekerjaan telah berkurangan.

536. *Bijeh Timah.* Pengeluaran bijeh timah telah bertambah dari 63,670 tan dalam tahun 1965 kapada punchak keluaran sa-banyak 75,069 tan dalam tahun 1968, dan selepas itu keluaran telah turun sedikit. Kadar keluaran purata tahunan yang tinggi ini ada-lah di-sebabkan antara lain oleh kenaikan paras harga purata yang paling pesat mulaï tahun 1964. Berikutan dengan paras harga yang tinggi ini, bilangan lombong² yang menggunakan pam² palong telah bertambah sa-jumlah 400 di-antara tahun² 1964 dan 1966. Ini menyebabkan bahagian pengeluaran bagi lombong² pam berpalong ber-tambah dari 34.3% dalam tahun 1960 kapada 55.2% dalam tahun 1970. Sementara itu, hasil pengeluaran kapal² korek telah kurang dari 53.9%

kapada 32.4% dalam tempoh yang sama. Perlombongan dengan menggunakan kapal korek telah menjadi kurang penting di-sebabkan oleh kekurangan bahan[2] galian di-kawasan[2] yang di-kerjakan.

537. Dalam masa sa-puloh tahun yang lepas, jumlah ekspot bijeh timah telah turun-naik dari sa-tahun ka-satahun. Keluaran[2] yang paling rendah ada-lah sa-banyak 71,663 tan dalam tahun 1964 dan yang paling tinggi ada-lah 91,000 tan dalam tahun 1970. Sa-bahagian besar dari keadaan turun-naik ini ada-lah di-sebabkan oleh kemasokan bijeh timah padat yang tidak tetap dari negara[2] jiran ka-Malaysia untok di-lebor dan di-ekspot sa-mula. Impot bijeh timah padat dari Thailand telah terhenti sejak tahun 1966. Sebalek-nya, impot bijeh timah padat dari Indonesia untok di-leborkan telah bermula sa-mula sejak tahun 1968.

538. *Bijeh Besi*. Dalam tempoh tahun[2] 1960-70, pengeluaran bijeh besi telah menchapai kemunchak keluaran sa-banyak 7.2 juta tan dalam tahun 1963 dan turun kapada 4.4 juta tan dalam tahun 1970. Pada akhir tahun 1970, dua daripada lombong besi yang terbesar, ia-itu di-Rompin dan Dungun, telah di-tutup. Pendapatan tukaran wang asing dari ekspot bijeh besi telah turun kapada $106 juta dalam tahun 1970, ia-itu pendapatan yang paling rendah sejak tahun 1959. Bilangan pekerjaan ada-lah kurang daripada 1,000, berbanding dengan 9,700 dalam tahun 1962 dan lebeh dari 5,500 dalam tahun 1967.

539. *Boksait*. Dalam tempoh sa-puloh tahun yang lalu, pengeluaran boksait telah bertambah sa-banyak satu setengah kali, ia-itu dari 451,958 tan dalam tahun 1960 ka-punchak keluaran sa-banyak 1,121,318 tan dalam tahun 1970, walau pun Lombong Simantan di-Sarawak telah di-tutup di-sebabkan kehabisan bahan ini dalam tahun 1966. Akan tetapi, kadar perkembangan purata tahunan sa-banyak 5.9% dalam tahun[2] 1966-70 ada-lah terlalu rendah daripada kadar sa-banyak 13.3% bagi tahun[2] 1961-65. Dalam tahun 1970 ada tiga buah lombong di-usahakan. Tambahan keluaran yang besar ini, terutama-nya di-sebabkan perkembangan tingkatan pengeluaran lombong[2] di-Malaysia Barat dalam masa lima tahun yang kedua tahun[2] enam-pulohan. Jumlah dan nilai ekspot telah mengikut chorak yang sama. Pendapatan tukaran wang asing dari ekspot boksait telah melebehi $18 juta dalam tahun 1970, berbanding dengan $11 juta dalam tahun 1961. Bilangan pekerjaan telah bertambah dari 256 dalam tahun 1963 kapada 630 dalam tahun 1970.

JADUAL 11-3

PENGELUARAN DAN PEKERJAAN DALAM PERLOMBONGAN, 1960-70

	Malaysia Barat		*Malaysia Timor*
	Nilai tambahan (*$ juta*)	*Pekerjaan** (*000*)	*Nilai tambahan* (*$ juta*)
1960	301	—	—
1961	371	—	—
1962	385	56	—
1963	415	—	—
1964	528	—	—
1965	587	66	—
1966	541	—	—
1967	520	68	10
1968	504	—	12
1969	530	—	21
1970	556	64	27
1966-70:			
Kadar tambahan purata tahunan (%)	–1.1	–0.6	—
Jumlah tambahan ...	– 31	– 2	—

540. *Petrol belum bertapis.* Pada masa ini semua pengeluaran minyak belum bertapis berasal dari Malaysia Timor. Keluaran ada-lah di-dapati kurang daripada 60,000 tan dalam tahun 1960, dan terus beransor turun kapada 45,000 tan dalam tahun 1967. Tetapi, kemudian-nya keluaran telah bertambah dengan chepat-nya dan menchapai hingga 433,000 tan dalam tahun 1969 dan 845,000 tan dalam tahun 1970. Tambahan keluaran yang banyak ini ada-lah di-sebabkan terjumpa-nya satu kawasan minyak di-perayeran pantai di-Lutong Barat, Sarawak, yang telah di-usahakan.

2. KEMAJUAN SEKTOR PERLOMBONGAN

541. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua, aliran yang di-alami dalam masa^2 yang lepas akan berterusan. Pengeluaran bijeh^2 timah dan besi akan menjadi kurang. Keluaran^2 bijeh timah di-jangka berjumlah

* Data^2 yang ada hanya untok tahun^2 kajian dan tahun^2 yang menjadi ukoran.

hanya 70,000 tan, sementara bijeh besi hanya 1.4 juta tan pada tahun 1975. Walau bagaimana pun, keluaran minyak belum bertapis mungkin bertambah dengan banyak-nya, jika kawasan[2] minyak baharu di-jumpaï pada awal tempoh Ranchangan ini.

542. Pengeluaran bijeh timah di-kawasan perayeran pantai dan di-kawasan[2] tanah Simpanan Melayu di-jangka tidak akan memberi sumbangan yang besar bagi menampong kekurangan pengeluaran dalam tempoh tersebut. Walau bagaimana pun, pengeluaran ini mungkin dapat memberi sumbangan yang lebeh berkesan selepas tahun 1975.

543. Paras pengeluaran bijeh timah pada 'am-nya juga akan bergantong kapada paras harga yang berpatutan dan setabil dalam tempoh ini. Kerajaan akan terus menyertaï Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa, yang membolehkan tindakan di-peringkat antarabangsa di-ambil bagi menyetabilkan harga bijeh timah pada paras yang menguntongkan. Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa yang Ke-Empat akan berkuatkuasa mulaï 1hb Julai, 1971, ia-itu setelah tamat-nya Perjanjian yang ada sekarang. Perjanjian[2] ini akan menjamin kesetabilan harga bijeh timah dalam satu lengkongan harga yang di-persetujuï; ini di-jalankan dengan dua chara, ia-itu dengan setok penimbal dan kawalan ekspot. Dengan perjanjian ini, perlombongan di-Malaysia di-beri jaminan sekurang[2]-nya paras harga minima, sebagaimana yang di-tetapkan dalam Perjanjian tersebut. Dengan ini perlombong[2] dapat meranchang pelaboran mereka tanpa keraguan dan ini akan menggalakkan pembangunan perusahaan bijeh timah yang terator di-negara ini.

544. Bilangan pekerjaan dalam sektor perlombongan yang di-anggarkan berjumlah 64,000 dalam tahun 1970 di-jangka akan terus berkurangan hingga kira[2] 60,000 menjelang akhir tempoh Ranchangan ini. Kekurangan ini di-sebabkan terutama sekali oleh penutupan lombong[2] besi.

545. Di-Malaysia Barat bahagian KDNK yang berasal dari sektor perlombongan di-jangka akan kurang dari $556 juta dalam tahun 1970 kapada $484 juta dalam tahun 1975, ia-itu kekurangan kira[2] 13%. Walau pun pengeluaran dan bilangan pekerjaan di-jangkakan akan kurang, pehak swasta di-jangka akan membuat pelaboran berjumlah $300 juta di-Malaysia Barat melaluï pembukaan lombong[2] baharu, penyiasatan di-perayeran pantai dan kegiatan[2] yang lain untok menchari bijeh.

546. Lombong tembaga yang baharu di-Sabah di-jangkakan akan mula memberi hasil dalam tahun² penghujong Ranchangan ini. Sementara itu ada kemungkinan arang batu, timah hitam dan timah sari akan di-jumpaï dan di-lombong sebelum akhir tempoh Ranchangan ini. Kerajaan Persekutuan bersama² dengan Kerajaan² Negeri akan mengambil segala langkah yang perlu untok menggalakkan usaha² menchari bahan² galian dengan lebeh sempurna dan bersunggoh².

547. Masa hadapan perusahaan minyak petrol ada-lah menggalakkan. Dalam tahun 1970, lima sharikat minyak yang telah di-berikan hak menchari simpanan minyak di-kawasan perayeran Malaysia, berdekatan dengan Sabah dan Sarawak, telah pun menjalankan kegiatan² penyiasatan mereka dengan bersunggoh². Penyiasatan di-dua kawasan yang telah di-pajak di-Pantai Timor Malaysia Barat telah juga di-mulakan. Selain daripada itu, sa-buah sharikat minyak telah di-berikan hak untok membuat penyiasatan di-kawasan perayeran Malaysia di-Selat Melaka dalam bulan Januari 1971. Sharikat² lain juga telah menunjokkan keinginan mereka untok menyiasat kawasan ini.

548. Hak milek orang² Melayu dalam perusahaan perlombongan, saperti dalam perusahaan² lain, ada-lah sangat sedikit. Dari jumlah saham modal sharikat² berhad dalam perusahaan melombong pada tahun 1969, hanya 2.4% sahaja yang di-mileki oleh orang² Melayu sementara 33.5% di-mileki oleh ra'ayat Malaysia yang lain dan 64.1% oleh orang² asing. Dalam perusahaan² perlombongan yang lain, lebeh dari 70% saham²-nya ada-lah di-punyaï oleh orang asing.

549. Dari segi pekerjaan pula, hanya 21.4% daripada pekerja² lombong dalam tahun 1967 terdiri dari orang² Melayu, sementara 67.2% terdiri dari orang² China dan 10.3% orang² India.

550. Kebanyakan pekerja² dalam perusahaan perlombongan bijeh besi, ia-itu satu perusahaan yang tidak begitu penting, ada-lah orang² Melayu. Dalam perusahaan perlombongan bijeh timah kira² separoh daripada pekerja² kapal korek ada-lah Melayu, sementara sa-bahagian besar dari pekerja² pam palong terdiri dari orang² China.

551. Langkah² untok menggalakkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam sektor perlombongan ada-lah di-terangkan dalam Bahagian V, Bab X, yang membinchangkan usaha² bagi mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu.